

**ANALISIS PERBANDINGAN PENENTUAN PIAWAIAN  
HALAL ANTARA MALAYSIA, INDONESIA,  
SINGAPURA DAN BRUNEI**

**NORHIDAYAH BINTI PAUZI**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

## **ABSTRAK**

Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei yang merupakan negara MABIMS (The Informal Meeting of Religious Ministries of Brunei, Indonesia, Malaysia and Singapore) telah bekerjasama dalam mengembangkan industri halal ke persada antarabangsa. Namun begitu, timbul isu perbezaan dalam penentuan piawaian halal di keempat-empat negara yang menyebabkan perbezaan status hukum terhadap beberapa isu halal tertentu. Hal ini menyebabkan tercetusnya kekeliruan dalam kalangan industri dan pengguna bahkan mendedahkan kelemahan dalam penyelarasan fatwa di empat-empat negara berkenaan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk menilai faktor perbezaan fatwa kepenggunaan terhadap beberapa isu halal yang tertentu di empat negara tersebut. Seterusnya perbandingan di antara keempat negara tersebut dilakukan khususnya melibatkan penentuan piawaian halal yang diguna pakai bagi setiap negara masing-masing. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan, manakala metode analisis data menggunakan metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara dari sudut fatwa, pengauditan, Sistem Jaminan Halal, piawaian halal dan penguatkuasaan di antara keempat buah negara. Dari aspek fatwa, didapati negara Brunei terikat dengan pengamalan Mazhab Syafii secara ketat dalam penentuan hukum terhadap produk halal. Singapura pula mendahului dalam aspek pengauditan dengan menubuhkan satu badan audit khas bagi tujuan audit halal. Ia dapat membantu mempercepatkan proses pengeluaran sijil halal. Indonesia mempunyai kelebihan Sistem Jaminan Halal yang diterapkan ke dalam setiap kategori syarikat multinasional, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta industri mikro. Ia dapat memelihara imej syarikat serta meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk halal. Dari aspek standard halal, Malaysia telah diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai antara yang terbaik di dunia kerana berjaya menghasilkan manual prosedur dan beberapa standard halal yang tertentu

namun dari sudut penguatkuasaan masih lagi lemah kerana peruntukan undang-undang berkaitan halal masih belum diwujudkan. Akhirnya kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengharmonian piawaian halal di antara negara terbabit sehingga mampu mewujudkan piawaian halal universal.

## **ABSTRACT**

Malaysia, Indonesia, Singapore and Brunei are countries in the MABIMS (The Informal Meeting of Religious Ministries of Brunei, Indonesia, Malaysia and Singapore) council which have collaborated in bringing the halal industry to the international arena. However, differences in the determination of halal standards exist in the four countries which have consequently resulted in the disparity of legal status on a few halal issues. This did not only bring about confusion to the industry and consumers, but also revealed weaknesses in the coordination of fatwa in the four countries. Therefore, this study was conducted to evaluate the factors contribute to the differences in consumerables fatwa on a few halal issues in those countries. Comparison was also made in the determination of halal standards among the four countries. The data gathering methods used in this research were library research and field research whilst the inductive, deductive and comparative methods were used for the data analysis method. The research showed significant differences in areas of fatwa, audit, Halal Assurance System, halal standards and enforcement between the four countries. In the fatwa aspect, it was found that Brunei was bound by the rigidity of the Syafii school of thought in the determination of the halal legal status of a product. Singapore on the other hand has led the rest in the audit aspect whereby it has set up a special body for the purpose of halal auditing. This has helped in speeding up the process of halal certifications. Indonesia has an advantage of a Halal Assurance System which is applied in the Multinational Company, Small and Medium Enterprise (SME) and Micro Industry categories. This has preserved the companies image and enhanced the consumers' confidence level towards the Halal products further. Malaysia has been recognized at the international level as one of the best in the world in the area of halal standards as it has succeeded in producing a procedure manual and a certain number of halal standards but lacked in terms of enforcement as the law regarding halal standards are non-existent. It is hoped that this study is able to

contribute to the harmonization of halal standards in the four countries and subsequently lead to the establishment of a universal halal standard.

University of Malaya

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan rahmatNya kajian penyelidikan berjaya disempurnakan. Sekalung penghargaan kepada Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Universiti Malaya dan Hadiah Latihan SLAB daripada Kementerian Pengajian Tinggi di atas penajaan biasiswa. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Saadan Man, selaku penyelia yang banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat yang membina sepanjang menyiapkan kajian penyelidikan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr. Luqman Hj. Abdullah selaku Ketua Jabatan Fiqh dan Usul dan para pensyarah di jabatan ini yang memberikan sokongan, motivasi kepada penulis.

Jutaan terima kasih kepada Pauzi Dollah, Safiah Awang Seman, Mohammad Farhan Ahmad dan Nur Qaisarah Humaira' di atas doa, sokongan dan semangat yang diberikan bagi meneruskan pengajian hingga jayanya. Tidak dilupakan buat ahli keluarga tercinta, Noraziah Pauzi, Ahmad Sanuzi Pauzi, Allahyarhamah Norfarahiyah Pauzi, Nortamziah Pauzi, Ahmad Fakrul Azizi Pauzi, Ahmad Hafizi Pauzi dan Ahmad Hafiz Tirmizi Pauzi, Allahyarham Ahmad Abdul Hamid, Rashidah Mohd Aris, Izyan Hazwani Ahmad, Nur Zalikha Ahmad, Nadrah Ahmad, Nadirah Ahmad dan Nasihah Ahmad. Ribuan terima kasih kepada panel-panel penemu bual serta teman seperjuangan di atas segala saranan dan kerjasama baik yang diberikan. Jasa kalian amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Norhidayah binti Pauzi  
Jabatan Fiqh dan Usul  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
19 Oktober 2016

## **JADUAL KANDUNGAN**

|                                    |       |
|------------------------------------|-------|
| ABSTRAK.....                       | iii   |
| ABSTRACT.....                      | v     |
| PENGHARGAAN.....                   | vii   |
| JADUAL KANDUNGAN.....              | viii  |
| SENARAI GAMBAR RAJAH.....          | xiii  |
| SENARAI JADUAL.....                | xiv   |
| SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN.....  | xvi   |
| SENARAI LAMPIRAN .....             | xviii |
| SENARAI TRANSLITERASI.....         | xix   |
| BAB 1: PENGENALAN.....             | 1     |
| 1.1 Pendahuluan.....               | 1     |
| 1.2 Latar Belakang Kajian.....     | 1     |
| 1.3 Permasalahan Kajian.....       | 4     |
| 1.4 Persoalan Kajian.....          | 8     |
| 1.5 Objektif Kajian.....           | 9     |
| 1.6 Kepentingan Kajian.....        | 9     |
| 1.7 Skop Kajian.....               | 10    |
| 1.8 Sorotan Literatur.....         | 11    |
| 1.9 Metodologi Kajian.....         | 32    |
| 1.9.1 Metode Pengumpulan Data..... | 32    |
| 1.9.2 Metode Analisis Data.....    | 36    |
| 1.10 Sistematika Penulisa.....     | 37    |

|  |           |
|--|-----------|
| BAB 2: KONSEP MAKANAN, FARMASEUTIKAL DAN KOSMETIK DALAM PENENTUAN PIAWAIAN HALAL DI MALAYSIA, INDONESIA, SINGAPURA DAN BRUNEI..... | 39        |
| 2.1 Pendahuluan .....  | 39        |
| 2.2 Takrifan Halal, Haram dan Syubhah.....   | 40        |
| 2.2.1 Definisi Halal.....  | 40        |
| 2.2.2 Definisi Haram.....  | 46        |
| 2.2.3 Definisi Syubhah.....  | 49        |
| 2.3 Makanan dan Minuman Halal.....   | 52        |
| 2.3.1 Definisi Makanan.....  | 52        |
| 2.3.2 Makanan Yang Dikategorikan Sebagai Halal.....  | 56        |
| 2.3.3 Makanan Yang Dikategorikan Sebagai Haram.....  | 61        |
| 2.3.4 Minuman Yang Dikategorikan Sebagai Halal dan Haram.....  | 67        |
| 2.4 Farmaseutikal Halal.....   | 69        |
| 2.4.1 Kategori Ubat.....   | 72        |
| 2.5 Kosmetik Halal.....  | 76        |
| 2.5.1 Bahan Asas Kosmetik.....   | 78        |
| 2.6 Prinsip-prinsip Umum Penentuan Halal dan Haram Dalam Islam.....  | 81        |
| 2.7 Beberapa Konsep Fiqh Berkaitan Halal.....  | 88        |
| 2.7.1 Konsep <i>Istihalah</i> Dalam Kepenggunaan Semasa.....   | 88        |
| 2.7.2 Prinsip Islam Berhubung Penggunaan Bahan Tidak Halal Dalam Ubat-ubatan Sebagai Rawatan Penyakit.....                         | 93        |
| 2.8 Penutup.....   | 97        |
| <b>BAB 3: PROSEDUR PENSIJILAN DAN PIAWAIAN HALAL DI MALAYSIA, INDONESIA, SINGAPURA DAN BRUNEI.....</b>                             | <b>99</b> |
| 3.1 Pendahuluan .....  | 99        |
| 3.2 Prosedur Pensijilan Halal dan Piawaian Halal Di Malaysia.....  | 99        |

|  |     |
|--|-----|
| 3.2.1 Perkembangan Badan Pensijilan Halal.....   | 100 |
| 3.2.2 Prosedur Pengeluaran Sijil Halal.....  | 102 |
| 3.2.3 Piawaian Halal Yang Dibangunkan.....   | 108 |
| 3.3 Prosedur Pensijilan Halal dan Piawaian Halal Di Indonesia.....   | 112 |
| 3.3.1 Perkembangan Badan Pensijilan Halal.....   | 112 |
| 3.3.2 Prosedur Pengeluaran Sijil Halal.....  | 115 |
| 3.3.3 Piawaian Halal Yang Dibangunkan.....   | 119 |
| 3.4 Prosedur Pensijilan Halal dan Piawaian Halal Di Brunei.....  | 122 |
| 3.4.1 Perkembangan Badan Pensijilan Halal.....   | 122 |
| 3.4.2 Prosedur Pengeluaran Sijil Halal.....  | 125 |
| 3.4.3 Piawaian Halal Yang Dibangunkan.....   | 128 |
| 3.5 Prosedur Pensijilan Halal dan Piawaian Halal Di Singapura.....   | 130 |
| 3.5.1 Perkembangan Badan Pensijilan Halal.....   | 130 |
| 3.5.2 Prosedur Pengeluaran Sijil Halal.....  | 132 |
| 3.5.3 Piawaian Halal Yang Dibangunkan.....   | 136 |
| 3.6 Penutup.....   | 138 |
| <b>BAB 4: PERBANDINGAN TERHADAP PENENTUAN PIAWAIAN HALAL</b>   |     |
| ANTARA MALAYSIA, INDONESIA, SINGAPURA DAN BRUNEI.....  | 140 |
| 4.1 Pendahuluan.....   | 140 |
| 4.2 Faktor Perbezaan Fatwa Kepenggunaan Sebagai Sumber Rujukan Dalam Piawaian Halal Antara Empat Negara..... | 140 |
| 4.2.1 Kerajaan dan Agama.....  | 144 |
| 4.2.2 ‘Urif .....  | 155 |
| 4.2.3 Maṣlahah.....  | 162 |
| 4.3 Jadual Menunjukkan Sejauh Mana Faktor Perbezaan Fatwa Kepenggunaan Di                                    |     |

|  |     |
|--|-----|
| Empat Negara Mempengaruhi Kepada Perbandingan Penentuan Piawaian Halal Serta Memberikan Implikasi Kepada Pengesahan Halal Indonesia, Singapura dan Brunei Bagi Produk Yang Diimport Ke Malaysia..... | 170 |
| 4.4 Analisis Perbandingan Terhadap Penentuan Piawaian Halal Antara Empat Negara....  | 177 |
| 4.4.1 Persamaan Piawaian Halal Antara Empat Negara.....  | 178 |
| 4.4.1.1 Definisi makanan halal, kosmetik halal dan farmaseutikal halal yang jelas.....   | 178 |
| 4.4.1.2 Kecekapan prosedur penilaian audit.....  | 183 |
| 4.4.1.3 Ketelitian prosedur pensampelan dan analisis makmal.....   | 185 |
| 4.4.2 Perbezaan Piawaian Halal Antara Empat Negara.....  | 192 |
| 4.4.2.1 Perbezaan kriteria sumber bahan.....   | 192 |
| 4.4.2.2 Perbezaan kadar alkohol dalam makanan dan minuman.....   | 206 |
| 4.4.2.3 Perbezaan penentuan hukum terhadap konsep <i>istihālah</i> .....   | 215 |
| 4.4.2.4 Perbezaan prosedur sembelihan haiwan.....  | 223 |
| 4.4.2.5 Perbezaan pengurusan kualiti halal.....  | 236 |
| 4.4.3 Kelebihan dan Kelemahan Piawaian Halal Antara Empat Negara.....  | 240 |
| 4.4.3.1 Standard halal Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai antara yang terbaik di dunia.....  | 240 |
| 4.4.3.2 Penerapan Sistem Jaminan Halal menjamin status produk halal.....   | 242 |
| 4.4.3.4 Pelaksanaan undang-undang berkaitan halal dapat memastikan berlakunya kepatuhan terhadap terma dan syarat pensijilan.....  | 247 |
| 4.5 Implikasi Pengesahan Halal Indonesia, Singapura dan Brunei Bagi Produk Yang Diimport Ke Malaysia.....  | 250 |
| 4.6 Penutup.....   | 254 |

## BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

|                         |     |
|-------------------------|-----|
| 5.1 Pendahuluan .....   | 256 |
| 5.2 Dapatan Kajian..... | 257 |
| 5.3 Cadangan.....       | 275 |
| 5.4 Penutup.....        | 281 |
| RUJUKAN.....            | 282 |
| LAMPIRAN.....           | 302 |

## **SENARAI GAMBAR RAJAH**

|   |     |
|---|-----|
| Rajah 1.1: Struktur Konsep <i>Istihālah</i> .....   | 92  |
| Rajah 3.1: Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.....  | 302 |
| Rajah 3.2: Logo Halal Malaysia.....                 | 107 |
| Rajah 3.3: Prosedur Pensijilan Halal Indonesia..... | 305 |
| Rajah 3.4: Logo Halal Indonesia.....                | 118 |
| Rajah 3.5: Prosedur Pensijilan Halal Brunei.....    | 310 |
| Rajah 3.6: Logo Halal Brunei.....                   | 128 |
| Rajah 3.7: Prosedur Pensijilan Halal Singapura..... | 312 |
| Rajah 3.8: Logo Halal Singapura.....                | 135 |

## SENARAI JADUAL

|  |     |
|--|-----|
| Jadual 3.1: Fi Pensijilan Industri Pengeluar Produk.....   | 303 |
| Jadual 3.2: Fi Pensijilan Rumah Sembelih.....  | 303 |
| Jadual 3.3: Fi Pensijilan Premis Makanan.....  | 303 |
| Jadual 3.4: Fi Pensijilan Logistik.....  | 304 |
| Jadual 3.5: Fi Sertifikat Halal Industri Pemprosesan.....  | 307 |
| Jadual 3.6: Fi Sertifikat Halal Produk Flavor.....   | 308 |
| Jadual 3.7: Fi Sertifikat Halal Restoran.....  | 308 |
| Jadual 3.8: Fi Sertifikat Halal Rumah Potong Haiwan.....   | 308 |
| Jadual 3.9: Fi Sertifikat Halal Industri Kecil.....  | 309 |
| Jadual 3.10: Waktu Pembayaran Fi Pensijilan Halal Brunei.....  | 311 |
| Jadual 3.11: Fi Pensijilan Permohonan Normal dan Ekspres.....  | 313 |
| Jadual 3.12: Fi Pensijilan Rumah Sembelihan Ayam.....  | 313 |
| Jadual 3.13: Fi Pensijilan Kemudahan Penyimpanan.....  | 314 |
| Jadual 3.14: Fi Pensijilan <i>Endorsement of Certified Products</i> .....  | 314 |
| Jadual 3.15: Fi Pensijilan Katering/ Dapur Pusat.....  | 315 |
| Jadual 3.16: Fi Pensijilan Makanan Runcit.....   | 316 |
| Jadual 3.17: Fi Pensijilan Produk.....   | 319 |
| Jadual 3.18: Fi Pensijilan Pemprosesan Produk.....   | 320 |
| Jadual 4.1: Perbezaan Kerajaan dan Agama Empat Negara.....   | 149 |
| Jadual 4.2: Perbezaan Terhadap Penggunaan Unsur Haiwan Yang Haram Dalam Produk Kosmetik Antara Malaysia dan Indonesia..... | 158 |
| Jadual 4.3: Perbezaan Terhadap Penggunaan Pelalian Vaksin Meningococcal Meningitis Antara Malaysia dan Indonesia.....      | 165 |
| Jadual 4.4: Faktor Perbezaan Fatwa Kepenggunaan Antara Empat Negara.....   | 171 |
| Jadual 4.5: Persamaan Piawaian Halal Antara Empat Negara.....  | 172 |

|   |     |
|---|-----|
| Jadual 4.6: Perbezaan Piawaian Halal Antara Empat Negara.....   | 173 |
| Jadual 4.7: Kelebihan dan Kelemahan Piawaian Halal Antara Empat Negara.....                                       | 176 |
| Jadual 4.8: Implikasi Pengesahan Halal Indonesia, Brunei dan Singapura Bagi Produk Yang Diimport ke Malaysia..... | 177 |
| Jadual 4.9: Perbezaan Produk Mentega Golden Churn Antara Malaysia dan Brunei.....                                 | 188 |
| Jadual 4.10: Perbezaan Sumber Bahan Antara Malaysia dan Brunei.....   | 194 |
| Jadual 4.11: Perbezaan Sumber Bahan Antara Malaysia dan Brunei.....   | 202 |
| Jadual 4.12: Perbezaan Peratusan Alkohol dalam Makanan dan Minuman Antara Empat Negara.....                       | 210 |
| Jadual 4.13: Perbezaan Penentuan Hukum Konsep <i>Istihālah</i> Antara Empat Negara.....                           | 218 |
| Jadual 4.14: Perbezaan Prosedur Sembelihan Haiwan Antara Empat Negara.....  | 224 |
| Jadual 4.15: Perbezaan Pengurusan Kualiti Halal Antara Empat Negara.....  | 236 |

## SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

|                  |   |
|------------------|---|
| AMLA.....        | <i>Administration of Muslim Law Act 1968</i>                              |
| Badan POM.....   | Badan Pengawasan Obat dan Makanan   |
| Bhd. ....        | Berhad  |
| BKMH.....        | Bahagian Kawalan Makanan Halal  |
| DPR-RI.....      | Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia                                |
| DSM.....         | Jabatan Standard Malaysia   |
| ed. ....         | Edisi atau cetakan buku   |
| ed.,.....        | Nama editor   |
| et al. ....      | Singkatan beberapa nama penulis buku selain daripada penulis pertama      |
| GHP .....        | <i>Good Hygeine Practice</i>  |
| GMP .....        | <i>Good Manufacturing Practice</i>  |
| HACCP .....      | <i>Hazard Analisis Critical Control Point</i>                             |
| HDC .....        | <i>Halal Industry Development Corporation</i>                             |
| Ibid. ....       | Rujukan yang sama disebut seperti sebelumnya (rujukan berturut)           |
| IMP .....        | <i>Islamic Manufacturing Practice</i>                                     |
| ISO .....        | <i>International Standard Organisation</i>                                |
| JAIN .....       | Jabatan Agama Islam Negeri  |
| JAKIM .....      | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia   |
| JPH .....        | Kementerian Perkhidmatan Haiwan   |
| JPV .....        | Jabatan Perkhidmatan Veterinar  |
| KDRM .....       | Jabatan Kastam Diraja Malaysia  |
| KKM .....        | Kementerian Kesihatan Malaysia  |
| KPDN & HEP ..... | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna               |
| KPDNKK .....     | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan           |
| LPPOMMU.....     | Lembaga Pengkajian Pangan Ubat-obatan dan Makanan Majelis Ulama Indonesia |

|           |   |
|-----------|---|
| MAIN      | Majlis Agama Islam Negeri                                   |
| MAMPU     | Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia |
| MOSTI     | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi                    |
| MoU       | <i>Memorandum of Understanding</i>                          |
| MUI       | Majlis Ulama Indonesia                                      |
| MUIB      | Majlis Agama Islam Brunei                                   |
| MUIS      | Majlis Agama Islam Malaysia                                 |
| no.       | Nombor  |
| OIC       | <i>Organisation of Islamic Cooperation</i>                  |
| QC        | <i>Quality Control</i>                                      |
| RUU JPH   | Rancangan Undang-Undang Jaminan Produk Halal                |
| SAW       | Šalla Allāh ‘Alayh wa Sallam                                |
| SJH       | Sistem Jaminan Halal  |
| SJHM 2011 | Garis Panduan Sistem Jaminan Halal Malaysia 2011            |
| SOP       | <i>Standard Operating Procedure</i>                         |
| SPHM      | Sijil Pengesahan Halal Malaysia                             |
| SWT       | Subḥanahu wa Ta‘alā   |
| t.p.      | Tanpa penerbit  |
| t.t.      | Tanpa tarikh  |
| t.tp.     | Tanpa tempat  |
| terj.     | Terjemahan  |
| TQM       | <i>Total Quality Management</i>                             |

## **SENARAI LAMPIRAN**

|                 |                                     |
|-----------------|-------------------------------------|
| Lampiran A..... | Prosedur Pensijilan Halal Malaysia  |
| Lampiran B..... | Fi Pensijilan Malaysia              |
| Lampiran C..... | Prosedur Sertifikat Halal Indonesia |
| Lampiran D..... | Fi Pensijilan Indonesia             |
| Lampiran E..... | Prosedur Pensijilan Halal Brunei    |
| Lampiran F..... | Fi Pensijilan Brunei                |
| Lampiran G..... | Prosedur Pensijilan Halal Singapura |
| Lampiran H..... | Fi Pensijilan Singapura             |
| Lampiran I..... | Soalan Temu Bual Malaysia           |
| Lampiran J..... | Soalan Temu Bual Indonesia          |
| Lampiran K..... | Soalan Temu Bual Singapura          |
| Lampiran L..... | Soalan Temu Bual Brunei             |

## SENARAI TRANSLITERASI

(a) Konsonan

| Arab | Roman |
|------|-------|
| ا، ؤ | a, ’  |
| ب    | b     |
| ت    | t     |
| ث    | th    |
| ج    | j     |
| ح    | h     |
| خ    | kh    |
| د    | d     |
| ذ    | dh    |
| ر    | r     |
| ز    | z     |
| س    | s     |
| ش    | sh    |
| ص    | ṣ     |
| ض    | ḍ     |
| ط    | ṭ     |
| ظ    | ẓ     |
| ع    | ‘     |
| غ    | gh    |
| ف    | f     |
| ق    | q     |
| ك    | k     |

| Arab | Roman |
|------|-------|
| ل    | l     |
| م    | m     |
| ن    | n     |
| ه    | h     |
| و    | w     |
| ي    | y     |
| ة    | h,t   |

(b) Vokal

| Vokal Pendek | Transliterasi | Contoh  | Transliterasi |
|--------------|---------------|---------|---------------|
| —́           | a             | قَنَتَ  | <i>qanata</i> |
| —̄           | i             | سَلِيمٌ | <i>salima</i> |
| —̄́          | u             | جُعْلٌ  | <i>ju'ila</i> |

| Vokal Panjang | Transliterasi | Contoh         | Transliterasi     |
|---------------|---------------|----------------|-------------------|
| ا، ى          | ā             | كُبْرَى، بَابٌ | <i>bāb, kubrā</i> |
| ي             | ī             | وَكِيلٌ        | <i>wakīl</i>      |
| و             | ū             | سُورَةُ        | <i>sūrah</i>      |

(c) Diftong

| Diftong | Transliterasi | Contoh    | Transliterasi     |
|---------|---------------|-----------|-------------------|
| و́—́    | aw            | قَوْلٌ    | <i>qawl</i>       |
| ي́—́    | ay            | خَيْرٌ    | <i>khayr</i>      |
| و́—́    | uww           | قُوَّةٌ   | <i>quwwah</i>     |
| ي́—́    | iy, ī         | عَرَبِيٌّ | <i>'arabiyy/ī</i> |

## BAB 1: PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Perkembangan industri halal dunia semakin meningkat setiap tahun bukan hanya di negara-negara Islam seperti Dubai (United Arab Emirates), Turki dan Arab Saudi bahkan negara-negara bukan Islam seperti Thailand, Singapura, Jepun, Amerika dan Australia telah mula memberi perhatian dan penekanan ke atas pengeluaran produk-produk halal mereka sendiri bagi memenuhi permintaan global yang tinggi. Negara-negara ini menyedari akan peluang yang sangat luas dalam industri halal dan telah mula memberi bantuan dalam membangunkan produk halal keluaran pemain-pemain industri kecil dan sederhana untuk meningkatkan pengeluaran dan pengeksportan ke luar negara.<sup>1</sup> Oleh sebab itu, bab ini akan membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, diikuti persoalan kajian, objektif kajian yang ingin dicapai, skop kajian, kepentingan kajian, sorotan literatur dan pemilihan metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian ini.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Dewasa ini, industri halal merupakan antara industri yang pesat berkembang di peringkat global. Nilai dagangan antarabangsa bagi industri ini telah mencecah USD 50 bilion setahun (RM190 bilion) dengan jangkaan nilai dagangannya meningkat bagi setiap tahun berikutnya. Dari segi prospek permintaan dan penawaran pasaran pula, permintaan pengeluaran produk halal dilihat sangat tinggi berbanding permintaan ke atas pengeluaran-pengeluaran domestik dan antarabangsa yang lain, ianya banyak didorong oleh faktor nisbah pertumbuhan populasi penduduk beragama Islam yang begitu ketara. Bukti jelas menunjukkan faktor pertumbuhan populasi penduduk beragama Islam menjadi faktor

---

<sup>1</sup> “MIHAS Luas Pasaran Eksport Halal,” *Sinar Harian*, 18 Mac 2015, 11.

permintaan produk halal begitu pesat berkembang di negara-negara yang menganggotai *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN). Populasi penduduk beragama Islam di rantau ASEAN mengikut kajian telah mencecah sebanyak 254 juta penduduk. Pecahan nisbah peratusan populasi jumlah penduduk beragama Islam ke atas bukan Islam di setiap negara-negara anggota ASEAN telah didahului oleh Indonesia sebanyak 88%, diikuti Malaysia 60.4%, Brunei Darussalam 67 %, Singapura 16 %, Thailand 10% dan Filipina 5%.<sup>2</sup>

Pengaruh ASEAN dalam pasaran ekonomi dunia juga dilihat amat signifikan dengan komposisi kuasa ekonomi ASEAN berada di kedudukan ketujuh (vii) di dunia dan kedudukan ketiga (iii) di peringkat Asia. Selain itu, kedudukan pertumbuhan populasi penduduk ASEAN juga telah berada di kedudukan ketiga (iii) terbesar di dunia iaitu sebanyak 662 juta penduduk di belakang China (1,367 juta) dan India (1,259 juta).<sup>3</sup> Di sini jelas menunjukkan bahawa pertumbuhan pesat industri halal di ASEAN bakal memberi pengaruh besar di peringkat global.

Melihat kepada nilai dagangan industri halal yang berkembang pesat di peringkat global dan ASEAN khasnya, permintaan ke atas produk halal bukanlah satu perkara yang asing. Negara-negara yang terlibat dalam industri halal dilihat bersaing secara sihat mewujudkan badan-badan pensijilan halal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa demi memenuhi dan menyokong tadbir urus industri halal bagi tujuan kemudahan pihak industri dan pengguna. Bagi memenuhi kemudahan tersebut, negara-negara yang telah memiliki badan-badan pensijilan halal yang diiktiraf amat memerlukan tadbir urus halal yang teratur untuk tujuan mendapatkan keyakinan yang kukuh daripada pihak industri dan pengguna.

<sup>2</sup> Mohd Ali Mohd Noor, "Kecekapan Relative dan Potensi Daya Saing IKS Makanan Halal," laman sesawang *Universiti Kebangsaan Malaysia*, dicapai 27 November 2015, <http://www.ukm.my/hairun>.

<sup>3</sup> The ASEAN Secretariat, *A Blueprint for Growth ASEAN Economic Community 2015: Progress and Key Achievements* (Indonesia: Jakarta, 2015), 13.

Tadbir urus yang teratur ini perlu dibuktikan dengan kewujudan pembangunan standard-piawaian halal sebagai rujukan utama di dalam aktiviti pensijilan halal oleh badan-badan pensijilan yang diiktiraf.

Di ASEAN terdapat empat (iv) negara anggota yang telah bekerjasama menubuhkan dan menganggotai sebuah jawatankuasa mesyuarat yang dinamakan sebagai MABIMS (*The Informal Meeting of Religious Ministries of Brunei, Indonesia, Malaysia and Singapore*). Peranan dan sumbangan MABIMS adalah memastikan kawalan seliaan ke atas semua produk dan barang gunaan Islam dijamin halalnya melalui badan-badan/jabatan-jabatan yang wujud di setiap empat negara tersebut iaitu Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (1974); Indonesia melalui Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika (LPPOM MUI) (1989), Singapura melalui Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) (1978) dan Brunei melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) (1997).

JAKIM, LPPOM MUI, MUIS dan MUIB memainkan peranan penting dalam mengembangkan industri halal di peringkat tempatan dan antarabangsa. Badan-badan pensijilan halal ini sentiasa berhadapan dengan kekangan dalam menyeragamkan piawaian halal secara global. Antara kekangan utama adalah mewujudkan akta yang berkaitan halal di mana meskipun memiliki undang-undang berkaitan makanan dan barang gunaan tetapi peruntukan perundangan yang sedia ada terdapat di bawah peruntukan kementerian yang berbeza yang menyebabkan penguatkuasaan sukar dijalankan secara berkesan. Di samping itu, sumber tenaga kerja yang terhad menyebabkan tadbir urus halal sukar dilaksanakan sepenuhnya menyebabkan sijil halal mengambil tempoh masa yang lama untuk diterbitkan dan ada segelintir peniaga-peniaga mengeluh kerana kesukaran mendapatkan sijil halal. Kesukaran ini memaksa mereka menunggu dalam tempoh yang terlalu lama bagi

memperoleh sijil halal sehingga ada di antara mereka mengambil jalan mudah dengan menyalahgunakan logo halal.<sup>4</sup>

Selain daripada itu, terdapat perbezaan dalam penentuan piawaian halal yang diaplikasikan di empat negara khususnya melibatkan beberapa produk makanan, minuman, kosmetik dan perubatan. Misalnya, penggunaan alkohol dalam makanan dan minuman, produk mentega jenama *Pure Creamy Butter Golden Churn Butter*, penggunaan cuka wain dalam industri pemprosesan makanan, status kesucian ikan yang diberikan makanan tidak halal, suntikan pelalian vaksin Meningococcal Meningitis dan penggunaan anggota atau unsur haiwan yang haram untuk produk kosmetik. Perbezaan ini telah menimbulkan kefahaman yang pelbagai dalam kalangan penggiat industri halal dan pengguna yang beragama Islam.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Tidak dapat dinafikan bahawa sektor industri halal mendapat permintaan yang tinggi dan dijangka menjadi sektor pertumbuhan ekonomi baru di masa hadapan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam penentuan piawaian halal yang diaplikasikan di antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei khususnya melibatkan beberapa produk makanan dan minuman, produk kosmetik dan produk perubatan.

Misalnya, isu penggunaan alkohol dalam makanan dan minuman. Malaysia telah memutuskan bahawa minuman ringan yang diproses atau dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum. Bagi makanan dan minuman yang mengandungi bahan perisa dan pewarna yang

---

<sup>4</sup> Siti Zubaidah Mat Isa dan Mohamad Hafizi Mohd Said, “Sukarkah mendapat sijil halal?,” laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 15 Disember 2015, <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/sukarkah-mendapat-sijil-halal-1.274855>.

mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan boleh digunakan sekiranya alkohol bukan dihasilkan daripada proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir adalah tidak memabukkan serta kadar alkoholnya tidak melebihi 0.5%.<sup>5</sup> Manakala, Indonesia memutuskan bahawa penggunaan alkohol pada proses pembuatan makanan dan minuman dibolehkan dengan kadar alkoholnya tidak melebihi 1% dan produk akhir dengan kadar alkoholnya 0.0%.<sup>6</sup> Di Singapura pula, kadar alkohol yang dibenarkan dalam makanan (yang digunakan sebagai bahan pelarut) adalah kurang daripada 0.5%<sup>7</sup> dan di Brunei, penggunaan alkohol dalam produk makanan dan minuman tidak dibenarkan iaitu 0.0%.<sup>8</sup>

Seterusnya, isu penggunaan cuka wain dalam makanan. Cuka wain sering kali digunakan dalam masakan terutamanya di premis makanan dan perhotelan. Malaysia memutuskan bahawa penggunaan cuka wain yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar adalah haram digunakan dalam kalangan industri makanan sedangkan cuka wain yang terhasil secara semula jadi adalah halal dan boleh digunakan.<sup>9</sup> Manakala, Indonesia memutuskan bahawa penggunaan cuka wain yang terhasil secara semula jadi atau diproses dengan bahan-bahan luar adalah halal dan suci untuk digunakan.<sup>10</sup>

Seterusnya, isu status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal. Tidak dapat dinafikan bahawa amalan memberikan makanan yang tidak halal kepada haiwan ternakan

<sup>5</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-Ubatan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 20 Januari 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>.

<sup>6</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika, *HAS 23201-Pensyaratian Bahan Pangan Halal* (Majelis Ulama Indonesia: Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika, 2012), 8.

<sup>7</sup> Majlis Ugama Islam Singapura, “Penggunaan Ethanol Asli Dalam Penghasilan Perisa Halal”, laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai 26 Januari 2014, <https://www.muis.gov.sg/cms/oomweb/fatwa.aspx?id=14402>.

<sup>8</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Penggunaan Alkohol dalam Makanan, Siri Fatwa (09/2010).

<sup>9</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain)”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 9 November 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-wine-vinegar-cuka-wain>.

<sup>10</sup> Sekretariat Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sejak 1975* (Jakarta: Sekretariat Majelis Ulama Indonesia, 2011), 699.

masih lagi dipraktikkan oleh segelintir penternak haiwan akuatik di dalam dan luar negara. Malaysia memutuskan bahawa ikan yang diternak dalam kolam ternakan adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara dalam air najis atau sengaja diberikan makan najis.<sup>11</sup> Manakala Brunei pula memutuskan bahawa hukum memakan ikan yang diberikan makanan yang tidak halal adalah makruh.<sup>12</sup>

Seterusnya, isu penggunaan produk mentega jenama *Pure Creamy Butter Golden Churn Butter*. *Golden Churn* telah diharamkan penggunaannya di Malaysia<sup>13</sup> manakala di Brunei pula produk mentega ini disahkan halal menurut hukum syarak.<sup>14</sup> Situasi ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna dan penggiat industri halal khususnya kepada industri pembuatan kek lapis Sarawak. Bahkan industri pembuatan kek lapis Sarawak turut mengalami kerugian yang berpunca daripada ramai pelanggan menarik diri dan membatalkan tempahan kek lapis Sarawak setelah ia disahkan haram di Malaysia.<sup>15</sup>

Seterusnya, isu suntikan pelalian vaksin Meningitis ke atas jemaah haji dan umrah. Vaksin Meningitis wajib diberikan ke atas jemaah haji dan umrah sebagai perlindungan dan pencegahan terhadap penyakit Meningococcal Meningitis. Indonesia telah mengharamkan penggunaan vaksin Meningitis kerana ia mengandungi sumber daripada babi.<sup>16</sup> Walau

<sup>11</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Status Kesucian Yang Diberi Makanan Tidak Halal”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 12 Oktober 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/status-kesucian-ikan-yang-diberi-makanan-tidak-halal>.

<sup>12</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, “Makan Ikan Yang Diberi Makan Najis”, Siri Fatwa (35/2006).

<sup>13</sup> Berita Harian, “JAKIM Sahkan Mentega *Golden Churn* Haram,” *Berita Harian*, dicapai 16 Ogos 2011, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/JAKIMsahkanmentegaGoldenChurnharam/Article/>.

<sup>14</sup> Kementerian Hal Ehwal Islam Negeri Brunei Darussalam , “Kenyataan Media Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam Mengenai Produk *Golden Churn Pure Creamery Butter*,” laman sesawang *Kementerian Hal Ehwal Islam Negeri Brunei Darussalam*, dicapai 12 Oktober 2013, [http://www.religiousaffairs.gov.bn/index.php?ch=bm\\_resc&pg=bm\\_resc\\_arkib&ac=3129](http://www.religiousaffairs.gov.bn/index.php?ch=bm_resc&pg=bm_resc_arkib&ac=3129).

<sup>15</sup> Berita Harian, “Gerbang Negeri: Isu Mentega *Golden Churn* Jejas Imej Kek Lapis Sarawak,” *Berita Harian*, dicapai 24 Ogos 2011, [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/GerbangNegeri\\_IsumentegaGoldenChurnjejasimejkekapisSarawak/Article/](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/GerbangNegeri_IsumentegaGoldenChurnjejasimejkekapisSarawak/Article/).

<sup>16</sup> Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Penggunaan Vaksin Meningitis Bagi Jemaah Haji dan Umrah, Nomor: 06 Tahun 2010, Majelis Ulama Indonesia.

bagaimanapun, Malaysia memutuskan bahawa pengambilan vaksin Meningitis adalah harus kerana vaksin Meningitis tidak mengandungi bahan daripada sumber haiwan kecuali laktosa daripada susu lembu.<sup>17</sup> Hal ini mencetuskan kebimbangan dalam kalangan jemaah haji dan umrah di seluruh dunia.

Seterusnya, isu penggunaan anggota atau unsur haiwan yang haram dalam produk kosmetik. Malaysia memutuskan bahawa produk kosmetik yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memberikan kemudaran kepada manusia adalah haram digunakan.<sup>18</sup> Sebaliknya, Indonesia mengharuskan penggunaan produk kosmetik yang dihasilkan daripada bahan najis (kecuali babi) untuk digunakan sebagai perhiasan di luar tubuh badan bagi penggunaan luaran tubuh badan.<sup>19</sup>

Berdasarkan kepada isu-isu halal di atas, menunjukkan bahawa perbezaan piawaian halal di empat negara menyebabkan perbezaan status hukum terhadap produk-produk yang berkenaan. Hal ini mendedahkan kepada kelemahan dalam penyelarasan fatwa yang dilaksanakan institusi fatwa di empat buah negara tersebut kerana ia menyentuh kepentingan nasional serta melibatkan isu dan permasalahan yang sama. Kelemahan dalam penyelarasan fatwa di empat negara juga membuka kepada kritikan awam di mana fatwa dilihat umum sebagai lemah dan kewibawaan institusi fatwa boleh dipertikaikan.

---

<sup>17</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Suntikan Pelalian Vaksin Meningococcal Meningitis Oleh Orang Islam”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 9 November 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/suntikan-pelalian-vaksin-meningococcal-meningitis-oleh-orang-islam>.

<sup>18</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Hukum Penggunaan Anggota atau Unsur Haiwan yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing dan Babi untuk Tujuan Kosmetik”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 12 Oktober 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-anggota-atau-unsur-haiwan-yang-haram-dimakan-selain-daripada-anjin>.

<sup>19</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), *Indonesia Halal Directory 2014-2015* (Kota Bogor: Global Halal Center Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, 2015), 83.

Selain daripada itu, dalam tatacara piawaian halal di empat negara Indonesia dengan tegas tidak akan membenarkan mana-mana produk halal diimport ke Indonesia kecuali setelah diaudit semula oleh LPPOM MUI. Malahan terdapat beberapa syarikat besar di Malaysia yang telah mendapat akreditasi sijil halal JAKIM tidak dibenarkan untuk dieksport ke Indonesia.<sup>20</sup> Kekangan ini menimbulkan pelbagai persepsi dalam kalangan penggiat industri halal dan pengguna sekaligus memberikan implikasi negatif kepada perkembangan industri halal di peringkat antarabangsa.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah penentuan piawaian halal untuk produk makanan, produk farmaseutikal dan produk kosmetik di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei?
2. Bagaimanakah prosedur pensijilan halal yang dilaksanakan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei?
3. Apakah piawaian halal yang dibangunkan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei?
4. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kepada perbezaan fatwa kepenggunaan di institusi fatwa di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei?
5. Sejauh manakah wujud perbezaan dalam piawaian halal yang dibangunkan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei?
6. Apakah implikasi pengesahan halal Indonesia, Singapura dan Brunei bagi produk yang diimport ke Malaysia?

---

<sup>20</sup> Lokman Abd Rahman (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Seksyen Muamalat, Cawangan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 April 2015. Johari Abd. Latiff (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 1 September 2014.

## **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan konsep makanan, farmaseutikal dan kosmetik dalam penentuan piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.
2. Mengenal pasti prosedur pensijilan halal dan piawaian halal yang dibangunkan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.
3. Menilai faktor-faktor perbezaan fatwa kepenggunaan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.
4. Membandingkan penentuan piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Kajian ini dapat memahamkan kepada para penyelidik terutamanya penyelidik berlatar belakangkan sains untuk memahami parameter konsep halal sebenar dari segi syariah.
2. Kajian ini dapat menambahkan pengetahuan kepada para penyelidik mengenai prosedur pensijilan halal dan piawaian halal yang dibangunkan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.
3. Kajian ini dapat mengenal pasti faktor-faktor perbezaan fatwa kepenggunaan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei terhadap beberapa isu halal yang terpilih.
4. Kajian ini dapat menyumbang sokongan kepada pihak JAKIM dalam melaksanakan pengiktirafan ke atas piawaian badan pensijilan halal daripada luar negara dan

memberi nilai tambah kepada JAKIM, LPPOM MUI, MUIB dan MUIS untuk menilai semula piawaian halal yang sedia ada.

## 1.7 Skop Kajian

Skop kajian adalah seperti berikut:

1. Kajian menumpukan kepada piawaian halal bagi makanan, farmaseutikal dan kosmetik di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.
2. Tempat kajian yang dijalankan adalah JAKIM di Malaysia, LPPOM MUI di Indonesia, MUIS di Singapura dan MUIB di Brunei.
3. Kajian hanya difokuskan kepada beberapa piawaian halal yang diterbitkan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Piawaian bermaksud asas (rujukan dan sebagainya) untuk penentuan sesuatu (seperti timbangan, mutu dan lain-lain).<sup>21</sup>

Piawaian halal Malaysia adalah merujuk kepada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga),<sup>22</sup> MS 1500:2009 Makanan Halal-Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan;<sup>23</sup> MS 2424:2010 Farmaseutikal Halal-Garis Panduan Umum;<sup>24</sup> dan MS 2200:Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandan Diri-Garis Panduan Umum.<sup>25</sup>

Manakala di Indonesia, piawaian halal merujuk kepada garis panduan Sistem Jaminan Halal iaitu HAS 23000- Pensyaratan Sertifikasi Halal;<sup>26</sup> HAS

<sup>21</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Besar Arab-Melayu-Dewan*, ed. Ke-6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 1204.

<sup>22</sup> Bahagian Hab Halal, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga) (MPPHM 2014)* (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Bahagian Hab Halal, 2014).

<sup>23</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009).

<sup>24</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2010: Farmaseutikal Halal- Garis Panduan Umum* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2011).

<sup>25</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200:Bahagian 1:2008 Barang Gunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandan Diri- Garis Panduan Umum* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2008).

<sup>26</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), *HAS 23000:1-Pensyaratan Sertifikasi Halal* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2012).

23103- Kriteria Sistem Jaminan Kebijakan Halal Di Rumah Potong Hewan;<sup>27</sup> dan HAS 23201- Pensyaratian Bahagian Pangan Halal.<sup>28</sup>

Sementara itu, piawaian halal Singapura merujuk kepada MUIS-HC-S001 Garis Panduan Umum Untuk Pengendalian dan Pemprosesan Makanan Halal<sup>29</sup> dan MUIS-HC-S002 Garis Panduan Umum Bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Makanan Halal.<sup>30</sup>

Piawaian halal Brunei merujuk kepada BCG Halal 1 Garis Panduan Pensijilan Halal;<sup>31</sup> PBD 24: 2007 Piawaian Makanan Halal Brunei Darussalam<sup>32</sup> dan GD 24:2010 Garis Panduan Pembuatan dan Pengendalian Produk Perubatan Halal, Perubatan Tradisional dan Suplemen Kesihatan Brunei Darussalam.<sup>33</sup>

4. Tumpuan kajian terhadap beberapa isu halal yang terpilih di antara Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura dan terhad kepada produk makanan dan minuman, produk perubatan dan produk kosmetik.

## 1.8 Sorotan Literatur

Sorotan literatur adalah penulisan teoretikal atau konseptual dalam bidang yang dikaji serta data kajian-kajian yang telah dilakukan.<sup>34</sup> Ia juga merupakan proses menentukan

<sup>27</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), HAS 23103-Pedoman Pemenuhan Kriteria Sisten Jaminan Halal di Rumah Potong Haiwan (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2012).

<sup>28</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), HAS 23201-Pensyaratian Bahan Pangan (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2012).

<sup>29</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S001-General Guidelines for the Handling and Processing of Halal Food* (Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura, 2007).

<sup>30</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S002-General Guidelines for the Development and Implementation of a Halal Quality Management System* (Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura, 2007).

<sup>31</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *Guideline For Halal Certification (BCG Halal 1)* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007).

<sup>32</sup>The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007-Brunei Darussalam Piawaian Halal Food* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007).

<sup>33</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010-Brunei Darussalam Guidelines for Manufacturing and Handling of Halal Medicinal Products, Traditional Medicines and Health Supplements* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2010).

<sup>34</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kaedah Teori dan Metod* (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012), 79.

kedudukan terkini atau fenomena yang hendak dikaji dari sudut ilmu pengetahuan. Sorotan literatur dilakukan untuk menentukan kedudukan terkini perkembangan ilmu pengetahuan berhubung bidang dan isu yang dikaji serta menentukan jurang ilmu pengetahuan yang berpotensi untuk diterokai dalam bidang berkenaan.<sup>35</sup> Justeru, sorotan literatur dalam kajian ini dibahagikan kepada dua tema berikut:

### i. Kajian Literatur Berkaitan Konsep Halal Dari Perspektif Hukum Islam

Berdasarkan pengajian *Uṣūl al-Fiqh*, perkataan halal telah dibincangkan di bawah perbahasan hukum *taklīfī* iaitu dalam kategori *mubāh*/harus. Beberapa ulama seperti Imam al-Ghazali,<sup>36</sup> Imam al-Shāṭībī,<sup>37</sup> dan ‘Abd al-Wahhāb Khallāf<sup>38</sup> telah mendefinisikan *mubāh* sebagai perkara yang boleh dipilih oleh seseorang mukalaf sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya. Malah terdapat juga pendapat daripada Imam al-Rāzī<sup>39</sup> yang memasukkan pengertian *mubāh* dalam perbahasan halal. Selain itu, al-Jilāliyyi al-Murīniyyi<sup>40</sup> dalam bukunya *al-Qawā'id al-Uṣūliyyah* turut membahaskan kaedah *mubāh* di bawah kategori hukum *taklīfī* dan memasukkannya dalam perbahasan halal. Beliau juga telah menghuraikan kaedah *mubāh* dan mengaplikasikannya dalam kaedah-kaedah fiqh (*qawā'id fīqhiyyah*).

<sup>35</sup> Rasid Mail dan Raman Noordin, *Penyelidikan Peringkat Sarjana: Pendekatan Kualitatif Sebagai Alternatif* (Universiti Malaysia Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2012), 81.

<sup>36</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ġhāzālī, *al-Muṣṭaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl* (Bayrūt: Dār Ṣādir, 2010), 1: 99.

<sup>37</sup> Ibrāhīm bin Mūsā al-Shāṭībī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari'ah* (Bayrūt: Dār al-'Ilmiyyah, 2001).

<sup>38</sup> Abd al-Wahhāb Khalāf, *'Ilm Uṣūl al-Fiqh* (Lubnān: t.p., t.t.), 92. Lihat juga, 'Abd al-Wahhāb Khalāf, *'Ilm Uṣūl al-Fiqh* (t.p.: t.p., 1947), 125.

<sup>39</sup> Fakr al-Dīn Muḥammad bin 'Umār bin al-Ḥusayn al-Rāzī, *al-Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh* (Bayrūt: Muassasah Risālah, t.t), 1:103.

<sup>40</sup> Al-Jilāliyyi al-Murīniyyi, *al-Qawā'id al-Uṣūliyyah* (al-Qāhirah: Dār Ibn Qayyim li al-Nashr wa al-Tawzī', 2004), 148.

Demikian juga, sesetengah ulama telah membincangkan secara umum berkaitan konsep makanan halal seperti Abū al-‘Abbās<sup>41</sup> dalam kitabnya *Fatḥ al-Jawād bi Sharḥ al-Irshād*. Beliau telah menghuraikan secara umum berkaitan perkara yang diharuskan dan diharamkan dalam makanan dan minuman menurut syarak. Namun terdapat juga ulama yang membincangkannya secara khusus tentang konsep halal dalam karya penulisan mereka. Antaranya seperti al-Bājūrī<sup>42</sup> dan al-Bujayrimī<sup>43</sup> telah membincangkan konsep halal dalam bab *ahkām al-aṭ’imah*. Beliau membahaskan takrifan halal, haram dan syubhat dalam pemakanan selain menjelaskan perkara-perkara yang dibenarkan atau ditegah oleh syarak dalam aspek makanan dan minuman.

Manakala Ibn Athīr<sup>44</sup> dalam kitabnya *Fatḥ al-Jawād bi Sharḥ al-Irshād* membahaskan berkaitan makanan halal dalam bab *al-aṭ’imah wa al-mukāsib*. Perbincangannya lebih menjurus kepada makanan yang halal berdasarkan kepada dalil-dalil al-Quran dan sunnah. Perbahasan dalil-dalil berkaitan makanan halal ini dibincangkan dalam kalangan ahli hadis termasuklah Imam Malik, Imam Bukhari, Imam Muslim, Abu Dawud, Imam al-Nasai dan Imam al-Tirmizi. Di samping itu, Faraj `Alī al-Faqīh Ḥusayn<sup>45</sup> dalam bukunya *Mazāhir al-Taysīr wa al-Raf’i al-Haraj fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah* membincangkan konsep darurat dalam makanan. Secara umumnya, para ulama mengharuskan memakan bangkai dan semua perkara yang diharamkan oleh syarak sekiranya dalam keadaan darurat.

<sup>41</sup> Abū al-‘Abbās Aḥmad Shihāb al-Dīn bin Ḥajar, *Fatḥ al-Jawād bi Sharḥ al-Irshād* (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1971), 363.

<sup>42</sup> Ibrāhīm bin Muḥammad al-Bājūrī, *Hāshiyah al-Bājūrī ‘Alā Ibn Qāsim al-Ghazī* (Miṣr: `Īsā al-Bābī al-Ḥalabī, 1881), 2: 290-295.

<sup>43</sup> Sulaymān bin Muḥammad al-Bujayrimī, *Hāshiyah Sulaymān al-Bujayrimī* (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1951), 1: 40.

<sup>44</sup> Majd al-Dīn al-Mubārak bin Muḥammad bin Abd al-Karīm al-Jazārī, *al-Shāfi’i fi Sharḥ Musnad al-Shāfi’i* (Miṣr: Dār al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2008), 355.

<sup>45</sup> Faraj `Alī al-Faqīh Ḥusayn, *Mazāhir al-Taysīr wa al-Raf’i al-Haraj fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah* (Dimashq: Dār al-Qutaybah, 2003), 317.

Sorotan literatur daripada buku-buku Arab *turāth* ini banyak membantu penulis dalam memahami parameter konsep halal sebenar dari segi syariah. Malah semasa mereka bentuk kajian penulis sering merujuk kepada literatur-literatur berkaitan bagi membina teoretikal kajian dalam bab kedua.

Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam karyanya yang berjudul *al-Hālāl wa al-Harām fī al-Islām*<sup>46</sup> telah mengemukakan beberapa prinsip halal haram dalam makanan dan minuman yang penting sebagai rujukan umum kepada masyarakat Islam. Buku ini juga menyentuh tentang makanan dan minuman, penyembelihan, pemburuan, arak, pakaian dan perhiasan dan lain-lain. Secara umumnya, buku ini banyak membantu penulis dalam memahami prinsip-prinsip halal dan haram dalam Islam yang bukan sahaja boleh menjadi garis panduan umum kepada makanan dan minuman bahkan kepada semua kategori produk halal termasuklah farmaseutikal dan juga kosmetik namun buku ini tidak membincangkan isu-isu semasa berkaitan produk halal yang berlaku pada masa kini.

Artikel tulisan Noor Eshah Tom yang bertajuk Konsep Halal dalam Pemakanan dari Perspektif Agama dan Keperluan Masyarakat<sup>47</sup> telah membentangkan ulasan tentang konsep makanan halal daripada perspektif agama dan masyarakat. Kandungan artikel ini meneliti perbandingan makanan dalam pelbagai agama seperti Kristian, Cina dan Hindu. Artikel ini mendapati bahawa agama, adat, budaya dan kepercayaan merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi penentuan makanan dalam sebuah masyarakat di Malaysia. Akan tetapi, kelemahan yang dapat dikesan dalam artikel ini adalah konsep halal dalam perspektif Islam tidak dijelaskan secara terperinci.

<sup>46</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Hālāl wa al-Harām fī al-Islām* (al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1980), 17.

<sup>47</sup> Noor Eshah Tom A. Wahab, "Konsep Halal dalam Pemakanan dari Perspektif Agama dan Keperluan Masyarakat" (makalah, Manusia dan Masyarakat, Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Fakulti Keseniaan dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).

Artikel tulisan Muhamad Zan Sailan dan Nor Azzah Kamri yang bertajuk Prinsip-Prinsip Asas dalam Pengurusan Makanan Halal: Penelitian Terhadap Pandangan al-Ghazali Amalan-Amalan Terbaik dalam Pengeluaran Makanan Halal Di Malaysia<sup>48</sup> membincangkan mengenai prinsip-prinsip asas dalam penyediaan makanan halal. Artikel ini meneliti pandangan Imam al-Ghazali dalam karya penulisan beliau antaranya *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, *al-Wajīz fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī* dan *al-Wasiṭ fī al-Madhab*. Berdasarkan kepada penulisan artikel ini prinsip-prinsip asas makanan halal menurut Imam al-Ghazali terbahagi kepada dua situasi iaitu keadaan yang aman dan keadaan darurat manakala dalam konteks pengurusan makanan halal pula Imam al-Ghazali menetapkan prinsip utama dalam pengurusan makanan hendaklah harus bersesuaian dengan prinsip-prinsip sunnah dan bersifat warak. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak mengulas dengan terperinci tentang konsep halal menurut perspektif Islam secara menyeluruh.

## **ii. Kajian-kajian Lepas Berkenaan Fatwa, Standard, Prosedur Pensijilan Halal, Pemantauan dan Perundangan Halal**

Artikel tulisan Awang Abdul Aziz Juned yang bertajuk Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa Di Brunei membincangkan tentang latar belakang perkembangan institusi fatwa di Brunei serta peranan-peranannya. Artikel ini memfokuskan kepada latar belakang, Jabatan Mufti Kerajaan, prosedur fatwa dan peranan institusi fatwa di Brunei. Hasil kajian mendapati bahawa kerajaan Brunei dan masyarakatnya sentiasa menghormati panduan mufti dengan merujuk kepada fatwa sehingga melibatkan perkara pentadbiran dan polisi yang memerlukan ketetapan atau pimpinan hukum syarak. Artikel banyak membantu penulis memahami sejarah perkembangan institusi fatwa di Brunei serta metodologi fatwa

<sup>48</sup> Muhamad Zan Sailan dan Nor Azzah Kamri, “Prinsip-Prinsip Asas dalam Pengurusan Makanan Halal: Penelitian Terhadap Pandangan al-Ghazali Amalan-amalan Terbaik Dalam Pengeluaran Makanan Halal di Malaysia” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011).

yang digunakan semasa mengeluarkan fatwa. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak membincangkan secara lanjutan berkaitan dengan isu-isu semasa fatwa kepenggunaan. Namun begitu, artikel menjelaskan bahawa prosedur pengeluaran fatwa Brunei merujuk kepada kitab-kitab Mazhab Syafii dan mazhab ini menjadi asas dalam mengeluarkan fatwa, maka pandangan daripada ulama-ulama mazhab Syafii akan menjadi sandaran utama. Manakala, nas-nas al-Quran, sunah, *qawl* ulama akan disertakan bagi menunjukkan kekuatan hujah yang dibawa.<sup>49</sup>

Buku yang bertajuk Makanan Halal Sumber Pembentukan Syakhsiah Mulia telah diterbitkan oleh Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Agama Islam Negara Brunei Darussalam. Buku ini mengandungi isi perbincangannya tentang pengertian halal, makanan halal di sisi Islam, makanan yang diharamkan, sumber kewangan yang halal, mengapa mesti halal?, kesan memakan makanan yang tidak halal serta penglibatan Jabatan Kerajaan dalam memastikan kehalalan makanan. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa buku ini banyak memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan penulis untuk menyiapkan kajian penyelidikan khususnya berkaitan dengan penglibatan pihak kerajaan Brunei dalam memastikan produk makanan yang halal sahaja berada dalam Negara Brunei Darussalam.<sup>50</sup>

Buku yang bertajuk Pengalaman Negara Brunei Darussalam Bagi Menjamin Daging Halal Sahaja Beredar Di Negara Ini diterbitkan oleh Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Agama Negara Brunei Darussalam. Selain daripada menjelaskan pengalaman pihak kerjaan terhadap pengawalan kemasukan daging halal ke Negara Brunei Darussalam, buku ini juga membincangkan tentang pelaksanaan tugas penyiasatan terhadap kesalahan jenayah syariah serta beberapa subtopik tertentu yang berkait rapat dengan negara ini.

<sup>49</sup> Awang Abdul Aziz Juned, "Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa Di Brunei," (makalah, Seminar Serantau: "Mufti dan Fatwa", 23 & 24 September 1997, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)).

<sup>50</sup> Pusat Da'wah Islamiah, *Makanan Halal Sumber Pembentukan Syakhsiah Mulia*, ed. Ke-2 (Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Agama Islam, 2007).

Maklumat yang terdapat dalam buku ini digunakan untuk melengkapkan kajian penyelidikan penulis meskipun perbincangannya agak terhad dan tidak diperincikan secara ditil tentang prosedur kemasukan daging halal ke Negara Brunei Darussalam.<sup>51</sup>

Artikel tulisan Mohd Al-Ikhsan Ghazali dan Siti Salwa Md. Sawari yang bertajuk Kajian Perbandingan Piawaian Halal Antara Malaysia dan Negara Brunei telah mengkaji dan mencari perbandingan piawaian halal yang digunakan di Malaysia dan Brunei. Kajian turut meneroka kelebihan dan kekurangan dalam piawaian halal yang dilaksanakan di Malaysia dan Brunei. Hasil daripada analisa yang dijalankan, kajian ini telah membuktikan bahawa standard halal yang digunakan di Malaysia dan Negara Brunei mempunyai ciri-ciri jaminan yang tersendiri. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan masih memerlukan kajian secara lanjutan dan mendalam kerana kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam artikel ini hanya menggunakan metode perpustakaan sahaja dan kelihatan analisis yang dilakukan ringkas dan tidak terperinci.<sup>52</sup>

Seterusnya, artikel tulisan Syed Isa Semait yang bertajuk Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa Di Singapura memfokuskan perbincangan kepada latar belakang perkembangan institusi fatwa di Singapura serta peranan-peranannya. Artikel ini penting sebagai rujukan penulis untuk memahami sistem pentadbiran dan penubuhan MUIS selaku badan Islam rasmi yang dipertanggungjawabkan tentang agama dan masyarakat Islam setempat terutama berkaitan dengan fatwa. Artikel juga membincangkan tentang perlantikan mufti negara, tugas-tugas utama yang dimainkan, jawatankuasa fatwa, perlantikan jawatankuasa fatwa, mufti dan tugas memberi fatwa. Meskipun artikel ini tidak

---

<sup>51</sup> Pusat Da'wah Islamiah, *Pengalaman Negara Brunei Darussalam Bagi Menjamin Daging Halal Sahaja Beredar Di Negara Ini*, ed. Ke-2 (Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Agama Islam, 2007).

<sup>52</sup> Kertas Kerja Pembentangan dalam Social Sciences Postgraduate International Seminar, Volume 1, 2014. (Siti Salwa Md. Sawari telah menghantar artikel ini melalui email kepada penulis pada 8 April 2015).

membincangkan tentang prosedur pengeluaran fatwa secara ditil dan mendalam namun tetap menyentuh sedikit tentang prosedur pengeluaran fatwa yang dikeluarkan oleh jawatankuasa fatwa MUIS yang secara umumnya mengikut mazhab Syafii. Mazhab Sunni yang lain boleh diambil kira jika dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi masyarakat.<sup>53</sup>

Artikel tulisan Abdul Aziz Mohamad yang bertajuk *Halal Industry In Singapore: A Case Study Of Nutraceutical Products* membincangkan tentang keperluan pengusaha Islam dan pengusaha bukan Islam membangunkan sektor nutraceutikal dalam pasaran industri halal di Singapura berikutan permintaan terhadap produk nutraceutikal halal dalam kalangan pengguna yang kian meningkat. Artikel memfokuskan perbincangan kepada konsep *halālan tayyibān*, kerangka asas nutraceutikal, potensi memasarkan produk yang berasaskan nutraceutikal khususnya yang berkaitan dengan penggunaan gelatin dalam produk nutraceutikal dan farmaceutikal serta pandangan Islam mengenai penggunaan gelatin secara ringkas. Artikel ini menjelaskan potensi membangunkan industri halal dapat memberikan sumbangan besar kepada perkembangan ekonomi di Singapura selain dapat meningkatkan lagi kepatuhan terhadap standard halal dalam kalangan penggiat industri halal. Justeru, artikel memberikan saranan kepada pengusaha bukan Islam memahami konsep halal untuk membangunkan industri halal di Singapura. Secara umumnya, penulisan artikel ini dijelaskan dengan baik untuk meningkatkan pasaran industri halal di Singapura melalui produk nutraceutikal halal dalam kalangan pengusaha Islam dan pengusaha bukan Islam namun begitu ia tidak menjelaskan konsep *halālan tayyibān* secara terperinci dalam kerangka syariah.<sup>54</sup>

---

<sup>53</sup> Syed Isa Semait, “Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa Di Singapura,” (makalah, Seminar Serantau:”Mufti dan Fatwa”, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 23 & 24 September 1997).

<sup>54</sup> Abdul Aziz Mohamad et al., “Halal Industry In Singapore: A Case Study Of Nutraceutical Products,” *Sains Humanika* 4, 2 (2015).

Artikel penulisan Norazla A. Wahab yang bertajuk *Contributions Of Malaysia and Singapore In The Development Of Halal Industry In The Asean Region* membincangkan tentang sumbangan Malaysia dan Singapura dalam pembangunan industri halal di peringkat ASEAN. Metodologi temu bual telah dijalankan dengan JAKIM dan *Halal Industry Development Corporation* (HDC) dan MUIS untuk melengkapkan kajian penyelidikan berkenaan. Artikel ini menganalisis dari aspek pensijilan halal, logo halal, undang-undang pensijilan halal (penguatkuasaan), garis panduan pensijilan halal, standard halal dan agensi-agensi yang terlibat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua buah negara telah memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan industri halal di peringkat ASEAN. Meskipun Singapura merupakan sebuah negara yang mempunyai 15% Muslim namun permintaan terhadap pasaran makanan halal kian meningkat saban tahun manakala Malaysia merupakan perintis kepada industri halal yang semakin berkembang bukan sahaja dalam makanan halal bahkan dalam bidang pelancongan, kesihatan, kosmetik dan fesyen. Artikel ini banyak memberikan maklumat berkaitan badan pensijilan halal, prosedur pensijilan halal serta piawaian halal di Malaysia dan Singapura namun artikel tidak menjalankan kajian perbandingan dengan negara-negara yang menganggotai MABIMS secara keseluruhannya.<sup>55</sup>

Artikel tulisan Farah Mohd Shahwahid yang bertajuk *Issues, Challenges And Strengths Of The Halal Industry In Singapore: MUIS's Experience* membincangkan tentang isu, cabaran dan kekuatan industri halal di Singapura berdasarkan kepada pengalaman pihak MUIS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensijilan halal Singapura terkenal dan mempunyai reputasi baik di mana tanda halal Singapura telah diiktiraf oleh MABIMS (*The Informal Meetings of Religious Ministers in Brunei, Indonesia, Malaysia*

---

<sup>55</sup> Norazla A. Wahab et al., “Contributions Of Malaysia and Singapore In The Development Of Halal Industry In The Asean Region,” *Asian Journal of Social Sciences & Humanities* 5, 2 (2016).

*and Singapore) serta GCC (Gulf Cooperation Council yang terdiri daripada Kuwait, Bahrain, Arab Saudi, Qatar, Emiriyah Arab Bersatu dan Oman). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi MUIS seperti pemalsuan logo halal, penggunaan logo halal yang sudah tamat tempoh, penggunaan logo halal yang dikeluarkan oleh badan yang tidak berautoriti, ketidaksesuaian menempatkan produk makanan yang halal, ketidaktelusan atau maklumat yang cuba disembunyikan oleh pengusaha berikutan produk yang tidak mematuhi terma dan syarat pensijilan halal. Namun begitu, terdapat beberapa kelebihan dalam pensijilan halal Singapura antaranya adalah Singapura mempunyai reputasi baik dan permintaan pasaran halal yang kian meningkat, mengamalkan pendekatan bertolak ansur ke arah perkara berkaitan halal dan kesedaran serta keprihatinan dalam kalangan pengguna terhadap halal. Artikel ini sangat baik untuk dijadikan rujukan sekalipun hanya membincangkan isu, cabaran serta kelebihan industri halal di Singapura sahaja.<sup>56</sup>*

Artikel tulisan Tey, Y. S yang bertajuk *Food Consumption and Expenditures In Singapore: Implications To Malaysia's Agricultural Exports Import* merupakan satu kajian penerokaan tentang keadaan semasa mengenai penggunaan makanan dan perbelanjaan di Singapura serta kesannya ke atas Malaysia sebagai negara pengeksport pertanian utama kepada Singapura. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengguna Singapura cenderung untuk mendapatkan produk yang berkualiti tinggi termasuklah ayam, daging babi, makanan laut, sayur-sayuran dan buah-buahan. Pada masa yang sama, Malaysia mempunyai kelebihan dalam mengeluarkan produk yang berdasarkan pertanian dan sangat komited untuk mengeksport produk berkenaan. Walaupun menghadapi persaingan dari pelbagai negara, Malaysia masih mempunyai pelbagai kelebihan daya saing yang tersendiri

---

<sup>56</sup> Farah Mohd Shahwahid et al., “Issues, Challenges And Strengths Of The Halal Industry In Singapore: MUIS’s Experience,” (makalah, Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking 2016 (2nd ICEB), 24th – 25th May 2016).

berbanding negara-negara lain. Secara umumnya, artikel ini tidak banyak menyumbang kepada kajian penyelidikan penulis tetapi ia dapat memberikan penjelasan terhadap prospek permintaan dan penawaran pasaran terhadap produk berdasarkan pertanian di antara Singapura dan Malaysia.<sup>57</sup>

Seterusnya, buku bertajuk Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sejak 1975 yang diterbitkan Sekretariat Majelis Ulama Indonesia mengandungi fatwa-fatwa dan nasihat keagamaan yang telah difatwakan oleh Majelis Ulama Indonesia sejak awal tahun 1975. Buku ini membincangkan tentang Prosedur Penetapan Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Sistem dan Prosedur Penetapan Fatwa Produk Halal, Susunan Pengurus Dewan Pimpinan Harian Majelis Ulama Indonesia Periode 2010-2015 dan Susunan Pengurus Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia Periode 2010-2015 serta Keputusan Hasil Ijtima' Ulama komisi Fatwa se-Indonesia tahun 2003, 2006 dan 2009. Tidak dinafikan bahawa buku ini menjadi rujukan penulis bagi melengkapkan data-data yang diperlukan sepanjang menyiapkan kajian penyelidikan ini khasnya berkaitan dengan prosedur penetapan fatwa produk halal dan fatwa-fatwa yang berkaitan.<sup>58</sup>

Artikel tulisan Zulfanita yang bertajuk Keamanan dan Pengamanan Pangan Produk Daging Sapi Bermutu dan Halal Di Indonesia membahaskan tentang keperluan produk daging yang halal di Indonesia. Artikel ini merupakan hasil kajian literatur dan penjelasannya sangat baik dengan melihat beberapa faktor yang menjadi penyebab berlakunya kekurangan penggunaan daging lembu dalam kalangan masyarakat di Indonesia. Kemudian, meninjau sejauh mana sistem/ pendekatan yang digunakan dalam kerajaan dan pengusaha tempatan untuk menghasilkan produk daging yang dapat

<sup>57</sup> Tey, Y. S et al., "Food Consumption And Expenditures In Singapore: Implications To Malaysia's Agricultural Exports," *Import International Food Research Journal* 16 (2009).

<sup>58</sup> Sekretariat Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sejak 1975* (Indonesia: Penerbit Erlangga, 2011).

memenuhi keperluan dan kepuasan pengguna terutamanya produk daging halal. Selain daripada itu, artikel ini menjelaskan permasalahan yang timbul rentetan daripada pelbagai penyakit haiwan dan masalah kesihatan masyarakat veterinar, baik yang diakibatkan oleh penyakit haiwan yang menular serta masalah pencemaran mikroorganisma dan residu racun perosak, hormon, logam berat, toksin dan sebagainya. Artikel mencadangkan supaya konsep *Hazard Analysis Critical Control Point* (HrACCP) dan *Good Agricultural Practice* diterapkan kepada penternakan haiwan dan kedua-dua konsep ini turut diterapkan dalam prosedur penyediaan dan pemprosesan daging halal agar dapat dikawal secara berterusan dan berkesinambungan. Akan tetapi, artikel ini tidak membincangkan tentang prosedur pengesahan sertifikat halal LPPOM MUI dan piawaian halal yang terlibat khususnya terhadap pemprosesan daging halal di Indonesia.<sup>59</sup>

Artikel tulisan KN. Sofyan Hasan yang bertajuk Kepastian Hukum Sertifikasi dan Labelisasi Halal Produk Pangan. Artikel ini membincangkan tentang sistem perundangan berkaitan halal yang tidak sistematik memberi kesan kepada penggiat industri halal berikutan sertifikasi halal bukan merupakan suatu kewajipan tetapi bersifat sukarela. Akibatnya sertifikat halal dan label halal masih belum mempunyai kesahan hukum yang kuat sehingga tiada jaminan sesuatu produk tersebut adalah benar-benar halal. Oleh sebab itu, artikel menggesa supaya Undang-undang Jaminan Produk Halal disegerakan supaya memberikan kuasa penuh kepada Majelis Ulama Indonesia untuk melakukan sertifikasi halal melalui LPPOM MUI dan Komisi Fatwa. Artikel ini sangat membantu penulis memahami sistem perundangan sertifikasi halal di Indonesia yang pada tahun 2014

---

<sup>59</sup> Zulfanita et al., “Keamanan dan Pengamanan Pangan Produk Daging Sapi Bermutu dan Halal Di Indonesia,” *SURYA AGRITAMA* 2, No. 1 (2013).

masih lagi belum dilaksanakan. Data-data yang dinyatakan dalam penulisan artikel ini banyak memberikan maklumat yang berguna kepada kajian penyelidikan ini.<sup>60</sup>

Artikel tulisan Fatimah Zulfah S. Padmadinata yang bertajuk *Quality Management System And Product Certification Process and Practices For SME In Indonesia* memfokuskan kepada sistem pengurusan kualiti dan proses pensijilan produk serta pengamalannya dalam kalangan industri kecil dan sederhana (*Small and Medium scale Enterprise, SME*) di Indonesia. Artikel ini menghuraikan tentang pematuhan standard dan pensijilan, sistem pengurusan kualiti Standard ISI 9000, standard makanan dan pensijilan produk. Dapatan kajian menunjukkan bahawa SME di Indonesia memerlukan ilmu pengetahuan berkaitan standard dan kualiti untuk terus bersaing dengan industri luar negara. Pihak kerajaan perlu memberikan perhatian kepada SME dengan memberikan bantuan dalam bentuk pelan tindakan strategik untuk meningkatkan kualiti produk di samping mempromosikannya kerana pelbagai pelan tindakan strategik telah diketengahkan namun masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaannya. Namun begitu, artikel ini tidak menjelaskan prosedur sertifikasi halal Indonesia tetapi masih memberikan kefahaman kepada penulis tentang pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang dilaksanakan dalam kalangan SME di Indonesia.<sup>61</sup>

Seterusnya, artikel tulisan Mohammad Ikhlas Roseleyang bertajuk Konflik Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal memfokuskan kepada kewujudan konflik fatwa dan senarionya di institusi fatwa di Malaysia. Konflik fatwa di Malaysia wujud dalam beberapa bentuk antaranya adalah a) konflik antara institusi fatwa (konflik antara fatwa institusi fatwa

<sup>60</sup> KN. Sofyan Hasan, "Kepastian Hukum Sertifikasi dan Labelisasi Halal Produk Pangan," *Jurnal Dinamika Hukum* 14, No. 2 (2014).

<sup>61</sup> Fatimah Zulfah S. Padmadinata, "Quality Management System And Product Certification Process and Practices For SME In Indonesia" (makalah, National Workshop on Subnational Innovation Systems and Technology Capacity Building Policies to Enhance Competitiveness of SMEs, organized by UN-ESCAP and Indonesian Institute of Sciences (LIPI), Jakarta, 3 – 4 April 2007).

kebangsaan dengan fatwa institusi fatwa negeri dan konflik antara fatwa institusi fatwa negeri dengan fatwa institusi fatwa negeri lain); dan b) konflik melibatkan fatwa persendirian (konflik antara fatwa institusi fatwa dengan fatwa sendirian dan konflik antara fatwa persendirian dengan fatwa pensendirian ulama lain). Selain daripada itu, artikel ini mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya konflik fatwa di Malaysia berpunca daripada perbezaan dari sudut latar belakang akademik jawatankuasa fatwa dan metodologi fatwa yang digunakan. Justeru, beberapa cadangan penambahbaikan diberikan untuk mengharmonikan dan menyeragamkan fatwa di Malaysia. Artikel ini banyak membantu kefahaman penulis dalam memahami konflik fatwa yang berlaku khususnya di Malaysia.<sup>62</sup>

Artikel tulisan Phuah Kit Teng dalam kajianya yang bertajuk *Awareness, Recognition and Intention: Insights from a Non Muslim Consumer Survey Regarding Halal Labeled Food Products in Malaysia*. Artikel ini membincangkan tentang hubung kait antara boleh ubah sosial demografi dengan kesedaran dan kefahaman pengguna bukan Islam terhadap label makanan halal. Dapatkan artikel menunjukkan pengguna bukan Islam yang berpendidikan tinggi dan masih belum berkahwin yang berumur antara 26 hingga 35 tahun dan mempunyai pengetahuan, pendapatan serta tinggal di kawasan bandar lebih mengambil berat tentang produk yang diberikan pengesahan halal JAKIM khususnya bagi produk makanan. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak membincangkan tentang piawaian makanan halal secara khusus dalam artikel berkenaan.<sup>63</sup>

---

<sup>62</sup> Mohammad Ikhlas Rosele et al., “Konflik Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal,” *Jurnal Fiqh*, No. 13 (2013).

<sup>63</sup> Phuah Kit Teng et al., “Awareness, Recognition and Intention: Insights from a Non Muslim Consumer Survey Regarding Halal Labeled Food Products In Malaysia” (makalah, 3<sup>rd</sup> Internasional Conference on Management (3<sup>rd</sup> ICM 2013) Proceeding, 10-11 Jun 2013, Hydro Hotel, Penang, Malaysia).

Artikel tulisan Mohamad Nasran Mohamad dan Norhalina Othman yang bertajuk Audit Pengesahan Halal: Kajian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia membincangkan pelaksanaan audit pengesahan halal di Malaysia. Kandungan artikel ini mengenai kriteria-kriteria utama semasa penilaian audit dan tugas juruaudit. Dapatan artikel ini mendapati pelaksanaan audit dalam pengesahan sijil halal di Malaysia adalah selaras dengan kehendak syarak. Namun begitu, artikel ini tidak membincangkan mengenai pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan halal di Malaysia tetapi ia banyak membantu kefahaman penulis dalam mengenal pasti prosedur pengauditan halal di Malaysia.<sup>64</sup>

Artikel tulisan Nor `Azzah Kamri yang bertajuk Sektor Halal Malaysia: Ke Mana Halal Tujunya? mengetengahkan isu-isu pensijilan halal di Malaysia. Isu-isu halal yang berlegar di Malaysia adalah kuasa penguatkuasaan halal yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dan Hal Ehwal Pengguna (HEP) dalam Akta Pelabelan. Ini memperlihatkan bidang kuasa JAKIM yang terhad dan menyebabkan penguatkuasaan sukar dijalankan secara berkesan. Sehingga kini, undang-undang yang diguna pakai dalam konteks pentadbiran dan pengurusan halal adalah tidak seragam dan tidak komprehensif. Artikel ini membincangkan secara meluas berkaitan pensijilan halal di Malaysia namun perbincangan tentang piawaian halal di Malaysia tidak disentuh dalam kajian ini.<sup>65</sup>

Artikel tulisan Zalina Zakaria yang bertajuk Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia<sup>66</sup> mengupas isu undang-undang berkaitan produk

---

<sup>64</sup> Mohamad Nasran Mohamad dan Norhalina Othman, "Audit Pengesahan Halal: Kajian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia," *Jurnal Penyelidikan Islam* 22 (2009).

<sup>65</sup> Nor `Azzah Kamri et al., "Sektor Halal Malaysia: Ke Mana Halal Tujunya?" (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011).

<sup>66</sup> Zalina Zakaria, "Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia," *Jurnal Syariah* 12, 2 (2004), 95-106.

halal dan skop perbincangan menekankan kepada dua aspek utama iaitu penguatkuasaan dan pendakwaan. Dari aspek penguatkuasaan pula didapati bahawa masih ada kekurangan di mana pihak JAKIM hanya memainkan peranan sebagai pemantauan, pengesah kesalahan dan pegawainya menjadi saksi kes-kes berkaitan termasuk isu penyalahgunaan logo halal. Pihak JAKIM tidak mempunyai kuasa yang lebih luas dari sudut undang-undang yang dapat membantu melancarkan kerja-kerja penguatkuasaan halal tanpa bergantung kepada mana-mana agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Pihak Berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dari aspek pendakwaan pula, antara isu yang ditimbulkan adalah keberkesanan pendakwaan yang dijalankan oleh KPDKKK dan HEP dankekangan-kekangan yang perlu diberikan perhatian sekiranya pihak JAKIM ingin mengambil alih fungsi pendakwaan. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak membincangkan tentang prosedur pengeluaran sijil halal dan piawaian halal di Malaysia kecuali dalam aspek pemantauan dan penguatkuasaan halal sahaja.

Artikel tulisan Ilyia Nur Ab Rahman yang bertajuk Cadangan untuk Mewujudkan Dasar Pensijilan Halal secara Khusus untuk Pengusaha Restoran di Malaysia membahaskan dasar-dasar pensijilan halal Malaysia serta memberikan cadangan kepada kerajaan untuk mewujudkan dasar pensijilan halal dalam sektor perkhidmatan makanan khususnya bagi pengusaha restoran ekoran daripada pelbagai isu-isu halal yang timbul dalam perkhidmatan restoran di Malaysia. Dapatkan artikel ini menunjukkan faktor-faktor berlakunya isu-isu halal berpunca daripada kecenderungan pengusaha mengambil pekerja asing, ketiadaan penyelarasian undang-undang dan kesukaran dalam memenuhi prosedur pensijilan halal Malaysia. Secara umumnya, artikel ini membantu penulis memahami isu-isu halal yang sering timbul dalam kalangan peniaga di Malaysia namun begitu artikel ini tidak meneliti

secara khusus prosedur pengeluaran sijil halal di Malaysia apatah lagi di negara-negara yang lain.<sup>67</sup>

Artikel tulisan Mohd Al-Ikhsan Ghazali dan Siti Salwa Md. Sawari yang bertajuk Amalan Standard Halal di Negara-Negara Asia Tenggara telah membincangkan tentang piawaian halal, penguatkuasaan dan perlaksanaan pensijilan halal di negara-negara Asia Tenggara. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kajian perpustakaan bagi mendapatkan data kajian. Hasil kajian ini membuktikan bahawa piawaian halal yang digunakan di Malaysia dan negara-negara di Asia Tenggara iaitu Indonesia, Thailand, Brunei dan Singapura adalah di bawah seliaan badan pensijilan halal negara masing-masing dan piawaian halal yang dibangunkan mempunyai ciri-ciri jaminan yang tersendiri. Namun, kajian mendapati kandungan artikel ini hanya menghuraikan secara ringkas tentang piawaian halal yang digunakan di negara-negara Asia Tenggara dan tidak menjelaskan secara mendalam aspek perbandingan penentuan piawaian halal di negara-negara Asia Tenggara berkenaan kerana hanya menggunakan kajian perpustakaan sahaja bagi mendapatkan data-data kajian.<sup>68</sup>

Literatur seterusnya dalam kajian Doktor Falsafah oleh Mohammad Ajir Abdi Moenip dalam tesisnya berjudul Label Halal: Perbandingan Antara Indonesia, Malaysia dan Singapura. Kajian ini telah mengenal pasti badan pensijilan halal dan sistem perundangan yang digunakan di Malaysia, Indonesia dan juga Brunei serta merumuskan bahawa prosedur pengeluaran sijil halal yang dilaksanakan dan ditadbir antara tiga negara mempunyai persamaan yang rapat antara satu sama lain. Namun begitu, kajian yang telah

---

<sup>67</sup> Ilyia Nur Ab Rahman et al., “Cadangan untuk Mewujudkan Dasar Pensijilan Halal secara Khusus untuk Pengusaha Restoran di Malaysia” (makalah, Seminar Pengurusan Perhotelan dan Pelancongan Islam 2010, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Ilqam, Universiti Teknologi MARA, 22-23 Jun 2010), 125.

<sup>68</sup> Mohd Al-Ikhsan Ghazali dan Siti Salwa Md. Sawari, Amalan Piawaian Halal Di Negara-negara Asia Tenggara, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies UMRAN* 1, no.1, 2014.

dilakukan tidak melibatkan kajian kes-kes berkaitan kepenggunaan dan kajian ini hanya dihadkan sehingga tahun 2006 sahaja. Kajian ini diakui mempunyai kekurangan kerana perbincangan dan huraian perbandingan adalah ringkas dan kurang mendalam tetapi ia memberi sumbangan besar dalam bidang penyelidikan.<sup>69</sup>

Kajian berikutnya ditulis oleh Nordin Ahmad yang bertajuk Persepsi Persatuan Pengguna Di Malaysia Terhadap Status Pengesahan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kajian ini mengupas tentang persepsi persatuan pengguna terhadap pengesahan sijil halal JAKIM terhadap produk-produk halal. Dapatan kajian mendapati keyakinan responden terhadap pensijilan halal JAKIM adalah masih berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, tahap keyakinan tersebut tidak konsisten dan berubah-ubah bergantung kepada isu-isu yang timbul dari semasa ke semasa. Kajian ini juga mendapati bahawa responden kurang mempunyai pengetahuan mengenai sumber bahan halal dan cara pemprosesan makanan halal. Dengan keadaan ini, tahap keyakinan terhadap pensijilan halal JAKIM banyak dipengaruhi oleh situasi masa, keadaan masyarakat dan persekitaran kerja. Namun kajian yang dijalankan tidak membahaskan tentang prosedur pengeluaran sijil halal dan piawaian halal di Malaysia secara terperinci.<sup>70</sup>

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Sazelin Arif dalam kajian tesisnya yang berjudul Konsep *Halālan Tayyiban* Dari Perspektif *Maqāṣid al-Sha’rīah* dan Aplikasinya dalam Prosedur Penentuan Makanan Halal Di Malaysia menghuraikan secara komprehensif konsep *halālan tayyiban* dari perspektif *maqāṣid al-sha’rīah* dalam prosedur penentuan makanan halal dan seterusnya menjelaskan sejauh mana konsep ini benar-benar

<sup>69</sup> Mohammad Ajir Abdi Moenip, “Label Halal: Perbandingan antara Indonesia, Malaysia dan Singapura” (tesis, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

<sup>70</sup> Nordin Ahmad, “Persepsi Persatuan Pengguna di Malaysia terhadap Status Pengesahan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)” (tesis, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).

diaplikasikan dalam prosedur penentuan makanan halal yang dilaksanakan oleh JAKIM. Hasil kajian mendapati bahawa konsep *halālan tayyiban* telah wujud dalam pelaksanaan prosedur penentuan makanan halal di Malaysia dan ia diterjemahkan pengaplikasiannya dalam bentuk piawaian dan operasi pelaksanaannya. Namun terdapat beberapa kelemahan dalam perincinya yang menyebabkan aplikasi konsep *halālan tayyiban* dari perspektif *maqāṣid al-sha’riah* kelihatan longgar. Justeru, cadangan menambah baik dikemukakan terhadap kelemahan yang dikenal pasti dalam operasi pelaksanaan sepanjang prosedur agar selari dengan konsep *halālan tayyiban*. Kajian ini banyak membantu penulis dalam memahami prosedur dan piawaian halal di Malaysia namun tiada kajian perbandingan secara terperinci berkaitan prosedur pengeluaran sijil halal dan piawaian halal di luar negara seperti Indonesia, Brunei mahupun Singapura yang disebutkan.<sup>71</sup>

Kajian berikutnya ditulis oleh Lokman Ab. Rahman yang bertajuk Penilaian Terhadap Pelaksanaan Pensijilan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menumpukan kajiannya tentang pensijilan halal, dasar *halālan tayyiban*, audit, pemantauan, peranan badan Islam, pencapaian, permasalahan yang dihadapi, saranan dan cadangan ke arah peningkatan pensijilan halal di Malaysia. Hasil kajian mendapati di peringkat awal pensijilan halal lebih banyak menekankan aspek hukum yang telah dilengkapkan dengan organisasi berstruktur, kecekapan pengurusan, pelaksanaan audit dan pemantauan yang tersusun. Malah kajian ini juga mendapati bahawa pengaruh pensijilan halal di persada antarabangsa kian terserlah apabila terdapat peningkatan permohonan untuk melakukan audit bagi syarikat di luar negara yang meliputi rumah sembelihan dan pengeluar makanan dan barang gunaan. Beliau juga menyarankan kepada pihak syarikat pemegang sijil halal

---

<sup>71</sup> Sazelin Arif, “Konsep *Halālan Tayyiban* dari Perspektif *Maqāṣid al-Sha’riah* dan Aplikasinya dalam Prosedur Penentuan Makanan Halal di Malaysia” (tesis, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

melaksanakan sistem jaminan halal dalam supaya kepatuhan terhadap prosedur halal data dikekalkan dan tidak hanya bergantung kepada pemantauan JAKIM semata-mata.<sup>72</sup> Kajian ini sangat membantu penulis dalam penyelidikan yang akan dijalankan untuk memahami prosedur dan piawaian pensijilan halal di Malaysia.

Begitu juga dengan kajian di peringkat sarjana oleh Zulzaidi Mahmud yang bertajuk Pelaksanaan Pemantauan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Produk Halal di Malaysia: Kajian Terhadap Penyalahgunaan Logo Halal.<sup>73</sup> Kajian ini menghuraikan keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan oleh JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Kajian turut menganalisis pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang produk halal ke atas penyalahgunaan logo halal. Hasil kajian menunjukkan dalam aspek penguatkuasaan pemalsuan logo halal terdapat isu yang wujud iaitu isu undang-undang, kepegawaian dan pendakwaan. Isu undang-undang menunjukkan kuasa penguatkuasaan adalah kuasa KPDNKK dan JAIN. Manakala JAKIM tidak mempunyai kuasa yang khusus dalam aspek undang-undang. Selain itu, masalah utama adalah masalah kesalahan berkaitan yang tidak pernah didakwa di Mahkamah. Ini adalah kerana penyelesaian yang digunakan oleh pihak KPDNKK kepada pesalah bagi penyalahgunaan dan pemalsuan logo halal hanyalah hukuman yang berbentuk kompaun sahaja. Kajian ini menyimpulkan bahawa ketegasan dalam memberi pembalasan, pencegahan dan pemulihan pesalah adalah tidak tercapai. Kajian ini sangat baik dalam membincangkan isu halal dalam perspektif undang-undang Malaysia namun tidak membincangkan prosedur pensijilan halal dan piawaian halal di luar negara selain Malaysia.

<sup>72</sup> Lokman Ab. Rahman, “Penilaian terhadap Pelaksanaan Pensijilan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)” (tesis, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

<sup>73</sup> Zulzaidi Mahmud, “Pelaksanaan Pemantauan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Produk Halal di Malaysia: Kajian Terhadap Penyalahgunaan Logo Halal” (disertasi, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

Berdasarkan sorotan kajian lepas, ada beberapa perkara yang menunjukkan bahawa kajian di bawah tajuk ini perlu dilakukan bagi membuktikan kepentingan dan signifikasi kajian yang akan dijalankan antaranya adalah:

- a. Kajian daripada para akademik kebanyakannya membincangkan aspek fatwa, pengurusan pensijilan halal, perundangan halal, piawaian halal di setiap negara. Bahkan terdapat kajian yang dijalankan mengupas implementasi pengesahan pensijilan halal bagi produk-produk makanan dan barang gunaan yang telah mendapat pengiktirafan halal daripada badan pensijilan halal yang berautoriti di setiap negara.
- b. Kajian yang dijalankan oleh sarjana hanya tertumpu kepada satu negara iaitu Malaysia semata-mata. Adapun kajian perbandingan yang telah dilakukan oleh Mohammad Ajir Abdi Moenip, beliau membataskan kajian sehingga tahun 2006 sahaja. Masih tidak ada kajian perbandingan yang terkini dilakukan oleh pengkaji seterusnya. Oleh yang demikian, suatu kajian baru diperlukan untuk mengisi jurang tersebut.

Lantaran itu, kajian penyelidikan ini akan menjelaskan konsep makanan, farmaseutikal dan kosmetik dalam penentuan piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei; mengenal pasti prosedur pengeluaran sijil halal dan piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei; menjelaskan faktor-faktor percanggahan fatwa berkaitan kepenggunaan terhadap beberapa isu halal yang terpilih di empat negara tersebut di mana ia masih belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu; dan membandingkan pelaksanaan piawaian halal terkini yang diterbitkan di empat negara berkenaan. Justeru, kajian penyelidikan ini sangat relevan untuk dijalankan bagi mengisi kelompongan daripada kajian terdahulu seterusnya menyumbang kepada perkembangan

ilmu pengetahuan baru dalam bidang fiqh (sains kemasyarakatan). Hasil kajian ini kelak diharapkan dapat mengharmonikan perbezaan pandangan dalam isu-isu halal terpilih selain memahamkan kepada pihak industri dan pengguna terhadap pelaksanaan piawaian halal badan-badan pensijilan halal di luar negara selain daripada Malaysia.

## **1.9 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian merujuk kepada kaedah mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, metodologi kajian yang digunakan adalah metode pengumpulan data dan metode analisis data.

### **1.9.1 Metode Pengumpulan Data**

Dalam metode pengumpulan data, kajian perpustakaan (metode dokumentasi) dan kajian lapangan (metode temu bual dan metode observasi) adalah yang paling sesuai untuk mengutip data kualitatif.

#### **(a) Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan yang digunakan adalah metode dokumentasi. Metode dokumentasi merupakan metode pertama yang digunakan oleh penyelidik bagi memperoleh cabang ilmu pengetahuan dan menambahkan lagi kefahaman dalam bidang kajian yang sedang dijalankan. Kajian ini memerlukan maklumat-maklumat mengenai beberapa definisi umum, prinsip-prinsip penentuan halal dan haram serta beberapa teori fiqh berkaitan halal yang banyak disentuh dalam bab kedua kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji juga merujuk kepada sumber berautoriti yang berbentuk buku-buku Arab *turāth*, tafsiran al-Quran, tafsiran sunnah dan sumber sekunder yang berbentuk buku-buku Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, tesis, disertasi, kertas kerja persidangan, jurnal dan lain-lain lagi. Lazimnya, sumber berautoriti dan sumber sekunder sering kali digunakan bagi melengkapkan

maklumat-maklumat kajian dalam bab pertama, bab kedua, bab ketiga, bab keempat dan bab kelima. Tempat rujukan yang biasanya dikunjungi ialah Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za’ba, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Teknologi MARA, Perpustakaan Universiti Islam Sains Malaysia dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, kajian juga merujuk maklumat-maklumat daripada laman web untuk mendapatkan maklumat berkaitan latar belakang badan pensijilan halal, prosedur pengeluaran sijil halal dan piawaian halal yang diterbitkan di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Berita-berita semasa dan terkini juga sering dipaparkan dalam laman-laman web berkenaan dan ianya dirujuk bersama. Laman web juga digunakan sebagai perantara komunikasi dalam berhubung dengan pegawai-pegawai daripada badan pensijilan halal di empat negara untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan kajian.

#### (b) Kajian Lapangan

Kajian lapangan yang digunakan adalah metode temu bual dan metode observasi.

- Metode temu bual

Dalam kajian ini, kajian lapangan yang telah dipilih adalah menggunakan metode temu bual. Metode temu bual digunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat dan pandangan secara langsung daripada temu bual dengan responden-responden yang telah dipilih atau telah ditentukan oleh badan pensijilan halal yang berkenaan. Responden-responden yang dipilih terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang akademik dan sains manakala responden-responden yang telah ditentukan adalah individu-individu yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang pensijilan halal di empat negara. Temu bual telah dijalankan

secara bersemuka dan tidak semuka (telefon) dengan tujuan untuk mengumpulkan maklumat yang utama secara lisan daripada responden-responden.

Temu bual dijalankan kepada Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Nur Fadhilah Hana Ishak dan ‘Amira Syahirah Mohd Amin (Penolong Pegawai Teknologi Makanan, Seksyen Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor), Kamarul Nizal Idris (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Johari Abd. Latiff (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura Brunei, Negara Brunei Darussalam), Wajihah Zainuddin (Pegawai Saintifik, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), Dayana Alias (Pegawai Pemakanan, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Hab Islam Singapura, Majlis Ugama Islam Singapura, Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), Aminudin Mohamad (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Penyelaras dan Kajian Fatwa, Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan kemajuan Islam Malaysia), Dr. Lokman bin Abd Rahman (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Seksyen Muamalat, Cawangan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dan Profesor Madya Dr. Dzulkifly Mat Hashim (Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia).

Dalam kajian ini, temu bual berstruktur telah dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksana mengikut satu senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden-responden. Namun, temu bual semi struktur juga dilakukan sekiranya responden tidak memahami maksud soalan yang telah dibina dan memerlukan penjelasan lanjut mengenai sesuatu isu yang diberikan oleh responden. Jawapan direkodkan secara rakaman dan bertulis. Walau bagaimanapun, sekiranya kajian memerlukan penjelasan yang lebih lanjut maka temu bual secara tidak semuka (telefon) dibuat dengan responden-responden. Metode ini digunakan dalam bab ketiga dan bab keempat.

- Metode Observasi

Metode observasi merupakan proses pemerhatian dan pengamatan penulis secara terancang terhadap sesuatu subjek penyelidikan. Metode observasi dijalankan bersama dengan metode temu bual yang kemudiannya maklumat tersebut digabungkan untuk menjelaskan dapatan yang diperoleh dengan lebih mendalam dan mempunyai kesahan.

Metode ini digunakan untuk mengkaji latar belakang sosial yang sebenar di empat negara kajian. Penulis dapat melihat dengan jelas struktur lapisan masyarakat, adat dan budaya tempatan yang diamalkan. Ia juga merupakan teknik yang terbaik apabila aktiviti pensijilan halal dapat dilihat secara langsung di lokasi-lokasi temu bual yang dijalankan di JAKIM, LPPOM MUI, MUIB dan MUIS.

Di samping itu, metode observasi juga digunakan semasa penulis membuat pemerhatian dan tinjauan di pasar raya-pasar raya tempatan untuk melihat produk-produk yang mendapat pengesahan halal daripada JAKIM, LPPOM MUI, MUIB dan MUIS bagi melengkapkan data-data kajian. Metode ini digunakan dalam bab ketiga dan bab keempat.

## **1.9.2 Metode Analisis Data**

Dalam metode analisis data, metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif telah dipilih untuk menganalisis data yang telah dikumpulkan.

- **Metode Induktif**

Metode induktif merupakan proses pengumpulan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan fenomena yang dikaji.<sup>74</sup> Dalam kajian ini, metode induktif sentiasa digunakan bagi mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan halal termasuklah takrifan halal, haram dan syubhah, konsep makanan halal, konsep farmaseutikal halal, konsep kosmetik halal, prinsip-prinsip umum penentuan halal dan haram dalam Islam serta beberapa teori fiqh berkaitan halal. Kemudiannya, maklumat-maklumat kajian ini dikumpulkan untuk membina landasan teori dalam bab kedua.

- **Metode Deduktif**

Metode deduktif merupakan penggunaan teori atau gagasan fikiran yang ada atau dibentuknya sendiri berasaskan pemikiran atau pengalaman tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku.<sup>75</sup> Metode ini digunakan untuk mengenal pasti sejarah perkembangan, prosedur pensijilan halal dan piawaian halal yang dibangunkan di empat negara kajian. Di samping itu, metode deduktif juga digunakan untuk menilai faktor-faktor yang mempengaruhi kepada perbezaan fatwa kepenggunaan di empat negara kajian.

Metode ini digunakan dalam bab ketiga dan bab keempat.

---

<sup>74</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam, 2001), 82.

<sup>75</sup> *Ibid.*, 83.

- Metode Komparatif

Metode komparatif melibatkan proses membuat kesimpulan melalui perbandingan dan seterusnya memperoleh beberapa persamaan, perbezaan, kelebihan dan kelemahan. Dalam kajian ini, metode komparatif digunakan untuk membuat perbandingan terhadap piawaian halal yang dibangunkan di empat negara kajian khususnya yang melibatkan makanan, farmaseutikal dan kosmetik. Aspek perbandingan yang pertama diteliti adalah prosedur pensijilan halal di empat negara terutamanya dalam prosedur pengauditan, prosedur persampelan dan analisis makmal, prosedur pemantauan serta penguatkuasaan halal. Manakala aspek perbandingan yang kedua diteliti adalah piawaian halal di empat negara. Analisis kandungan yang dijalankan adalah dari sudut definisi, sumber bahan, prosedur sembelihan haiwan, pengurusan kualiti, tanggungjawab pengurusan dan keperluan undang-undang. Hasil perbandingan yang dibuat menunjukkan bahawa terdapat tiga (iii) persamaan, lima (v) perbezaan dan tiga (iii) kelebihan serta kelemahan dalam penentuan piawaian halal di empat negara kajian. Metode ini digunakan dalam bab keempat.

## **1.10 Sistematika Penulisan**

Bab pertama merupakan bahagian pengenalan yang mengandungi penjelasan secara terperinci terhadap perkara utama yang menyentuh latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan literatur dan metodologi kajian yang melibatkan perjalanan kajian penyelidikan ini. Bab ini penting dalam menjelaskan hala tuju tajuk, permasalahan, objektif dan metodologi yang digunakan bagi mencapai objektif kajian penyelidikan ini.

Bab kedua menjelaskan konsep makanan, farmaseutikal dan kosmetik dalam penentuan piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei selain turut

menerangkan beberapa takrifan tentang halal, haram dan syubhah, prinsip-prinsip umum penentuan halal dan haram dalam Islam dan menerangkan beberapa konsep fiqh berkaitan halal. Bab ketiga pula, kajian akan mengenal pasti latar belakang badan-badan pensijilan halal, prosedur pensijilan halal dan piawaian halal yang diterbitkan di empat negara.

Dalam bab keempat, kajian akan menjelaskan faktor-faktor perbezaan fatwa kepenggunaan terhadap beberapa isu halal yang terpilih serta membandingkan pelaksanaan piawaian halal di empat negara tersebut. Kajian ini diakhiri dengan bab kelima yang mana kajian membuat rumusan daripada keseluruhan kajian yang telah dilakukan serta mencadangkan penambahbaikan kepada piawaian halal di empat negara yang sedia ada.

## **BAB 2: KONSEP MAKANAN, FARMASEUTIKAL DAN KOSMETIK DALAM PENENTUAN PIAWAIAN HALAL DI MALAYSIA, INDONESIA, SINGAPURA DAN BRUNEI**

### **2.1 Pendahuluan**

Pasaran berkonsepkan halal adalah merangkumi sektor makanan dan minuman. Namun begitu, perubahan konsep halal juga mempengaruhi industri-industri yang lain seperti kosmetik, produk penjagaan diri, farmaseutikal, perbankan dan kewangan, logistik dan sebagainya. Sejajar dengan konsep ajaran Islam iaitu konsep halal harus meliputi segala aspek kehidupan bermula daripada makanan yang dimakan, pendapatan yang diterima dan produk yang digunakan.<sup>76</sup>

Konsep halal telah menjadi tunjang keutamaan syarikat dan industri. Hal ini kerana peranan konsep tersebut dalam pengeluaran produk diterima oleh masyarakat setempat khususnya dalam kalangan pengguna Islam. Permintaan bukan berdasarkan makanan turut meningkat pada setiap tahun sejajar dengan peningkatan tahap kesedaran mengenai kepentingan produk halal yang merangkumi kebersihan dan keselamatan yang terjamin baik bagi masyarakat Islam ataupun bukan Islam.<sup>77</sup>

Bab ini akan menjelaskan konsep makanan, farmaseutikal dan kosmetik dalam penentuan piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Perbincangan difokuskan kepada takrifan halal, haram dan syubhah; menjelaskan konsep makanan, farmaseutikal dan kosmetik mengikut piawaian halal di empat negara; garis panduan umum dalam penentuan halal dan haram dalam Islam; dan beberapa konsep fiqh berkaitan halal.

---

<sup>76</sup> “MIHAS Luas Pasaran Eksport Halal,” *Sinar Harian*, 18 Mac 2015, 11.

<sup>77</sup> *Ibid.*

Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan. Dengan ini, bab kedua telah menjawab objektif yang pertama dalam kajian ini.

## 2.2 Takrifan Halal, Haram dan Syubhah

Halal, haram dan syubhah merupakan istilah ilmu fiqh dalam menentukan status hukum terhadap perkara yang berkaitan dengan makanan dan barang keperluan harian. Ia bertujuan untuk memelihara lima perkara asas yang menjadi keutamaan manusia iaitu penjagaan agama, penjagaan akal, penjagaan nyawa, penjagaan harta dan penjagaan keturunan.

### 2.2.1 Definisi Halal

Halal merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *halla*, *yahillu*, *hillan*<sup>78</sup> yang bermaksud membolehkan,<sup>79</sup> menanggalkan,<sup>80</sup> membuka ikatan dan perkara yang telah diharuskan sekalipun hukum asalnya adalah haram.<sup>81</sup> Menurut *Kamus Dewan*,<sup>82</sup> halal didefinisikan sebagai hukum membenarkan sesuatu perbuatan yang dilakukan dalam Islam, dibolehkan iaitu tidak ditegah oleh syarak, diizinkan dan dibenarkan. Pengertian halal juga merangkumi setiap perkara yang dibenarkan oleh hukum syarak.<sup>83</sup> Halal adalah lawan kepada perkataan haram.<sup>84</sup> Dalam bahasa Inggeris, halal diterjemahkan sebagai tidak

<sup>78</sup> Abū Manṣūr Muḥammad bin Aḥmad al-Azharī, *Tahdhīb al-Lughah* (t.p.: al-Dār al-Miṣriyyah li al-Ta’līf wa al-Tarjamah, t.t.), 3: 435.

<sup>79</sup> Ibrāhīm Anis et al., *al-Mu’jam al-Wasīt*, ed. ke-2 (t.p.: t.t.p., t.t.), 1: 194. Lihat juga, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Besar Arab-Melayu-Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 561.

<sup>80</sup> Abū Manṣūr Muḥammad bin Aḥmad al-Azharī, *Tahdhīb al-Lughah*, 436.

<sup>81</sup> Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣīḥāḥ* (Bayrūt: Maktabah Lubnān Nāsyirūn, 1995), 63.

<sup>82</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 502.

<sup>83</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū’ah al-Fiqhiyyah*, ed. ke-2 (al-Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, 1990), 18:74.

<sup>84</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, 502. Lihat juga, Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣīḥāḥ*, 150. Lihat juga, Maktabah al-Sharqiyah, *āl-Munjid fī al-Lughah wa al-I’lām* (Bayrūt: Lubnān, 1986), 28: 147.

mengikat (*untied*), melonggarkan/melepaskan (*loosened*),<sup>85</sup> membenarkan (*allowed*), membolehkan (*permitted*), yang diizinkan (*permissible*), yang dapat diterima (*admissible*), menurut undang-undang (*lawful possession*),<sup>86</sup> perkara yang disahkan (*lawful thing*), sah berdasarkan undang-undang (*legal legitimate*)<sup>87</sup> dan yang dibenarkan (*to be or become permissible*).<sup>88</sup>

Takrifan halal dari segi istilah adalah setiap perkara yang diberikan pilihan oleh syarak ke atas mukalaf untuk melakukan ataupun meninggalkannya tanpa diberikan ganjaran pahala dan dosa<sup>89</sup> ataupun setiap perkara yang dibenarkan oleh al-Quran dan sunnah. Ia merujuk kepada peraturan yang berkaitan kepenggunaan makanan dan minuman serta isu yang berkaitan dengannya seperti babi, darah, arak, bangkai dan seumpamanya.<sup>90</sup> Selain daripada itu, terdapat beberapa bahagian dalam al-Quran menggunakan perkataan halal sebagai *al-tayyibāt* (yang baik), *mubāh* (yang dibolehkan), *jawāz* (boleh) dan *ihsān* (baik).<sup>91</sup>

Dalam istilah Uṣūl al-Fiqh, halal dibincangkan di bawah perbahasan hukum taklif, iaitu sebagai *mubāh* atau *al-ibāhah* (harus). Dari segi bahasa, *mubāh* atau *al-ibāhah* bermaksud meluaskan, melepaskan,<sup>92</sup> diharuskan untuk melakukan atau meninggalkannya dan diizinkan.<sup>93</sup> Para ulama sepakat menyatakan *mubāh* dari segi istilah adalah sesuatu

<sup>85</sup> H. Anthony Salmon, *al-Qāmūs al-‘Alī li al-Muta’allim* ( Lubnān: Bayrūt, 1972), 151.

<sup>86</sup> Hans Wehr, *A Dictionary Of Modern Written Arabic*, ed. J. Milton Cowan, ed. ke-3 (Lubnān: Maktabah Lubnan, 1980), 199. Lihat juga, Ed. E. Elias dan Elias A. Elias, *al-Qāmūs al-‘Aṣrī ‘Arabi – Ingeliſi*, ed. ke-8 (Cairo: Elias' Modern Press, 1925), 116.

<sup>87</sup> “tanpa penulis”, *al-Farāid al-Ariyyah li al-Tullāb ‘Arabi-Ingeliſi* ( Bayrūt: Dār al-Mushriq, 1986), 117.

<sup>88</sup> Abdurrahman Haqqi et al., *Kamus Fikir* (Kuala Lumpur: Dar al-Fikr Sdn. Bhd., 2003), 116-117.

<sup>89</sup> Muḥammad Abū Zuhrah, *Uṣūl al-Fiqh* (t.p.: t.t.p., t.t.), 46. Lihat juga, Muḥammad Āmin al-Shahīr bin Abidīn, *Hāshiyah Rad al-Mukhtār* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1992), 339.

<sup>90</sup> Noor Eshah Tom A. Wahab, “Konsep Halal dalam Pemakanan dari Perspektif Agama dan Keperluan Masyarakat” (makalah, Manusiа dan Masyarakat, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Keseniaan dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 97.

<sup>91</sup> Mohamad Nasran Mohamad dan Norhalina Othman, “Audit Pengesahan Halal: Kajian Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,” *Jurnal Penyelidikan Islam* 22 (2009), 22.

<sup>92</sup> Muḥammad Abū al-Nūr Zuhayr, *Uṣūl al-Fiqh* (al-Qāherah: Dār al-Tibā’ah al-Muḥammadiyah, t.t.), 1: 57.

<sup>93</sup> Muḥammad al-Khaḍārī Bik, *Uṣūl al-Fiqh* (Bayrūt: Dār al-Qalam, 1987), 54.

yang diberi pilihan oleh syarak kepada mukalaf untuk melakukan ataupun meninggalkan dan tidak diberikan ganjaran pahala sesiapa yang melakukannya dan tidak mendapat dosa bagi sesiapa yang meninggalkannya kerana asal bagi sesuatu perkara adalah harus selagi mana ia tidak dinyatakan haram. Walau bagaimanapun, *mubāh* boleh berubah menjadi wajib apabila dengan meninggalkannya membawa kepada kemudaratannya kepada manusia dan menjadi haram apabila melakukannya akan menyebabkan kemasuhan kepada manusia.<sup>94</sup> Contohnya, makanan, minuman, berjual beli semasa waktu azan Jumaat dan lain-lainnya.

Terdapat beberapa lafaz yang menunjukkan sesuatu perkara itu diharuskan oleh syarak iaitu:

- i. Sesuatu perkara yang diharuskan oleh syarak iaitu diberikan kebebasan oleh syarak sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya.<sup>95</sup>

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أَحِلَّ لَهُمْ قُلْ أَحِلَّ لَكُمُ الظَّبَابُ

Al-Māidah 5: 4

Terjemahan: Mereka bertanya kepada kamu (wahai Muhammad): Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" Bagi menjawabnya katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang baik.

Menurut Ibn Kathīr, makanan yang baik (*al-tayyibāt*) adalah haiwan sembelihan yang halal dan baik, pengertian *al-tayyibāt* juga adalah setiap perkara yang dihalalkan oleh

<sup>94</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, ed. ke-3 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1989), 1:53. Lihat juga, Abū Zuhrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 46. Lihat juga, Muḥammad Abū al-Nūr Zuhayr, *Uṣūl al-Fiqh*, 1: 57. Lihat juga, `Iyād bin Nāmī Sulmī, *Uṣūl al-Fiqh al-Ladhi lā Yasa' al-Faqīh Jahluhu* (al-Riyāḍ: Dār al-Tadmuriyah, 2012), 53-54. Lihat juga, Badr al-Dīn Muḥammad bin Bahādur bin `Abd Allāh li Zarkashī, *al-Bahr al-Muhiṭ fi Uṣūl al-Fiqh* (al-Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1992), 275.

<sup>95</sup> *Ibid.*

Allah SWT dan perolehan pendapatan daripada sumber yang halal mengikut hukum syarak.<sup>96</sup>

- ii. Terdapat nas yang menafikan dosa dan kesalahan sekiranya melakukannya ia disertai oleh kewujudan *qarīnah*.<sup>97</sup>

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُرْحَمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا  
مَسْفُوْحًا أَوْ لَحْمَ حِنْزِيرٍ فِي نَهْرٍ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنِ اضْطَرَّ  
غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Al-An'ām 6: 145

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): Tidak aku dapat dalam apa yang telah diwahyukan kepada ku sesuatu yang diharamkan kepada orang yang hendak memakannya melainkan bangkai, darah yang mengalir, daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor atau sesuatu yang dilakukan secara fasik iaitu haiwan yang disembelih atas nama yang lain daripada nama Allah". Kemudian, sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkan dan tidak melampaui batas maka sesungguhnya Tuhan mu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Dalam ayat di atas, Allah SWT memerintahkan kepada Rasulullah SAW dan manusia untuk menjelaskan kepada orang-orang yang melakukan pendustaan dengan mengharamkan perkara yang telah diberikan oleh Allah SWT bahawa perkara yang diharamkan oleh Allah SWT adalah darah yang mengalir, bangkai dan daging babi dan binatang yang disembelih atas nama selain Allah SWT. Namun, sesiapa yang dalam keadaan terpaksa untuk memakan makanan yang dilarang maka tidak berdosa dan dimaafkan oleh Allah SWT dengan mengambilnya sekadar keperluan hidup sahaja.<sup>98</sup>

<sup>96</sup> 'Imād al-Dīn bin al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* ( al-Madīnah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1993), 2:16. Lihat juga, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad al-Anṣārī al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān* (t.p.: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t.), 6: 65.

<sup>97</sup> Iyād bin Nāmī Sulmī, *Uṣūl al-Fiqh al-Ladhi lā Yasa' al-Faqīh Jahluhu*, 53-54.

<sup>98</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 2: 1073. Lihat juga, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 7: 114.

iii. Nas yang jelas menunjukkan kehalalannya.<sup>99</sup>

أَحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الْصِّيَامِ الرَّفُثُ إِلَى نِسَاءِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ  
عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَحْتَاثُونَ أَنفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ

Al-Baqarah 2: 187

Terjemahan: Dihalalkan bagi kamu pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu, isteri-isteri kamu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawa kamu mengkhianati diri sendiri, lalu ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu.

Ayat ini merupakan rukhsah (keringanan) daripada Allah SWT kepada umat Islam.

Islam membenarkan kepada orang yang berpuasa untuk makan, minum, bersetubuh dan berehat selepas berbuka puasa sedangkan perkara-perkara ini dilarang untuk melakukannya pada siang hari.<sup>100</sup>

iv. Nas suruhan yang datang selepas tegahan.<sup>101</sup>

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَآذُكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا  
لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Al-Jumu'at 62: 10

Terjemahan: Setelah selesai sembahyang maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah serta ingatlah kepada Allah sebanyaknya dalam segala keadaan supaya kamu berjaya di dunia dan akhirat.

Dalam ayat ini, Allah SWT telah melarang orang Islam untuk berjual beli setelah mendengar azan dan memerintahkan mereka untuk berkumpul untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Setelah itu, Allah SWT membenarkan mereka untuk meneruskan urusan mereka di bumi serta mencari rezeki Allah SWT.<sup>102</sup>

<sup>99</sup> Iyād bin Nāmī Sulmī, *Uṣūl al-Fiqh al-Ladhi lā Yasa' al-Faqīh Jahluhu*, 53-54.

<sup>100</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 1: 209. Lihat juga, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 1: 691.

<sup>101</sup> Abū Zuhrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 47.

<sup>102</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 4: 367.

- v. Perkara yang dituntut oleh syarak untuk melakukannya seperti perkahwinan, makanan dan minuman.<sup>103</sup>

يَأَيُّهَا أَلْرُسُلُ كُلُّوْ مِنَ الظَّبِيْتِ وَأَعْمَلُوا صَلِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِمْ ﴿٢٣﴾

Al-Mukminūn 23: 51

Terjemahan: Wahai Rasul-rasul, makanlah daripada benda-benda yang baik lagi halal dan lakukan amalan-amalan soleh. Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu lakukan.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT telah memerintahkan kepada para Rasul supaya memakan makanan yang halal dan mengerjakan amalan yang soleh. Ini menunjukkan bahawa makanan yang halal boleh membantu manusia untuk melakukan amalan-amalan kebaikan sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam.<sup>104</sup>

- vi. Perbuatan yang didiamkan oleh syarak. Ini adalah kerana asal sesuatu perkara yang bermanfaat adalah halal.<sup>105</sup>

Dapat disimpulkan di sini bahawa halal mempunyai pengertian yang cukup luas. Halal merupakan setiap perkara yang dibenarkan oleh Allah SWT untuk menggunakan dan diambil manfaat daripadanya ataupun setiap perkara yang diberikan pilihan oleh Allah SWT kepada manusia untuk melakukan ataupun tidak melakukannya serta tidak diberikan pahala mahupun dosa jika melakukan ataupun tidak melakukannya. Ini kerana asal setiap perkara adalah diharuskan oleh syarak selagi mana tidak dinyatakan haram. Dalam konteks makanan misalnya, semua jenis makanan yang berada di muka bumi adalah halal kecuali dinyatakan pengharamannya dalam al-Quran mahupun sunnah baginda Rasulullah SAW.

<sup>103</sup> Abū Zuhrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 47.

<sup>104</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 3: 239.

<sup>105</sup> `Iyād bin Nāmī Sulmānī, *Uṣūl al-Fiqh al-Ladhi lā Yasa' al-Faqīh Jahluhu*, 53-54. Lihat juga, Badr al-Dīn Muḥammad, *al-Bahr al-Muhiṭ fi Uṣūl al-Fiqh*, 275.

## 2.2.2 Definisi Haram

Haram adalah perkataan lawan kepada halal. Haram merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *haruma*, *yahrumu*, *hurmatan* yang bermaksud perkara-perkara yang dilarang<sup>106</sup> dan ditegah<sup>107</sup> daripada melakukannya.<sup>108</sup> Dari sudut bahasa, haram didefinisikan sebagai tegahan dalam agama Islam yang memberikan ganjaran pahala kepada sesiapa yang mematuhi dan mempunyai implikasi dosa kepada sesiapa yang mengingkarinya.<sup>109</sup> Dalam bahasa Inggeris, haram dikenali sebagai halang/larang (*forbidden*), melarang secara pasti (*interdicted*), melarang/mencegah (*prohibited*),<sup>110</sup> larangan kerana agama atau adat (*taboo*)<sup>111</sup> dan diisyiharkan sebagai tidak mengikut undang-undang (*declared unlawful*).<sup>112</sup>

Dari segi istilah, haram diistilahkan dalam pelbagai pengertian dan menurut sesetengah ulama haram adalah sesuatu perkara yang ditegah oleh hukum Allah SWT untuk melakukannya secara pasti sama ada dimaklumkan melalui dalil *qat’i* ataupun *zanni*. Malah adalah menjadi kewajipan kepada manusia untuk mematuhi segala tegahan Allah SWT kerana ganjaran pahala akan diberikan bagi sesiapa yang mematuhi. *Al-hazr/al-mahzūr* adalah perkataan berlawanan kepada perkataan *al-mubāh/al-ibāhah*.<sup>113</sup> Manakala bagi sesetengah pandangan ulama pula, haram adalah hukuman yang dikenakan ke atas perbuatan yang bertentangan dengan syarak<sup>114</sup> ataupun sesuatu perbuatan yang dicela oleh hukum syarak sama ada dapat diketahuinya daripada al-Quran, sunnah, ijmak ulama dan

<sup>106</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Besar Arab-Melayu-Dewan*, 428.

<sup>107</sup> Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣīḥāḥ*, 132.

<sup>108</sup> Ibrāhīm Anis et al., *al-Mu’jam al-Wasīṭ*, 169.

<sup>109</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, 513.

<sup>110</sup> Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, 171. Lihat juga, “tanpa penulis”, *al-Farāid al-Ariyah li al-Tullāb ‘Arabi-Ingeliṣī*, 104.

<sup>111</sup> Ed. E. Elias dan Elias A. Elias, *al-Qāmūs al-‘Asrī ‘Arabī - Ingeliṣī*, 146.

<sup>112</sup> H. Anthony Salmone, *al-Qāmūs al-‘Alī li al-Muta’allim*, 132.

<sup>113</sup> Muḥammad Amin al-Shahīr bin ‘Abidīn, *Hāshiyah Radd al-Mukhtār* (Bayrūt: Dar al-Fikr, 1992), 6: 339. Lihat juga, Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 52-53. Lihat juga, Muḥammad Abū Zuhrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 46.

<sup>114</sup> Al-Khaḍārī Bik, *Uṣūl al-Fiqh*, 54.

dalil syarak yang lain.<sup>115</sup> Istilah haram ini juga sering dikenali sebagai perbuatan maksiat, berdosa, buruk (*al-qabīḥ*), hina dan seumpamanya oleh hukum syarak.

Pelbagai pendekatan digunakan yang membawa kepada maksud haram antaranya adalah:<sup>116</sup>

- i. Perkara yang telah ditetapkan oleh syarak tentang pengharamannya.<sup>117</sup> Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرِبُوا الْرِّجَالَ إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا ﴿٣﴾

Al-Isrā' 17: 32

Terjemahan: Dan janganlah kamu menghampiri zina. Sesungguhnya zina adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat iaitu yang membawa kerosakan.

Dalam ayat di atas, Allah SWT melarang orang Islam melakukan zina dan segala faktor-faktor yang membawa manusia mendekati zina. Ini kerana zina termasuk dalam perbuatan yang berdosa besar dan perbuatan yang keji.<sup>118</sup>

- ii. Nas yang menghabarkan pengharamannya.<sup>119</sup> Iaitu lafaz tegahan. Firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الْرِّبَاً

Al-Baqarah 2: 275

Terjemahan: Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

Ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan secara pasti bahawa Allah SWT menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Ayat ini merupakan penolakan kepada perbuatan golongan yang menyamakan antara riba dengan urusan jual beli.<sup>120</sup>

<sup>115</sup> Al-Zarkhashī, *al-Bahr al-Muhiṭ fi Usūl al-Fiqh*, 255. Lihat juga, `Iyād bin Nāmī Sulmī, *Usūl al-Fiqh al-Ladhi lā Yasa' al-Faqīh Jahluhu*, 48.

<sup>116</sup> `Iyād bin Nāmī Sulmī, *Usūl al-Fiqh al-Ladhi lā Yasa' al-Faqīh Jahluhu*, 48.

<sup>117</sup> *Ibid.*

<sup>118</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-`Aẓīm*, 3:38. Lihat juga, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 1: 306.

<sup>119</sup> `Iyād bin Nāmī Sulmī, *Usūl al-Fiqh al-Ladhi lā Yasa' al-Faqīh Jahluhu*, 48.

iii. Menjelaskan sesuatu perbuatan itu mengandungi dosa.<sup>121</sup> Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَفْعُلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَاماً ﴿١٦﴾ يُضَعِّفُ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَتَخْلُدُ فِيهِ مُهَانًا



Al-Furqān 25: 68-69

Terjemahan: Sesiapa melakukan yang demikian akan mendapat (balasan) dosa(nya) dan digandakan azab seksa untuknya pada hari kiamat dan dia pula akan kekal di dalam azab tersebut dalam keadaan terhina.

Dalam ayat ini, Allah SWT menjanjikan balasan dosa ke atas sesiapa yang menyekutukan Allah SWT, melakukan pembunuhan dan perzinaan. Malah mereka diberikan jaminan oleh Allah SWT untuk mendapat azab neraka dalam keadaan yang sangat terhina.<sup>122</sup>

Para ulama<sup>123</sup> telah mengkategorikan hukum haram kepada dua bahagian iaitu *harām li dhātih* dan *harām li ghayrihi*. *Harām li dhātih*<sup>124</sup> adalah perkara yang diharamkan ke atas zatnya seperti arak dan babi. Pengharaman ini bertujuan untuk menjaga lima perkara yang asas kepada manusia iaitu penjagaan ke atas nyawa, keturunan, harta benda, akal dan agama. Manakala *harām li ghayrihi*<sup>125</sup> adalah perkara yang diharamkan disebabkan faktor-faktor luaran yang lain. Dalam erti kata yang lain, perbuatan itu pada asalnya dibenarkan oleh syarak tetapi menjadi di haram disebabkan berlaku perkara-perkara yang dilarang menurut hukum syarak.

Oleh kerana itu, dapat disimpulkan di sini bahawa haram adalah setiap perkara yang menjadi tegahan dan juga larangan daripada Allah SWT ke atas setiap manusia maka setiap manusia wajib untuk menjauhi dan mematuhi segala tegahan dan larangan Allah SWT

<sup>120</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 1:309. Lihat juga, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 1: 306.

<sup>121</sup> 'Iyād bin Nāmī Sulmī, *Uṣūl al-Fiqh al-Ladhi lā Yasa' al-Faqīh Jahluhu*, 48.

<sup>122</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 3: 2041-2043.

<sup>123</sup> 'Iyād bin Nāmī Sulmī, *Uṣūl al-Fiqh al-Ladhi lā Yasa' al-Faqīh Jahluhu*, 48-49.

<sup>124</sup> Muḥammad Abū Zuhrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 43.

<sup>125</sup> *Ibid.*

tersebut. Ini kerana Allah SWT telah menjanjikan ganjaran pahala yang besar bagi setiap manusia yang patuh kepada tegahanNya. Tegahan dan larangan Allah SWT hanya boleh diketahui melalui keterangan daripada al-Quran dan sunnah. Dalam konteks makanan misalnya, makanan yang diharamkan ke atas manusia (khususnya yang beragama Islam) seperti arak, darah, bangkai, dadah dan lain-lain lagi walau bagaimanapun makanan yang diharamkan adalah sedikit jika dibandingkan dengan makanan yang dihalalkan oleh Allah SWT kepada manusia.

### 2.2.3 Definisi Syubhah

Syubhah adalah sesuatu perkara yang tidak jelas hukumnya antara halal dan haram. Syubhah merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *shabbaha*, *yushabbahu*, *tashbihan* yang bermaksud menjadi samar, tidak jelas, kesamaran, yang diragui hukumnya sama ada halal atau haram, hak atau batil,<sup>126</sup> ketidaktentuan dan kecurigaan.<sup>127</sup> Menurut *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, syubhah adalah menyamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain, yang menyamai dengan sifat-sifatnya ataupun serupa.<sup>128</sup> Dalam bahasa Inggeris, syubhah dikenali sebagai keraguan/kesangsian (*doubt*), ketidakpastian (*uncertainty*), kabur (*equivocal*), kecurigaan (*suspicion*),<sup>129</sup> kecaburan (*obscenity*), kesamaran (*vagueness*), tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran (*not clear intelligible passages in the Quran*),<sup>130</sup> ragu/sangsi (*dubiousness*) dan kesamaran/kecaburan (*ambiguity*).<sup>131</sup>

Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada al-Nu'mān bin Bashīr bahawa Rasulullah SAW bersabda:

<sup>126</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Besar Arab-Melayu-Dewan*, 1229.

<sup>127</sup> Abdurrahman Haqqi et. al, *Kamus Fikir*, 197.

<sup>128</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'un al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 5.

<sup>129</sup> "tanpa penulis", *al-Farāid al-Ariyah li al-Tullāb 'Arabi-Ingeliṣī*, 281.

<sup>130</sup> Hans Wehr, *A Dictionary Of Modern Written Arabic*, 454.

<sup>131</sup> H. Anthony Salmon, *al-Qāmūs al-'Alī Li al-Muta'allim*, 301.

إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنِهِمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ، فَمِنْ أَنْقَى الشَّبَهَاتِ، اسْتَبَرَأُ لِدِينِهِ وَعَرَضَهُ، وَمِنْ وَقَعَ فِي الشَّبَهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي يَرْعِي حَوْلَ الْحَمْىٍ يَوْشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلْكٍ حَمْىً، أَلَا وَإِنَّ حَمْىَ اللَّهِ حَارِمَهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مَضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلْحَةُ الْجَسَدِ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسْدَةُ الْجَسَدِ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

Terjemahan: Sesungguhnya yang halal sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas dan di antara kedua-duanya itu ada beberapa perkara yang belum jelas (syubhah) ramai yang tidak mengetahuinya, maka sesiapa yang menjauhinya, kerana hendak membersihkan agama dan kehormatannya, maka dia pasti selamat dan sesiapa yang mengerjakan walau sedikit daripadanya hampir-hampir ia akan jatuh ke dalam haram, sebagaimana orang yang menggembala kambing di sekitar daerah larangan dia hampir-hampir jatuh ke dalamnya. Ingatlah, setiap raja mempunyai daerah larangan. Ingatlah, setiap jasad manusia ada seketul daging apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosak seluruh jasad, ia adalah hati.<sup>132</sup>

Berdasarkan kepada hadis ini, terdapat tiga perkara utama yang dibincangkan iaitu pertama, *al-halāl bayyin* adalah setiap perkara yang dijelaskan halal oleh nas syarak. Kedua, *al-harām bayyin* adalah setiap perkara yang dijelaskan haram oleh nas syarak dan ketiga, *mushstabihāt* adalah setiap perkara yang tidak dijelaskan hukumnya halal ataupun haram oleh nas syarak.

Menurut Quṭb Muṣṭafā Sānū, syubhah dari segi istilah adalah keraguan terhadap perkara-perkara yang tidak diketahui sama ada halal ataupun haram, hak dan batil<sup>133</sup> ataupun kemosykilan.<sup>134</sup> Imam Bukhari turut menjelaskan syubhah adalah perkara-perkara

<sup>132</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Imān, Bab Faḍl min Istabrah Lidīnihi, no. al-Hadith, 52. Abū `Abd Allāh Muḥammad bin Ismā`il al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” ed. ke-2 (al-Urdan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2012), 18. Lihat juga, hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Buyū’, Bab Mā Jā’ā fī al-Shubuhāt, no. al-Hadith 1209. Abū `Isā Muḥammad bin `Isā bin Sawrah, “Sunan al-Tirmidhī,” (Bayrut: Dar al-Fikr, 1994), 3: 3. Lihat juga, Abū Dāwūd, Kitab al-Buyū’, Bab Ijtināb al-Shubuhāt, no. al-Hadith 3329. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash`ath al-Sajistānī, “Sunan Abū Dāwūd,” (Bayrut: al-Risālah, 2009), 5: 218.

<sup>133</sup> Quṭb Muṣṭafā Sānū, *Mu’jam Muṣṭalaḥat Uṣul al-Fiqh* (Bayrut: Dār al-Fikr al-Mu’āṣir, 2000), 242.

<sup>134</sup> Sa’dī Abū Jayb, *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan wa Ḥisṭalahān*, ed. ke-4 (Dimash: Dār al-Fikr, 2009), 190. Lihat juga, Quṭb Muṣṭafā Sānū, *Mu’jam Muṣṭalaḥat Uṣul al-Fiqh*, 189.

yang kurang jelas dan tidak dinyatakan pada zatnya sama ada halal ataupun haram.<sup>135</sup> Muhammad al-Khaṭṭābī menghuraikan syubhah sebagai perkara-perkara yang menjadi keraguan kepada sebahagian manusia dan bukan sebahagian manusia yang lain. Dalam pengertian yang lain, perkara syubhah adalah perkara yang tidak diterangkan secara detil oleh syarak dan hanya diketahui secara khusus dalam kalangan para ulama berdasarkan penelitian dan pengamatan yang teliti berdasarkan kepada sumber-sumber primer dan sekunder syarak. Oleh yang demikian, Islam menganjurkan kepada manusia agar bersikap *tawakkuf* dan menghindarkan diri daripada mengambil perkara-perkara yang syubhah kerana dikhawatir terjerumus dalam perkara haram kecuali setelah dinyatakan halal.<sup>136</sup>

Daripada takrifan di atas, dapatlah difahami bahawa syubhah adalah setiap perkara yang tidak diyakini dan tidak diketahui tentang halal atau haram secara pasti. Ia terhasil daripada pencampuran antara unsur halal dan unsur haram sehingga sukar untuk dibezakan antara satu sama lain. Dengan mengambil perkara yang syubhah, dikhawatir akan mengambil perkara yang diharamkan oleh Allah SWT. Ini mampu menegah perbuatan yang mengakibatkan *mafsadah* atau kerosakan yang ditetapkan berdasarkan nas syarak sekali gus mendidik manusia sentiasa berhati-hati dalam setiap aspek kehidupan. Oleh sebab itu, Islam menyarankan supaya orang Islam bersikap berhati-hati dengan perkara syubhah kerana ditakuti terlibat dengan perkara yang haram.

Justeru, takrifan halal, haram dan syubhah adalah tunjang utama dalam penentuan status hukum bagi produk berdasarkan makanan dan bukan makanan misalnya produk farmaseutikal dan kosmetik.

<sup>135</sup> Abū al-‘Ulā’ Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubarakfūrī, *Tuhfah al-Aḥwadhi Bi Sharḥ Jamī’ al-Tirmidhī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 4: 331.

<sup>136</sup> Abū Sulaymān bin Muḥammad Al-Khaṭṭābī al-Bustī, *Ma’alim Sunan*, ed. ke-2 (Bayrūt: Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1981), 56-57. Lihat juga, Saadan Man dan Zainal Abidin Yahaya, *Halalkah Makanan Kita?*, ed. ke-2 (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2014), 38.

## **2.3 Makanan dan Minuman Halal**

Secara umumnya, manusia memerlukan makanan dan minuman untuk memenuhi keperluan hidup dan ada di antara dihalalkan oleh Allah SWT malah ada pula yang diharamkan.

### **2.3.1 Definisi Makanan**

Makanan adalah apa sahaja yang boleh dimakan dan segala yang diambil daripadanya bagi menghasilkan tenaga dan kekuatan.<sup>137</sup> Menurut definisi ilmu sains pula, makanan adalah apa sahaja sama ada pepejal, cecair atau di antara kedua-duanya yang mempunyai komposisi kimia yang tersendiri dan berfungsi untuk menjalankan tugas-tugas yang berikut; (i) menyediakan tubuh badan dengan bahan-bahan yang diperlukan bagi membolehkan seseorang itu membuat kerja dan mendapat tenaga haba; (ii) menyediakan bahan-bahan untuk tumbesaran, memelihara dan membina tisu-tisu badan; dan (iii) sebagai pembekal bahan-bahan yang selalunya berkitar keperluannya seperti penghasilan tenaga atau untuk proses pertumbuhan dan membaik pulih tubuh.<sup>138</sup>

Di Malaysia, berdasarkan kepada MS 1500:2009 makanan halal didefinisikan sebagai makanan yang dibenarkan di bawah undang-undang syariah dan memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>139</sup>

- a) Tidak mengandungi apa-apa bahan daripada haiwan yang tidak halal kepada orang Islam mengikut hukum syarak atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- b) Tidak mengandungi najis mengikut hukum syarak.

---

<sup>137</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, 981.

<sup>138</sup> Che Wan Jasimah, *Konsep Kesihatan Pemakanan Pendekatan Islam dan Sains* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2000), 14-15.

<sup>139</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)* (Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009), 1-2.

- c) Selamat dimakan, tidak beracun, tidak memabukkan atau tidak memudaratkan kesihatan.
- d) Tidak disediakan, diproses atau di kilang menggunakan peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak.
- e) Tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak.
- f) Semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, makanan tersebut diasingkan dari makanan lain yang tidak menepati keperluan dalam butiran a), b), c), d), atau e) di atas atau bahan-bahan lain yang telah disahkan sebagai najis menurut hukum syarak.

Di Brunei, berdasarkan kepada PBD 24:2007 makanan halal adalah makanan yang dibenarkan oleh undang-undang syariah dan memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>140</sup>

- a) Makanan atau bahan ramuan tidak mengandungi apa-apa bahan daripada haiwan yang tidak halal kepada orang Islam mengikut hukum syarak atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- b) Makanan yang tidak mengandungi najis mengikut hukum syarak.
- c) Makanan yang selamat dimakan dan tidak memudaratkan kesihatan.
- d) Makanan yang disediakan, diproses atau di kilang tidak menggunakan peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak.
- e) Makanan atau bahan ramuan tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak.

---

<sup>140</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007-Brunei Darussalam Standard Halal Food* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007), 7-8.

- f) Semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, makanan tersebut secara fizikalnya diasingkan dari makanan lain yang tidak menepati keperluan dalam butiran a), b), c), d), atau e) di atas atau bahan-bahan lain yang telah disahkan sebagai najis menurut hukum syarak.

Di Singapura, berdasarkan kepada MUIS-HC-S001 makanan halal adalah makanan yang memenuhi kriteria-kriteria yang berikut:<sup>141</sup>

- a) Produk yang tidak mengandungi mana-mana bahan dan/atau derivatif daripada sumber yang tidak halal.
- b) Produk yang tidak mengandungi mana-mana bahan daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- c) Produk yang tidak mengandungi mana-mana bahan dan/atau derivatif yang disahkan sebagai najis.
- d) Produk dan/atau bahan yang disediakan, diproses atau di kilang tidak menggunakan peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak.
- e) Semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, makanan tersebut diasingkan daripada makanan lain yang tidak menepati keperluan dalam butiran a), b), c), d), atau e) di atas atau bahan-bahan lain yang telah disahkan sebagai najis menurut hukum syarak.

Di Indonesia, berdasarkan kepada HAS 23201 makanan yang dikategorikan sebagai halal adalah memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>142</sup>

- a) Bahan tidak berasal daripada babi atau turunannya.

<sup>141</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S001-General Guidelines for the Handling and Processing of Halal Food* (Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura, 2007), 8.

<sup>142</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), *HAS 23201-Pensyarat Bahan Pangan* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2012), 4.

- b) Bahan tidak mengandungi bahan daripada babi atau turunannya.
- c) Bahan bukan merupakan *khamr* (minuman beralkohol) atau turunan *khamr* yang dipisahkan secara fizikal.
- d) Bahan tidak mengandungi *khamr* (minuman beralkohol) atau turunan *khamr* yang dipisahkan secara fizik.
- e) Bahan bukan merupakan darah, bangkai dan bahagian dari tubuh manusia.
- f) Bahan tidak mengandungi darah, bangkai dan bahagian daripada tubuh manusia.
- g) Bahan tidak boleh dihasilkan daripada fasilitas produksi (peralatan penghasilan) yang juga digunakan untuk membuat produk yang menggunakan babi atau turunannya sebagai salah satu bahannya.
- h) Bahan tidak bercampur dengan bahan haram atau najis yang dapat berasal dari bahan tambahan, bahan penolong dan fasilitas produksi.
- i) Bahan yang memiliki potensi/kemungkinan di produksi di kilang yang sama dengan bahan dari babi atau turunannya, harus disertai pernyataan *pork free facility* daripada syarikatnya.
- j) Perusahaan yang menerapkan pengkodean (pengkodan/*de-coding*) terhadap bahan atau produk harus dapat menjamin masih dapat ditelusuri dengan jelas, baik terhadap bahan yang digunakan, produsen maupun status halal dari masing-masing bahan. Pengkodean juga harus menjamin barang dengan kod yang sama berstatus halal yang sama.

Berdasarkan kepada definisi makanan halal di empat negara, dapat difahami bahawa makanan halal adalah makanan yang tidak mengandungi apa-apa bahan yang tidak halal mengikut hukum syarak, cara pengendalian makanan adalah mengikut syarak, peralatan yang digunakan bersih dan suci serta menepati keperluan halal sepenuhnya. Makanan halal

tidak hanya menitikberatkan aspek kesucian semata-mata bahkan merangkumi aspek kebersihan, kesihatan dan keselamatan kepada pengguna. Justeru, pengguna yang memilih makanan halal sebagai pilihan utama boleh mengambil manfaat daripada produk halal tanpa sebarang keraguan.

### 2.3.2 Makanan Yang Dikategorikan Sebagai Halal

Makanan yang dikategorikan sebagai halal adalah memenuhi beberapa kriteria berikut:

- i. Semua jenis tumbuh-tumbuhan adalah halal kecuali ia boleh memudaratkan, mengkhayalkan dan beracun.<sup>143</sup> Firman Allah SWT:

\* وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالرَّزْرَعَ مُخْتَلِفًا  
أَكُلُهُ وَالرَّيْتُونَ وَالرُّمَانَ مُتَشَبِّهًا وَغَيْرُ مُتَشَبِّهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ  
وَءَاتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّمَا لَا تُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ \*

Al-An'ām 6: 141

Terjemahan: Dan Dia (Allah) yang menjadikan untuk kamu kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar, pohon-pohon tamar kurma, dan tanaman-tanaman yang berlainan bentuk, rupa dan rasa, buah zaitun dan delima, yang sama warna atau daun dan tidak sama rasanya. Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakat) pada hari memetik atau menuai, dan janganlah kamu melampau pada apa-apa juga yang kamu makan atau belanjakan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menegaskan bahawa hanya Dia sahaja pencipta bagi semua ciptaan di dunia ini termasuklah tumbuh-tumbuhan, dan ternakan. Malah, ayat ini juga merupakan suruhan Allah SWT ke atas manusia agar menunaikan kefarduan zakat pertanian ke atas golongan fakir dan miskin.<sup>144</sup>

<sup>143</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 2592.

<sup>144</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 2: 173.

- ii. Semua jenis haiwan ternakan adalah halal dalam Islam.<sup>145</sup> Firman Allah SWT di dalam surah al-Māidah seperti berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا أَوْفُوا بِالْعُهُودِ إِنَّمَا حَرَمٌ مِّنَ الْأَنْعَمِ مَا يُتَلَى عَلَيْكُمْ  
غَيْرِ مُحْلِي الصَّيْدِ وَإِنْتُمْ حُرُومٌ إِنَّ اللَّهَ تَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

Al-Māidah 5: 1

Terjemahan: Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (makanan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Dihalalkan binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan apa yang ia kehendaki.

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menciptakan haiwan ternakan seperti unta, lembu dan kambing agar dapat dimanfaatkan oleh manusia.<sup>146</sup> Haiwan ternakan adalah merujuk kepada haiwan yang diternak oleh manusia sama ada untuk makanan atau perdagangan termasuk lembu, unta, kambing.<sup>147</sup>

- iii. Semua jenis haiwan buruan seperti rusa, kijang, pelanduk, arnab dan sebagainya yang diburu bagi tujuan makanan dan perdagangan.<sup>148</sup> Firman Allah SWT lagi di dalam al-Quran:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أَحِلَّ لَهُمْ قُلْ أَحِلَّ لَكُمُ الظَّبَابُ وَمَا عَلَمْتُمْ مِّنْ أَجْوَارِ مُكَلِّبِينَ  
تُعَمِّلُونَ مِمَّا عَلَمْتُمُ اللَّهُ فَكُلُّوْ مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَاتَّقُوا  
اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Al-Māidah 5: 4

<sup>145</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 2595.

<sup>146</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 2: 829. Lihat juga, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān* 6: 34.

<sup>147</sup> Abū Iṣhāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf al-Firuzabādī al-Shīrāzī, *al-Muhaḍhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*, ed. ke-3 (Mişr: Muşṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1976), 329. Lihat juga, 'Ilā' al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Samarqāndī, *Tuhfah al-Fuqahā'* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 3: 64. Lihat juga, Zakariyā 'Alī Yūsuf, *Badā'i' al-Šanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'* (al-Qāhirah, t.p., t.t.), 2756.

<sup>148</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 2595.

Terjemahan: Mereka bertanya kepada mu (wahai Muhammad): "Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" Katakanlah: "Dihalalkan bagi mu yang baik-baik, dan buruan yang ditangkap oleh haiwan-haiwan pemburu yang telah kamu ajar untuk berburu mengikut cara pelatih-pelatih haiwan pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya tentang adab peraturan berburu sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untuk kamu, dan sebutlah nama Allah atas binatang buas itu (waktu melepasnya). Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat cepat hisabNya."

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menghalalkan semua haiwan yang disembelih dengan menyebut nama Allah SWT dan pelbagai makanan yang baik. Selain itu, dihalalkan juga haiwan buruan yang diperoleh melalui haiwan-haiwan yang telah dilatih untuk berburu seperti anjing dan burung. Antara syarat-syaratnya adalah sekiranya dilepaskan, haiwan yang telah dilatih akan segera menuju kepada sasaran, haiwan buruan masih lagi hidup setelah ditangkap, hasil buruan dibawa kepada tuannya dan melepaskan anjing tersebut dengan mengucapkan bacaan *basmalah* ke atasnya.<sup>149</sup>

iv. Semua jenis haiwan laut kecuali haiwan yang beracun dan memudaratkan kepada tubuh badan manusia.<sup>150</sup> Haiwan air ialah haiwan yang boleh hidup secara hakikatnya di dalam air sahaja. Ianya adalah halal dan boleh dimakan.

Firman Allah SWT:

أَحِلٌّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ، مَتَعًا لَكُمْ وَلِلشَّيَارَةِ

Al-Māidah 5: 96

Terjemahan: Dihalalkan bagi kamu haiwan buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut sebagai bekalan bagi kamu untuk dinikmati kelazatannya dan juga bagi orang yang dalam pelayaran.

<sup>149</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 2: 16-17.

<sup>150</sup> Al-Shīrazi, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'i*, 333. Lihat juga, `Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh `alā al-Madhāhib al-Arba`ah* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1969-1972), 2: 5. Lihat juga, `Ilā` al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Samarqandī, *Tuhfah al-Fuqahā'*, 63. Lihat juga, Zakariyā `Alī Yūsuf, *Badā` al-Sandī` fī Tartīb al-Sharā`ī*, 2752. Lihat juga, Yūsuf bin al-Ardabīlī, *al-Anwār li A`māl al-Abrār fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'i* (al-Qāhirah: Mu'assasah al-Ḥalabī wa al-Sharīkah, 1969-1970), 588.

Ayat di atas merupakan dalil mengenai kehalalan bagi haiwan laut untuk dimanfaatkan oleh manusia sama ada haiwan laut ini ditangkap ketika masih hidup ataupun telah mati. Ada sesetengah daripada mereka menjadikan haiwan laut dengan mengeringkannya sebagai persediaan bekalan oleh para musafir dan orang-orang yang tinggal jauh dari laut.<sup>151</sup>

- v. Semua jenis burung yang hidup di udara dan di darat baik spesies burung yang boleh terbang dan tidak boleh terbang seperti burung kasuari, burung merpati, burung puyuh dan sebagainya yang halal untuk dimakan dagingnya berserta telur sebagai sumber protein makanan.

أَلَمْ يَرُوا إِلَى الظَّيْرِ مُسَخَّرَاتٍ فِي جَوَّ السَّمَاءِ مَا يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Al-Nahl (16): 79

Terjemahan: Tidakkah mereka memperhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang melayang-layang di angkasa? Tiada yang menahan mereka daripada jatuh melainkan Allah. Sesungguhnya itu adalah tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi orang yang beriman.

- vi. Makanan yang didiamkan oleh syarak, hendaklah merujuk kepada selera atau cita rasa orang Arab.<sup>152</sup>

Dalam perbincangan hukum Islam, cita rasa orang Arab menjadi satu standard dalam menentukan halal dan haram dalam makanan. Menurut Wahbah al-Zuhaylī, penilaian baik dan buruk sesuatu makanan mesti bersandarkan kepada selera Arab.<sup>153</sup> Namun, penilaian kriteria baik dan buruk dalam makanan adalah lebih relevan berasaskan selera atau cita rasa manusia yang sihat. Dan tidak wajar cita rasa Arab diletakkan sebagai

<sup>151</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 2: 964-965.

<sup>152</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 2599.

<sup>153</sup> *Ibid.*

asas utama dalam kriteria berkenaan. Ini adalah kerana budaya tempatan dan kondisi tempat mempengaruhi dalam perbezaan cita rasa dalam pemakanan sesebuah masyarakat.<sup>154</sup>

vii. Semua makanan yang baik dan menyihatkan kepada tubuh badan manusia. Ia berasaskan selera manusia yang sihat, enak bagi orang yang memakannya serta tidak mendatangkan mudarat kepada diri dan agama.<sup>155</sup> Firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أَحِلَّ لَهُمْ قُلْ أَحِلَّ لَكُمُ الظَّبَابُ

Al-Māidah 5: 4

Terjemahan: Mereka bertanya kepada kamu (wahai Muhammad): Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" Bagi menjawabnya katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang baik-baik.

Ayat ini turut menjelaskan bahawa Islam menghalalkan makanan yang *tayyib* (baik) terutamanya dalam pemilihan makanan. Justeru, setiap individu perlu menitikberatkan perkara *tayyib* dalam pemilihan makanan dan menjadikannya sebagai budaya dalam kehidupan. Makanan yang dianggap kotor oleh manusia adalah makanan yang boleh memudaratzkan tubuh badan manusia seperti meminum arak boleh memabukkan dan membahayakan kesihatan manusia.<sup>156</sup> Setiap individu Muslim wajib mengelakkan diri daripada makanan yang haram kerana ia menyebabkan doa dan amalan ibadat kepada Allah SWT akan ditolak.

<sup>154</sup> Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin, "Kriteria Makanan Yang Baik dan Buruk Menurut Perspektif Kepenggunaan Islam," 71.

<sup>155</sup> *Ibid.*, 69. Lihat juga, al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, 329.

<sup>156</sup> Abū `Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qurān* (t.tp.: Dār al-Kitab al-`Arabi, t.t.), 6: 65.

### 2.3.3 Makanan Yang Dikategorikan Sebagai Haram

Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW telah menyebutkan beberapa makanan dan minuman yang diharamkan ke atas manusia. Kriteria-kriteria makanan yang dikategorikan sebagai haram adalah seperti berikut:

- i. Darah yang mengalir. Firman Allah SWT di dalam surah al-An'ām, ayat 145:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَن يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا  
مَسْفُو حًّا

Al-An'ām 6: 14

Terjemahan: Katakanlah wahai Muhammad: Aku tidak dapat dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan bangkai, atau darah yang mengalir.

Berdasarkan ayat di atas, darah yang diharamkan adalah darah yang mengalir semasa sembelihan haiwan. Sebaliknya darah yang bercampur dengan daging tidak diharamkan oleh syarak.<sup>157</sup>

- ii. Babi dan derivatifnya.<sup>158</sup> Firman Allah SWT surah al-An'ām, ayat 145:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَن يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا  
مَسْفُو حًّا

Al-An'ām 6: 145

Terjemahan: Katakanlah wahai Muhammad: Tidak aku dapat dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan bangkai, atau darah yang mengalir, daging babi.

- iii. Bangkai, iaitu haiwan yang mati tanpa disembelih mengikut hukum Islam.

Firman Allah SWT:

<sup>157</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 2: 1073.

<sup>158</sup> Al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 328. Lihat juga, al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh `alā al-Madhbāh al-Arbā`ah*, 4. Lihat juga, Yūsuf bin al-Ardabīlī, *al-Anwār li A`māl al-Abraar fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 588.

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ  
 وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ الْسَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَرْتُمْ وَمَا ذُبَحَ عَلَى النُّصُبِ  
 وَأَن تَسْتَقِسُوا بِالْأَرْلَمِ ذَلِكُمْ فِسْقٌ ﴿١٣﴾

Al-Mâidah 5: 3

Terjemahan: Diharamkan kepada kamu memakan bangkai (haiwan yang tidak disembelih), darah (yang keluar mengalir), daging babi (termasuk semuanya), haiwan-haiwan yang disembelih kerana yang lain dari Allah, yang mati tercekik, yang mati dipukul, yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, yang mati ditanduk, yang mati dimakan haiwan buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), yang disembelih atas nama berhala, dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Ini adalah termasuk dalam perbuatan fasik.

Dalam ayat di atas, Allah SWT menerangkan makanan yang dilarang untuk memakannya yang terdiri daripada bangkai haiwan iaitu haiwan yang mati bukan kerana sembelihan ataupun diburu oleh manusia. Haiwan ini mengandungi darah beku yang sangat memudarangkan kepada agama dan tubuh badan. Oleh kerana itu, Allah SWT telah mengharamkannya.<sup>159</sup> Maksud bangkai haiwan dalam ayat ini, *al-munkhaniqah*<sup>160</sup> adalah bangkai haiwan seperti haiwan yang mati akibat tercekik, sama ada secara menghimpit leher haiwan atau pun meletakkan kepala haiwan pada tempat yang sempit dan sebagainya sehingga haiwan tersebut mati. *Al-mawqûdhah*<sup>161</sup> adalah haiwan yang mati akibat dipukul, sama ada haiwan yang mati kerana dipukul dengan tongkat dan sebagainya. *Al-mutaraddiyah*<sup>162</sup> adalah haiwan yang mati akibat jatuh dari tempat tinggi sehingga mati. Begitu juga dengan haiwan yang mati kerana jatuh ke dalam kolam, tasik dan telaga. *Al-naṭîḥah*<sup>163</sup> adalah haiwan yang mati akibat ditanduk, atau haiwan yang berlawanan antara

<sup>159</sup> Ibn Kathîr, *Tafsîr al-Qur'ân al-'Azîm*, 2: 833. Lihat juga, al-Qurtûbî, *al-Jâmi' li Ahkâm al-Qurâن*, 6: 48-50.

<sup>160</sup> *Ibid.*

<sup>161</sup> *Ibid.*

<sup>162</sup> *Ibid.*

<sup>163</sup> *Ibid.*

satu sama lain sehingga mati. *Mā akala sabu'u*<sup>164</sup> adalah haiwan yang diterkam oleh haiwan buas kemudian dimakan sebahagian dagingnya sehingga mati.

iv. Haiwan yang disembelih bukan dengan nama Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَمَا ذُبْحَ عَلَى الْنُّصُبِ وَأَن تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ذَلِكُمْ فِسْقٌ

Al-Māidah 5: 3

Terjemahan: Yang disembelih atas nama berhala, dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Demikian itu, adalah perbuatan fasik.

Masyarakat Arab Jahiliah sering mengadakan sembelihan haiwan dan melumuri Kaabah dengan darah sembelihan. Kemudian, mereka memotong-memotong daging haiwan dan meletakkannya di hadapan berhala-berhala. Pada hakikatnya, Allah SWT milarang orang Islam melakukan perbuatan tersebut dan mengharamkan mereka memakan haiwan-haiwan yang disembelih untuk berhala-berhala berkenaan. Sekalipun dengan menyebut nama Allah SWT semasa sembelihan. Penyembelihan haiwan di samping berhala merupakan salah satu bentuk kemosyikan yang diharamkan oleh Allah SWT dan RasulNya.<sup>165</sup>

v. Haiwan yang disembelih dengan tidak menyebut nama Allah SWT.

وَمَا أَهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ

Al-Māidah 5: 3

Terjemahan: Yang disembelih atas nama selain Allah.

Haiwan yang disembelih bukan nama Allah SWT adalah haram dalam Islam. Ini kerana Allah SWT telah mewajibkan agar menyembelih haiwan dengan disebutkan nama Allah SWT. Oleh itu, semua haiwan yang disembelih dengan menyebut nama selain

<sup>164</sup> *Ibid.*, 839.

<sup>165</sup> *Ibid.*, 840.

daripada Allah SWT seperti nama berhala, patung dan sebagainya adalah haram hukumnya.<sup>166</sup>

- vi. Semua jenis haiwan yang bertaring yang digunakan untuk membunuh seperti harimau, beruang, gajah, kucing dan kera.<sup>167</sup> Pengharamannya disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَا عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِّنَ السَّبَاعِ

Terjemahan: Bahawa Rasulullah melarang daripada makan setiap binatang buas yang bertaring.<sup>168</sup>

- vii. Semua jenis burung yang mempunyai kuku pencakar atau menyambar seperti burung helang.<sup>169</sup> Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās RA:

نَهَا رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِّنَ السَّبَاعِ وَكُلِّ ذِي مِخْلَبٍ مِّنَ الطَّيْرِ

Terjemahan: “Rasulullah melarang (memakan) setiap binatang buas yang bertaring dan memakan setiap burung yang berkaki mencengkam.”<sup>170</sup>

- viii. Haiwan *jallālah*.<sup>171</sup> Haiwan *jallālah* adalah haiwan yang memakan kotoran dan bernajis seperti kambing, lembu, kerbau, angsa, ayam dan lain-lain. Manusia dilarang daripada memakan, menunggangi ataupun meminum susunya. Dalam sebuah hadis meriwayatkan:

---

<sup>166</sup> *Ibid.*, 835.

<sup>167</sup> Muhammad al-Zahrī al-Ghamrāwī, *al-Sirāj al-Wahāj* (al-Qāhirah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1933), 565.

<sup>168</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Dhabāḥ wa al-Ṣayd, Bab Akl Kulli Dhī Nāb min al-Sibā’, no. al-Hadith, 5530. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” ed. ke-2 (Riyāḍ: Dār al-Salām, 1999), 329. Lihat juga, Muslim, Kitāb al-Saīd wa al-Zabā’ih wamā Yu’kal min al-Hayawān, Bab Taḥrīm Akl Kulli Dhī Nāb min al-Sibā’ wa Kulli Dhī Makhlab min al-Ṭayr, no. Hadith 1932. Abū Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naisābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” (Dār al-Hadīth: al-Qāhirah, 2010), 634.

<sup>169</sup> *Ibid.*

<sup>170</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Saīd wa al-Zabā’ih wamā Yu’kal min al-Hayawān, Bab Taḥrīm Akl Kulli Dhī Nāb min al-Sibā’ wa Kulli Dhī Makhlab min al-Ṭayr, no. Hadith 1934. Abū Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naisābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” (Dār al-Hadīth: al-Qāhirah, 2010), 635.

<sup>171</sup> Al-Shirāzī, *al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, 332. Lihat juga, ‘Ilā’ al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Samarqandī, *Tuhfah al-Fuqahā’*, 65. Lihat juga, Zakariyā Ḥusayn, *Badrā’i al-Šanā’i fī Tartīb al-Shāfi‘ī*, 2763. Lihat juga, Yūsuf bin al-Ardabīlī, *al-Anwār li A`māl al-Abraar fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, 589.

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - عَنْ أَكْلِ الْجَلَالَةِ وَالْبَانَهَا

Terjemahan: Rasulullah melarang daripada memakan daging *jallālah* dan susunya.<sup>172</sup>

- ix. Haiwan yang diperintahkan oleh Islam membunuhnya seperti tikus, kala jengking, ular, burung gagak, lipan dan seumpamanya.<sup>173</sup>

خَمْسٌ مِنَ الدَّوَابِ كُلُّهُنَّ فَاسِقٌ يُقْتَلُنَ فِي الْحَرَمِ: الْعُرَابُ، وَالْحِدَادُ، وَالْعَقَرُبُ،  
وَالْفَارَّةُ، وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ

Terjemahan: Terdapat lima jenis haiwan berbahaya yang boleh dibunuh di luar tanah haram ataupun di dalam tanah haram iaitu ular, gagak, tikus, anjing gila dan helang.<sup>174</sup>

- x. Haiwan yang dilarang oleh Islam untuk membunuhnya seperti semut, lebah, burung hud-hud, burung belatuk dan labah-labah.<sup>175</sup>

نَهَى عَنْ قَتْلِ خَمْسَةِ النَّمَلَةِ، وَالنَّحْلَةِ، وَالضُّفَدَعِ، وَالْهُدْهُدِ، وَالصُّرَدَ

Terjemahan: Dilarang membunuh empat jenis binatang burung shurd, katak, semut dan burung hud-hud dan labah-labah.<sup>176</sup>

- xi. Keldai dan himar peliharaan.

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ خَيْبَرَ عَنْ لُحُومِ الْحُمُرِ الْأَهْلِيَّةِ، وَرَخْصَ  
فِي لُحُومِ الْخَيْلِ

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah melarang pada hari *Khaybar* daripada memakan daging keldai yang digunakan untuk bekerja dan mengizinkan memakan daging kuda.<sup>177</sup>

<sup>172</sup> Hadit riwayat Abū Dawūd, Kitab al-Atīmah, Bab al-Nahyu ‘an Akl al-Jallālah wa al-Bānihā, no. 603. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash’ath al-Sajistānī, “Sunan Abū Dāwūd,” (Bayrūt: al-Risālah, 2009), 3785.

<sup>173</sup> Al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 332. Lihat juga, Yūsuf bin al-Ardabīlī, *al-Anwār li A`māl al-Abraar fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 587.

<sup>174</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, *Kitāb jaza’ al-Saidi*, Bab mā yaqtulu al-muhrim min al-dawāb, no. 1829. Abū `Abd Allāh Muḥammad bin Ismā`il al-Bukhārī, “Šaḥīḥ al-Bukhārī,” ed. ke-2 (Riyāḍ: Dār al-Salām, 1999), 295.

<sup>175</sup> Al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 331. Lihat juga, al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh `alā al-Madhāhib al-Arba`ah*, 1. Lihat juga, Yūsuf bin al-Ardabīlī, *al-Anwār li A`māl al-Abraar fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 587.

<sup>176</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Bānī, *Šaḥīḥ al-Jamī’ al-Šaghīr wa Dhīyādah (al-Faṭḥ al-Kabīr)* (Bayrūt: al-Maktabah al-Islāmī, 1986), 2: 1170.

- xii. Haiwan *hasharāt*<sup>178</sup> iaitu haiwan bumi yang kecil dan haiwan yang dipandang jijik (keji) oleh umum seperti kutu, lalat, ulat dan seumpamanya.<sup>179</sup> Firman Allah SWT dalam surah al-A'rāf, ayat 157:

وَنُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَيْثَ 

Al-A'rāf 7: 157

Terjemahan: Dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.

- xiii. Haiwan dua alam. Haiwan dua alam ialah haiwan yang hidup di darat dan di dalam air seperti katak dan seumpamanya.<sup>180</sup>

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عُثْمَانَ أَنَّ طَبِيبًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ضِفَادٍ  
يَجْعَلُهَا فِي دَوَاءٍ فَنَهَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ قَتْلِهَا

Terjemahan: Daripada 'Abd al-Rahmān bin 'Uthmān bahawa ada seorang tabib menyatakan kepada Rasulullah mengenai katak adakah boleh dijadikan ubat. Kemudian Rasulullah melarang untuk membunuh katak.<sup>181</sup>

- xiv. Semua haiwan yang kotor<sup>182</sup> dan memudaratkan.<sup>183</sup> Al-Quran telah menggariskan kaedah umum dengan mengharamkan semua perkara yang kotor dan memudaratkan. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَنُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَيْثَ 

Al-A'rāf 7: 157

<sup>177</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitāb al-dhabāīh wa al-Sāidi, Bab Luḥūm Al-Humur Al-Insiyyah, no. Hadith 5530. Abū `Abd Allāh Muḥammad bin Ismā`īl al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," ed. ke-2 (Riyāḍ: Dār al-Salām, 1999), 329.

<sup>178</sup> Al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 330. Lihat juga, Zakariyā `Alī Yūsuf, *Badā'i` al-Šādā'i` fī Tartīb al-Sharā'ī*, 2755.

<sup>179</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 2799.

<sup>180</sup> Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh `alā al-Madhbāh al-Arba`ah*, 2. Lihat juga, Zakariyā `Alī Yūsuf, *Badā'i` al-Šādā'i` fī Tartīb al-Sharā'ī*, 5884. Lihat juga, Musthafa Murad, *Kesalahan dalam Ibadat dan Muamalat* (Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise, 2006), 552.

<sup>181</sup> Hadith riwayat Abū Dawūd, Kitab al-Adab, Bab fi Qatl al-Dhifda', no. al-Hadith 5269. Lihat, Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash`ath al-Sajistānī, "Sunan Abū Dāwūd," (Bayrūt: al-Risālah, 2009), 3: 368.

<sup>182</sup> Al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 328. Lihat juga, Yūsuf bin al-Ardabīlī, *al-Anwār li A`māl al-Abraar fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 589. Lihat juga, Sharaf al-Din Ismā`īl bin Haytāmī, *Fath al-Jawād bi Sharh al-Irshād `alā Matn al-Irshād* (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1971), 363.

<sup>183</sup> Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh `alā al-Madhbāh al-Arba`ah*, 4. Lihat juga, Yūsuf bin al-Ardabīlī, *al-Anwār li A`māl al-Abraar fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 589.

Terjemahannya: Dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.

Semua makanan yang kotor adalah haram seperti daging babi dan seumpamanya.

Setiap makanan yang diharamkan oleh Allah SWT adalah kotor dan memudaratkan kesihatan tubuh badan manusia.<sup>184</sup>

### 2.3.4 Minuman Yang Dikategorikan Sebagai Halal dan Haram

Minuman adalah setiap cairan yang diminum<sup>185</sup> atau barang cair yang boleh diminum.<sup>186</sup>

Kategori minuman yang di halal dan di haram dalam Islam adalah:

- i. Semua air adalah halal diminum kecuali yang beracun, memabukkan dan membahayakan kesihatan manusia dan bercampur dengan benda-benda najis.<sup>187</sup>

Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّهُنَّ

سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

Al-Baqarah 1: 29

Terjemahan: Dia (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, dan Dia berkehendak langit, lalu dijadikanNya tujuh langit dengan sempurna dan Dia Maha mengetahui segala sesuatu.

Ayat ini merupakan dalil bahawa Allah SWT adalah pencipta langit dan bumi. Oleh itu, setiap perkara yang ada di bumi seperti makanan dan minuman yang halal seharusnya dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh manusia.<sup>188</sup>

<sup>184</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 2: 1164-1165. Lihat juga, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 7: 300.

<sup>185</sup> Fakhr al-Dīn 'Uthmān bin 'Alī al-Zayla'i al-Hanafī, *Tubayyin al-Ḥaqāiq Sharḥ Kanz al-Daqāiq* (t.p.: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t), 6: 44. Lihat juga, Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 25: 370.

<sup>186</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, 1035.

<sup>187</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 2623.

<sup>188</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 1: 105-106. Lihat juga, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 1: 240.

ii. Semua arak dan minuman yang memabukkan adalah haram.<sup>189</sup>

Dalam Islam, sesuatu yang memabukkan adalah merujuk kepada arak. Arak disebut sebagai *khamr* yang bermaksud menutup fikiran. Arak merangkumi minuman atau apa sahaja yang boleh menutup akal fikiran manusia sehingga tidak boleh berfikir dengan baik. Menurut *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*,<sup>190</sup> arak ialah nama bagi air anggur yang mentah, menggelegak dengan kuat dan mengeluarkan buih, kemudian berhenti daripada menggelegak dengan mengeluarkan buih kemudian menjadi jernih dan memabukkan. Sebagaimana firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ  
الشَّيْطَنِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٧﴾

Al-Māidah 5: 90

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Dalam ayat di atas, Allah SWT telah melarang orang Islam meminum arak.<sup>191</sup>

Menurut hukum syarak, arak ialah semua jenis minuman yang memabukkan yang dihasilkan daripada apa juga bahan seperti perahan anggur, nira, barli, beras, ubi kentang, jagung, gandum, buah-buahan dan biji-bijian yang lain.<sup>192</sup> Perahan buah-buahan tersebut boleh menghasilkan alkohol jika diperam dalam tempoh yang tertentu. Alkohol ialah nama

<sup>189</sup> Yūsuf bin al-Ardabīlī, *al-Anwār li A`māl al-Abdār fī Fiqh al-Imām al-Shāfi`ī*, 588. Lihat juga, Muḥammad Amin al-Shahīr bin `Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Mukhtār* (Bayrūt: Dar al-Fikr, 1992), 6: 326-329. Lihat juga, Muḥammad bin Ḥusayn bin `Alī al-Tawrī al-Qādirī, *Takmilah al-Bahr al-Rāiq Sharh Kanz al-Daqāiq* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1997), 8: 400. Lihat juga, Abū Ḥusayn al-Faḍilī, *Taysīr al-Fiqh al-Hanafī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2007), 226.

<sup>190</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu`ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 5:12.

<sup>191</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur`ān al-`Aẓīm*, 2: 950. Lihat juga, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 6: 286.

<sup>192</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4: 2624.

yang digunakan dalam kaedah saintifik kepada sebatian yang mempunyai kumpulan hidroksi ( $\text{OH}$ ).<sup>193</sup>

Dalam perbincangan berikutnya, konsep farmaseutikal halal akan dibahaskan mengikut kerangka syariah.

#### **2.4 Farmaseutikal Halal**

Dalam istilah bahasa Malaysia, ubat merupakan terbitan daripada perkataan Yunani *pharmakon* iaitu merujuk pada sesuatu sebatian kimia yang sering digunakan untuk tujuan merawat pesakit. Ubat adalah bahan terpenting dalam rawatan perubatan moden. Ia merujuk pada bahan utama yang digunakan bagi mengesan, mereda, meringankan, merawat, penyembuh atau mencegah penyakit bagi tujuan untuk mengembalikan taraf kesihatan seseorang individu terutama yang sedang sakit.<sup>194</sup>

Ubat dihasilkan dalam pelbagai cara dan bentuk. Dalam perubatan tradisional, ubat dihasilkan daripada bahan-bahan semula jadi baik daripada sumber haiwan, tanah dan tumbuhan. Manakala dalam perubatan moden pula, sebahagian besar ubat terdiri daripada bahan kimia yang diadun khas sebagai ubat. Pada asalnya, kebanyakan ubat-ubatan moden yang dihasilkan adalah berdasarkan sumber semula jadi yang telah dimodenkan. Ubat yang terhasil telah menjadi satu bahan rawatan yang paling banyak dipasarkan ke pusat perubatan di seluruh dunia.<sup>195</sup>

Sumber ubat boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan, iaitu sumber manusia, sumber haiwan, sumber tumbuh-tumbuhan, dan sumber air (*marine*). Sumber-sumber ini sering diguna untuk menghasilkan ubat-ubatan yang boleh dimanfaatkan sebagai ubat.

---

<sup>193</sup> Che Wan Jasimah Wan Mohammad Radzi, *Konsep Kesihatan Pemakanan*, 42.

<sup>194</sup> Dzulkifli Abdul Razak, *Ubat dan Anda* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 16-17.

<sup>195</sup> *Ibid.*

Namun begitu, melalui teknologi moden pada masa kini kebanyakan ubat menggunakan bahan sintetik atau bahan yang direka bentuk di dalam makmal.<sup>196</sup>

Di Malaysia, berdasarkan kepada MS 2424:2012 farmaseutikal halal ditakrifkan sebagai produk perubatan dan kandungannya yang dibenarkan di bawah peraturan syariah dan memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>197</sup>

- a) Tidak mengandungi mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak halal dari segi syarak atau mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- b) Tidak mengandungi najis menurut hukum syarak.
- c) Selamat dimakan, tidak beracun, tidak memabukkan atau tidak merbahaya kepada kesihatan mengikut dos yang di preskripsi.
- d) Tidak disediakan, diproses atau di kilang menggunakan peralatan yang tercemar dengan najis menurut hukum syarak.
- e) Tidak mengandungi mana-mana bahagian manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak.
- f) Semasa penyediaan, pemprosesan, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan dan pengedarannya, produk farmaseutikal halal dipisahkan secara fizikal daripada mana-mana produk farmaseutikal lain yang tidak memenuhi keperluan yang

---

<sup>196</sup> Abu Bakar Abd. Majeed, “Al-Saidaliyyah: Kaedah, Prinsip dan Amalan, Isu-Isu Perubatan Menurut Perspektif Shariah dan Undang-Undang” (makalah, Seminar Isu-Isu Perubatan Menurut Perspektif Shari’ah dan Undang-Undang, Kuala Lumpur, 14-15 Mac 2006), 7.

<sup>197</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2012: Farmaseutikal Halal: Garis Panduan Umum* (Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia, 2012), 1-2.

dinyatakan dalam butiran a), b), c), d), atau e) atau mana-mana butiran yang telah dihukumkan sebagai tidak halal dan najis menurut hukum syarak.

Di Brunei, berdasarkan kepada GD 24:2010, produk perubatan, produk tradisional dan suplemen kesihatan yang dikategorikan sebagai halal adalah memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>198</sup>

- a) Tidak mengandungi mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak halal dari segi syarak atau mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- b) Tidak mengandungi najis menurut hukum syarak.
- c) Selamat.
- d) Tidak disediakan, diproses atau di kilang menggunakan peralatan yang tercemar dengan najis menurut hukum syarak.
- e) Tidak mengandungi mana-mana bahagian manusia atau hasilan daripadanya.
- f) Secara fizikalnya diasingkan daripada mana-mana produk ubat-ubatan, ubat tradisional dan suplemen kesihatan yang tidak memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam butiran a), b), c), d), atau e) atau mana-mana butiran yang telah dihukumkan sebagai tidak halal dan najis menurut hukum syarak semasa penyediaan, pemprosesan, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan dan pengangkutan.

---

<sup>198</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010-Brunei Darussalam Guidelines for Manufacturing and Handling of Halal Medicinal Products, Traditional Medicines and Health Supplements* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2010), 8.

Berdasarkan kepada definisi farmaseutikal halal di dua negara, dapat difahami bahawa farmaseutikal halal adalah ubat yang tidak mengandungi apa-apa bahan yang tidak halal mengikut hukum syarak dan alatan bantuan pemprosesan yang digunakan adalah bertepatan dengan keperluan halal sepenuhnya. Farmaseutikal halal tidak hanya menitikberatkan aspek kesucian ubat semata-mata bahkan merangkumi aspek kebersihan, kesihatan dan keselamatan kepada pengguna manakala ubat-ubatan yang mengandungi bahan yang tidak halal pula tidak seharusnya dikomersialkan di pasaran.

Manusia berhak untuk mendapatkan rawatan sekiranya berhadapan dengan kesakitan tetapi hendaklah meyakini bahawa kuasa penyembuh bagi setiap penyakit adalah Allah SWT semata-mata, dan manusia perlu berusaha untuk mengubati penyakit tersebut. Namun begitu, metode perubatan yang digunakan mestilah tidak bertentangan dengan syarak.<sup>199</sup>

#### **2.4.1 Kategori Ubat**

Ubat dikategorikan kepada tiga iaitu ubat farmaseutikal; produk nutraceutikal atau suplemen kesihatan; ubat tradisional dan komplementari. Perincian adalah seperti berikut:

a) Ubat farmaseutikal

Ubat farmaseutikal ialah ubat-ubatan dalam bentuk dos ataupun sukatan farmaseutikal seperti tablet, kapsul, krim, sapuan, suntikan dan sebagainya.<sup>200</sup> Semua ubat mempunyai risiko apabila digunakan namun mengikut penilaian makmal dan klinikal risikonya adalah

---

<sup>199</sup> Abu Bakar Abd. Majeed, “Al-Saidaliyyah: Kaedah, Prinsip dan Amalan, Isu-Isu Perubatan Menurut Perspektif Shariah dan Undang-Undang,” 6-7. Lihat juga, Abdullah @ Alwi Hassan, “Pengormesian Khidmat Perubatan dan Kesihatan: Garis Panduan Shariah,” (makalah, Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 14-15 Mac 2006), 3.

<sup>200</sup> Abd Rahman, B. Pharm, *Halalkah Ubat Anda* (Selangor: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd., 2012), 41.

dianggap sedikit berbanding dengan manfaat yang dapat diperoleh dari segi kesihatan.<sup>201</sup>

Ubat farmaseutikal dibahagikan kepada dua kumpulan utama:<sup>202</sup>

i. Ubat am

Ubat tanpa preskripsi (*OTC-Over The Counter* atau atas kaunter) iaitu ubat yang boleh dibeli di farmasi, pasar raya atau kedai biasa tanpa preskripsi atau sebarang halangan. Contohnya, ubat demam, ubat pening, ubat luka, ubat jerawat dan lain-lain. Kegunaannya adalah untuk merawat keadaan yang agak ringan tanpa penggunaannya merujuk kepada para profesional kesihatan bertauliah.<sup>203</sup>

ii. Ubat terkawal

Ubat terkawal terbahagi kepada dua bahagian:<sup>204</sup>

- a. Ubat terkawal dengan preskripsi (*POM-Prescription Only Medicine*)
- b. Ubat terkawal tanpa preskripsi (*BTC-Behind The Counter* atau belakang kaunter)

Ubat terkawal dengan preskripsi adalah ubat yang hanya diperoleh melalui surat kebenaran doktor yang dikenali sebagai preskripsi. Ubat jenis ini hanya boleh didapati daripada seorang ahli farmasi berdaftar atau klinik-klinik berdaftar. Membeli dan menjual ubat kelas kedua ini tanpa preskripsi adalah menyalahi undang-undang. Ubat preskripsi pada kebiasaananya ubat yang mempunyai kesan yang agak kuat ataupun poten. Penggunaannya juga tertakluk kepada Undang-undang Akta Racun 1952. Contohnya, ubat

<sup>201</sup> Abu Bakar Abd. Majeed, “Al-Saidaliyyah: Kaedah, Prinsip dan Amalan, Isu-Isu Perubatan Menurut Perspektif Shariah dan Undang-Undang.”, 6-7.

<sup>202</sup> Abd Rahman, B. Pharm, *Halalkah Ubat Anda*, 41.

<sup>203</sup> Dzulkifli Abdul Razak, *Ubat dan Anda*, 16-17.

<sup>204</sup> Abd Rahman, B. Pharm, *Halalkah Ubat Anda*, 41.

darah tinggi, ubat kencing manis, ubat sakit otak, ubat untuk merawat jangkitan dan ubat-ubatan lain untuk merawat keadaan yang serius.<sup>205</sup>

Ubat terkawal tanpa preskripsi boleh diperoleh daripada ahli farmasi seperti krim, ubat batuk dan ubat selesema. Kebanyakan ubat Am ataupun ubat OTC dianggap selamat untuk kebanyakan pengguna jika diambil seperti dalam arahan. Walau bagaimanapun, perbezaan yang tepat antara ubat am dan ubat terkawal bergantung kepada bidang perundangan. Ubat selalunya dihasilkan oleh syarikat farmaseutikal yang bertaraf GMP (Amalan Pengilangan Baik). Ada sesetengah ubat telah dipatenkan yang mana syarikat tersebut memegang hak milik untuk menghasilkan dan melesenkan sebatian dadah dalam tempoh tertentu. Ubat yang tidak dipatenkan dipanggil ubat generik.

Penyalahgunaan ubat boleh berlaku apabila ubat tidak digunakan dengan betul. Perkara ini dinamakan ketidakpatuhan (*non-compliance*). Seseorang pesakit mungkin mengambil terlalu banyak ubat sekali gus kerana beranggapan bahawa lebih banyak ubat yang diambil maka kesannya adalah lebih baik. Tetapi hal ini boleh membawa kepada kemudaran yang sangat berbahaya. Selain itu, pesakit juga mungkin mengambil ubat terlalu kerap dan tidak mengikuti masa-masa yang ditetapkan. Perkara ini juga boleh membahayakan kerana tujuan diadakan selang tempoh mengambil ubat ialah bagi memastikan bahawa satu tahap ubat yang efektif sentiasa berada dalam tubuh pesakit.<sup>206</sup>

b) Produk nutraceutikal<sup>207</sup>

Produk nutraceutikal ataupun suplemen kesihatan ialah produk yang mengandungi bahan-bahan seperti vitamin, mineral, makanan, botanikal, asid amino dan diambil sebagai

---

<sup>205</sup> *Ibid.*

<sup>206</sup> Abu Bakar Abd. Majeed, “Al-Saidaliyyah: Kaedah, Prinsip dan Amalan, Isu-Isu Perubatan Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang,”, 7.

<sup>207</sup> Abd Rahman, B. Pharm, *Halalkah Ubat Anda*, 42.

tambahan kepada pengambilan bahan-bahan ini secara biasa (makanan harian atau proses semula jadi). Suplemen semula jadi boleh didapati dalam bentuk kapsul, tablet, serbuk, ataupun dalam bentuk cecair yang diambil secara oral.

Produk suplemen juga mengandungi vitamin yang baik untuk tumbesaran tubuh badan. Vitamin secara semula jadi ialah bahan organik yang diperlukan oleh badan dalam kuantiti yang sangat kecil. Vitamin berperanan dalam proses tumbesaran normal, pengawalan kesihatan dan pencegahan penyakit. Kebanyakan vitamin membantu di dalam pemprosesan protein, karbohidrat dan lemak di dalam badan. Manakala sesetengah vitamin pula membantu tubuh menghasilkan sel-sel darah dan hormon. Biasanya, tubuh badan tidak dapat menghasilkan banyak vitamin. Oleh sebab itu, makanan dan produk suplemen kesihatan dapat membantu tubuh untuk mendapatkan bekalan vitamin yang secukupnya bagi penjagaan kesihatan manusia.

c) Produk tradisional dan komplementari<sup>208</sup>

Ubat-ubatan tradisional dan komplementari ialah sebarang produk yang digunakan di dalam pengamalan perubatan asli atau alternatif yang mengandungi satu atau lebih bahan-bahan semula jadi yang berasal daripada tumbuhan-tumbuhan, haiwan, galian atau bahagian-bahagian daripadanya dalam bentuk pati ekstrak atau bukan pati ekstrak. Ubat homeopati juga tergolong dalam kumpulan produk tradisional.

Perubatan alternatif dan komplementari ialah satu amalan penjagaan yang luas dan bukannya sebahagian daripada amalan perubatan moden. Ia termasuk semua amalan dan idea tersendiri pengamalnya sebagai langkah mencegah, merawat penyakit atau meningkatkan kesihatan dan keadaan diri. Ubat-ubatan komplementari adalah terma yang

---

<sup>208</sup> *Ibid.*, 43.

diguna pakai dan ditukar ganti dengan ubat-ubatan alternatif. Ia menggunakan banyak bahan semula jadi sebagai ubat contohnya tumbuh-tumbuhan herba, haiwan dan bahan galian asas. Ubat-ubatan tradisional di Malaysia boleh dibahagikan kepada empat kumpulan yang besar iaitu ubat tradisional Melayu, ubat tradisional Cina, ubat tradisional India, dan ubat tradisional orang asli.

Penggunaan ubat-ubatan tradisional lazim menjadi amalan terutamanya sekali sebagai rawatan selepas bersalin. Namun, terdapat beberapa bukti yang menunjukkan bahawa bahan ramuan yang terdapat dalam ubat tradisional boleh membahayakan. Ini termasuklah penggunaan bahan-bahan racun seperti logam berat dan juga ubat-ubatan moden yang dicampur adukkan dalam sebahagian ramuan tradisional. Oleh yang sedemikian, para pengguna perlu berhati-hati memilih ubat tradisional yang akan dimakan.<sup>209</sup>

Dalam perbincangan berikutnya, konsep kosmetik halal akan dibahaskan mengikut kerangka syariah.

## 2.5 Kosmetik Halal

Dari segi bahasa, kosmetik adalah alat solek atau bahan yang digunakan untuk mencantikkan rupa orang perempuan dan luaran sahaja (tidak melibatkan fungsi).<sup>210</sup> Dari segi istilah pula, kosmetik merupakan apa-apa bahan atau persediaan yang dicadangkan untuk digunakan atau boleh digunakan ke atas beberapa bahagian luaran tubuh badan manusia termasuklah epidermis, sistem rambut, kuku, bibir, organ genital luaran dan lain-lain atau ke atas gigi dan membran mukosa di dalam rongga mulut bagi membersih, mewangi,

---

<sup>209</sup> Dzulkifli Abdul Razak, *Ubat dan Anda*, 16-17.

<sup>210</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, “Kosmetik” laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, dicapai 26 Februari 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kosmetik>.

memperbaiki dan merubahnya. Produk kosmetik juga digunakan untuk menjaga dan mencantikkan kulit serta menghilangkan berat badan.<sup>211</sup>

Di Malaysia, berdasarkan kepada MS 2200:2008, kosmetik halal adalah produk yang termasuk definisi kosmetik dan juga aksesorinya yang dibenarkan oleh hukum syarak. Produk kosmetik halal mestilah menepati ciri-ciri hukum syarak yang dibenarkan seperti yang berikut:<sup>212</sup>

- a) Tidak terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau bahan daripada manusia atau terbitan daripadanya.
- b) Tidak terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahan dari haiwan yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak menggunakanannya atau memakannya atau tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- c) Tidak mengandungi apa-apa bahan atau bahan terubah suai genetik (GMO) yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.
- d) Tidak di sedia, diproses, di kilang atau disimpan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas daripada bahan-bahan najis mengikut hukum syarak.
- e) Apabila menyedia, memproses atau mengilang produk kosmetik, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa bahan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan a), b), c) atau d); dan
- f) Tidak memudaratkan pengguna atau pemakainya.

Berdasarkan kepada definisi kosmetik halal di atas, dapat difahami bahawa kosmetik halal adalah sediaan kosmetik yang tidak mengandungi bahan ramuan yang tidak

---

<sup>211</sup> Anan C. Mohd, "Kertas untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam untuk Tujuan Kosmetik," 2006, 2.

<sup>212</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200: Bahagian 1: 2008 Barang Kepenggunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandan Diri* (Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia, 2008), 2.

halal menurut hukum syarak bagi kegunaan luar tubuh manusia sama ada untuk disapu, digosok, ditempel, dipakai dan seumpamanya. Selain itu, kosmetik halal juga menekankan kepada keselamatan dan kebersihan semasa proses penyediaannya malah mempunyai kualiti tertentu yang dapat memenuhi keperluan pengguna dalam aspek kepenggunaan dan keberkesanannya. Ini menunjukkan bahawa kosmetik halal mempunyai piawaian halal yang tinggi dalam aspek keselamatan, kebersihan dan kualiti produk.

Lazimnya, sediaan kosmetik dihasilkan daripada sumber haiwan, tumbuh-tumbuhan dan tumbuhan air. Namun begitu, kebanyakannya daripada bahan ini telah diolah secara saintifik melalui teknologi moden dan menjadikannya sebagai sumber untuk bahan kosmetik tiruan.<sup>213</sup> Bahan kosmetik juga mungkin mengandungi pelarut seperti alkohol, lelemak seperti lilin, minyak dan lemak. Sumber lelemak ini juga dapat diperoleh daripada dua sumber iaitu haiwan dan tumbuhan. Terdapat beberapa kes di mana sediaan kosmetik tersebut mengandungi minyak yang diperoleh daripada lemak babi seperti yang tertera dalam label sebagai asas salap babi (*lard ointment base*).<sup>214</sup>

### 2.5.1 Bahan Asas Kosmetik

Bahan asas yang digunakan dalam sediaan kosmetik adalah pengawet, pengimbang pH, pengawal kelembapan, pembantu prosesan, pewarna, perisa dan pewangi. Perincian adalah seperti berikut:<sup>215</sup>

a) Pengawet

Pengawet digunakan untuk tujuan melindungi sediaan kosmetik daripada pencemaran kuman semasa kosmetik digunakan selain mengurangkan kerosakan sediaan yang

<sup>213</sup> Anan C. Mohd, “Kertas untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam untuk Tujuan Kosmetik,” 2.

<sup>214</sup> Mohamad Isa Abd Majid et al., *Kosmetik dan Anda*, 88-89.

<sup>215</sup> *Ibid.*

disebabkan oleh pembiakan kuman. Bahan-bahan yang tergolong sebagai pengawet adalah paraben, sebatian ammonium kuarterar, alkohol seperti etanol dan isopropanol serta terbitan fenol seperti p-kloro-m-kresol. Selain mencegah pembiakan kuman, pengawet juga mampu mencegah minyak di dalam sediaan kosmetik daripada menjadi tengik. Bahan seperti ini termasuklah asid benzoik, BHA dan tokoferol atau vitamin E.

b) Pengimbang pH

Pengimbang pH merupakan bahan yang akan mengekalkan pH sediaan kosmetik supaya sediaan tersebut serasi dengan kulit jika bahan tersebut tidak digunakan, perubahan mendadak dari segi nilai pH iaitu sama ada beracid atau berbes akan menyebabkan kerengsaan kulit semasa pengguna menggunakan sediaan kosmetik tersebut. Antara bahan yang digunakan untuk mengimbang pH sediaan ialah suatu asid iaitu asid sitrik atau suatu bes iaitu ammonium karbonat. Di samping penambahan suatu asid atau bes, pengimbang pH boleh juga merupakan campuran garam seperti ammonium bikarbonat atau kalsium karbonat dengan asid tartarik.

c) Pembantu prosesan

Pembantu prosesan merupakan bahan-bahan yang digunakan untuk memproses campuran bahan-bahan kosmetik agar menjadi suatu produk akhir yang menarik. Sebagai contohnya, kebanyakan sediaan kosmetik terdiri daripada campuran minyak di dalam air. Jika tiada pembantu prosesan digunakan di dalam campuran minyak dan air maka pemisahan kedua-dua lapisan dan produk yang terhasil merupakan suatu produk yang tidak menarik. Dalam hal ini, agen pengemulsi seperti natrium lauril sulfat atau gel alumina digunakan untuk mendapatkan minyak yang sebatи dengan air. Bahan pembantu prosesan yang lain

termasuklah dodesilbenzen asid sukfonik dalam syampu untuk membolehkan syampu lebih berbuih.

d) Pengawal kelembapan

Pengawal kelembapan pula digunakan untuk mencegah kehilangan air daripada sediaan kosmetik apabila bekas sediaan kosmetik dibuka berulang kali. Bahan-bahan yang digunakan seperti *gliserin* dan *propilena glikol* di dalam losyen dank rim pelembap memudahkan penggunaan sediaan agar mudah disapu dan diratakan ke kulit.

e) Pewarna

Pewarna juga digunakan untuk menghasilkan warna sediaan yang menarik perhatian pengguna. Pewarna yang digunakan boleh merupakan pewarna tiruan seperti FD & C merah atau pewarna asli seperti *karotena*, *alkanet* dan *safron*.

f) Perisa

Perisa pula digunakan untuk menutup rasa bahan-bahan kosmetik yang tidak enak digunakan. Contoh bahan perisa yang digunakan adalah seperti *amil asetat* dan *etil asetat*.

g) Pewangi

Bahan ini amat penting dalam sediaan kosmetik terutamanya minyak wangi, nama pewangi tidak dinyatakan bertujuan untuk melindungi pelaburan pembangunan sediaan wangi yang dibuat oleh pengilang. Namun sesetengah pewangi boleh menyebabkan kesan alahan. Oleh sebab itu, terdapat pengeluar produk kosmetik yang cenderung melabelkan produk kosmetik mereka sebagai bebas pewangi.

Berlandaskan kepada konsep makanan halal, farmaseutikal halal dan kosmetik halal yang telah pun dibincangkan dalam perenggan-perenggan sebelumnya maka prinsip-prinsip umum penentuan halal dan haram dalam Islam akan dibahaskan di perenggan yang berikutnya.

## **2.6 Prinsip-prinsip Umum Penentuan Halal dan Haram Dalam Islam**

Sepertimana yang telah dibincangkan dalam perenggan sebelumnya, perkara yang halal dan haram telah pun disebutkan dalam al-Quran dan sunnah. Namun begitu, kebanyakan daripada produk yang berada di pasaran hari ini telah diolah bahan ramuannya secara saintifik melalui teknologi moden dan menjadikannya produk syubhah yang mana ada kemungkinan produk tersebut halal ataupun haram. Oleh yang demikian, Yūsuf al-Qaraḍāwī telah menggariskan beberapa prinsip asas yang menjadi tunjang kepada penentuan halal dan haram terhadap makanan dan barang gunaan orang Islam. Prinsip-prinsip umum ini juga telah menjadi garis panduan am kepada pembangunan piawaian halal di setiap negara.

Prinsip-prinsip ini mengandungi sebelas elemen yang dijelaskan sebagaimana berikut:

- Asal setiap sesuatu adalah harus.<sup>216</sup>

Kaedah ini merupakan kaedah umum tentang asal bagi sesuatu perkara adalah dibolehkan. Justeru, Islam menghalalkan semua jenis haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sumber makanan yang lain melainkan terdapat dalil yang mengharamkannya. Pengharaman ini disebabkan ia boleh memudaratkan, mengkhayalkan, beracun dan seumpamanya. Firman Allah SWT:

---

<sup>216</sup> Yūsuf al-Qaraḍawī, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, ed. ke-14 (al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1980), 18.

وَسَخَّرَ لِكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ حَجِيعًا مِنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ

يَتَفَكَّرُونَ

Al-Jāthiyah 45: 13

Terjemahan: Dan Dia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) dari-Nya. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaannya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menciptakan haiwan, gunung, sungai, lautan dan lain-lainnya adalah untuk manfaat kepada manusia. Semua ini merupakan kurniaan, kebaikan dan anugerah Allah SWT ke atas seluruh manusia. Kaedah ini tidak terhad ke atas makanan sahaja bahkan ia meliputi setiap perkara yang melibatkan perbuatan atau tingkah laku manusia sehari-hari. Manusia juga diberikan kebebasan untuk mengatur kehidupan mereka selagi mana adat dan mualamat yang diamalkan tidak bertentangan dengan garis panduan Islam. Ini adalah kerana perkara yang diharuskan oleh syarak sangat luas berbanding perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

- Hukum menghalal dan mengharamkan sesuatu hak mutlak Allah SWT.<sup>217</sup>

Seperti yang dimaklumi bahawa Allah SWT mempunyai kuasa yang mutlak dalam semua urusan manusia. Ini menunjukkan bahawa Allah SWT mempunyai hak sepenuhnya untuk menetapkan perkara yang halal dan perkara yang haram di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Allah SWT dengan jelas menghalalkan perkara yang baik dan bermanfaat terhadap manusia dan mengharamkan setiap perkara yang mendatangkan keburukan dan kemudaratkan ke atas manusia. Al-Quran jelas mencela perbuatan manusia yang mempermainkan hukum Allah SWT. Firman Allah SWT:

---

<sup>217</sup> Ibid., 21.

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ الْسِّنَّتُكُمْ أَلْكَذِبَ هَذَا حَلَلٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِتَفْتَرُوا عَلَى

اللهِ الْكَذِبُ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

Al-Nahl (16):116

Terjemahan: Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: "Ini halal dan ini haram", untuk mengadakan sesuatu yang dusta terhadap Allah. Sesungguhnya orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.

Allah SWT menegaskan bahawa hukum bagi menghalal dan mengharamkan sesuatu perkara adalah hak Allah SWT dan bukannya urusan manusia.<sup>218</sup> Ibn Kathir<sup>219</sup> mentafsirkan antara golongan yang dicela oleh Allah SWT adalah golongan yang mencipta bidaah. Bidaah ialah pembaharuan dan sesuatu yang direka atau dicipta dalam agama.<sup>220</sup> Oleh sebab itu, para fuqaha sangat berperanan sebagai perantara untuk menjelaskan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia agar manusia memahami hukum dengan bersandarkan kepada dalil-dalil syarak. Namun, Islam juga sentiasa membuka ruang untuk para fuqaha dan ulama untuk berijtihad terhadap sesuatu masalah baru yang timbul dalam kalangan masyarakat.

- Mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram adalah menyamai perbuatan syirik kepada Allah SWT.<sup>221</sup>

Dalamuraian di atas, telah dijelaskan bahawa Allah SWT sahaja yang berhak untuk menghalalkan dan mengharamkan sesuatu perkara. Oleh sebab itu, sesiapa yang mempermudahkan hukum Allah SWT seperti mengharamkan sesuatu perkara yang telah dihalalkan dan menghalalkan sesuatu perkara yang diharamkan oleh syarak. Perbuatan ini adalah sama dengan mensyirikkan Allah SWT dan dalam erti kata yang lain, ia adalah

<sup>218</sup> al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 10: 196.

<sup>219</sup> Ibn Kathir, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 2: 570.

<sup>220</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 21.

<sup>221</sup> Yūsuf al-Qarādawī, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, 24.

tindakan yang menyekutukan Allah SWT. Buktinya dapat dilihat semasa zaman Jahiliah, masyarakat Arab menyekutukan Allah SWT dengan melakukan upacara penyembahan berhala yang dihidangkan bersama-sama dengan haiwan ternakan seperti “Bahārah” iaitu unta betina yang sudah melahirkan anak kelima. “Sā’ibah” ialah unta betina yang dinazarkan untuk berhala. “Waṣilah” iaitu kambing yang telah beranak tujuh, dan “Ḩam” adalah unta yang sudah bunting sepuluh kali. Masyarakat Jahiliah membebankan diri mereka dengan mengharamkan memakan haiwan-haiwan berkenaan walaupun pada asalnya semua haiwan ternakan adalah halal untuk dimakan dan dimanfaatkan.

- Perkara yang haram membawa kepada keburukan dan kemudaratan.<sup>222</sup>

Matlamat pensyariatan hukum Islam bertunjangkan kepada perkara yang membawa kebaikan (*maṣlahah*) dan menolak perkara yang membawa kepada keburukan (*mafsadah*) terhadap manusia. Justeru, penetapan hukum juga didasarkan kepada `illah atau sebab kepada keharusan dan pengharamannya. Kaedah ini menunjukkan penetapan hukum haram adalah berdasarkan kepada unsur kekotoran dan kemudaratan yang memberikan kesan negatif kepada kesihatan manusia. Contohnya adalah pengharaman babi dan derivatifnya dalam al-Quran.

- Setiap yang halal tidak memerlukan yang haram.<sup>223</sup>

Islam adalah agama yang mudah dan fleksibel dengan fitrah manusia. Setiap perkara yang diharuskan oleh syarak adalah baik dan mempunyai manfaat yang besar kepada manusia. Manakala, setiap perkara yang diharamkan oleh Allah SWT disertai dengan bahaya dan kemudaratan. Namun, Allah SWT tidak akan mengharamkan sesuatu perkara kecuali akan

---

<sup>222</sup> *Ibid.*, 26.

<sup>223</sup> *Ibid.*, 28.

digantikan dengan perkara yang lebih baik daripadanya. Contohnya, Allah SWT mengharamkan makanan yang kotor dan menjijikkan seperti babi, darah serta bangkai dan digantikan dengan menghalalkan semua makanan yang baik kepada kesihatan manusia seperti haiwan ternakan, haiwan laut, buah-buahan, biji-bijian dan sebagainya. Allah SWT juga mengharamkan perzinaan kerana perbuatan zina membuka kepada pintu kemaksiatan maka Allah SWT menggantikannya dengan sebuah ikatan perkahwinan.

- Sesuatu yang membawa kepada haram adalah haram hukumnya.<sup>224</sup>

Islam telah menetapkan bahawa setiap perkara yang diharamkan oleh Allah SWT adalah haram untuk melakukannya. Sehubungan dengan itu, setiap jalan (*wasilah*) yang membawa kepada perbuatan haram adalah haram hukumnya. Dapatlah difahami, proses pembuatan makanan ataupun minuman yang mempunyai tujuan yang haram akan menyebabkan seluruh proses pengendaliannya diharamkan dalam Islam. Misalnya, perbuatan pengusaha minuman yang mengeluarkan produk minuman yang memabukkan seperti *beer*, *wiski*, *rum*, *wine* menyebabkan seluruh proses pengendalian yang terlibat sebagai haram.

- Mencari helah terhadap sesuatu yang haram adalah haram hukumnya.<sup>225</sup>

Islam mengharamkan perbuatan yang menggunakan unsur tipu muslihat atau penipuan dalam urusan perniagaan. Antaranya adalah menamakan sesuatu yang haram kepada sesuatu nama yang halal sedangkan unsur haram tersebut masih lagi kekal di dalamnya. Hal ini dilakukan dengan tujuan untuk memperdayakan pengguna di samping untuk mengaut keuntungan yang berlipat ganda. Berdasarkan kaedah ini, mencari helah terhadap sesuatu perkara yang haram adalah haram hukumnya.

---

<sup>224</sup> *Ibid.*, 29.

<sup>225</sup> *Ibid.*, 30.

- Niat baik tidak boleh membersihkan yang haram.<sup>226</sup>

Islam tidak memperakui perbuatan yang haram sebagai wasilah untuk mencapai matlamat yang baik menurut hukum syarak. Perkara yang diharamkan akan tetap dihukum sebagai haram sekalipun orang yang melakukannya berniat baik atau bertujuan mulia. Misalnya, mengumpulkan harta perniagaan yang melibatkan unsur riba, berjudi, merompak, mencuri yang bertujuan untuk membantu pembinaan sesebuah masjid ataupun untuk memperbaiki projek kebajikan dalam kalangan masyarakat. Dalam situasi ini, Islam tidak mengiktiraf sebarang perbuatan haram sekalipun bertujuan baik dan mulia untuk membantu mempertingkatkan agama dan masyarakat.

- Berhati-hati terhadap yang syubhah untuk menghindarkan yang haram.<sup>227</sup>

Al-Quran dan sunnah telah pun menjelaskan makanan yang dikategorikan sebagai halal dan makanan yang dikategorikan sebagai haram sebagai panduan am kepada seluruh masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, keimbangan masyarakat Islam terhadap makanan berproses semakin meningkat kerana dikhawatiri bahan ramuan yang terlibat mahupun cara pengendaliannya tidak menepati kehendak Islam yang sebenar. Kerajaan memainkan peranan yang utama bagi memastikan makanan yang sampai ke tangan pengguna adalah benar-benar halal namun jika terdapat produk syubhah, masyarakat Islam digalakkan untuk mengelakkan diri daripada menggunakaninya. Ini adalah kerana tindakan menghindarkan diri daripada mengambil perkara yang syubhah termasuk dalam sifat warak dalam Islam.

---

<sup>226</sup> *Ibid.*, 31.

<sup>227</sup> *Ibid.*, 32.

- Hukum halal dan haram adalah bersifat umum dan menyeluruh.<sup>228</sup>

Islam adalah agama yang universal. Al-Quran dan sunnah telah membahaskan secara terperinci merangkumi semua aspek kehidupan manusia sama ada melibatkan akidah, ibadah, akhlak, dan muamalat. Hukum Islam bersifat menyeluruh tanpa mengambil kira perbezaan warna kulit, status, darjat, kuasa dan lain-lainnya. Setiap perkara yang dihalalkan oleh Allah SWT adalah halal kepada seluruh umat manusia dan demikian juga setiap perkara yang diharamkan oleh Allah SWT adalah haram untuk seluruh umat manusia. Misalnya dalam kes kesalahan mencuri, hukuman akan dijatuhkan ke atas pencuri tidak kira sama ada mereka beragama Islam ataupun bukan Islam.

- Keadaan darurat membenarkan yang dilarang.<sup>229</sup>

Dalam Islam, perkara yang haram adalah sedikit berbanding perkara yang dihalalkan oleh Allah SWT. Namun begitu, Islam memberikan beberapa kelonggaran kepada manusia sekiranya berada dalam situasi yang darurat. Darurat adalah satu keadaan di mana manusia telah sampai di tahap yang mendesak dengan terpaksa mengambil perkara yang dilarang oleh syarak dan sekiranya manusia enggan berbuat demikian akan menyebabkan berlaku kemusnahan kepada diri mereka.<sup>230</sup> Dalam situasi ini, Islam mengharuskan kepada manusia untuk mengambil perkara-perkara yang dilarang bagi tujuan menyelamatkan nyawa.

Sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَكَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Al-Baqarah 1: 173

<sup>228</sup> Ibid.

<sup>229</sup> Ibid., 33.

<sup>230</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 18: 191.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan haiwan yang disembelih bukan kerana Allah. Tetapi sesiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas, maka tidak berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT telah menyenaraikan empat perkara yang diharamkan ke atas manusia iaitu memakan bangkai, darah yang mengalir, daging babi dan haiwan yang tidak disembelih dengan nama Allah SWT.<sup>231</sup> Namun begitu, dalam keadaan darurat perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah SWT di atas akan menjadi halal bagi tujuan menyelamatkan nyawa manusia daripada berlakunya kemudaratan dan kematian.

Prinsip-prinsip umum penentuan halal dan haram sangat penting dalam mencari resolusi kepada penyelesaian terhadap sesuatu hukum yang bersifat semasa tidak kira sama ada ia melibatkan produk yang berasaskan makanan ataupun barang gunaan orang Islam. Selanjutnya, kajian akan membincangkan beberapa konsep asas fiqh yang berkaitan halal di perenggan yang berikutnya.

## 2.7 Beberapa Konsep Fiqh Berkaitan Halal

Dalam membincangkan beberapa konsep fiqh dalam kepenggunaan Islam, perbincangan difokuskan kepada konsep *istihālah* dalam kepenggunaan semasa dan prinsip Islam berhubung penggunaan bahan tidak halal dalam ubat-ubatan sebagai rawatan penyakit.

### 2.7.1 Konsep *Istihālah* Dalam Kepenggunaan Semasa

Perkembangan pesat teknologi dalam industri pemprosesan makanan telah mengakibatkan produk dalam makanan, perubatan dan barang gunaan dihasilkan dengan bahan-bahan asas yang bercampur antara sumber halal dan haram. Oleh itu, penghasilan produk dalam

---

<sup>231</sup> Al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 216.

makanan, perubatan dan barang kegunaan harian yang terdapat di pasaran tidak dapat lari daripada mengalami proses perubahan dalam pengertian *istihālah*.

*Istihālah* merupakan salah satu kaedah penyucian dalam Islam. Kaedah ini mengubah sesuatu yang najis menjadi sesuatu yang suci dalam tempoh masa tertentu. Kaedah ini dikenali sebagai *istihālah* atau transformasi. *Istihālah* adalah perkataan bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *hāla* atau *hawala* yang bermaksud berubah.<sup>232</sup> Perkataan *istihālah* juga daripada perkataan *istahalla*, *yastahillu* dan *istihālah* yang bermaksud mustahil atau tidak mungkin,<sup>233</sup> berubah, dan keadaan.<sup>234</sup> Selain itu, *istihālah* dalam bahasa Inggeris diterjemahkan sebagai transformasi (*transformation*) atau berkemungkinan (*to be impossible*),<sup>235</sup> boleh diubah (*to be change*)<sup>236</sup> yang bermaksud perubahan,<sup>237</sup> pertukaran<sup>238</sup> dan penjelmaan.<sup>239</sup>

Menurut Qadhdhāfī, *istihālah* merupakan perubahan sesuatu secara tabii dan sifat.<sup>240</sup> Manakala, Wahbah Zuhaylī mendefinisikan *istihālah* kepada dua pengertian. Pertama, tidak mungkin (mustahil), tidak mungkin berlaku dan tidak bersesuaian (tidak munasabah). Kedua, perubahan sesuatu secara tabii, sifat, zat dan nama (*isim*).<sup>241</sup> *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* menyatakan, *istihālah* bermaksud perubahan sesuatu secara tabii

<sup>232</sup> Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣīḥāḥ*, 151.

<sup>233</sup> Ali Ma’shum dan Zainal Abidin Munawkir, *Kamus al-Munawwar Arab-Indonesia Terlengkap*, ed. ke-4 (Indonesia: Pustaka Progressif, 1997), 312. Lihat juga, Abd bin Nuh dan Oemar Bakry, *Kamus*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1993), 92.

<sup>234</sup> Husin al-Habsyi, *Kamus al-Kauthar Lengkap Arab-Melayu*, ed. ke-8 (Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd., 2002), 71.

<sup>235</sup> Abd bin Nuh dan Oemar Bakry, *Kamus*, 92.

<sup>236</sup> John Wortabet dan Harvey Porter, *English-Arabic and Arabic -English Dictionary*, ed. ke-2 (New York: Prederick Ungar Publishing Co., 1954), 70.

<sup>237</sup> Ghasanuddin, *Atlas Dictionary* (Mesir: Atlas Publishing House, 2003), 1490.

<sup>238</sup> Miftāh Moḥammad Diyat, *Mu’jam Muṣṭalahāt al-‘Ilmiyyah fī ‘Ilm al-Muktibat wa al-Thawṣīq wa al-Ma’lūmat* (Miṣr: Dār al-Dawliyyah, 1995), 231.

<sup>239</sup> Hassan Ahmad, *Kamus Dwibahasa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979), 1342. Lihat juga, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, *Sinonim Inggeris-Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1994), 523.

<sup>240</sup> ‘Izzāt al-Ghanānim, *al-Istiḥālah wa Aḥkāmuḥā fī al-Fiqh al-Islāmī* (Jordan: Dār al-Nafāis li al-Nashr wa tawzī’, 2008), 75. Lihat juga, Maḥmūd Ismā’īl Muḥammad Mish’al, *Athar al-Khilāf al-Fiqh fī al-Qawā'id al-Mukhtalaf fihi wa Madā Tadbiquhā fī al-Furū' al-Mu'āṣarah* (Miṣr: Dār al-Salām, t.t.), 424.

<sup>241</sup> Wahbah Zuhaylī, *Qadāyā al-Fiqh wa al-Fikr al-Mu'āṣir* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2008), 58.

dan sifat, tidak mungkin atau mustahil.<sup>242</sup> *Istihālah* menurut Maḥmūd Ismā`īl pula, suatu perubahan yang berlaku ke atas zat iaitu perubahan zat asal kepada zat baru yang berbeza dari segi warna, rasa dan bau.<sup>243</sup>

Asas konsep *istihālah* adalah berlandaskan kepada wahyu Allah SWT sebagaimana dalam surah *al-Nāhl*, ayat 66:

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَمِ لِعِبْرَةً نُسْقِيْكُمْ مَمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمِ لَبَنًا خَالِصًا  
سَآءِغًا لِلشَّرِبِينَ

Al-Nāhl 16: 66

Terjemahan: Dan sesungguhnya pada binatang ternak itu benar-benar terdapat pengajaran bagi kamu. Kami memberimu minum daripada apa yang berada dalam perutnya (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah ditelan bagi orang-orang yang meminumnya.

Dalam ayat di atas, proses *istihālah* dapat dilihat daripada penghasilan susu oleh binatang ternakan yang halal untuk diminum sekalipun ia berada di antara najis dan darah haiwan berkenaan.<sup>244</sup>

Para ulama telah berbeza pandangan terhadap penggunaan konsep *istihālah*. Pandangan pertama, mazhab Hanafi,<sup>245</sup> mazhab Maliki,<sup>246</sup> Ibn Ḥazm,<sup>247</sup> dan Ibn Taymiyyah telah memperluaskan penggunaan konsep *istihālah*.<sup>248</sup> Golongan pertama ini menerima konsep *istihālah* sebagai satu medium perubahan sesuatu jirim najis kepada jirim yang suci

<sup>242</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, 213-214.

<sup>243</sup> Maḥmūd Ismā`īl Muḥammad Mish`al, *Athar al-Khilāf al-Fiqh fī al-Qawā'id al-Mukhtalaf fīhi wa Madā Tadbiquhā fī al-Furū' al-Mu'āṣarah*, 424-425.

<sup>244</sup> Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 10: 124.

<sup>245</sup> Muḥammad Amin al-Shahīr bin `Abidin, *Hāshiyah Radd al-Mukhtār* (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihi, 1966), 1: 326-329. Lihat juga, Muḥammad bin `Abd al-Wahid bin al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1995), 8:133.

<sup>246</sup> Ibn `Abd al-Bār, *al-Tamhīd limā fī al-Muwaṭṭā' min al-Ma`āni wa al-Asāni Murattiban `alā al-Abwāb al-Fiqhiyyah li al-Muwaṭṭā'*, ed. ke-2 (al-Qāhirah: al-Fāzūq al-Ḥadīthah, 2001), 161.

<sup>247</sup> Abū Muḥammad `Alī bin Aḥmad bin Sa`īd bin Hazm, *al-Muḥallā bi al-Āthār* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1988), 1: 123.

<sup>248</sup> Abū al-`Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad bin `Abd al-Ḥalīm, *al-Fatāwā al-Kubrā li Ibn Taymiyyah* (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, t.t), 1: 41-46.

sama ada ia berlaku secara semula jadi atau secara tidak semula jadi seperti pencampuran dengan bahan yang lain dan sebagainya.<sup>249</sup> Contohnya, arak yang bertukar menjadi cuka.<sup>250</sup>

Pandangan kedua, mazhab Syafii<sup>251</sup> dan mazhab Hanbali<sup>252</sup> telah menyempitkan penggunaan konsep *istihālah*. Mereka tidak menerima konsep *istihālah* sebagai suatu medium perubahan dan menganggapnya sebagai tidak suci sekalipun telah berlaku proses *istihālah* kecuali dalam beberapa aspek tertentu. Mazhab Syafii hanya menerima konsep *istihālah* dalam tiga keadaan iaitu kulit bangkai yang disamak,<sup>253</sup> arak yang bertukar menjadi cuka<sup>254</sup> dan sesuatu yang berubah menjadi haiwan seperti bangkai berubah menjadi ulat kerana berlaku suatu kehidupan yang baru.<sup>255</sup>

Kebanyakan ulama kontemporari cenderung untuk memilih pandangan pertama iaitu proses *istihālah* memberikan kesan ke atas perubahan zat najis kepada zat suci atau perubahan zat suci kepada zat najis. Proses perubahan yang berlaku akan mengubah secara keseluruhan (*kullī*) sehingga menghasilkan bahan baru yang berbeza daripada bahan asal dari aspek zat dan fizikal. Akan tetapi, bahan akhir yang terhasil hendaklah dianalisis terlebih dahulu bagi memastikan perubahan yang berlaku adalah perubahan secara hakiki. Sekiranya setelah dianalisis mendapati zat asal masih wujud di dalam bahan baru maka proses ini tidak mengalami proses *istihālah* dan hukumnya adalah najis.<sup>256</sup>

Daripada keterangan-keterangan di atas, dapat difahami bahawa konsep *istihālah* merupakan suatu proses perubahan zat asal kepada zat baru yang boleh berlaku secara

<sup>249</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū’ah al-Fiqhiyyah*, 35.

<sup>250</sup> Muḥammad bin `Abd al-Wahid bin al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, 133.

<sup>251</sup> Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj* (t.p.: Dār al-Fikr, t.t.), 1: 303.

<sup>252</sup> Abū Muḥammad bin `Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah, *al-Mughnī*, ed. ke-2 (al-Qāhirah: Hijr, 1992), 517-518.

<sup>253</sup> Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj*, 303.

<sup>254</sup> *Ibid.*

<sup>255</sup> Sepertimana yang dipetik dalam Muḥammad Mish`al, *Athar al-Khilāf al-Fiqh fī al-Qawā'id al-Mukhtalaf fihi wa Madā Tadbīquhā fī al-Furū' al-Mu`āṣarah*, 432.

<sup>256</sup> `Izzāt al-Ghanānim, *al-Istihālah wa Aḥkāmuhā fī al-Fiqh al-Islāmī*, 94.


semula jadi dan tidak semula jadi (melibatkan campur tangan manusia/ percampuran bahan luar) dan perubahan baru yang terhasil telah merubah secara keseluruhan zat asal sama ada dari segi nama, warna, rasa dan juga bau. Kaedah fiqh menyatakan, bahan najis apabila berubah keadaannya (menjadi suatu bahan lain) maka hukumnya menjadi suci

( إن النجاسة إذا إستحالت ظهرت ) dan perubahan sesuatu hukum adalah bergantung pada

perubahan nama (sesuatu bahan) dan perubahan (bahan tersebut pula) bergantung pada (yang berlaku) pada sifat (ciri-ciri tersebut) ( استحالة الأحكام باستحالة الأسماء وأستحالة الأسماء )

( باستحالة الصفات ).<sup>257</sup> Berikut merupakan struktur konsep *istihālah* yang mempunyai

kerangka asas yang tersusun.



**Rajah 1.1:** Struktur Konsep *Istihālah*

Rajah 1.1 menunjukkan struktur konsep *istihālah*. Struktur ini mempunyai tiga elemen asas. Pertama, bahan asal. Kedua, agen perubahan. Ketiga, bahan akhir atau bahan baru yang terhasil. Struktur ini dilengkapkan dengan proses pencampuran dan proses perubahan. Proses perubahan berlaku apabila bahan asal berinteraksi dengan agen

<sup>257</sup> Mahmūd Ismā‘īl Muḥammad Mish`al, *Atharu al-Khilāf al-Fiqh fī al-Qawā'id al-Mukhtalaf fīhi wa Madā Taqbiquhā fī al-Furū' al-Mu'āṣarah*, 424.

perubahan yang menghasilkan bahan akhir. Bahan akhir yang terhasil akan menentukan jenis hukum sama ada ia halal atau haram. Jika bahan akhir yang terhasil menyerupai bahan asal maka hukum asal akan dikenakan dan sebaliknya apabila bahan akhir yang terhasil adalah bahan baru yang tidak sama dengan bentuk fizikal dan sifat kandungan dengan bahan asal maka hukum turut berubah sama ada hukumnya halal ataupun haram.<sup>258</sup>

Penentuan piawaian *istihālah* adalah satu keperluan yang mendesak pada masa kini memandangkan perkara ini masih belum dimuktamadkan dalam kalangan fuqaha dan saintis. Seterusnya, prinsip Islam berhubung penggunaan bahan tidak halal dalam ubat-ubatan sebagai rawatan penyakit akan dibincangkan di perenggan berikutnya.

### **2.7.2 Prinsip Islam Berhubung Penggunaan Bahan Tidak Halal Dalam Ubat-ubatan Sebagai Rawatan Penyakit**

Perbincangan isu farmaseutikal khususnya persoalan berhubung penggunaan ubat-ubatan yang berunsurkan bahan tidak halal seperti alkohol, dadah, bahan daripada haiwan babi dan seumpamanya sering menjadi fokus perbincangan media massa. Pengguna Islam amat prihatin dengan isu ini kerana ia melibatkan persoalan halal dan haram yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan manusia.

Islam memberikan keharusan kepada manusia bagi merawat penyakit kerana penjagaan kesihatan penting bagi membolehkan manusia melaksanakan ibadah kepada Allah SWT dan menunaikan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi dengan lebih sempurna. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Isrā' ayat ke 82:

وَنَزَّلْ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Al-Isrā' 17: 82

<sup>258</sup> Mohammad Aizat Jamaludin, *Istihālah Konsep dan Aplikasi* (Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2013), 53.

Terjemahan: Dan Kami turunkan daripada al-Quran itu sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman.

Firman Allah SWT dalam surah al-Shu'arā' ayat ke 80:

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ

Al-Shu'arā' 26: 80

Terjemahan: Dan apabila aku sakit, maka Dia yang menyembuhkan.

Dan sabda Rasulullah SAW:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Terjemahannya: Allah tidak menurunkan penyakit melainkan Dia (Allah) menurunkan penawar bagi penyakit itu.<sup>259</sup>

Antara prinsip utama dalam konteks penggunaan ubat-ubatan ini, Islam mensyaratkan supaya bahan-bahan atau ramuan yang digunakan dalam ubat-ubatan untuk merawat pesakit mestilah bahan yang diharuskan dan halal dalam Islam. Ini jelas disebut dalam firman Allah SWT dalam surah al-A'rāf ayat ke 157:

وَسُحْلُ لَهُمُ الْطَّيِّبَاتِ وَسُحْرُمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثُ

Al-A'rāf 7: 157

Terjemahan: Dan dihalalkan bagi mereka yang baik dan diharamkan ke atas mereka yang jijik (kotor).

Firman Allah SWT dalam surah al-Māidah ayat ke 90:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنَصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ

الشَّيْطَنِ فَإِنْ تَنْبُوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Al-Māidah 5: 90

Terjemahan: Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah kotor dan keji daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

<sup>259</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Tibb, Bab Mā Anzala Allāh dā'an Illa Anzala lahu shifā'an, al-Ḥalāl Bayyinun, no. al-Hadith, 5678. Abū `Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," ed. ke-2 (Riyāḍ: Dār al-Salām, 1999), 329.

Dan di antara hadis yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW bahawa Baginda menegah berubat dengan bahan haram adalah seperti berikut:<sup>260</sup>

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَجْعَلْ شِفَاءً كُمْ فِيمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak menjadikan penawar (kesembuhan) kamu pada benda-benda yang diharamkan ke atas kamu.

Sabda Rasulullah SAW:<sup>261</sup>

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالدَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat, dan dijadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu, dan jangan kamu berubat dengan yang diharamkan.

Justeru, penggunaan bahan-bahan tidak halal dalam penghasilan ubat-ubatan adalah haram digunakan untuk merawat pesakit. Bagaimanapun, dalam keadaan tertentu seperti darurat dan tiada alternatif ubat-ubatan halal maka penggunaan ubat-ubatan yang bersumberkan daripada bahan tidak halal diharuskan oleh syarak. Ini adalah prinsip yang ditetapkan oleh Islam sebagaimana yang dapat difahami daripada surah al-An’ām ayat ke 119:

وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا أَضْطُرْتُمُ إِلَيْهِ

Al-An’ām 6: 119

Terjemahan: Dan sesungguhnya Allah telah menerangkan kepada kamu satu persatu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali yang terpaksa kamu memakannya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Māidah ayat ke 3:

<sup>260</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Ashribah, Bab Sharāb al-Halwā’ wa al-`Asal , no. Hadith, 5214. Abū `Abd Allāh Muḥammad bin Ismā`īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” ed. ke-2 (Riyāḍ: Dār al-Salām, 1999), 995.

<sup>261</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Ṭibb, Bab fī al-Adwiyah al-Makrūhah, no. al-Hadith 2874. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash`ath al-Sijistānī (Bayrūt, Dār al-Risālah Al-`Ālamiyah, 2009), 6: 23.

فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مُحْكَمَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢﴾

Al-Māidah 3: 3

Terjemahan: Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedangkan dia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah dia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 173:

فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمٌ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٤﴾

Al-Baqarah 2: 173

Terjemahan: Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Ini berdasarkan daripada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas R.A:

أَنَّ نَفَرًا مِنْ عُكْلِ ثَمَانِيَّةِ قَدِيمُوا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَأْيَعُوهُ عَلَى الْإِسْلَامِ فَاسْتَوْخَمُوا الْأَرْضَ وَسَقَمَتْ أَجْسَامُهُمْ فَشَكَوْا ذَلِكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَلَا تَخْرُجُونَ مَعَ رَاعِينَا فِي إِبْلِهِ فَتُصْبِيُونَ مِنْ أَبْوَالِهَا وَأَلْبَانِهَا فَقَالُوا بَلَى فَخَرَجُوا فَشَرَبُوا مِنْ أَبْوَالِهَا وَأَلْبَانِهَا فَصَحُّوا . . .

Terjemahan: Bahawa sekumpulan kabilah ‘Ukl seramai lapan orang telah datang menemui Rasulullah lalu mereka baiah (mengikat janji setia) masuk Islam. Oleh kerana mereka tidak serasi dengan bumi Madinah, maka badan mereka terasa sakit, lalu mereka mengadukan perkara itu kepada Rasulullah. Baginda pun (menyarankan kepada mereka dengan) bersabda: “Tidakkah kamu keluar bersama penggembala kami pergi ke tempat penggembala kami pergi ke tempat penggembalaan untanya dan mendapatkan air kencing dan susunya. Barangkali elok kamu pergi bersama tukang gembala kami kepada untanya, kemudian kamu dapatkan air kencing dan susu untanya!”. Mereka menjawab: “ya”. Maka mereka keluar (ke tempat penggembalaan untuk mendapatkan air kencing dan susu unta), lalu meminum air kencing dan susu unta tersebut. Kemudian mereka pun kembali sihat.

Jelaslah di sini bahawa dalam Islam, penggunaan bahan tidak halal dalam ubat-ubatan adalah haram digunakan ke atas pesakit. Namun, dalam keadaan darurat dan tiada

pilihan ubat-ubatan yang halal maka Islam memberikan kelonggaran ke atas pesakit untuk menggunakan ubat-ubatan tersebut. Ini kerana, dengan perkembangan rawatan moden yang begitu pesat telah menimbulkan banyak isu perubatan yang mencabar ulama semasa melaksanakan ijтиhad baru bagi mencari jawapan hukum kepada persoalan-persoalan yang diutarakan oleh masyarakat awam khususnya yang beragama Islam.

## **2.8 Penutup**

Islam amat menyarankan supaya manusia mencari produk yang halal lagi baik. Halal mempunyai pengertian yang cukup luas. Halal merupakan setiap perkara yang dibenarkan oleh Allah SWT untuk menggunakan dan diambil manfaat daripadanya ataupun setiap perkara yang diberikan pilihan oleh Allah SWT kepada manusia untuk melakukan ataupun tidak melakukannya, bahkan tidak akan diberikan ganjaran pahala maupun dosa jika melakukan ataupun tidak melakukannya. Manakala, haram merupakan setiap perkara yang ditegah oleh Allah SWT untuk diambil manfaat daripadanya dan hukum mematuhinya adalah wajib. Sebaliknya, syubhah merupakan setiap perkara yang tidak diyakini dan tidak diketahui tentang hukum halal atau haram secara pasti. Jadi, menghindarkan diri daripada perkara syubhah adalah digalakkan oleh hukum syarak.

Berdasarkan kepada penentuan asas kriteria halal terhadap makanan halal, farmaseutikal halal dan kosmetik halal di antara Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura, ianya tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Terdapat dua aspek utama yang diberikan pertamanya; sumber bahan yang digunakan mestilah bersumberkan daripada sumber yang halal. Keduanya; aspek teknikal iaitu segala aspek pemprosesan produk yang melibatkan proses penyediaan, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan, pengangkutan dan pengedarannya kepada pengguna wajib diasingkan daripada produk barang yang tidak menepati piawaian halal. Ia bertujuan bagi mengelakkan berlakunya pencemaran atau

kontaminasi silang terhadap produk yang sudah mendapat pengesahan halal oleh pihak berkuasa. Sebelas prinsip umum penentuan halal dan haram dalam Islam yang dijelaskan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī boleh dijadikan rujukan/garis panduan kepada pembangunan piawaian halal di setiap negara malahan beberapa teori fiqh berkaitan halal yang dibahaskan boleh dijadikan sandaran hukum dalam mentarjihkan jawapan kepada persoalan semasa yang sering dipaparkan dalam media massa.

## **BAB 3: PROSEDUR PENSIJILAN DAN PIAWAIAN HALAL DI MALAYSIA, INDONESIA, SINGAPURA DAN BRUNEI**

### **3.1 Pendahuluan**

Pada masa kini, dianggarkan industri halal dunia telah menjana pendapatan bernilai lebih daripada USD 2.3 trillion yang meliputi sektor makanan dan minuman serta produk yang tidak berasaskan makanan seperti kosmetik, penjagaan diri, farmaseutikal dan sektor-sektor berkaitan. Saiz nilai pasaran makanan halal dianggarkan bernilai USD 690 bilion, produk farmaseutikal dianggarkan bernilai USD 70 billion dan produk kosmetik halal pula bernilai antara USD 46 bilion (6.8% dari jumlah keseluruhan saiz pasaran kosmetik dunia).<sup>262</sup>

Malaysia dikenali sebagai perintis dalam sektor produk halal dan kewangan Islam. Senario industri halal di Malaysia memberi peluang kepada negara-negara lain seperti Indonesia, Singapura dan Brunei untuk turut berusaha dan meraih pengiktirafan sebagai hab halal global. Justeru, bab ini akan mengenal pasti prosedur pensijilan dan piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Perbincangan difokuskan kepada tiga perkara yang utama iaitu latar belakang badan pensijilan halal; prosedur pengeluaran sijil halal; dan piawaian halal yang diterbitkan. Metodologi kajian yang digunakan dalam bab ini adalah kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Dengan ini, bab ketiga telah menjawab objektif kedua dalam kajian ini.

### **3.2 Prosedur Pensijilan Halal dan Piawaian Halal Di Malaysia**

Malaysia telah melaksanakan satu sistem pensijilan halal yang dikendalikan oleh agensi agama di peringkat persekutuan dan negeri bahkan turut membangunkan garis panduan pensijilan halal dan piawaian halal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

---

<sup>262</sup> “MIHAS Luas Pasaran Eksport Halal,” *Sinar Harian*, 18 Mac 2015, 11.

### **3.2.1 Perkembangan Badan Pensijilan Halal**

Sebelum tahun 1974, produk yang berdasarkan makanan tidak dilabelkan sebagai halal. Para pengguna yang akan mengadili sendiri sama ada makanan yang disediakan adalah halal ataupun tidak bergantung kepada siapa yang menyediakan makanan tersebut. Dalam erti kata yang lain, jika makanan tersebut disediakan oleh pengusaha Melayu yang beragama Islam maka pengguna turut meyakini bahawa makanan yang disediakan adalah halal.<sup>263</sup>

Namun begitu, dengan kemajuan pesat teknologi pembuatan dan penyediaan makanan serta peningkatan jumlah sektor perkhidmatan makanan termasuklah restoran bukan Islam, istilah “Ditanggung Halal” dan “Makanan Orang Islam” telah diperkenalkan melalui Akta Perihal Dagangan 1972 di bawah Perintah Perihal Dagangan 1975 (Perihal Perbaahan Halal) untuk melindungi para pengguna. Kedua-dua istilah ini digunakan untuk menjamin makanan yang disediakan adalah halal tanpa membezakan pengusaha Melayu yang beragama Islam ataupun pengusaha bukan Islam. Kemudian, timbul pula keraguan terhadap makanan yang disediakan oleh pengusaha bukan Islam sama ada mereka memahami konsep halal dan mempunyai kredibiliti dalam memastikan makanan yang disediakan adalah benar-benar halal. Maka, kaedah baru telah dikemukakan oleh Jabatan Agama Islam untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan produk halal dengan memperkenalkan logo halal.<sup>264</sup>

Seterusnya, pada tahun 1974, Malaysia telah memberikan pengesahan status halal apabila Pusat Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) di Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan surat pengesahan halal kepada produk yang memenuhi kehendak syarak. Pada tahun 1994, pengesahan halal mula diberikan dalam bentuk pengesahan

<sup>263</sup> Ilya Nur Ab Rahman et al., “Polisi Pensijilan Halal bagi Industri Restoran di Malaysia,” dalam *Pengurusan Produk Halal di Malaysia*, ed. Suhaimi Ab. Rahman dan Jafri Abdullah (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011), 119.

<sup>264</sup> *Ibid.*

berserta logo halal. Unit Kajian Makanan dan Barang Gunaan Islam ditubuhkan di bawah Pusat Penyelidikan, BAHEIS.<sup>265</sup>

Seterusnya, pada tahun 1998, Malaysia telah melantik Syarikat Ilham Daya untuk menjalankan pemeriksaan halal manakala JAKIM mengeluarkan sijil pengesahan halal. Pada tahun 2002, kerajaan telah memutuskan bahawa semua urusan pengesahan halal dilaksanakan sepenuhnya oleh JAKIM melalui Bahagian Kajian Makanan dan Barang Gunaan Islam (MGI). Pada tahun 2005, MGI ditukar nama kepada Bahagian Hab Halal.<sup>266</sup>

Seterusnya, pada tahun 2008, pengeluaran pensijilan halal diswastakan dan diambil oleh Halal Industry Development Corporation (HDC). Namun begitu, pada tahun 2009, mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa tanggungjawab pengeluaran pensijilan halal Malaysia di dalam dan luar negara dikembalikan secara rasminya kepada Bahagian Makanan Halal, JAKIM.<sup>267</sup> Pada masa kini, Bahagian Hab Halal, JAKIM terbahagi kepada beberapa cawangan yang utama iaitu Pengeluaran Sijil dan Logo Halal (Unit Permohonan/Proses, Unit Audit dan Unit Sijil), Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan (Unit Pemantauan dan Unit Penguatkuasaan) dan juga Cawangan Dasar (Unit Dasar dan Unit Luar Negara).<sup>268</sup>

Bahagian Hab Halal, JAKIM memainkan peranan yang utama dalam memastikan semua produk yang diberi sijil halal atau yang menggunakan perbahasan halal adalah suci dan halal mengikut lunas-lunas syarak. Bahagian Hab Halal juga berperanan untuk mengkaji, mengesah dan mengawal selia produk makanan dan barang gunaan Islam supaya terjamin suci dan halal dengan cekap dan berkesan. Sehubungan dengan itu,

<sup>265</sup> Portal Halal Rasmi Malaysia, “Sejarah Halal,” laman sesawang *Portal Halal Rasmi Malaysia*, dicapai pada 29 Mei 2014, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/korporat/sejarah-halal>.

<sup>266</sup> *Ibid.*

<sup>267</sup> *Ibid.*

<sup>268</sup> Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2014.

Malaysia telah menjadi sebuah pusat perkhidmatan pensijilan halal yang berwibawa dan diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa.<sup>269</sup>

JAKIM juga mendapat sokongan padu daripada agensi-agensi kerajaan yang lain. Antara agensi kerajaan yang terlibat secara langsung adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Standard Malaysia (DSM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Perkhidmatan Haiwan (JPH), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa pensijilan halal Malaysia dapat dijayakan melalui pembangunan bersepadu dan penglibatan pelbagai agensi.<sup>270</sup>

Kini, Malaysia terus diiktiraf sebagai peneraju pembangunan industri halal apabila diberi kepercayaan mengetuai rundingan dalam kalangan negara Islam bagi mewujudkan piawaian halal universal. Menurut Datuk Seri Jamil Bidin, pengalaman dan kepakaran yang dimiliki Malaysia dan pembangunan industri halal menjadikan negara ini diiktiraf sebagai pusat rujukan halal global.<sup>271</sup>

### **3.2.2 Prosedur Pengeluaran Sijil Halal**

Dalam mengawal pengurusan halal di Malaysia, undang-undang telah digubal melalui Akta Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1972 (APD 1972). Akta ini telah dipinda dan menamakan JAKIM/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/ Majlis Agama Islam Negeri

---

<sup>269</sup> Portal Halal Rasmi Malaysia, “Misi, Visi dan Objektif,” laman sesawang *Portal Halal Rasmi Malaysia*, dicapai pada 29 Mei 2014, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/korporat/misi-visi-dan-objektif>.

<sup>270</sup> Mahanum Ab Aziz dan Zuraidah Mohamed, “Malaysia Pusat Rujukan Halal,” laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 10 April 2014, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Malaysiapusatrujukanhalal/Article/>.

<sup>271</sup> Mahanum Ab Aziz dan Zuraidah Mohamed, “Malaysia Pusat Rujukan Halal,” laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 10 April 2014, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Malaysiapusatrujukanhalal/Article/>.

(MAIN) sebagai badan tunggal pensijilan halal di Malaysia di peringkat pentadbiran kerajaan.<sup>272</sup> Justeru, prosedur pensijilan halal adalah tertakluk kepada garis panduan dan standard halal yang telah ditetapkan oleh JAKIM/JAIN/MAIN. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM 2014) menjadi garis panduan umum dalam memberikan kefahaman kepada pengusaha dan masyarakat awam mengenai syarat dan keperluan pensijilan yang merangkumi proses penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan bagi makanan, minuman dan barang gunaan orang Islam selain daripada menjadi rujukan kepada pihak berkuasa dalam menentukan kehalalan sesuatu produk. Mana-mana pengusaha tempatan mahupun luar negara yang ingin mengemukakan permohonan sijil halal perlu mematuhi piawaian asas yang ditetapkan oleh JAKIM/JAIN/MAIN.

Pada tahun 2013, semua negeri telah bersetuju untuk menyeragamkan prosedur pensijilan halal dengan menggunakan sistem aplikasi MYeHALAL. Penyeragaman ini termasuklah penggunaan satu prosedur, satu standard, satu sistem, satu sijil dan satu logo. Melalui sistem MYeHALAL, terdapat tujuh Skim Permohonan Pensijilan Halal iaitu<sup>273</sup> Skim Produk Makanan/ Minuman/ Makanan Tambahan,<sup>274</sup> Skim Premis Makanan,<sup>275</sup> Skim

---

<sup>272</sup> Norazilawati Md Dahlal, *Pengurusan Kualiti Makanan Halal* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 16.

<sup>273</sup> Portal Halal Rasmi Malaysia, “Penjenamaan Semula Sistem E-Halal,” laman sesawang *Portal Halal Rasmi Malaysia*, dicapai pada 29 Mei 2014, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/media/pengumuman/327-penjenamaan-semula-sistem-e-halal>.

<sup>274</sup> Produk makanan dan minuman bermaksud produk yang dibuat atau dihasilkan atau hasil atau penghasilan atau pengeluaran yang melibatkan makanan dan minuman bagi tujuan dimakan oleh manusia. Produk makanan tambahan adalah produk yang dihasilkan bertujuan untuk menambah keperluan diet dan nutrisi makanan. Permohonan yang layak mengikut skim ini adalah pengeluar/pengilang produk (*manufacturer/producer*); pengilangan kontrak (*original equipment manufacturer*); pengusaha pembungkusan semula (*repacker*); dan dapur berpusat (*central kitchen*).

<sup>275</sup> Skim premis makanan bermaksud sebarang bangunan atau apa-apa struktur kekal atau sebaliknya bagi penyediaan, penyajian dan penjualan sebarang makanan seperti restoran, medan selera, kafeteria, kedai bakeri, kek dan pastri, restoran makanan segera, restoran francais, kantin restoran dan dapur hotel, kiosk, khidmat penyajian makanan (katering) dan lain-lain. Permohonan yang layak mengikut skim ini adalah restoran/ kantin; medan selera/ kafeteria; kedai bakeri, kek dan pastri; restoran makanan segera; dapur hotel; restoran hotel (*coffee house*); kiosk; khidmat penyajian makanan/ katering; dan premis bergerak yang mempunyai dapur berpusat.

Barang Gunaan,<sup>276</sup> Skim Rumah Sembelih,<sup>277</sup> Skim Kosmetik dan Dandan Diri,<sup>278</sup> Skim Farmaseutikal<sup>279</sup> dan Skim Logistik.<sup>280</sup>

Prosedur pensijilan halal Malaysia melibatkan enam peringkat. Enam peringkat tersebut adalah seperti berikut:<sup>281</sup> (Sila lihat Rajah 3.1 di Lampiran A)

- Pertama: Permohonan

Dalam peringkat permohonan, permohonan dikemukakan dalam Sistem MYeHALAL yang akan mengasingkan permohonan mengikut kedudukan kilang di negeri-negeri secara automatik melalui laman web JAKIM, www.halal.gov.my. Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan dengan mengemukakan butiran-butiran yang dinyatakan dalam borang permohonan dan menyertakan sijil-sijil yang berkaitan mengikut kategori-kategori yang dipohon. Pemohon juga dikehendaki menyediakan fail khas “Sijil Pengesahan Halal” untuk menyimpan dokumen-dokumen berkaitan dan boleh dirujuk apabila pemeriksaan dijalankan ke atas premis. Setelah permohonan diterima oleh pihak JAKIM/MAIN/JAIN, permohonan

---

<sup>276</sup> Skim barang gunaan bermaksud barang-barang bukan makanan dan minuman. Permohonan yang layak mengikut skim ini adalah pengeluar/pengilang produk (*manufacturer/ producer*), pengilangan kontrak (*original equipment manufacturer*), pengusaha pembungkusan semula (*repacker*).

<sup>277</sup> Skim rumah sembelih bermaksud tempat atau premis untuk menyembelih dan/atau memproses binatang secara komersil. Permohonan yang layak mengikut skim ini adalah rumah sembelih unggas dan rumah sembelih ruminan.

<sup>278</sup> Skim kosmetik dan dandan diri bermaksud bahan dan sediaan yang dibuat untuk bersentuhan dengan pelbagai bahagian luaran badan (epidermis, rambut, kuku, bibir dan sulit luaran) atau pada gigi dan saluran mukus di mulut. Ini bertujuan semata-mata untuk bersih, mewangikan, merubah penampilan dan/atau membaiki bau badan dan/atau menghadapinya atau memeliharanya dalam keadaan bersih. Permohonan yang layak mengikut skim ini adalah pengeluar/pengilang produk (*manufacturer/ producer*), pengilangan kontrak (*original equipment manufacturer*), pengusaha pembungkusan semula (*repacker*).

<sup>279</sup> Skim farmaseutikal bermaksud merujuk kepada produk farmaseutikal dalam bentuk dos siap termasuk produk-produk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi untuk kegunaan manusia (biofarmaseutikal, radiofarmaseutikal, ubat-ubatan tradisional, tambahan) yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Permohonan yang layak mengikut skim ini adalah pengeluar/pengilang produk (*manufacturer/producer*), pengilangan kontrak (*original equipment manufacturer*), pengusaha pembungkusan semula (*repacker*).

<sup>280</sup> Skim logistik bermaksud perkhidmatan pengangkutan barang dan/atau perkhidmatan rantaian kargo atau penggudangan dan aktiviti berkaitan atau peruncitan yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian makanan, minuman dan barang. Permohonan yang layak mengikut skim ini adalah syarikat perkhidmatan penggudangan dan syarikat perkhidmatan pengangkutan.

<sup>281</sup> Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan halal), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2014. Lihat juga, Bahagian Hab Halal, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga) (MPPHM 2014)* (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Bahagian Hab Halal, 2014), 32.

yang telah lengkap akan menerima surat bayaran caj perkhidmatan. Namun, jika permohonan yang diberikan tidak lengkap maka ia secara automatik ditolak oleh sistem MYeHalal dan surat pemberitahuan dikeluarkan.

- Kedua: Bayaran Fi Pensijilan

Fi pensijilan yang dikenakan adalah untuk tempoh dua tahun kecuali permohonan rumah sembelih iaitu untuk tempoh satu tahun. Kadar fi pensijilan adalah mengikut kategori yang ditetapkan seperti di dalam Lampiran B malah fi pensijilan yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

- Ketiga: Pengauditan

Setelah bayaran caj perkhidmatan dijelaskan, dokumen permohonan tersebut diserahkan kepada pegawai pemeriksa untuk melakukan penilaian dan semakan audit dokumen. Jika dokumen mematuhi semua syarat yang ditetapkan, audit lapangan akan dilakukan ke premis pemohon. Bagi pengauditan ke atas kilang, pemeriksaan dilakukan oleh sekurang-kurang dua pegawai iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam (Pengajian Islam) dan pegawai teknikal (Pegawai Teknologi Makanan). Manakala pengauditan ke atas rumah sembelihan dilakukan oleh Pegawai Hal Ehwal Islam dan pegawai teknikal. Audit lapangan merangkumi mesyuarat pembukaan, semakan dokumen, pemeriksaan lapangan, penyediaan laporan audit dan mesyuarat penutup. Pemeriksannya mencakupi keperluan umum dan khusus pensijilan termasuk dokumentasi dan profil syarikat, Sistem Kawalan Halal Dalaman, bahan mentah/ramuan dan bahan bantuan pemprosesan, peralatan, pembungkusan dan pelabelan, penyimpanan, pemprosesan, pengangkutan, pekerja, sistem sanitasi dan kebersihan premis, pengurusan sisa buangan dan fizikal premis. Jika pegawai pemeriksa meragui sesuatu bahan ramuan atau bahan mentah dan lain-lainnya, bahan tersebut akan diambil untuk tujuan pensampelan dan diuji makmal. Setelah itu, hasil pemeriksaan dan laporan audit akan dibentangkan dalam mesyuarat Pra-Panel. Mesyuarat

Pra-Panel adalah mesyuarat yang diadakan untuk membincangkan hasil laporan audit dan dianggotai oleh para pegawai audit yang bertauliah. Setelah laporan audit diluluskan, laporan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Panel Pengesahan Halal.

- Keempat: Mesyuarat Panel Pengesahan Halal

Setelah aktiviti pengauditan selesai dijalankan dan dikemukakan dalam bentuk laporan audit. Laporan pengauditan dikemukakan dalam Mesyuarat Panel Pengesahan Halal. Keahlian Mesyuarat Panel Pengesahan Halal dianggotai sekurang-kurangnya tujuh orang ahli yang dilantik. Ahli panel pengesahan halal JAKIM terdiri daripada pengerusi-Pengarah Hab Halal, Setiausaha-Ketua Penolong Pengarah yang bertanggungjawab dalam pengurusan halal, dua orang pakar/lulusan syariah, seorang pakar/ lulusan teknikal dan dua orang ahli yang dilantik. Manakala ahli panel pengesahan halal JAIN terdiri daripada Pengerusi-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, Setiausaha-Ketua Penolong Pengarah yang bertanggungjawab dalam pengurusan halal, Wakil Bahagian Hab Halal JAKIM, dua orang pakar/lulusan syariah, seorang pakar/lulusan teknikal dan seorang ahli yang dilantik. Ali Panel Pengesahan Halal bertanggungjawab membuat keputusan (lulus, lulus bersyarat, KIV, tidak berjaya, audit semula atau batal permohonan), membuat keputusan terhadap kes-kes pemantauan sama ada (penarikan balik sijil dan penyerahan balik sijil) dan memutuskan isu-isu berbangkit berkaitan permohonan pensijilan. Keputusan Mesyuarat Panel Pengesahan Halal adalah muktamad, di rekod dan difailkan untuk rujukan.

- Kelima: Penerbitan Sijil Halal

Setelah Mesyuarat Panel Pengesahan Halal berpuas hati dengan laporan audit yang diberikan maka sijil halal berserta logo halal akan diterbitkan. Logo halal bermaksud logo yang telah didaftarkan di bawah Akta Cap dagangan 1976 dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama dan mengandungi bintang berbucu lapan di tengah-tengah bulatan; perkataan Arab-'*halāl*' di tengah bintang dan diikuti tulisan Rumi "HALAL"; bulatan logo tertulis

perkataan “Malaysia” dalam tulisan Rumi dan “*mālīziyā*” dalam perkataan Arab; dan dua bintang kecil berbucu lima diletakkan bagi memisahkan tulisan rumi dan perkataan Arab tersebut. Berikut adalah imej logo halal Malaysia:



**Rajah 3.2:** Logo Halal Malaysia (JAKIM)

Logo halal memberikan keyakinan kepada pengguna Muslim mengenai status kehalalan produk makanan, barang gunaan dan lain-lain produk. Perakuan sijil dan logo halal mampu memenuhi budaya pengguna yang mahukan setiap produk diberikan pengesahan dari aspek kesihatan, keselamatan dan berkualiti tinggi. Selain itu, ianya sebagai satu nilai komersial perdagangan iaitu “*marketing tools*” untuk meraih pasaran tempatan dan luar negara kerana permintaan ke atas produk halal meningkat seiring dengan peningkatan pengguna Muslim di dunia. Logo halal juga memainkan peranan penting untuk memastikan bahawa kualiti halal terjamin.<sup>282</sup>

- Keenam: Pemantauan dan Penguatkuasaan

Dalam tempoh satu/ dua tahun sijil halal diberikan, pemegang sijil halal akan dipantau dari semasa ke semasa. Pemantauan halal hanya dikhususkan pada pemegang sah sijil halal Malaysia manakala penguatkuasaan halal dilakukan kepada pemegang sah sijil halal Malaysia dan bukan pemegang sijil halal. Pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan

<sup>282</sup> Ahmad Hidayat Buang dan Zulzaidi Mahmod, “Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 20, no. 3 (2012), 276.

adalah terikat dengan undang-undang berkaitan yang diamalkan dan dikuatkuasakan dalam negara Malaysia iaitu Akta Perihal Dagangan 2011, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011(Semakan Kedua), Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan Kebersihan dan Keselamatan Makanan oleh KKM 2009, Animal Rules 1962 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 dan Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran), 1983 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Akta Kastam 1967 (Larangan Mengenai Import 1998) oleh Kastam Di Raja Malaysia (KDRJ), Akta Kerajaan Tempatan 1979 (Akta 171) dan Undang-undang Kecil Pihak Tempatan (PBT), Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri oleh MAIN/JAIN dan Akta Cap Dagangan 1976. Semua pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan dilakukan secara mengejut bagi memastikan jaminan keselamatan, kualiti dan mutu produk halal. Selepas pemeriksaan dibuat, pegawai pemeriksa akan meninggalkan salinan notis pemantauan kepada pihak syarikat.

### **3.2.3 Piawaian Halal Yang Dibangunkan**

Garis panduan adalah rujukan kepada pihak berkuasa pengeluar sijil halal bagi menentukan kehalalan sesuatu produk. Garis panduan ini dapat memberikan kefahaman dan penjelasan kepada pengusaha dan masyarakat awam mengenai aspek halal mengikut hukum syarak yang merangkumi proses penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan bagi makanan, minuman dan barang gunaan orang Islam.

Berikut adalah beberapa piawaian halal Malaysia yang telah diterbitkan:

- Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (MPPHM 2014) (Semakan Ketiga)<sup>283</sup>

MPPHM 2014 berkuat kuasa mulai daripada 15 Disember 2014. MPPHM 2014 merupakan dokumen rujukan dalam pensijilan halal yang digunakan bersama-sama dengan Standard Halal Malaysia. Selain daripada menjelaskan tentang syarat dan keperluan pensijilan, MPPHM 2014 juga mengandungi keterangan tentang prosedur permohonan sijil halal, proses pensijilan, kadar fizikal dan sebagainya. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia mula diterbitkan pada tahun 2005 dan semakan kedua telah dibuat pada tahun 2011. MPPHM 2014 ini merupakan semakan kali ketiga dijalankan. MPPHM 2014 (Semakan Ketiga) merupakan penambahbaikan dan penstrukturkan semula terhadap keperluan dan syarat pensijilan bagi memudahkan pegawai auditor dan industri membuat semakan dan rujukan.

Selain daripada itu, pindaan terhadap MPPHM 2014 (Semakan Ketiga) ini dibuat untuk diselaraskan dengan Garis Panduan Sistem Jaminan Halal Malaysia 2011 (SJHM 2011) dan pengumuman mengenai pelaksanaan Sistem Jaminan Halal [*Halal Assurance System (HAS)*]. Pindaan juga dilakukan kerana terdapat pindaan terhadap definisi industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan melalui SME Corp. Bagi tujuan penyelarasian, kategori industri dan definisi yang diguna pakai dalam MPPHM diubah suai selaras dengan takrif baru industri PKS.

- MS 1500:2009-Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)<sup>284</sup>

Malaysia merupakan pelopor utama bagi negara-negara Islam lain dalam membangunkan standard berkaitan produk halal. MS 1500:2009 dibangunkan oleh Jawatankuasa Standard

<sup>283</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*.

<sup>284</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009).

Kebangsaan Halal (ISC 1) pada 14 Mac 2003. MS 1500:2009 pula telah dibangunkan di bawah Sistem Pembangunan Standard Malaysia di bawah tanggungjawab Jabatan Standard Malaysia (DSM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Ini merupakan salah satu daripada inisiatif kerajaan dalam merealisasikan Malaysia sebagai pusat makanan halal.

MS 1500:2009 mengandungi garis panduan yang praktikal bagi industri makanan pada setiap peringkat pemprosesan, penyediaan dan pengendalian makanan halal. Ia bukan sahaja menekankan tentang aspek halal semata-mata tetapi mencakupi aspek kebersihan, sanitasi dan keselamatan makanan. Ini menjadikan MS 1500:2009 sebagai standard halal Malaysia yang paling komprehensif dan menepati konsep '*Halālan Tayyiban*'. Dokumen ini digunakan bersama-sama dengan MS 1480:1999 (Keselamatan Makanan Menurut HACCP (*Hazard Analysis and Critical Control Point*) dan MS 1514:2001 (Prinsip Umum dalam Kebersihan Makanan) di mana kedua-dua standard meliputi aspek kebersihan, sanitasi dan keselamatan makanan.<sup>285</sup>

- MS 2424:2010-Farmaseutikal Halal- Garis Panduan Umum<sup>286</sup>

Malaysia merupakan negara pertama yang telah memperkenalkan MS 2424:2010 dalam industri halal global. Garis panduan ini memenuhi standard dan garis panduan umum dalam menghasil dan menguruskan produk farmaseutikal halal di peringkat nasional dan pasaran global. Malaysia standard MS 2424:2010 menerangkan garis panduan umum dalam pengeluaran dan pengendalian farmaseutikal halal di Malaysia. Rujukan normatif digunakan bersama-sama dengan *Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing Practice for Medical Products*, dan *Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing Practice for*

<sup>285</sup> Ilya Nur Ab Rahman et al., "Polisi Pensijilan Halal," 129.

<sup>286</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2010: Farmaseutikal Halal- Garis Panduan Umum* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2010).

*Medical Products Annexes.* Standard MS 2424:2010 telah dibangunkan bersama-sama dengan ahli yang pakar dalam bidang farmaseutikal, ia diketuai oleh Prof Dr Zhari Ismail, dari Universiti Sains Malaysia (USM), Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia, *Halal Industry Development Corporation* (HDC) dan Bahagian Hab Halal JAKIM.

- MS 2200:2008-Barang Gunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandan Diri-Garis Panduan Umum<sup>287</sup>

MS 2200:2008 memperincikan garis panduan lengkap bagi menggunakan kosmetik halal dan barang penjagaan peribadi.<sup>288</sup> Ia telah dilancarkan pada tahun 2008 bagi memastikan produk kosmetik yang dihasilkan selamat dan suci. MS 2200:2008 dibangunkan bagi menyediakan peraturan asas kepada pihak industri bagi produk kosmetik dan dandan diri di Malaysia. Dokumen ini digunakan bersama-sama *Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice* (GMP) yang dikeluarkan oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK). Bagi tujuan pensijilan halal, standard ini disokong oleh beberapa dokumen antaranya MS1500, Makanan Halal-Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum, *Guidelines For Control Of Cosmetic Products In Malaysia* dan *Guidelines Good Manufacturing Practice, National Pharmaceutical Control Bureau*.

Standard ini dibangunkan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi Produk Makanan dan Barang Pengguna Halal dan dipengerusikan oleh JAKIM. JAKIM turut bekerjasama dengan beberapa badan utama antaranya panel penasihat halal yang dianggotai oleh wakil-wakil pelbagai agensi seperti Jabatan Kimia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

<sup>287</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200: Bahagian 1:2008 Barang Gunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandan Diri- Garis Panduan Umum* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2008).

<sup>288</sup> Mohd Anwar Patho Rohman dan Zainab Mohd Yatim, "Kosmetik Halal," laman sesawang *Berita Harian*, dicapai pada 30 Mei 2014, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kosmetikhala/Article/>.

Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, SIRIM dan para pensyarah universiti. Dengan adanya standard ini golongan wanita lebih yakin untuk membeli produk kosmetik yang terdapat di pasaran memandangkan setiap produk yang dipasarkan perlu melalui beberapa penilaian dan piawaian daripada JAKIM sebelum dijual di pasaran dalam dan luar negara. Standard halal yang dibangunkan bertanggungjawab untuk memastikan produk-produk di pasaran mempunyai kualiti yang baik, selamat dan terjamin kehalalannya kepada pengguna.<sup>289</sup>

### **3.3 Prosedur Pensijilan dan Piawaian Halal Di Indonesia**

Indonesia telah memperkenalkan satu sistem pensijilan halal yang dikendalikan Majelis Ulama Indonesia (MUI). MUI turut membangunkan garis panduan pensijilan halal dan beberapa piawaian halal yang diperakui dunia.

#### **3.3.1 Perkembangan Badan Pensijilan Halal**

LPPOM MUI dibentuk oleh MUI supaya isu lemak babi tidak berulang kembali. Pada Januari 1988, di dalam Buletin *Canopy* yang diterbitkan oleh Senat Mahasiswa Fakultas Peternakan Universitas Brawijaya Malang telah memuatkan penulisan Prof. Dr. Ir. Tri Susanto, M.Sc mengenai beberapa jenis makanan, minuman dan barang kosmetik yang mengandungi bahan ramuan yang mencurigakan seperti gelatin, *shortening*, *lecithin* dan lemak yang berunsur babi.<sup>290</sup>

---

<sup>289</sup> Helmi Mohd Foad, “JAKIM Perkenal Standard Sijil Halal Kosmetik 2008,” laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai pada 29 Mei 2014, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1019&pub=utusan\\_malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_08.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1019&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_08.htm).

<sup>290</sup> Aisjah Girindra, *LPPOM MUI Dari Sertifikasi Menuju Labelisasi Halal* (Majelis Ulama Indonesia: Pustaka Jurnal Halal, 2008), 27. Lihat juga, Himawan Adinegoro dan Martini Rahayu, “Prospek Pengembangan Produk Halal Pada Industri Di Indonesia Dalam Rangka Memasuki Abad 21” (makalah, Seminar Teknologi Pangan, Seminar Nasional, Universiti Pertanian Bogor, Indonesia, 1997), 234.

Penulisan beliau telah tersebar kepada masyarakat awam, bahkan kemudian muncul pula beberapa jenama produk lain yang dipercayai mengandungi bahan haram. Hal ini menjadi semakin meruncing apabila hasil penulisan Prof. Dr. Ir. Tri Susanto, M.Sc di bahas semula oleh kelompok Cendekiawan Muslim al-Falah di Surabaya. Masyarakat Muslim dan para peniaga di Indonesia mulai panik dan menyebabkan kepada perpecahan persatuan dan kesatuan bangsa. Masyarakat Muslim mulai ketakutan untuk membeli produk-produk yang dicurigai mengandungi bahan haram lalu menyebabkan penjualan dalam industri makanan dan barang gunaan lain merosot secara mendadak sehingga melumpuhkan ekonomi nasional sebanyak 80%. Keadaan ini telah menimbulkan kemarahan media massa Islam dan melumpuhkan kestabilan ekonomi sehingga terdapat beberapa syarikat produk makanan terbesar di Indonesia telah muflis.<sup>291</sup>

Rentetan daripada kejadian tersebut, pada 1 September 1988, Ketua MUI, Menteri Agama dan Menteri Kesihatan telah mengadakan rundingan berhubung perkara berkenaan. Seterusnya pada 6 Januari 1989, MUI telah membentuk LPPOM MUI. Visi utama LPPOM MUI adalah menjadi badan pensijilan halal yang dipercayai di Indonesia dan di peringkat dunia. LPPOMM MUI juga ingin menjadi pusat halal dunia dalam memberikan maklumat, khidmat penyelesaian dan standard halal yang diperakui dunia. Peranan-peranan LPPOM MUI adalah menetap dan mengembangkan standard halal dan standard audit halal; melakukan pensijilan terhadap produk makanan, ubat-ubatan dan kosmetik; memberikan kesedaran halal dalam kalangan masyarakat Islam; dan menyediakan maklumat-maklumat berkaitan produk halal secara menyeluruh.<sup>292</sup>

---

<sup>291</sup> Ibid.

<sup>292</sup> Majelis Ulama Indonesia, "LPPOM MUI, Pelopor Standard Halal & Pendiri Dewan Pangan Halal Dunia," laman sesawang *Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia*, dicapai pada 25 Mei 2014, [http://www.halalmui.org/newMUI/index.php/main/go\\_to\\_section/3/32/page/1](http://www.halalmui.org/newMUI/index.php/main/go_to_section/3/32/page/1).

Untuk memperkuatkan lagi posisi LPPOM MUI menjalankan fungsi sertifikasi halal, maka pada tahun 1996 LPPOM MUI telah menandatangani Nota Kesepakatan Kerjasama antara Departemen Agama, Departemen Kesehatan dan MUI. Nota Kesepakatan Kerjasama tersebut kemudian disusuli dengan penerbitan Keputusan Menteri Agama (KMA) 518 Tahun 2001 dan KMA 519 Tahun 2001 yang menguatkan kedudukan MUI sebagai lembaga sertifikasi halal serta melakukan pemeriksaan/audit, penetapan fatwa dan menerbitkan sertifikat halal. Dalam proses dan pelaksanaan sertifikasi halal, LPPOM MUI melakukan kerjasama dengan Badan Pengawasan Obat dan Makanan Republik Indonesia (BPOM RI), Kementerian Agama, Kementerian Pertanian, Kementerian Koperasi dan UKM, Kementerian Perdagangan, Kementerian Perindustrian, Kementerian Kelautan dan Perikanan, Kementerian Pariwisata dan Ekonomi Kreatif serta sejumlah Perguruan Tinggi di Indonesia, antara lain Institut Pertanian Bogor (IPB), Universitas Muhammadiyah Dr. Hamka, Universitas Djuanda, Universitas Wahid Hasyim Semarang serta Universitas Muslimin Indonesia Makasar.<sup>293</sup>

Undang-undang berkaitan halal yang diperuntukkan di Indonesia adalah<sup>294</sup> Undang-undang Republik Indonesia No. 23 Tahun 1992 Tentang Kesehatan,<sup>295</sup> Undang-Undang Republik Indonesia No. 7 Tahun 1996 Tentang Pangan,<sup>296</sup> Undang-Undang Republik Indonesia No. 8 Tahun 1999 Tentang Perlindungan Konsumen,<sup>297</sup> Peraturan Pemerintah Republik Indonesia, Nomor 69 Tahun 1999, Tentang Label dan Iklan Pangan,<sup>298</sup> Keputusan Menteri Agama RI No. 518 Tahun 2001 Tentang Pedoman dan Tata Cara Pemeriksaan dan

---

<sup>293</sup> *Ibid.*

<sup>294</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015.

<sup>295</sup> Undang-undang No. 23 Tahun 1992 Tentang Kesehatan, Nomor 23 Tahun 1992 (23/1992).

<sup>296</sup> Undang-undang No. 7 Tahun 1996 Tentang Pangan, Nomor 7 Tahun 1996 (7/1996).

<sup>297</sup> Undang-undang Perlindungan Konsumen Tentang Perlindungan Konsumen, Nomor 8 Tahun 1999.

<sup>298</sup> Peraturan Pemerintah Republik Indonesia, Tentang Label dan Iklan Pangan, Nomor 69 Tahun 1999.

Penetapan Pangan Halal,<sup>299</sup> Keputusan Menteri Agama RI No. 519 Tahun 2001 Tentang Lembaga Pelaksana Pemeriksaan Pangan Halal Menteri Agama Republik Indonesia<sup>300</sup> dan Surat Keputusan Menteri Pertanian No. 413/Kpts/Tn. 310/7/1992 Tentang Pemotongan Hewan Potong dan Penagan Daging serta Ikutannya.<sup>301</sup>

### **3.3.2 Prosedur Pengeluaran Sijil Halal**

Di Indonesia, sijil halal dikeluarkan dalam bentuk fatwa bertulis MUI yang menyatakan kehalalan suatu produk sesuai dengan syariat Islam ataupun dikenali sebagai sertifikat halal. Pemohon yang layak memohon sertifikat halal terdiri daripada industri pengolahan (makanan, ubat-ubatan, kosmetik), Rumah Potong Hewan (RPH) dan restoran/katering/dapur. Berikut merupakan prosedur pensijilan halal Indonesia yang melibatkan beberapa peringkat seperti berikut:<sup>302</sup> (Sila lihat Rajah 3.3 di Lampiran C)

- Pertama: Penerapan Sistem Jaminan Halal (SJH)

Pada peringkat pertama permohonan, pemohon yang layak memohon perlu memahami persyaratan sertifikasi halal yang disediakan dalam HAS 23000. Pemohon juga perlu mengikuti pelatihan Sistem Jaminan Halal yang diadakan LPPOM MUI sama ada latihan biasa ataupun latihan secara atas talian (*e-training*). Permohonan yang diajukan kepada LPPOM MUI disyaratkan supaya menerapkan SJH sebelum melakukan pendaftaran sertifikasi halal antaranya adalah penetapan kebijakan halal, penetapan Tim Manajemen Halal, pembuatan Manual SJH, pelaksanaan pelatihan, penyiapan prosedur terkait SJH,

---

<sup>299</sup> Surat Keputusan Menteri Pertanian Tentang Pemotongan Hewan Potong dan Penanganan Daging serta Ikutannya, Nomor 413/Kpts/Tn. 310/7/1992.

<sup>300</sup> Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia Tentang Lembaga Pelaksana Pemeriksaan Pangan Halal, Menteri Agama Republik Indonesia, Nomor 519 Tahun 2001 Tanggal 30 November 2001.

<sup>301</sup> Surat Keputusan Menteri Pertanian Tentang Pemotongan Hewan Potong dan Penanganan Daging serta Ikutannya, Nomor 413/Kpts/Tn. 310/7/1992.

<sup>302</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015. Lihat juga, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), HAS 23000:2-Persyaratan Sertifikasi Halal: Kebijakan dan Prosedur (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2008), 1-17.

pelaksanaan internal audit dan kaji ulang manajemen. Malah pemohon juga dikehendaki menyiapkan dokumen sokongan yang diperlukan untuk sertifikasi halal sesuai dengan kategori perniagaan yang dipohon.

- Kedua: Permohonan

Setelah semua dokumen sokongan disediakan, pemohon boleh memohon sertifikasi halal dengan melakukan pendaftaran secara manual ataupun secara atas talian (*online*). Bagi pendaftaran secara manual, pemohon boleh melakukan pendaftaran di LPPOM MUI Pusat dan LPPOM MUI Propinsi (negeri) atau Badan Pengawasan Ubat-obatan dan Makanan Republik Indonesia (BPOM RI) untuk produk runcitan. Bagi pendaftaran secara atas talian pula, pemohon boleh melakukan pendaftaran melalui laman web, [www.e-lppommui.org](http://www.e-lppommui.org) berserta dengan beberapa dokumen sokongan yang diperlukan. Setelah pendaftaran pemohon dikehendaki membayar yuran sertifikasi halal.

- Ketiga: Pembayaran Sertifikasi Halal

Pembayaran sertifikasi halal yang dikenakan ke atas pemohon adalah untuk tempoh dua tahun. Kadar pembayaran sertifikasi halal adalah mengikut kategori permohonan sepetimana yang dijelaskan dalam Lampiran D. Setelah akad sertifikasi diterima, maka Bagian Keuwangan akan memaklumkan kepada Bagian Auditing untuk melakukan jadual audit.

- Keempat: Pemeriksaan Kecukupan Dokumen dan Pelaksanaan Audit

Setiap dokumen pendaftaran akan diperiksa oleh Bagian Auditing dan SJH untuk pemeriksaan kecukupan dokumen. Jika dokumen pendaftaran mencukupi dan pembiayaan sertifikasi halal telah dijelaskan maka audit premis akan dibuat. Jika permohonan tidak lengkap, permohonan tersebut akan dimaklumkan melalui Pre Audit Memorandum dan dikembalikan semula kepada pemohon untuk tindakan pembetulan. Bagi pendaftaran yang

melalui Badan POM, audit akan dilakukan bersama Badan POM dan LPPOM MUI sedangkan untuk pendaftaran sertifikasi halal yang melalui LPPOM MUI audit dilakukan oleh LPPOM MUI (Bidang Auditing). Auditor akan melakukan pemeriksaan dokumen, observasi lapangan daripada penerimaan bahan mentah hingga penyimpanan produk akhir, pemeriksaan fizikal produk dan audit implementasi SJH. Sebagai bahagian daripada prosedur sertifikasi halal juga, LPPOM MUI turut melakukan Analisis Laboratorium bagi pengujian kandungan babi/derivatifnya terhadap produk berdasarkan daging dan pengujian kandungan alkohol untuk dianalisis di LPPOM MUI. Setelah pemeriksaan dijalankan, auditor akan mencatatkan hasil audit dan membincangkannya bersama auditor yang lain. Hasil audit akan direkodkan dalam bentuk laporan audit dan dibentangkan semula dalam Rapat Auditor.

- Kelima: Evaluasi Pasca Audit

Laporan audit akan dibentangkan semula dalam Evaluasi Pasca Audit melalui Forum Rapat Auditor dan Rapat Komisi Fatwa. Rapat Auditor diketuai oleh Direktur/Wakil Direktur/Kepala Bidang Auditing LPPOM MUI bersama-sama dengan auditor LPPOM MUI. Pertemuan Rapat Auditor dijadualkan setiap minggu. Jika Rapat Auditor menyatakan laporan audit memenuhi kriteria halal yang ditetapkan maka auditor akan menyiapkan Laporan Hasil Audit yang akan dibahaskan dalam Rapat Komisi Fatwa. Akan tetapi, jika Rapat Auditor memutuskan laporan audit masih terdapat kekurangan yang perlu diperbaiki maka Bagian Auditing akan mengembalikan audit memorandum kepada pemohon untuk tindakan pembetulan.

Rapat Komisi Fatwa diketuai oleh Ketua Komisi Fatwa MUI dan diikuti oleh anggota Komisi Fatwa MUI, Direktur LPPOM MUI dan beberapa Pengurus LPPOM MUI. Rapat Komisi Fatwa dijadualkan pada setiap minggu dan sampel produk wajib

diperlihatkan kepada Rapat Komisi Fatwa. Setelah itu, sertifikasi halal diterbitkan jika produk dinyatakan halal dalam Rapat Komisi Fatwa. Walau bagaimanapun, Rapat Komisi Fatwa boleh menolak laporan audit jika didapati laporan tersebut perlu diperbaiki dan setelah Rapat Komisi Fatwa berpuas hati dengan penambahbaikan yang dilakukan maka laporan audit akan di bahas semula dalam Rapat Komisi Fatwa yang berikutnya.

- Keenam: Penerbitan Sertifikat Halal

LPPOM MUI akan memaklumkan secara bertulis kepada pemohon bahawa sertifikat halal telah diluluskan. Sertifikat halal boleh diambil di Kantor LPPOM MUI atau di pos ke alamat syarikat. CD yang mengandungi fail halal MUI diberikan bersama dengan penyerahan sertifikat halal. Berikut merupakan logo halal MUI yang diiktiraf Indonesia:



**Rajah 3.4:** Logo Halal Indonesia (MUI)

Logo halal MUI merupakan tulisan halal dalam huruf Latin dan huruf Arab yang dipaparkan pada bungkusan makanan, minuman, ubat-ubatan dan kosmetik. Label ini dipamerkan untuk mengesahkan ianya telah mendapat persetujuan daripada Departmen Kesehatan dan pengiktirafan MUI. Label halal MUI memberikan jaminan kepada pengguna Muslim bahawa makanan, minuman, ubat-ubatan dan kosmetik telah diperakui kehalalan dan kesuciannya oleh LPPOM MUI.

- Ketujuh: Inspeksi Mendadak (Sidak)

Dalam tempoh sah sertifikat halal, LPPOM MUI akan melakukan inspeksi mendadak (Sidak) terhadap pemegang sertifikat halal. Pelaksanaan Sidak dilakukan tanpa notis kepada syarikat. Auditor akan melakukan pemeriksaan dokumen, observasi lapangan daripada penerimaan bahan mentah sehingga penyimpanan produk akhir, pemeriksaan fizikal produk dan pengambilan sampel jika perlu. Setelah pemeriksaan Sidak selesai, laporan hasil Sidak direkodkan oleh auditor. Seterusnya auditor Sidak akan melaporkan hasil Sidak kepada Kepala Bidang SJH dan jika didapati terdapat ketidakakuratan pemegang sertifikat halal dalam laporan hasil Sidak maka tindakan akan dikenakan ke atas pemohon mengikut budi bicara dan keputusan LPPOM MUI.

### **3.3.3 Piawaian Halal Yang Dibangunkan**

LPPOM MUI telah menerbitkan tiga buah garis panduan umum kepada pengusaha sebagai panduan lengkap dalam memenuhi keperluan pensijilan halal di Indonesia antaranya adalah HAS 23000-Pensyarat Sertifikasi Halal,<sup>303</sup> HAS 23103-Pedoman Pemenuhan Kriteria Sistem Jaminan Halal di Rumah Potong Haiwan<sup>304</sup> dan HAS 23201-Pensyarat Bahan Pangan Halal.<sup>305</sup> Berikut merupakan beberapa piawaian halal Indonesia:

- HAS 23000-Pensyarat Sertifikasi Halal<sup>306</sup>

Buku yang bertajuk HAS 23000 Pensyarat Sertifikasi Halal pada dasarnya adalah kompilasi daripada panduan halal yang pernah dikeluarkan oleh LPPOM MUI. Buku ini dikhaskan kepada semua pihak yang ingin mengetahui persyaratan sijil halal daripada

<sup>303</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), *HAS 23000-Pensyarat Sertifikasi Halal* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2008).

<sup>304</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), *HAS 23103-Pedoman Pemenuhan Kriteria Sistem Jaminan Halal Di Rumah Potong Haiwan* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2012).

<sup>305</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), *HAS 23201-Pensyarat Bahan Pangan* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2012).

<sup>306</sup> LPPOM MUI, *HAS 23000*.

LPPOM MUI. Buku ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian (I), HAS 23000:1-Pensyarat Sertifikasi Halal: Kriteria Sistem Jaminan Halal dan Bahagian (II), HAS 23000:2-Pensyarat Sertifikasi Halal: Kebijakan dan Prosedur. Pada bahagian (I), HAS 23000:1 mengandungi kriteria Sistem Jaminan Halal (SJH) sebagai pensyarat sijil halal. Kriteria SJH sesuai diaplikasikan kepada semua kategori perusahaan termasuklah industri pengolahan (makanan, ubat-ubatan dan kosmetik), Rumah Potong Hewan, restoran/katering dan industri jasa (*distributor, warehouse, transporter* dan *retailer*). Selain itu, dokumen ini menjelaskan tujuan utama SJH dan prinsip-prinsip SJH. Dokumen ini perlu digunakan dengan dokumen HAS 23000:2-Pensyarat Sertifikasi Halal: Kebijakan dan Prosedur. Manakala pada bahagian (II), HAS 23000:2 adalah dokumen yang membincangkan tentang dasar dan prosedur pensijilan halal di Indonesia. Dokumen ini merupakan syarat yang wajib dipenuhi oleh perusahaan semasa memohon sijil halal. Dasar dan prosedur sijil halal melibatkan semua sektor industri termasuklah industri pengolahan (makanan, ubat-ubatan, dan kosmetik), RPH dan restoran/katering. Dokumen yang berkaitan secara langsung adalah HAS 23000:1-Pensyarat Sertifikasi Sistem Jaminan Halal. Secara umumnya, buku ini berfungsi sebagai rujukan utama dan informasi yang lengkap kepada semua pihak industri yang ingin memohon sijil halal daripada LPPOM MUI. Ia adalah rujukan kepada badan pensijilan halal yang diperakui oleh MUI, para profesional serta institusi kerajaan yang selama ini terlibat secara langsung dalam pengeluaran sijil halal. LPPOM MUI juga menerbitkan buku tentang Persyaratan Bahan Pangan Halal (HAS 23201).

- HAS 23201-Persyaratan Bahan Pangan Halal<sup>307</sup>

HAS 23201 telah diterbitkan pada tahun 2012.<sup>308</sup> Buku ini menghuraikan secara terperinci mengenai kriteria bahan makanan halal, menjelaskan tentang pengetahuan bahan halal dan

---

<sup>307</sup> LPPOM MUI, *HAS 23201*.

dokumen bahan yang harus dipenuhi untuk mendapatkan pensijilan daripada LPPOM MUI dan lembaga pensijilan luar negara yang diperakui oleh LPPOM MUI. Buku HAS 23201 disusun berdasarkan nama dan jenis bahan, kebarangkalian asal usul bahan, titik kawalan kritikal bahan haram dan dokumen sokongan yang diperlukan. Untuk memudahkan pembaca dalam memahami tentang makanan halal maka nama dan jenis bahan ditulis dalam turutan abjad sedangkan untuk nama bahan tambahan (*additives*). Terdapat 211 nama dan jenis bahan yang dijelaskan dan dimulai dari E-100 sampai E-1999. Setiap bahan dijelaskan berdasarkan titik kritikal bahan haram dan dokumen bahan dilampirkan kepada LPPOM MUI atau badan-badan Islam halal yang diperakui oleh MUI dalam usaha untuk memenuhi kriteria kehalalan. Dokumen ini perlu digunakan bersama-sama dengan dua (2) dokumen yang utama iaitu HAS 23000:1 dan HAS 23000:2. Tujuan utama buku ini diterbitkan adalah menjadi panduan kepada perusahaan dalam memahami syarat bahan makanan halal dan mempersiapkan dokumen bahan yang memenuhi pensyaratannya sertifikasi halal LPPOM MUI. Ia juga sebagai panduan kepada auditor halal memahami pensyaratannya ramuan makanan halal dan panduan dalam menilai dokumen bahan yang lengkap serta memenuhi syarat pensijilan halal LLPOM MUI.

- HAS 23103-Pedoman Pemenuhan Kriteria Sistem Jaminan Halal di Rumah Potong Hewan<sup>309</sup>

HAS 23103-Pedoman Pemenuhan Kriteria Sistem Jaminan Halal di Rumah Potong Hewan merupakan buku yang menjelaskan lebih terperinci daripada HAS 23000:1. HAS 23103 merupakan rujukan kepada Rumah Potong Haiwan dalam usaha menerapkan Sistem Jaminan Halal sebagai sebahagian daripada pensyaratannya sertifikasi halal. Buku ini

---

<sup>308</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), "Milad Ke 24, LPPOM MUI Meluncurkan Buku Baru Panduan SH," laman sesawang *Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI)*, dicapai pada 10 Mei 2014, [http://www.halalmui.org/newMUI/index.php/main/detil\\_page/8/1257](http://www.halalmui.org/newMUI/index.php/main/detil_page/8/1257).

<sup>309</sup> LPPOM MUI, *HAS 23103*.

mengandungi Kebijakan halal, Tim Manajemen Halal, Pelatihan dan Edukasi, Hewan yang Disembelih, Fasilitas, Prosedur Tertulis untuk Aktivitas Kritis, Traceability, Penanganan Produk Tidak Sesuai, Internal Audit, Kaji Ulang Manajemen dan Ketentuan Lain. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan adalah HAS 230000:1 Pensyarat Sertifikasi Halal: Kriteria Sistem Jaminan dan HAS 23303 Pedoman Penyusunan Manual Sistem Jaminan Halal di Rumah Potong Hewan. Di samping itu, buku ini mengandungi pedoman kriteria Sistem Jaminan Halal di Rumah Potong Hewan sebagai panduan umum kepada; (i) Perusahaan Rumah Potong Hewan yang akan menyusun dan menerapkan Sistem Jaminan Halal; (ii) Lembaga sertifikasi halal yang mensyaratkan Sistem Jaminan Halal dalam proses sertifikasi halal; (iii) Departemen atau institusi teknis terkait dalam melalukan proses perijinan persendirian RPH halal; (iv) Pemangku kepentingan halal lainnya, seperti masyarakat umum.

### **3.4 Prosedur Pensijilan dan Piawaian Halal Di Brunei**

Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan satu sistem pensijilan halal yang dikendalikan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH). BKMH turut membangunkan garis panduan pensijilan halal dan beberapa piawaian halal yang tersendiri.

#### **3.4.1 Perkembangan Badan Pensijilan Halal**

Sejarah perkembangan pensijilan halal di Brunei bermula pada 15 Julai 1997, di mana Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan seperti berikut:<sup>310</sup>

*Maka di akhir-akhir ini timbul pula kekhawatiran terhadap makanan dan minuman serta barang-barang gunaan yang dikhawatiri bercampur dengan*

<sup>310</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014. Lihat juga, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, “Sejarah Ringkas Bahagian Kawalan Makanan Halal,” laman sesawang *Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*, dicapai pada 3 September 2014, [http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm\\_about\\_div&pg=bm\\_div\\_syariah&ac=1619](http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_about_div&pg=bm_div_syariah&ac=1619).

*bahan-bahan haram, termasuk kekhawatiran khusus mengenai daging-daging import yang sedang beredar di pasaran pada masa ini.*

*Dalam konteks ini sudah tiba masanya bagi pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk mengkaji kemungkinan bagi mengadakan satu badan atau seumpamanya selaku pihak yang mengawal halal haram bahan-bahan makanan dan minuman, termasuk segala jenis daging serta lain-lain barang gunaan di negara ini.*

Dengan menjunjung Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka kerajaan Brunei telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Ad-Hoc Komiti Daging Halal Haram yang terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awing Haji Abd. Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awing Haji Omar, Menteri Pendidikan merangkap Menteri Kesihatan (pada ketika itu) bagi menangani masalah kemasukan daging halal dan yang berkaitan dengannya di negara berkenaan.<sup>311</sup>

Pada 13 Oktober 1997 pula, ditubuhkan Badan Pengeluar Permit Import Daging Halal yang diletakkan di bawah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pegawai yang mengetuai Badan ini dinamakan sebagai Setiausaha Badan Pengeluar Permit Import Daging Halal Haram yang kini dikenali sebagai Ketua Bahagian Kawalan Makanan Halal. Pegawai ini diberi kuasa menandatangani bagi pihak Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menyelesaikan urusan surat menyurat yang berkaitan dengan tugas-tugas Badan Pengeluar Permit Import Daging Halal Haram.<sup>312</sup>

Seterusnya, pada 26 September 1998, Perintah Darurat (Daging Halal) 1998 (sekarang dikenali Akta Daging Halal, Penggal 183) telah diwartakan dalam kerajaan. Sehubungan dengan itu juga, Lembaga mengeluarkan Permit Import halal telah ditubuhkan di bawah bab 3 (1) Perintah Darurat (Daging Halal) 1998 dan Setiausaha Lembaga

---

<sup>311</sup> *Ibid.*

<sup>312</sup> *Ibid.*

Mengeluarkan Permit Import Halal masih dikenakan di bawah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama serta diberi kuasa menandatangani bagi Pihak Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi urusan surat menyurat yang berkaitan dengan tugas-tugas Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal.<sup>313</sup>

Seterusnya, pada 11 Januari 2000, Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal telah ditempatkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah atau lebih dikenali sebagai Bahagian Halal Haram, Jabatan Hal Ehwal Syariah. Pada 28 Mei 2005 pula, undang-undang baru telah diwartakan iaitu Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005. Dan pada awal tahun 2006, Bahagian Halal Haram ditukarkan nama kepada BKMH. BKMH adalah badan induk bagi Lembaga Mengeluarkan Import Halal (ditubuhkan melalui Akta Daging Halal Penggal 183) dan bagi Sijil Halal dan Label Halal 2005 (ditubuhkan melalui Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005).<sup>314</sup>

Misi utama penubuhan BKMH adalah melaksanakan penguatkuasaan Undang-undang Akta Daging Halal Penggal 183 dan aturan-aturannya serta Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 & kehendak-kehendaknya; memastikan perlaksanaan undang-undang berkenaan dijalankan selaras dengan hukum syarak; dan memastikan tiada penyelewengan atau penipuan terhadap penggunaan sijil halal dan label halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). BKMH juga dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan menangani segala pemakanan halal di Brunei termasuk restoran, kedai makan, kilang produk makanan, tempat perniagaan dan seumpamanya yang berhasrat untuk menggunakan tanda halal Negara Brunei Darussalam. Bahkan, BKMH merupakan sebuah organisasi berwibawa yang mengawal selia makanan halal di Brunei Darussalam dan sekali gus

---

<sup>313</sup> *Ibid.*

<sup>314</sup> *Ibid.*

berfungsi untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang makanan halal di Negara Brunei Darussalam.<sup>315</sup>

Selain daripada peranan-peranan yang disebutkan di atas, BKMH juga agensi utama dalam melaksanakan undang-undang bagi Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 yang telah digubal dan diwartakan dalam Warta Kerajaan pada 28 Mei 2005. Perintah ini telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008<sup>316</sup> dan Akta Daging halal Penggal 183 serta aturan-aturannya telah pun digubal sejak tahun 1998.<sup>317</sup> BKMH juga turut mendapat sokongan dan menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain terutamanya Jabatan Pertanian dan Agri Makanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, dan Kementerian Kesihatan dalam menjalankan undang-undang yang berkaitan dengan Akta Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182 serta aturan-aturannya, Garis Panduan Pensijilan Halal (BCG Halal 1),<sup>318</sup> BCG Halal 2,<sup>319</sup> BCG Halal 3,<sup>320</sup> BCG Halal 4<sup>321</sup> dan Perintah Daging Segar Penggal 172.

### **3.4.2 Prosedur Pengeluaran Sijil Halal**

Dalam prosedur pensijilan halal Brunei, BKMH menawarkan dua jenis permohonan iaitu permohonan sijil halal dan permohonan permit halal. Pemohon yang layak memohon sijil halal Brunei adalah restoran (termasuk gerai, kantin dan seumpamanya) dan kilang (sama kilang berskala kecil, sederhana ataupun multinasional) sedangkan permohonan permit

---

<sup>315</sup> *Ibid.*

<sup>316</sup> Perintah Label Halal dan Sijil Halal 2005, (S 44/06).

<sup>317</sup> Perintah Darurat (Daging Halal) 1998, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Perintah di bawah bab 83 (3)).

<sup>318</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *Guideline For Halal Certification (BCG Halal 1)* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007).

<sup>319</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *Guideline for Halal Compliance Audit (BCG Halal 2)* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007).

<sup>320</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *Guideline for Certification Halal Compliance Auditor (BCG Halal 3)* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007).

<sup>321</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *Guideline for Halal Surveillance Audit (BCG Halal 4)* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007).

halal dikhususkan kepada pelabelan halal pada setiap produk yang dihasilkan daripada perkilangan. Berikut merupakan prosedur pensijilan halal di Brunei yang melibatkan beberapa peringkat tertentu iaitu:<sup>322</sup> (Sila lihat Rajah 3.5 di Lampiran E)

- Pertama: Permohonan

Pada peringkat permohonan, pemohon dikehendaki menyertakan beberapa dokumen sokongan yang berkaitan mengikut spesifikasi perniagaan mereka. Pemohon boleh melakukan pendaftaran secara atas talian melalui laman web rasmi BKMH. Permohonan yang telah lengkap akan diserahkan kepada Jawatankuasa Pemeriksa untuk tujuan penilaian dan semakan dokumen. Setelah Jawatankuasa Pemeriksaan berpuas hati dengan dokumen sokongan yang diberikan, pemeriksaan audit akan dilakukan ke premis pemohon. Pemohon juga diingatkan supaya menyediakan fail khusus untuk menyimpan dokumen sokongan sebagai rujukan audit.

- Kedua: Pengauditan

Setelah permohonan tersebut diterima maka pegawai pemeriksa akan melakukan penilaian dan semakan audit dokumen. Pegawai pemeriksa akan menyemak dokumen sokongan yang dihantar untuk memastikan dokumen mencukupi sebelum audit premis. Audit premis dilakukan oleh pegawai pemeriksa bersama dengan senarai semakan yang diperlukan. Semasa pemeriksaan premis berlangsung, mesyuarat dimulakan dengan mesyuarat pembukaan, pengumpulan dan pengesahan maklumat, lawatan premis, pengambilan sampel bahan, audit dokumen dan mesyuarat penutup. Pegawai pemeriksa juga akan mengambil beberapa bahan atau ramuan yang meragukan sebagai sampel untuk dianalisis di makmal

---

<sup>322</sup> Wajihah Zainuddin (Pegawai Saintifik, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014. Lihat juga, The Religious Council Brunei Darussalam, *BCG Halal 1*, 9.

BKMH. Pegawai pemeriksa akan memeriksa secara menyeluruh proses setiap jenis produk seperti bahan mentah, cara pemprosesan, pengendalian dan pengedaran produk; pemeriksaan tempat penyimpanan, tempat peragaan dan penyajian produk; pemeriksaan kebersihan, sanitasi dan keselamatan makanan, pemeriksaan pembungkusan, pelabelan, bilik sejuk, pengangkutan dan sebagainya. Ketua pegawai pemeriksa akan membuat laporan secara bertulis kepada Jawatankuasa Pemeriksaan.<sup>323</sup>

- Ketiga: Mesyuarat Jawatankuasa

Setelah pengauditan selesai dijalankan, Ketua Pegawai Pemeriksa membuat laporan audit secara bertulis kepada Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES). JHES mengumpulkan laporan audit kepada Ahli Jawatankuasa Pemeriksa (AJKP). AJKP pula mengadakan mesyuarat bagi menimbangkan permohonan berkenaan sekali gus mengadakan perbincangan dengan pihak MUIB. Jika diluluskan di peringkat MUIB maka MUIB akan memaklumkan kepada AJKP dan AJKP memaklumkan semula kepada JHES.<sup>324</sup>

- Keempat: Bayaran Fi Pensijilan

Bayaran sijil halal boleh dilakukan di Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Bayaran pensijilan halal yang ditetapkan adalah sah untuk tempoh tiga tahun. Sila lihat fi pensijilan di Lampiran F.

- Kelima: Penerbitan Sijil Halal

Berikut merupakan logo halal bagi Negara Brunei Darussalam:

---

<sup>323</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *BCG Halal* 2, 6.

<sup>324</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014.



Rajah 3.6: Logo Halal Brunei (MUIB)

Sijil halal dikeluarkan setelah pemohon membayar fi pensijilan halal dan bayaran turut dikenakan ke atas penganalisisan sampel sebagaimana yang ditetapkan oleh Makmal Saintifik, Kementerian Kesihatan atau Makmal Kementerian Perindustrian.

- Kelima: Pemantauan dan Penguatkuasaan

Dalam tempoh sah pensijilan halal, pemantauan dan penguatkuasaan dibuat untuk mengawasi kesinambungan pensijilan halal dilaksanakan di premis perniagaan. Majlis melantik pegawai pemeriksa untuk melakukan pemantauan ke premis perniagaan. Pegawai pemeriksa memulakan dengan mesyuarat pembukaan, semakan rekod/dokumen, pemerhatian/lawatan premis, penyediaan laporan audit dan mesyuarat penutup. Seterusnya, jika didapati premis melakukan kesalahan atau ketidakakuruan sepertimana yang ditetapkan dalam terma dan syarat pensijilan halal maka tindakan akan dikenakan ke atas pemegang sijil halal berdasarkan keputusan BKMH.<sup>325</sup>

### 3.4.3 Piawaian Halal Yang Dibangunkan

Piawaian halal yang dibangunkan Brunei adalah PBD 24: 2007-Standard Makanan Halal Brunei Darussalam dan GD24:2010-Garis Panduan bagi Pengendalian Produk Perubatan

<sup>325</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *BCG Halal 4, 7.*

Halal, Perubatan Tradisional dan Suplemen Kesihatan Brunei Darussalam, sepermata berikut:

- BCG Halal 1- Garis Panduan Pensijilan Halal<sup>326</sup>

BCG Halal 1, Garis Panduan Pensijilan Halal menjelaskan keperluan yang mesti dipatuhi untuk mendapatkan pensijilan halal dan permit halal yang dikeluarkan oleh MUIB (Majlis).

Ia bernaung di bawah kuasa Majlis bagi memenuhi keperluan industri halal yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Dokumen ini menghuraikan semua peringkat pengeluaran sijil halal dan permit halal sebagai panduan umum kepada pegawai pemeriksa, pihak industri dan pengguna. Garis panduan BCG Halal 1 diimplementasikan melalui kerjasama antara kerajaan, pemeriksa kerajaan dan pihak perindustrian makanan.

- PBD 24: 2007- Standard Makanan Halal Brunei Darussalam<sup>327</sup>

PBD 24: 2007, Standard Makanan Halal Brunei Darussalam telah disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal di Pembangunan Standard Kebangsaan Halal. Standard ini diterbitkan bagi memenuhi keperluan semasa industri makanan halal khususnya bagi memenuhi keperluan asas produk makanan atau perniagaan makanan halal di Brunei Darussalam. Ia mengandungi garis panduan umum kaedah pemprosesan makanan seperti proses penyediaan, proses pengendalian, proses pengeluaran, proses pengedaran dan proses penyimpanan makanan halal. Dokumen ini perlu digunakan bersama dengan perundangan Negara Brunei Darussalam, standard-standard yang berkaitan dan garis panduan yang diterima pakai oleh Kerajaan Brunei Darussalam.

---

<sup>326</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *BCG Halal 1*.

<sup>327</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007-Brunei Darussalam Standard Halal Food* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007).

- GD 24:2010- Garis Panduan Pembuatan dan Pengendalian Produk Perubatan Halal, Perubatan Tradisional dan Suplemen Kesihatan Brunei Darussalam<sup>328</sup>

GD24:2010 diterbitkan untuk memenuhi keperluan penghasilan dan pengendalian produk perubatan halal, ubat-ubatan tradisional dan suplemen kesihatan di samping memenuhi tanggungjawab agama (*fardū kifāyah*) dengan menyediakan produk perubatan yang halal kepada pengguna Islam sekali gus meningkatkan pendapatan ekonomi di Brunei Darussalam. Aspek utama yang dibincangkan adalah sumber bahan yang digunakan, proses pengeluaran, proses pembungkusan, proses penyimpanan dan proses pengangkutan produk ubat moden, tradisional dan suplemen kesihatan. Selain daripada itu, ia bertujuan sebagai panduan tambahan kepada Garis Panduan Amalan Pengilangan Baik bagi Produk Ubat-Ubatan yang dikenali di peringkat antarabangsa termasuklah Organisasi Kesihatan Dunia (WHO), Konvensyen Pemeriksaan Farmaseutikal (PIC), dan Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal (PIC/S).

### **3.5 Prosedur Pensijilan dan Piawaian Halal Di Singapura**

Singapura telah mengimplementasikan sistem pensijilan halal yang dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). MUIS turut membangunkan garis panduan pensijilan halal dan beberapa piawaian halal yang sistematik.

#### **3.5.1 Perkembangan Badan Pensijilan Halal**

Pada tahun 1968, *Administration Of Muslim Law Act* (AMLA) telah dikuatkuasakan sepenuhnya di Singapura. Di bawah perundangan AMLA 1968, MUIS telah ditubuhkan dan ia menjadi badan perundangan sah kerajaan Singapura. Tugas utama MUIS adalah

<sup>328</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010-Brunei Darussalam Guidelines for Manufacturing and Handling of Halal Medicinal Products, Traditional Medicines and Health Supplements* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2010).

memberikan nasihat kepada Presiden Singapura berkaitan hal ehwal Islam serta dalam kepentingan agama dan isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Singapura.<sup>329</sup>

Seterusnya, pada tahun 1978, MUIS menyediakan perkhidmatan pensijilan halal secara rasmi di mana MUIS mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai pihak berkuasa bagi mengawal tadbir urus halal di Singapura. MUIS juga telah berjaya menerbitkan sijil halal (kali pertama) kepada pihak industri khasnya bagi produk minuman untuk dieksport ke negara Timur Tengah. Dan pada tahun 1992, Unit Pensijilan Halal, MUIS telah ditubuhkan untuk memastikan prosedur pengeluaran sijil halal lebih berstruktur ekoran daripada permintaan terhadap produk halal yang semakin meningkat setiap tahun di Singapura.<sup>330</sup>

Seterusnya, pada tahun 1999, berlaku perubahan di dalam sistem perundangan AMLA 1968 yang berkaitan dengan perkhidmatan pensijilan halal MUIS. Lantaran itu, MUIS merangka gerak kerja yang lebih komprehensif dan kompetitif dengan pihak industri halal. Bahkan, penerbitan sijil halal juga semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2010, MUIS telah berjaya mengeluarkan sijil halal sebanyak 15 610. Ini menunjukkan bahawa MUIS memainkan peranan penting dalam menjamin kehalalan produk khasnya produk makanan dan minuman untuk keperluan hidup masyarakat minoriti Muslim dan peningkatan industri halal di Singapura telah mendorong interaksi sosial antara individu daripada pelbagai latar belakang agama dan budaya yang berbeza.<sup>331</sup>

MUIS memainkan peranan yang utama sebagai badan tunggal yang menerbitkan sijil dan logo halal serta menguatkuasakan sistem perundangan yang berkaitan dengan

<sup>329</sup> Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2014. Lihat juga, Majlis Ugama Islam Singapura, “Overview,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai pada 26 Jun 2013, <http://www.muis.gov.sg/cms/services/hal.aspx?id=1714>.

<sup>330</sup> *Ibid.*

<sup>331</sup> Majlis Ugama Islam Singapura, *Singapore Halal Directory 2011/2012*, ed. ke-5 (Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura, 2011).

pensijilan halal di Singapura.<sup>332</sup> Undang-undang berkaitan halal yang diperuntukkan di Singapura adalah AMLA 1968, seksyen 88A dan 88C.<sup>333</sup> Pada hari ini, sijil dan logo halal MUIS telah dikenali dan mendapat pengiktirafan dalam pasaran halal utama di Brunei, Indonesia, Malaysia, Kuwait, Bahrain, Arab Saudi, Qatar, Emiriyah Arab Bersatu dan Oman.<sup>334</sup>

### **3.5.2 Prosedur Pengeluaran Sijil Halal**

Pada tahun 2010, MUIS telah memperkenalkan Rancangan Tahunan-Ketiga MUIS (*MUIS Tree-Year Plan*) atau (M3YP) yang memfokuskan tiga aspek yang utama iaitu pembangunan halal, integriti halal dan pengurusan halal.<sup>335</sup> MUIS menawarkan tujuh skim pensijilan halal<sup>336</sup> antaranya adalah Skim Makanan (*Eating Establishment Scheme*),<sup>337</sup> Skim Mengendors (*Endorsement Scheme*),<sup>338</sup> Skim Penyediaan Makanan (*Food Preparation Area Scheme*),<sup>339</sup> Skim Rumah Sembelihan Ayam (*Poultry Abattoir Scheme*),<sup>340</sup> Skim Produk (*Product Scheme*),<sup>341</sup> Skim Perkhidmatan Penyimpanan (*Storage Facility Scheme*)<sup>342</sup> dan *Whole Plant Scheme*.<sup>343</sup> Tambahan itu, MUIS turut mengeluarkan

---

<sup>332</sup> Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2014.

<sup>333</sup> Administration Of Muslim Law Act, (Chapter 3), (Act 27 Of 1966).

<sup>334</sup> Majlis Ugama Islam Singapura, “Singapore Halal Certification,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai pada 26 Jun 2013, <http://www.muis.gov.sg/cms/services/hal.aspx?id=458>.

<sup>335</sup> Majlis Ugama Islam Singapura, *Singapore Halal Directory 2011/2012*, 20.

<sup>336</sup> Majlis Ugama Islam Singapura, “Types Of Halal Certification Schemes,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai pada 26 Jun 2013, <http://www.muis.gov.sg/cms/services/hal.aspx?id=1702>.

<sup>337</sup> Skim Makanan (*Eating Establishment Scheme*) dikeluarkan kepada makanan runcit seperti restoran, kantin sekolah, snek bar, kedai kek, gerai-gerai di medan selera dan gerai sementara seperti bazar pasar lambak, pameran perdagangan dan sebagainya.

<sup>338</sup> Skim Mengendors (*Endorsement Scheme*) dikeluarkan bagi perniagaan import, eksport atau pengeksportan semula produk.

<sup>339</sup> Skim Penyediaan Makanan (*Food Preparation Area Scheme*) dikeluarkan bagi katering dan dapur.

<sup>340</sup> Skim Rumah Sembelihan Ayam (*Poultry Abattoir Scheme*) dikeluarkan bagi pusat sembelihan ayam.

<sup>341</sup> Skim Produk (*Product Scheme*) dikeluarkan bagi produk yang dihasilkan atau sebahagiannya dihasilkan di Singapura.

<sup>342</sup> Skim Perkhidmatan Penyimpanan (*Storage Facility Scheme*) dikeluarkan bagi penyimpanan produk seperti gudang dan bilik sejuk beku.

<sup>343</sup> *Whole Plant Scheme* merangkumi semua skim-skim yang dikeluarkan oleh MUIS. Skim ini diperkenalkan pada tahun 2009 dan skim ini sesuai kepada premis yang ingin memberikan pensijilan halal kepada semua produk yang dikeluarkan oleh syarikatnya.

sijil halal kepada acara-acara rasmi seperti makan tengah hari, seminar, perkahwinan, mesyuarat dan sebagainya yang diadakan di hotel, dewan pameran ataupun lokasi-lokasi luar. Berikut merupakan tahapan prosedur pensijilan halal Singapura:<sup>344</sup> (Sila lihat Rajah 3.7 di Lampiran G)

- Pertama: Permohonan

Di peringkat permohonan, pemohon adalah digalakkan memahami terma dan syarat pensijilan halal MUIS terlebih dahulu sebelum mendaftar. Setelah memahami syarat dan terma pensijilan halal yang wajib dipatuhi maka pemohon boleh membuat pendaftaran melalui sistem eHalal MUIS (MeS) di laman web, <http://ehalal.muis.gov.sg>. Semasa mendaftar permohonan, pemohon dikehendaki memberikan segala dokumen sokongan yang diperlukan sesuai dengan skim perniagaan yang dipilih. Ini kerana dokumen yang tidak lengkap tidak akan diproses dan dibatalkan secara automatik tanpa sebarang notis. Manakala bagi permohonan yang lengkap pemohon akan menerima notis pembayaran.

- Kedua: Bayaran Fi Pensijilan

Di peringkat bayaran, pemohon wajib membayar fi pensijilan mengikut skim perniagaan sepertimana yang dinyatakan dalam Lampiran H. Ini kerana permohonan akan diproses apabila menerima resit pembayaran daripada pemohon. Bayaran boleh dibuat secara tunai, cek atau atas talian (*online*) melalui MeS. Bayaran yang telah dibuat juga tidak akan dikembalikan. Setelah bayaran dijelaskan dokumen permohonan diserahkan kepada pegawai pemeriksa untuk audit dokumen.

---

<sup>344</sup> Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2014. Lihat juga, Majlis Ugama Islam Singapura Halal Certification Terms and Conditions, *Food Preparation Area Scheme* (Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura, 2011), 4.

- Ketiga: Pengauditan

Di peringkat pengauditan, dokumen permohonan akan diserahkan kepada pegawai pemeriksa untuk dibuat penilaian dan semakan audit. Bagi permohonan yang telah lengkap audit lapangan akan dilakukan ke premis pemohon. Pemeriksaan audit lapangan dibuat semasa premis sedang beroperasi dan skop pengauditan adalah secara menyeluruh daripada proses penyediaan bahan mentah hingga penyimpanan produk. Semua dokumen dan rekod pembelian perlu ditunjukkan semasa audit dijalankan. Pemeriksaan audit merangkumi mesyuarat pembukaan, semakan dokumen, pemeriksaan premis/tapak, penilaian semula audit, pengesahan dan pemeriksaan dokumen, penilaian akhir dan mesyuarat penutup. Semasa pemeriksaan premis pensampelan bahan yang meragukan diambil untuk ujian makmal. Selepas pemeriksaan dijalankan pegawai akan membuat laporan audit untuk dibentangkan dalam Ahli Panel Kelulusan MUIS. Sedangkan bagi premis yang didapati terdapat unsur ketidakpatuhan semasa pemeriksaan audit keputusan laporan audit akan dimaklumkan kepada pemohon untuk tindakan susulan dan menambah baik. Pemeriksaan audit semula hanya dibuat sekiranya diperlukan.

- Keempat: Ahli Panel Kelulusan MUIS

Setelah laporan audit diterima oleh Ahli Panel Kelulusan MUIS maka pegawai yang terlibat akan melakukan penilaian dan semakan bagi melihat status permohonan. Dalam peringkat ini, Ahli Panel Kelulusan MUIS akan menyemak permohonan dan jika berpuas hati laporan audit akan diluluskan. Laporan audit yang diluluskan akan diserahkan kepada MUIS untuk penerbitan sijil halal. Namun begitu, sekiranya terdapat unsur keraguan atau ketidakakururan dengan terma dan syarat pensijilan halal MUIS Ahli Panel Kelulusan MUIS akan menggagalkan permohonan tersebut. Permohonan yang telah ditolak akan dimaklumkan kepada pemohon.

- Kelima: Penerbitan Sijil Halal

Sijil halal MUIS akan diterbitkan setelah mendapat kelulusan daripada Ahli Panel Kelulusan MUIS. Lazimnya, pemohon akan dimaklumkan melalui laman web rasmi MUIS.

Gama rajah di bawah merupakan logo halal di Singapura:



**Rajah 3.8:** Logo Halal Singapura (MUIS)

Seperti yang sedia maklum bahawa sijil halal yang asli dan sah perlu disimpan dan ditunjukkan di premis perniagaan akan tetapi sekiranya melanggar terma dan syarat pensijilan halal MUIS berhak untuk menggantungkan sijil halal, menarik balik mahupun membatalkannya. Pemegang sijil halal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sijil halal yang dikeluarkan dan ia tidak boleh dipindah milik. Sekiranya berlaku kehilangan sijil halal pemegang sijil halal hendaklah membuat aduan kepada polis dengan segera dan membawa salinan laporan pihak polis kepada pihak MUIS.

- Keenam: Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan halal merupakan salah satu komponen utama yang diwajibkan bagi memastikan pemegang sijil halal mematuhi syarat dan terma pensijilan yang ditetapkan. Auditor yang dilantik MUIS bertanggungjawab sepenuhnya dalam menjalankan kedua-dua prosedur ini. Jika berlaku keingkaran dari pihak pemegang sijil halal maka undang-undang khas yang dikenali dengan AMLA 1996 akan dirujuk oleh

juruaudit bagi mensabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman jika disabitkan kesalahan di mahkamah.

### **3.5.3 Piawaian Halal Yang Dibangunkan**

MUIS telah menerbitkan dua piawaian halal sebagai rujukan kepada pihak industri dan juga pengguna. Ia adalah seperti mana berikut:

- MUIS-HC-S001-Garis Panduan Umum Pengendalian dan Pemprosesan Makanan Halal (*General Guidelines for the Handling and Processing of Halal Food*)<sup>345</sup>

MUIS-HC-S001 telah diterbitkan oleh MUIS pada tahun 2007. Standard ini diterbitkan berdasarkan kepada usaha sama pihak MUIS dengan ahli jawatankuasa SPRING Singapura yang merupakan Badan Standard Kebangsaan di Singapura. Selain itu, ia turut mendapat kerjasama daripada badan kerajaan tempatan, badan luar negara, organisasi-organisasi, institusi-institusi, ulama, pakar agama, ahli sains, ahli akademik, pihak industri yang terlibat dan juga pengguna agar ia sesuai dipraktikkan dan diaplikasikan kepada bidang industri halal. Tambahan itu, MUIS-HC-S001 di dokumentari berdasarkan kepada rujukan secara khusus melalui al-Quran, sunnah, kitab-kitab fiqh klasik, kamus dan lain-lain sumber yang berautoriti. Ia mengandungi garis panduan umum berkenaan pengendalian dan pemprosesan makanan halal yang selaras dengan perundangan hukum Islam. Ternyata bahawa standard ini disediakan untuk memenuhi keperluan dalam bidang industri makanan bagi memudahkan pihak industri mendapatkan kelayakan dalam pensijilan halal di Singapura.

---

<sup>345</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S001-General Guidelines for the Handling and Processing of Halal Food* (Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura, 2007).

- MUIS-HC-S002-Garis Panduan Umum Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Halal (*General Guidelines for the Development and Implementation of a Halal Quality Management System*)<sup>346</sup>

MUIS telah memperkenalkan *Singapura Muis Halal Quality Management System* (HalMQ) pada Mac 2008. Ia merupakan komponen teknikal yang terlibat secara langsung dalam aspek pengurusan dan pelaksanaan sistem halal bagi sesebuah premis perniagaan. Standard ini sesuai diaplikasikan ke atas produk makanan dan barang gunaan dan melibatkan semua rantai proses pengeluaran termasuk peralatan, bahan ramuan yang disediakan, penyimpanan, penyediaan, pembungkusan, pengedaran, penjualan, dan pameran. Standard ini mengandungi 10 prinsip-prinsip yang utama iaitu:<sup>347</sup>

- i. Prinsip Pertama: Menubuhkan Pasukan Halal (*Establish the Halal Team*)
- ii. Prinsip Kedua: Menentukan Produk/ Jenis Perniagaan (*Define the Product/Nature of Business*)
- iii. Prinsip Ketiga: Membina dan Mengesahkan Carta Alir (*Contract and Verify Flow Control Chart*)
- iv. Prinsip Keempat: Mengenal pasti Ancaman Halal dan Langkah-langkah Kawalan (*Identify Halal Threats and Their Control Measures*)
- v. Prinsip Kelima: Menentukan Titik Kawalan Halal (HAP), Had yang Dibenarkan dan Amalan-amalan yang Dibenarkan (*Determine Halal Assurance Points (HAP), Their Allowable Limits and Prescribed Practices*)
- vi. Prinsip Keenam: Mewujudkan Sistem Pemantauan bagi setiap HAP (*Establish Monitoring System for each HAP*)

---

<sup>346</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S002-General Guidelines for the Development and Implementation of a Halal Quality Management System* (Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura, 2007).

<sup>347</sup> *Ibid.*

- vii. Prinsip Ketujuh: Mewujudkan Tindakan Pembetulan bagi setiap HAP  
*(Establish Corrective Actions for each HAP)*
- viii. Prinsip Kelapan: Mewujudkan Sistem Penyimpanan Dokumen dan Rekod  
*(Establish Documentation and Record Keeping System)*
- ix. Prinsip Kesembilan: Mengesahkan Sistem Halal (*Verify the Halal System*)
- x. Prinsip Kesepuluh: Mengkaji Semula Sistem Halal (*Review the Halal System*)

Secara umumnya, garis panduan umum ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan perindustrian halal di Singapura yang kemudiannya diaplikasikan dalam sistem pensijilan halal Singapura. Sistem ini sangat praktikal dengan menyediakan pendekatan yang sistematik untuk memastikan produk makanan maupun barang gunaan harian yang dihasilkan terjamin dari aspek kehalalan dan kualitinya.

### **3.6 Penutup**

Sejarah perkembangan penubuhan badan pensijilan halal JAKIM, LPPOM MUI, MUIB dan MUIS bertitik tolak daripada peningkatan kesedaran masyarakat yang beragama Islam terhadap makanan halal serta bagi memenuhi keperluan industri halal di peringkat nasional dan antarabangsa. JAKIM, LPPOM MUI, MUIB dan MUIS merupakan badan pensijilan halal yang memainkan peranan penting dalam mengawal selia urus tadbir halal di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura.

Dapat dirumuskan bahawa prosedur pengeluaran sijil halal bermula dengan prosedur permohonan, bayaran fi pensijilan, prosedur pengauditan, penerbitan sijil halal dan diakhiri dengan prosedur pemantauan serta penguatkuasaan halal. Malahan piawaian halal yang dibangunkan di empat buah negara telah mendapat pengiktirafan di peringkat

antarabangsa dan diperakui dunia. Dengan manual prosedur dan piawaian halal yang dibangunkan dapat membantu pihak industri untuk mematuhi syarat dan terma pensijilan halal yang telah ditetapkan supaya tahap jaminan halal berterusan sampai kepada pengguna.

## **BAB 4: PERBANDINGAN TERHADAP PENENTUAN PIAWAIAN HALAL ANTARA MALAYSIA, INDONESIA, SINGAPURA DAN BRUNEI**

### **4.1 Pendahuluan**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Lembaga Pengkajian Pangan Ubat-obatan dan Kosmetika (LPPOM MUI), Majlis Agama Islam Singapura (MUIS) dan Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) merupakan peneraju utama negara dalam mengembangkan industri halal ke peringkat antarabangsa. Keempat-empat badan pensijilan halal ini telah membangunkan piawaian halal sebagai rujukan utama dalam aktiviti pensijilan halal. Piawaian halal pula hanya dapat dibangunkan melalui keputusan institusi fatwa yang diiktiraf dalam mengeluarkan hukum berkaitan syariah.

Justeru, adalah wajar untuk menilai faktor-faktor perbezaan fatwa kepenggunaan yang dikeluarkan di empat negara ini. Kajian dibuat berdasarkan kepada beberapa isu-isu halal yang terpilih di setiap negara yang terlibat. Di samping itu, kajian perbandingan terhadap penentuan piawaian halal di empat negara juga dibuat untuk membincangkan aspek persamaan, perbezaan, kelebihan dan kelemahan serta mengkaji secara ringkas implikasi pengesahan halal Indonesia, Singapura dan Brunei bagi produk yang diimport ke Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Dengan ini, bab keempat telah menjawab objektif ketiga dan keempat dalam kajian ini.

### **4.2 Faktor Perbezaan Fatwa Kepenggunaan Sebagai Sumber Rujukan Dalam Piawaian Halal Antara Empat Negara**

Dalam hukum Islam, fatwa berasal daripada perkataan Arab iaitu *fatā-yafṭū-fatwan* yang membawa maksud meminta jawapan kepada sesuatu perkara yang samar ataupun tidak

diketahui,<sup>348</sup> jawapan kepada masalah syarak ataupun undang-undang<sup>349</sup> dan jawapan kepada beberapa kemosyikan dalam masalah-masalah hukum syarak ataupun undang-undang.<sup>350</sup> Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, fatwa adalah keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang masih belum diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadis dan sumber hukum lain termasuklah ijtihad oleh Mufti (atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum syarak).<sup>351</sup> Menurut Ibn Manzūr, fatwa adalah menjelaskan kemosyikan daripada hukum syarak atau penerangan hukum daripada orang alim dan bijaksana ataupun ahli fiqh.<sup>352</sup>

Manakala fatwa dari sudut istilah pula mempunyai pelbagai pengertian, fatwa merupakan jawapan kepada pertanyaan berkaitan permasalahan-permasalahan,<sup>353</sup> fatwa merupakan hukum syarak yang dijelaskan oleh ahli fiqh kepada sesiapa yang bertanya tentangnya<sup>354</sup> ataupun fatwa sebagai penjelasan seorang fakih kepada hukum-hukum dan masalah-masalah yang ditanya tentangnya.<sup>355</sup> Berpandukan definisi fatwa yang diberikan, jelaslah bahawa fatwa merupakan unsur penting dalam sumber hukum Islam. Fatwa merupakan penjelasan dan penerangan daripada ahli fiqh berkaitan hukum syarak bagi memberikan jawapan kepada permasalahan dan pertanyaan yang timbul dalam masyarakat berdasarkan kepada perundangan hukum Islam. Fatwa yang dikeluarkan mampu menyelesaikan persoalan dan meleraikan kekusutan dalam kalangan masyarakat Islam khususnya berkaitan dengan aspek keagamaan dan kehidupan manusia.

<sup>348</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, ed. ke-2 (al-Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 1995), 32: 20.

<sup>349</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Besar Arab-Melayu-Dewan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 1731.

<sup>350</sup> Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu'jam al-Wasiṭ* (Istanbul: Dār al-Nadwah, 1989), 2: 673.

<sup>351</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, "fatwa," laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 9 Oktober 2015, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=fatwa>.

<sup>352</sup> Ibn Manzūr al-Afrīqī al-Miṣri, *Lisān al-'Arab* (Bayrūt: Dār Ṣādir, 1990), 15:147.

<sup>353</sup> Maḥmūd ʻAbd al-Raḥmān ʻAbd al-Mun'im, *Mu'jam al-Muṣṭalahāt wa Alfāz al-Fiqhiyyah* (al-Qāhirah: Dār al-Faḍīlah, t.t.), 3: 33.

<sup>354</sup> Muḥammad Rawwās Qal'ahījī, *Mu'jam Lughah al-Fuqahā'* (Bayrūt: Dār al-Nafāis, 1996), 308.

<sup>355</sup> Quṭb Muṣṭafā Sānū, *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2000), 312.

Kajian menunjukkan bahawa fatwa menjadi rujukan utama dalam pembangunan piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Apabila timbul isu-isu baru yang memerlukan kepada penjelasan hukum maka pandangan jawatankuasa fatwa dirujuk untuk memastikan keputusan yang dikeluarkan benar-benar tepat, komprehensif dan berwibawa.<sup>356</sup> Di Brunei, jawatankuasa fatwa terlibat secara langsung dalam membangunkan piawaian halal sebagai Ahli Jawatankuasa Teknikal. Antara ahli jawatankuasa fatwa yang terlibat adalah Ketua Pegawai Penyelidik Ugama di Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang dianggotai oleh Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof,<sup>357</sup> Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat dan Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah.<sup>358</sup>

Di Indonesia pula, jawatankuasa fatwa (Rapat Komisi Fatwa) terlibat secara langsung dalam memberikan pengesahan halal dan piawaian halal. Ini adalah kerana sertifikat halal adalah fatwa bertulis Majelis Ugama Indonesia (MUI) yang menyatakan kehalalan sesuatu produk sesuai dengan syariat Islam. Rapat Komisi Fatwa dianggotai oleh Ketua Komisi Fatwa MUI, jawatankuasa fatwa Komisi Fatwa MUI, Direktur MUI dan beberapa Pengurus LPPOM MUI yang lain. Sertifikat Halal juga ditandatangani oleh Ketua Umum MUI, Ketua Komisi Fatwa MUI dan Direktur LPPOM MUI.<sup>359</sup>

---

<sup>356</sup> Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2015. Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2015. Lihat juga, Bahagian Hab Halal, *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga) (MPPHM 2014)* (Cyberjaya : Jabatan Agama Islam Malaysia, 2014), 14. Sila rujuk klausa 6.1.1 (iii).

<sup>357</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007-Brunei Darussalam Standard Halal Food* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007), 26.

<sup>358</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010-Brunei Darussalam Guidelines for Manufacturing and Handling of Halal Medicinal Products, Traditional Medicines and Health Supplements* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2010), 30.

<sup>359</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015. Lihat juga, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), *Pensyaratan Sertifikasi Halal: Kebijakan dan Prosedur (HAS 23000:2)* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2008), 10.

Dalam penentuan hukum Islam, terdapat dua prinsip utama yang digunakan iaitu ‘al-thābit’ dan ‘al-mutaghayyur’. Prinsip pertama, ‘al-thābit’ adalah hukum yang sentiasa tetap, kekal dan tidak berubah walaupun dengan perubahan dan peredaran masa yang berlalu. Prinsip ini biasanya berhubung kait dengan ibadah, akidah, keimanan, perkahwinan, talak, harta pusaka dan seumpamanya. Manakala prinsip kedua, ‘al-mutaghayyur’ ialah hukum yang bersifat fleksibel dan boleh berubah mengikut keperluan semasa dan setempat. Justeru, fatwa dikelaskan dalam prinsip kedua iaitu ‘al-mutaghayyur’ kerana fatwa sentiasa berubah seiring dengan perubahan semasa dan setempat.<sup>360</sup>

Prinsip ‘al-thābit’ dan ‘al-mutaghayyur’ membuktikan Islam sesuai dipraktikkan pada setiap masa dan keadaan kerana Islam menerima sebarang perubahan atau perbezaan yang berlaku dalam masyarakat selagi mana ia tidak melanggar prinsip-prinsip asas Islam.<sup>361</sup> Kaedah ( لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان ) yang bermaksud perubahan hukum

yang berdasarkan perubahan masa perlu difahami dengan jelas oleh fuqaha dalam menentukan hukum sesuai dengan masa dan keadaan setempat.<sup>362</sup> Yūsuf al-Qarādāwī menjelaskan bahawa perubahan hukum (fatwa) boleh berlaku disebabkan beberapa faktor yang utama iaitu perubahan tempat, perubahan masa, perubahan keadaan, perubahan sosiobudaya ('urf),<sup>363</sup> perubahan teknologi maklumat, perubahan keperluan manusia,

<sup>360</sup> Ṣāliḥ Qādir al-Zankī, “al-Āḥkām al-Shar’iyyah Bayna al-Thābit wa al-Taghayyur,” *Jurnal Fiqh*, no. 1 (Januari, 2004), 97.

<sup>361</sup> *Ibid.*, 191.

<sup>362</sup> Shaykh Aḥmad bin Shaykh Muḥammad al-Zarqā’, *Sharḥ al-Qawā`id al-Fiqhiyyan*, ed. ke-6 (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2006), 227.

<sup>363</sup> ‘Amar Sa’id al-Zaybāri, *Mabāḥith fī aḥkām al-Fatwā* (Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm, 1995), 95. Lihat juga, Abdul Karim Ali et al., “Faktor Perubahan Pendapat Imam al-Syafii dari *Qawl Qadim* kepada *Qawl Jadid*, *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008), 310. Lihat juga, Nasrul Hisyam Nor Muhammad, “Pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī Terhadap Fiqh Semasa,” *Islamiyyat* 26, no. 2 (2004), 70. Lihat juga, Ṣāliḥ bin Ghānim al-Sadlān, *Wujūb Tadbiq Al-Shari’ah Al-Islamiyyah fi Kulli ‘Asr* (t.p.: Dār Balansiyyah, t.t.), 133-135.

perubahan kekuatan atau tenaga manusia untuk melakukan sesuatu dan tempat, ‘*umūm al-balwa*, perubahan sosial, ekonomi dan politik dan percanggahan pendapat/pandangan.<sup>364</sup>

Kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor perbeaan fatwa kepenggunaan di antara Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Faktor pertama yang dikenal pasti adalah kerajaan dan agama. Faktor kedua, ‘urf dan faktor ketiga adalah *maṣlaḥah*. Perincinya adalah sebagaimana yang akan dijelaskan.

#### **4.2.1 Kerajaan dan Agama**

Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura merupakan di antara negara yang terletak di Asia Tenggara. Umum mengetahui bahawa setiap negara di Asia Tenggara memiliki keunikan dan sejarah sistem pemerintahan yang tersendiri termasuklah empat negara tersebut. Sejarah memberi kesan yang besar dalam mengubah dan membentuk landskap politik, sistem perundangan dan sistem sosial masyarakat setempat di empat negara ini. Kedatangan kuasa Barat seperti Belanda di Indonesia dan Inggeris di Malaysia, Singapura dan Brunei telah memberi pengaruh yang besar ke atas setiap sistem perundangan dan kehakiman. Kedudukan syariat undang-undang Islam telah banyak berubah dari sudut kedudukan pentadbiran dan kehakiman meskipun negara-negara ini telah merdeka dan berdaulat. Perubahan sistem politik, perundangan dan kehakiman dilihat memberi kesan lebih besar kepada Indonesia, Singapura dan Malaysia manakala sistem pemerintahan kesultanan Brunei masih berjaya mengekalkan sistem pemerintahan sedia ada sebelum kedatangan penjajah Inggeris.

Malaysia telah mengamalkan sistem pemerintahan raja berpelembagaan iaitu dengan mengamalkan demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Perdana Menteri dan

---

<sup>364</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Mujibāt Taghayyur al-Fatwā fī 'Aṣrinā* (Kayrū: Dār al-Shurūq, 2009), 12.

meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara yang dilantik mengikut pusingan penggal pelantikan iaitu melalui lantikan Majlis Raja-Raja. Majlis Raja-Raja dianggotai oleh wakil daripada sembilan negeri terdiri daripada Sultan dan Yang Dipertuan Besar manakala empat negeri lain mempunyai Yang Di Pertua Negeri. Malaysia menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi di Malaysia.<sup>365</sup> Manakala, perkara yang berkaitan mufti dan fatwa adalah di bawah enakmen pentadbiran negeri. Berdasarkan kepada enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri di Malaysia, pengeluaran fatwa adalah berasaskan kepada pandangan muktamad daripada Mazhab Syafii. Namun sekiranya pandangan Mazhab Syafii berlawanan dengan kepentingan awam maka Jawatankuasa Fatwa akan menerima pakai pandangan daripada Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Jika tidak terdapat pandangan empat mazhab yang boleh diikuti maka Jawatankuasa Fatwa boleh membuat fatwa mengikut ijтиhad *jamā’i* tanpa terikat kepada mana-mana pandangan empat mazhab berkenaan. Hanya Perlis sahaja tampil sebagai negeri yang berlainan dalam aspek ini dengan memperuntukkan rujukan asal kepada al-Quran dan sunnah.<sup>366</sup> Lazimnya, fatwa yang diwartakan (digazetkan) pada setiap negeri adalah mengikat orang Islam yang berada di negeri masing-masing dan terpakai bersama enakmen syariah bagi setiap negeri malahan boleh menjadi salah satu sumber rujukan hakim-hakim dalam memutuskan kes-kes di

---

<sup>365</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Ensiklopedia Dunia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 13: 144.

<sup>366</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, (Seksyen 43), (Enakmen 4 Tahun 2004). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, (Seksyen 54), (Enakmen 2). Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, (Seksyen 26), (Enakmen 10). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, (Seksyen 42), (Enakmen Tahun 2002). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, (Seksyen 54), (Enakmen 10 Tahun 2003). Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, (Seksyen 39), (Akta 505). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, (Seksyen 54), (Enakmen 1 Tahun 2003). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, (Fasal 54), (Enakmen 16 Tahun 2003). Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), (Seksyen 41), (Enakmen 3 Tahun 1991). Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001 (Terengganu), (Seksyen 54), (Enakmen 2 Tahun 2001). Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, (Seksyen 37), (Enakmen 4 Tahun 1994). Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, (Seksyen 39), (Ordinan 41 Tahun 2001). Enakmen Fatwa 2004 (Sabah), (Seksyen 14), (Enakmen 7 Tahun 2004).

mahkamah negeri masing-masing.<sup>367</sup> Walau bagaimanapun, fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan diuruskan oleh JAKIM di peringkat persekutuan (di bawah Jabatan Perdana Menteri) adalah tidak diwartakan, bersifat pandangan hukum dan tidak mengikat dari segi undang-undang Malaysia.<sup>368</sup> Situasi ini jelas menunjukkan fatwa yang diwartakan di setiap negeri adalah lebih mengikat undang-undang syariah berbanding fatwa yang diputuskan daripada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Brunei juga memiliki elemen monarki dalam pemerintahannya walau bagaimanapun beza besar Brunei dalam mengamalkan monarki berbanding Malaysia adalah sistem pentadbiran monarki di Brunei adalah bersifat menyeluruh. Brunei turut dikenali sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja. Ia diketuai oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan mengamalkan sistem monarki sepenuhnya baginda selain menjadi ketua negara Brunei, baginda juga berkhidmat sebagai perdana menteri, menteri kewangan dan menteri dalam negara. Agama rasmi bagi negara Brunei adalah agama Islam.<sup>369</sup> Manakala, perkara yang berkaitan mufti dan fatwa telah mengalami tiga peringkat penyesuaian dari segi pentadbiran. Pada awal penubuhannya pada 1 April 1962, ia merupakan salah satu daripada jabatan di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama, kemudian pada 21 Oktober 1986 ia diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Walau bagaimanapun dengan titah perintah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan

<sup>367</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Senarai Akta/Enakmen Mufti dan Fatwa Negeri-negeri Seluruh Malaysia," laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 26 November 2015, [http://www.efatwa.gov.my/sites/default/files/enakmen\\_perlis.pdf](http://www.efatwa.gov.my/sites/default/files/enakmen_perlis.pdf).

<sup>368</sup> Aminudin Mohamad (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Penyelaras dan Kajian Fatwa, Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2015.

<sup>369</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Ensiklopedia Dunia*, 3:285.

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 7 Oktober 1994 telah meletakkan bidang kuasa mufti dan fatwa di bawah Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah, Penggal 77, bab (43) menyatakan bahawa dalam prosedur pengeluaran fatwa Jabatan Mufti Kerajaan hendaklah merujuk kepada pandangan daripada Mazhab Syafii.<sup>370</sup> Justeru, penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan sangat bermakna kepada kedaulatan dan status negara sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.<sup>371</sup>

Singapura pula merupakan sebuah negara Republik di mana Presiden berfungsi sebagai ketua negara dan dibantu oleh menteri-menteri kabinet yang lain. Singapura mengamalkan liberalisasi politik dan ekonomi di mana tiada agama yang dipilih secara rasmi menjadi dasar kepada negara Singapura berikutnya perlombagaan negara Singapura menjamin kebebasan beragama.<sup>372</sup> Manakala, perkara yang berkaitan dengan mufti dan fatwa diletakkan dalam *Administration of Muslim Law Act 1968* (AMLA) di Seksyen 30-33. Seksyen ini menjelaskan bahawa Singapura mempunyai seorang mufti negara serta jawatankuasa fatwa dengan tugas-tugasan yang tertentu supaya memberikan khidmatnya kepada masyarakat Islam setempat menerusi MUIS.<sup>373</sup> Dalam prosedur pengeluaran fatwa pula, MUIS merujuk kepada pandangan Mazhab Syafii namun masih terbuka menerima pandangan mazhab selain Syafii bagi menyelesaikan persoalan yang timbul dalam kalangan masyarakat minoriti Islam. Dengan penubuhan MUIS dan juga AMLA, boleh dikatakan bahawa masyarakat Islam Singapura telah berjaya mencapai satu tahap yang kuat bagi menjaga dan membela hak-hak dan kepentingan masyarakat minoriti Islam di Singapura.

<sup>370</sup> Md Zain Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan* (Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1998), 195.

<sup>371</sup> Awang Abdul Aziz Juned, "Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa Di Brunei," (makalah, Seminar Serantau: "Mufti dan Fatwa", 23 & 24 September 1997, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)), 3-4.

<sup>372</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Ensiklopedia Dunia*, 20: 81.

<sup>373</sup> *Administration Of Muslim Law Act*, (Chapter 3), (Act 27 Of 1966).

Walaupun tugas utama MUIS adalah menasihati Presiden atau Pemerintah Singapura dalam perkara yang bersangkut dengan masyarakat Islam tetapi tugas-tugas lain yang termaktub dalam AMLA ini tetap luas untuk memainkan peranannya yang sangat besar bagi menjaga kepentingan umum masyarakat Islam terutamanya berkaitan dengan fatwa.<sup>374</sup>

Manakala Indonesia merupakan Negara Kesatuan Republik Indonesia yang mengamalkan dasar Pancasila<sup>375</sup> sebagai dasar negara, ketua negara diketuai sepenuhnya oleh Presiden Republik Indonesia yang dilantik melalui pilihanraya. Selain itu, terdapat juga wilayah-wilayah autonomi yang di Indonesia yang diketuai oleh Gabenor. Dengan jumlah penduduk seramai 255 juta orang, ia merupakan negara keempat memiliki populasi penduduk tertinggi dan turut dikenali sebagai memiliki jumlah penduduk beragama Islam yang terbesar di dunia. Walaupun majoriti penduduk beragama Islam adalah majoriti di Indonesia, agama Islam tidak diangkat menjadi sebagai agama rasmi di negara republik tersebut.<sup>376</sup> Dalam perkara yang berkaitan dengan fatwa, ia diletakkan di bawah tanggungjawab Majelis Ulama Indonesia (MUI). MUI selaku badan bukan kerajaan telah bertanggungjawab menguruskan pengurusan fatwa untuk rujukan utama penduduk beragama Islam di Indonesia. MUI dianggotai oleh 26 orang ulama yang mewakili 26 wilayah di Indonesia, 10 orang ulama terdiri daripada organisasi-organisasi Islam peringkat pusat iaitu Nahdatul Ulama, Muhammadiyah, Syarikat Islam, Perti, Al-Washliyah, Math'laul Anwar, Gabungan Usaha Pembaruan Pendidikan Islam (GUPPI), Dewan Masjid Indonesia dan al-Ittihadiyyah, 4 orang ulama daripada Dinas Rohani Islam iaitu Angkatan

<sup>374</sup> Syed Isa Semait, “Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa Di Singapura,” (makalah, Seminar Serantau:”Mufti dan Fatwa”, 23 & 24 September 1997, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)), 16.

<sup>375</sup> Pancasila adalah lima dasar falsafah kenegaraan Republik Indonesia iaitu Ketuhanan yang Maha Esa, kebangsaan, perikemanusiaan, kedaulatan rakyat dan keadilan sosial. Sila lihat, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, “Pancasila,” laman sesawang *Dewan Bahasa dan Pustaka*, dicapai 22 Oktober 2015, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pancasila>.

<sup>376</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Ensiklopedia Dunia*, 5: 35.

Darat, Angkatan Udara, Angkatan Laut dan Kepolisian Negara Republik Indonesia serta 13 orang tokoh/cendekiawan yang merupakan tokoh perseorangan.<sup>377</sup>

Berdasarkan kepada penerangan-penerangan di atas, menunjukkan bahawa sistem pemerintahan di empat buah negara memberikan kesan langsung kepada amalan pensyariatan agama khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan fatwa. Seterusnya, perkara yang berkaitan dengan fatwa mempengaruhi kepada penentuan piawaian halal di empat buah negara. Berikut merupakan ringkasan kepada perbezaan dasar kerajaan dan agama.

**Jadual 4.1:** Perbezaan Kerajaan dan Agama Empat Negara

|                  | Kerajaan             | Agama | Metodologi Fatwa   | Piawaian Halal  |
|------------------|----------------------|-------|--|---|
| <b>Malaysia</b>  | Raja Berperlembagaan | Islam | i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan jabatan-jabatan mufti di bawah peringkat negeri<br>ii. Menerima pandangan muktamad daripada Mazhab Syafii | MS2200:2008 di klausa 3.2.2, MS2424: Bahagian 1:2012 di klausa 3.3.2 & MS 1500:2009 di klausa 2.1.2 |
| <b>Brunei</b>    | Monarki              | Islam | i. Jabatan Mufti Kerajaan<br>ii. Terikat secara ketat kepada pandangan Mazhab Syafii   | PBD 24:2007 di klausa 2.5 & GD 24:2010 di klausa 2.3  |
| <b>Indonesia</b> | Republik             | Tiada | i. Majelis Ulama Indonesia<br>ii. Menerima pandangan daripada empat mazhab   | HAS 23201 di klausa 4.5 (b), Lampiran 1 (2), Lampiran 3 & HAS 23000:1 di klausa K (iv)              |
| <b>Singapura</b> | Republik             | Tiada | i. Majlis Agama Islam Singapura<br>ii. Menerima pandangan muktamad daripada Mazhab Syafii  | MUIS-HC-S002 Di klausa 2.3  |

<sup>377</sup> Majelis Ulama Indonesia, “Profil MUI,” laman sesawang *Majelis Ulama Indonesia*, dicapai 26 November 2015, <http://mui.or.id/tentang-mui/profil-mui/profil-mui.html>.

Merujuk kepada Jadual 4.1, prosedur pengeluaran fatwa Malaysia berasaskan kepada pandangan muktamad daripada Mazhab Syafii namun begitu sekiranya berlawanan dengan kepentingan awam, pandangan daripada tiga mazhab yang lain akan diambil kira dan sekiranya tidak terdapat pandangan empat mazhab yang boleh diikuti, ijтиhad *jama'i* boleh digunakan. Namun begitu dari sudut pengamalannya di Malaysia, didapati keterikatan terhadap Mazhab Syafii masih lagi kukuh di Malaysia.<sup>378</sup> Misalnya fatwa tentang status kesucian ikan diberi makanan tidak halal. Muzakarah memutuskan bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya.<sup>379</sup> Muzakarah juga memutuskan bahawa haram menggunakan cuka wain yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar namun begitu sekiranya perubahan daripada cuka wain kepada cuka berlaku dengan sendirinya maka ia adalah halal digunakan dalam mana-mana produk halal.<sup>380</sup>

Selain daripada itu, Mazhab Syafii juga dijadikan sandaran utama dalam penentuan standard halal di Malaysia.<sup>381</sup> Perkara ini dijelaskan dalam MS 2200:2008 di klausa 3.2.2,<sup>382</sup> MS 2424:2010 di klausa 3.3.2<sup>383</sup> dan MS 1500:2009 di klausa 2.1.2<sup>384</sup> menyatakan bahawa berdasarkan kepada perundangan Malaysia, hukum syarak bermakna undang-

<sup>378</sup> Aminudin Mohamad (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Penyelarasan dan Kajian Fatwa, Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2015.

<sup>379</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Status Kesucian Yang Diberi Makanan Tidak Halal”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 12 Oktober 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/status-kesucian-ikan-yang-diberi-makanan-tidak-halal>. Lihat juga, Kertas Kerja Untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Kertas JKF bil. 2/73/2006, 2.

<sup>380</sup> Kertas Untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ‘Hukum Cuka Wine’, Kertas JKF Bil. 3/73/2006.

<sup>381</sup> Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2014.

<sup>382</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*, 2.

<sup>383</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2010: Farmaseutikal Halal- Garis Panduan Umum* (Cyberjaya : Jabatan Standard Malaysia, 2011), 6.

<sup>384</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan dan Penyimpanan- Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)* (Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia, 2009), 1.

undang Malaysia dalam Mazhab Syafii atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu mazhab sama ada Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali yang telah dipersetujui oleh yang Di-Pertuan Agong dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan atau oleh Raja bagi mana-mana negeri dikuatkuasakan dalam negeri itu atau fatwa yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama Islam. Meskipun dalam klausula-klausula di atas menyertakan “..atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu mazhab sama ada Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali..” namun di Malaysia masih kukuh berpegang kepada Mazhab Syafii terutamanya dalam penentuan hukum terhadap produk halal.

Demikian juga, pandangan Mazhab Syafii diutamakan dalam penentuan piawaian makanan halal di Singapura.<sup>385</sup> Perkara ini dijelaskan lagi dalam MUIS-HC-S001 di klausula 2.3 bahawa dokumen ini mengikut garis panduan umum dalam Mazhab Syafii yang diikuti oleh majoriti umat Islam di negara-negara Tenggara ASEAN.<sup>386</sup>

Sementara itu, didapati negara Brunei terikat dengan pengamalan Mazhab Syafii secara ketat dalam penentuan hukum terhadap produk halal.<sup>387</sup> Jabatan Mufti Kerajaan Brunei juga banyak merujuk kepada sumber rujukan daripada Mazhab Syafii kemudian menjadikan pandangan muktamad Mazhab Syafii sebagai sandaran utama. Sumber rujukan primer seperti al-Quran, sunah dan sumber rujukan sekunder seperti ijmak, *al-qiyās*, *al-*

---

<sup>385</sup> Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2015.

<sup>386</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S001-General Guidelines for the Handling and Processing of Halal Food* (Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura, 2007), 6. Di klausula 2.3 menjelaskan bahawa:

*This document follows the general principles of Syafii School of Jurisprudence which is followed by the majority of muslims in South-East Asean countries.*

Di klausula 3.9 juga menetapkan:

*Islamic Law that is based on the Al-Quran (i.e. holy book of Islam), Al-Hadith (i.e. traditions of Prophet Muhammad, Messenger of Allah), and Ijtihad (i.e. the process of Islamic idea of independent thought) according to the Syafii or any one of the Hanafi, Maliki or Hambali School of Thoughts. A particular food becomes Halal or non-Halal by Shariah Law or Islamic Law if it is consider so through one of the above-mentioned sources.*

<sup>387</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014.

*istihsān*, *al-maṣāliḥ al-mursalah* dan *sadd al-dharā'i* akan disertakan bagi menunjukkan kekuatan hujah yang dibawa.<sup>388</sup> Misalnya fatwa tentang hukum penggunaan bahan pencuci yang mengandungi unsur tanah liat untuk tujuan sertu najis *mughallazah*. Malaysia memutuskan bahawa sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis *mughallazah* dengan syarat tanah tersebut suci, peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain dan kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak.<sup>389</sup> Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan di atas, menunjukkan bahawa Malaysia masih terbuka membenarkan penggunaan bahan pencuci yang mengandungi unsur tanah liat dengan peratusan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain namun begitu Brunei tidak menerima penggunaan bahan pencuci yang mengandungi unsur tanah liat meskipun peratusan tanah liat lebih banyak daripada unsur-unsur yang lain kerana Jabatan Mufti Kerajaan Brunei lebih cenderung menggunakan kaedah semula jadi iaitu tanah liat sebagai sumber utama dalam kaedah samak najis *mughallazah*. Brunei juga memutuskan bahawa penggunaan alkohol sintetik dalam produk makanan dan minuman tidak dibenarkan (ditegah) kecuali alkohol yang terjadi secara semula jadi.<sup>390</sup> Misalan ini menunjukkan bahawa Brunei terikat secara ketat dengan pandangan Mazhab Syafii<sup>391</sup> berikutan Mazhab Syafii merupakan mazhab rasmi dalam perlembagaan negara di Negara Brunei Darussalam.<sup>392</sup> Di samping itu, dalam PBD 24:2007 di klausa 2.5 dan GD 24:2010 di klausa 2.3 menyatakan bahawa *Hukum Syara'* bermakna Undang-Undang Islam mengikut Mazhab Syafii atau mana-mana mazhab lain yang

<sup>388</sup> Awang Abdul Aziz Juned, "Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa Di Brunei," 8.

<sup>389</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Hukum Melakukan Samak Najis *Mughallazah* Menggunakan Sabun Tanah Liat," laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 20 Januari 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-melakukan-samak-najis-mughallazah-menggunakan-sabun-tanah-liat>.

<sup>390</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Penggunaan Alkohol dalam Makanan, Siri Fatwa (09/2010).

<sup>391</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014.

<sup>392</sup> Md Zain Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 203.

diperkenankan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam.<sup>393</sup> Ini menunjukkan bahawa undang-undang Islam yang dipraktikkan di Brunei adalah mengikut pandangan daripada Mazhab Syafii dan hanya dalam keadaan yang tertentu sahaja fatwa boleh dikeluarkan mengikut pandangan mazhab selain Mazhab Syafii berasaskan perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.<sup>394</sup> Hal ini sekali gus meletakkan institusi fatwa Brunei pada posisi yang sangat kukuh dan kuat.<sup>395</sup>

Manakala di Indonesia pula meskipun majoriti masyarakat Islam yang berada di Indonesia mengamalkan Mazhab Syafii dalam kehidupan mereka namun dalam mengeluarkan fatwa, MUI tidak sepenuhnya berpegang kepada pandangan Mazhab Syafii dan terbuka menerima pandangan daripada Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali. Didapati juga bahawa keterbukaan MUI dalam menerima pandangan empat mazhab turut diaplikasikan dalam penentuan piawaian halal Indonesia.<sup>396</sup> Ia dijelaskan dalam HAS 23201 di klausa 4.5 (b), menyatakan bahawa hasil samping industri *khamr* (minuman beralkohol) atau turunannya yang berbentuk padat misalnya *brewer yeast* boleh digunakan setelah dilakukan melalui proses pencucian yang memenuhi kaedah syarak (*tathhir syar'an*).<sup>397</sup> Dalam HAS 23201 di klausa Lampiran 1 (2) juga menyatakan bahawa produk/bahan hasil samping industri minuman beralkohol berserta turunannya berstatus haram jika cara memperolehnya hanya melalui pemisahan secara fizik dan produk masih

<sup>393</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD* 24:2007, 9. Lihat juga, The Religious Council Brunei Darussalam, *GD* 24:2010, 9.

<sup>394</sup> Md Zain Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 195.

<sup>395</sup> Awang Abdul Aziz Juned, "Perkembangan dan Peranan Institusi Fatwa Di Brunei," 3-4.

<sup>396</sup> Hendra Utama (Kepala Bidang Standar, Lembaga Pengkajian Pangan, Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015.

<sup>397</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), *HAS 23201-Pensyarat Bahan Pangan* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2012), 5.

memiliki sifat *khamr*.<sup>398</sup> Akan tetapi jika bahan/produk tersebut di reaksi secara kimiawi sehingga menghasilkan senyawa baru, maka senyawa baru yang telah mengalami perubahan kimiawi statusnya menjadi halal. Begitu juga dalam HAS 23201 di klausa Lampiran 3 menyatakan bahawa produk mikrobial mutanajis adalah produk yang terkena bahan najis. Agar dapat digunakan, produk mikrobial mutanajis harus berbentuk padat sehingga dapat dipisahkan antara mikrob adan bahan najisnya kemudian dilakukan pencucian secara (*tathir shar'i*). Contohnya, ekstrak ragi daripada sisa pengolahan minuman beralkohol.<sup>399</sup> Demikian juga dijelaskan dalam HAS 23000:1 di klausa K (iv).<sup>400</sup>

Berdasarkan kepada beberapa klausa yang disebutkan telah membuktikan keterbukaan MUI dalam menerima pandangan empat mazhab. MUI juga mengutamakan sumber primer seperti al-Quran dan sunnah dan sumber sekunder seperti ijmak, *al-qiyās*, *al-istihsān*, *al-masalih al-mursalah* dan *sadd al-dhari'ah*. Pandangan daripada empat mazhab turut dirujuk dengan memilih pandangan yang paling kuat dalilnya serta membawa kepada kemaslahatan masyarakat awam ataupun lazimnya ia disebut sebagai *muqāranah al-madhāhib*.<sup>401</sup> Malahan keanggotaan MUI yang pelbagai mewakili sebahagian aliran fahaman konservatif dan aliran fahaman modenisme menyebabkan tidak mustahil berlakunya pertembungan pandangan dalam kalangan para fuqaha dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan syariah. Oleh sebab itu, terdapat beberapa fatwa yang dikeluarkan di Indonesia tidak selaras dengan fatwa yang dikeluarkan di Malaysia, Brunei dan Singapura.

---

<sup>398</sup> *Ibid.*, 70.

<sup>399</sup> *Ibid.*, 74.

<sup>400</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), *HAS 23000:1- Pensyarat Sertifikasi Halal: Kriteria Sistem Jaminan Halal* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2008), 8. Dalam HAS 23000:1 klausa K (iv) menyatakan; Hasil samping industri *khamr* (minuman beralkohol) atau turunannya yang berbentuk padat, misalnya *brewer yeast*, boleh digunakan setelah dilakukan melalui proses pencucian yang memenuhi kaedah syara'i (*tathhir syar'an*).

<sup>401</sup> Sekretariat Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sejak 1975* (Jakarta: Majelis Ulama Indonesia, 2011), 14-16.

#### 4.2.2 ‘Urf

‘Urf turut mempengaruhi kepada penetapan fatwa di setiap negara. ‘Urf dari segi bahasa berasal daripada perkataan ‘arafa, ya’rifu, ‘irfānan yang bermaksud mengetahui, mengenali dan mengesani.<sup>402</sup> Dari segi istilah pula, ‘urf adalah sesuatu yang biasa diketahui oleh manusia dan mereka mengikutinya sama ada melalui perkataan, perbuatan dan pengakuan.<sup>403</sup> Dapat disimpulkan di sini, bahawa ‘urf merupakan sesuatu perkara yang diketahui dan menjadi kebiasaan dalam kalangan manusia sama ada ia melibatkan perkataan, perbuatan dan pengakuan serta diamalkan secara konsisten dan teratur.

‘Urf terbahagi kepada enam bahagian iaitu,<sup>404</sup> ‘urf qawlī,<sup>405</sup> ‘urf ‘amali,<sup>406</sup> ‘urf ‘ām,<sup>407</sup> ‘urf khāss,<sup>408</sup> ‘urf sahīh<sup>409</sup> dan ‘urf fāsid.<sup>410</sup> Untuk membolehkan ‘urf diambil kira sebagai sumber hukum Islam, pada ulama telah mensyaratkan beberapa perkara yang mesti dipenuhi iaitu ‘urf mestilah tidak berlawanan dengan nas syarak; ‘urf telah diamalkan oleh masyarakat secara menyeluruh dan meluas; ‘urf yang akan dirujuk dalam sesuatu tindakan sudah wujud ketika hendak dilakukan tindakan tersebut; dan tidak wujud sesuatu perkataan atau perbuatan yang berterus terang menyalahi ‘urf.<sup>411</sup> Wujud satu kaedah fiqh yang diterima pakai oleh semua ulama iaitu (العادة حكمة) yang bermaksud adat dijadikan rujukan

<sup>402</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-`Arab*, 9: 236. Lihat juga, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Besar Arab*, 1538. Lihat juga, ’Abd al-Ḥalīm Mansūr, *al-Mu’jam al-Wasīṭ*, c.2 (t.p.:t.t.p., t.t.), 1:595.

<sup>403</sup> Quṭb, *Mu’jam Muṣṭalaḥāt*, 284.

<sup>404</sup> *Ibid.*, 284-285. Lihat juga, ’Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Bayrūt: Muassasah al-Risālah al-Nāshirūn, 2004), 201.

<sup>405</sup> ‘Qrf qawlī adalah lafadz yang mudah difahami serta menjadi kebiasaan dalam kalangan orang ramai dan ia menunjukkan makna tertentu.

<sup>406</sup> ‘Urf ‘amali adalah perbuatan yang menjadi kebiasaan orang ramai dalam bidang muamalah.

<sup>407</sup> ‘Urf ‘ām adalah ‘urf yang terkenal dalam sesebuah negara atau ‘urf yang diterima oleh orang ramai. ‘Urf ini melibatkan satu perbuatan masyarakat yang diamalkan oleh generasi seterusnya.

<sup>408</sup> ‘Urf khāss adalah ‘urf yang terkenal di sebahagian negeri atau sebahagian manusia sahaja dan ia tidak diamalkan di tempat lain.

<sup>409</sup> ‘Urf sahīh adalah sesuatu yang diketahui oleh manusia dan terbiasa dalam kalangan mereka, tidak menyalahi dalil syarak, tidak menghalalkan yang haram dan tidak membantalkan yang wajib.

<sup>410</sup> ‘Urf fāsid adalah sesuatu yang diketahui oleh manusia dan menjadi kebiasaan di antara sebahagian mereka, tetapi ia menyalahi hukum syarak mengharamkan yang halal dan membantalkan yang wajib. ‘Urf fāsid tidak diambil kira oleh syarak kerana ia ditolak oleh syariah Islam.

<sup>411</sup> ’Abd al-Karīm, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, 203.

bagi menentukan hukum syarak khususnya ketika berlaku perselisihan kerana ia juga merupakan asas pembinaan hukum yang tidak dinaskan.

Penduduk Malaysia terdiri daripada kumpulan etnik Melayu, Cina dan India.<sup>412</sup> Sebahagian besar penduduk Malaysia beragama Islam sebanyak 61.3 peratus, Buddha 19.8 peratus, Kristian 9.2 peratus, Hindu 6.3 peratus, Konfusianisme, Toa dan lain-lain agama tradisional Cina 1.3 peratus, lain-lain agama 0.4 peratus, tiada agama 0.7 peratus dan tidak diketahui 1 peratus.<sup>413</sup> Manakala kumpulan penduduk Indonesia adalah terdiri daripada kumpulan etnik Jawa, Sunda, Melayu, Batak, Madura, Betawi, Minangkabau, Bugis, Bali, Aceh, Dayak, Sasak dan Cina. Sebahagian besar penduduk Indonesia beragama Islam sebanyak 87.2 peratus, pengikut Kristian 9.9 peratus, Hindu 1.7 peratus, Buddha 0.9 peratus dan lain-lain agama adalah 0.3 peratus.<sup>414</sup> Di Brunei, penduduknya terdiri daripada kumpulan etnik Melayu dan Cina. Semua etnik Melayu beragama Islam 78.8 peratus dan kebanyakan orang Cina beragama Kristian 8.7 peratus, Buddha 7.8 peratus dan lain-lain agama 4.7 peratus.<sup>415</sup> Singapura pula terdiri daripada kumpulan etnik Cina, Melayu dan India. Sebahagian besar penduduknya beragama Buddha 33.9 peratus, Taoisme 11.3 peratus, Katolik 7.1 peratus, Islam 14.3 peratus, Hindu 5.2 peratus, Kristian 11 peratus, lain-lain agama 0.7 peratus dan agama tidak diketahui 16.4 peratus.<sup>416</sup>

<sup>412</sup> Kira-kira 67.4 peratus penduduk terdiri daripada orang Melayu, 24.6 peratus Cina, dan 7.3 peratus India. Selebihnya, 0.7 peratus terdiri daripada kumpulan etnik seperti Iban, Dayak, Kadazan, Bajau, Bidayuh, Murut yang tinggal di Sabah dan Sarawak.

<sup>413</sup> Department Of Statistics Malaysia, “Population Distribution and Basic Demographic Characteristic Report 2010 (Updated: 05/08/2011),” laman sesawang *Department Of Statistics Malaysia, Official Portal*, dicapai 24 Ogos 2015,

[https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=117&bul\\_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjdz09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZkIWdzQ4TlhUUT09](https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=117&bul_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjdz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZkIWdzQ4TlhUUT09).

<sup>414</sup> Central Intelligence Agency, “Religions,” laman sesawang *Central Intelligence Agency*, dicapai 14 Oktober 2015, <https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/geos/id.html>.

<sup>415</sup> *Ibid.*

<sup>416</sup> Department Of Statistics Singapore, “Residents. Ethnic Composition of the Resident Population, 2014,” laman sesawang *Department Of Statistics Singapore*, dicapai 24 Ogos 2015, <http://www.singstat.gov.sg/publications/publications-and-papers/reference/yearbook-of-statistics-singapore>.

Berdasarkan kepada peratusan agama mengikut kumpulan etnik di empat negara menunjukkan setiap negara mempunyai masyarakat yang berbilang kaum di mana masyarakatnya terdiri daripada beberapa kumpulan etnik atau suku bangsa yang berbeza-beza. Setiap kumpulan etnik atau suku bangsa bebas mengamalkan adat resam, upacara keagamaan, kebudayaan dan kesenian yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Ini menjelaskan bahawa Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei mempunyai latar belakang ‘urf dan adat setempat yang berbeza. Justeru, Islam sebagai sebuah agama yang universal memperakukan mana-mana ‘urf dan adat setempat yang selaras dengan syarak dan menolak mana-mana ‘urf dan adat setempat yang jelas bertentangan dengan syarak. Kemudian, ‘urf dan adat setempat tersebut akan dipinda dan diperbaiki supaya selaras dengan syarak. Misalnya fatwa yang dikeluarkan tentang penggunaan anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan selain daripada anjing dan babi untuk tujuan kosmetik.

Malaysia memutuskan bahawa sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memberi kemudarat kepada manusia adalah haram digunakan.<sup>417</sup> Manakala Indonesia pula memutuskan bahawa penggunaan kosmetik luar (tidak masuk ke dalam tubuh) yang menggunakan bahan yang najis atau haram selain babi dibolehkan dengan syarat dilakukan penyucian setelah pemakaian (*tathir shar'i*).<sup>418</sup>

---

<sup>417</sup> Anan C. Mohd., Kertas Untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Hukum Penggunaan Anggota atau Unsur Haiwan yang Haram Dimakan selain daripada Anjing dan Babi untuk Tujuan Kosmetik, Kertas JKF Bil. 2/74/2006, 10. Lihat juga, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Hukum Penggunaan Anggota atau Unsur Haiwan yang Haram Dimakan selain daripada Anjing dan Babi untuk Tujuan Kosmetik,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai pada 24 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-anggota-atau-unsur-haiwan-yang-haram-dimakan-selain-daripada-anjin>.

<sup>418</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), *Indonesia Halal Directory 2014-2015* (Kota Bogor: Global Halal Center Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, 2015), 83.

Sedia maklum bahawa sumber tumbuhan dan sumber haiwan banyak digunakan dalam bahan sediaan kosmetik. Sumber tumbuhan adalah halal digunakan kecuali yang beracun, memabukkan dan memudaratkan kesihatan manakala sumber haiwan pula banyak menimbulkan kesangsian kerana kemungkinan haiwan yang digunakan terdiri daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak atau haiwan yang haram dimanfaatkan. Berikut merupakan ringkasan kepada perbezaan fatwa kepenggunaan dalam isu penggunaan anggota atau unsur haiwan yang haram untuk tujuan kosmetik antara Malaysia dan Indonesia.

**Jadual 4.2:** Perbezaan Terhadap Penggunaan Unsur Haiwan Yang Haram Dalam Produk Kosmetik Antara Malaysia dan Indonesia

|                  | Hukum | Penghujahan   | Penerangan   |
|------------------|-------|---|--|
| <b>Malaysia</b>  | Haram | Mengandungi bahan yang tidak halal sebagai sumber ramuannya   | 'Urf sahīh kerana tidak bercanggah dengan syarak Selaras dengan ketetapan MS 2200: Bahagian 1:2008 |
| <b>Indonesia</b> | Harus | Mengambil kira 'urf 'ām setempat masyarakat Indonesia yang sukar untuk mengenal pasti sumber bahan yang digunakan | Tidak selaras dengan ketetapan piawaian halal LPPOM MUI  |

Berdasarkan kepada keputusan fatwa di kedua-dua negara menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara terhadap status hukum penggunaan anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan selain anjing dan babi untuk tujuan kosmetik. Malaysia telah menolak sebarang pencampuran bahan yang tidak halal dalam bahan sediaan kosmetik kerana terdapat nas syarak yang melarang penggunaannya. Selain daripada itu, terdapat alternatif kosmetik halal di pasaran tempatan yang boleh digunakan oleh pengguna kerana

penggunaan kosmetik tidak termasuk dalam kategori *maṣlahah darūriyyah* mahupun *maṣlahah ḥājiyyah* tetapi ia hanya bersifat *maṣlahah tāḥsīniyyah* semata-mata.<sup>419</sup>

Fatwa yang dikeluarkan di Malaysia juga selaras dengan MS 2200:Bahagian 1:2008. Merujuk kepada MS 2200:Bahagian 1:2008, produk kosmetik yang dikategorikan sebagai halal hendaklah memenuhi beberapa ciri yang berikut iaitu: a) tidak mengandungi bahan daripada manusia atau terbitan daripadanya; b) tidak mengandungi bahan dari haiwan yang dilarang oleh hukum syarak atau tidak disembelih mengikut hukum syarak; c) tidak mengandungi bahan terubah suai genetik yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak; d) tidak di sedia, diproses, di kilang atau disimpan menggunakan peralatan yang tidak bebas daripada bahan-bahan najis mengikut hukum syarak; e) apabila menyedia, memproses atau mengilang produk kosmetik, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan bahan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan a), b), c) atau d); dan f) tidak memudarangkan pengguna atau pemakainya.<sup>420</sup>

Namun sekiranya salah satu daripada penilaian kriteria produk kosmetik halal tidak dipenuhi maka produk kosmetik tersebut tidak dikategorikan dalam produk kosmetik halal. Selain daripada itu, terdapat keperluan lain yang perlu dipatuhi semasa penyediaan, pengendalian, dan pemprosesan bagi menghasilkan produk kosmetik halal adalah, a) kebersihan dalam penyediaan dan pengendalian bahan dan produk meliputi semua aspek

---

<sup>419</sup> Firman Allah SWT dalam surah al-‘Arāf ayat 157 seperti berikut:

وَنُحِلُّ لَهُمُ الْطَّيِّبَاتِ وَنُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْحَبَّتِ

Al-A’raf 7:157

Terjemahan: ...dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk....

Ibn Kathīr menerangkan ayat al-Quran di atas, bahawa Allah SWT menghalalkan setiap perkara yang baik dan mengharamkan setiap perkara yang memberikan keburukan kepada manusia. Anan C. Mohd., Kertas Pertimbangan Muzakarah, 8-9. Lihat juga, Imān al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā`īl bin `Umar bin Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Āzīm al-Ma’rūf bi Tafsīr Ibn Kathīr* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2004), 2: 1164.

<sup>420</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200: Bahagian 1: 2008-Barangan Kepenggunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandan Diri* (Cyberjaya : Jabatan Standard Malaysia, 2008), 2.

iaitu kebersihan diri, pakaian dan peralatan termasuklah premis memproses bahan dan produk kosmetik; b) penyediaan bahan kosmetik perlu mengikuti dalam *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia* dan *Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice, National Pharmaceutical Control Bureau*; c) proses diproses, di kendali dan diangkut menggunakan aliran pemprosesan yang dikhkususkan hanya untuk pengeluaran halal sahaja dan tidak dicemari najis; d) peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan untuk memproses bahan dan produk kosmetik tidak dibuat daripada atau yang mengandungi bahan yang disahkan najis, ia khusus untuk kegunaan kosmetik halal sahaja; dan e) bahan dan peralatan untuk pembungkusan dan pelabelan tidak dicemari najis. Ia selamat dan tidak memudaratkan kesihatan pengguna. Proses tersebut hendaklah dijalankan dalam keadaan yang bersih dan sanitasi sempurna.<sup>421</sup>

Manakala Indonesia mengharuskan penggunaan kosmetik yang bercampur dengan bahan yang tidak halal selain babi untuk kegunaan luaran tetapi dengan syarat hendaklah dilakukan pembersihan selepas menggunakannya. Misalnya penggunaan lipstik (gincu pewarna bibir), maskara (bahan mekap untuk menghitamkan dan mencantikkan bulu mata), pembayang mata (*eye shadow*), pensel alis (*eyeliner*), pemerah pipi (*blusher*), celak mata, bedak kecantikan wajah seperti *foundation*, *loose powder*, *compact powder* dan lain-lainnya. Walau bagaimanapun, Indonesia tegas mengharamkan penggunaan kosmetik yang mengandungi bahan yang tidak halal (bahan najis atau haram) untuk kegunaan dalaman. Selain itu, produk kosmetik yang mengandungi atau terhasil daripada organisma terubah suai genetik yang melibatkan gen babi atau gen manusia hukumnya haram. Manakala, produk kosmetik yang menggunakan bahan genetik (bahan baku, bahan aktif, dan/atau

---

<sup>421</sup> *Ibid.*, 4-5. Lihat juga, Puziah Ibrahim, “Produk Kosmetik Halal,” dalam *Halal Haram dalam Kepenggunaan Islam Semasa*, ed. Suhaimi Ab Rahman dan Mohammad Aizat Jamaludin (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011), 189.

bahan tambahan) daripada haiwan halal (seperti lemak dan lain-lainnya) tanpa diketahui cara penyembelihannya hukumnya *makrūh tahrīm*.<sup>422</sup>

Didapati bahawa MUI mengharuskan penggunaan kosmetik yang mengandungi bahan yang tidak halal untuk kegunaan luaran kerana mengambil kira ‘urf setempat masyarakat Indonesia yang sukar untuk mengenal pasti sumber bahan yang digunakan dalam pembuatan kosmetik tersebut.<sup>423</sup> Tambahan pula, banyak produk kosmetik dibawa memasuki pasaran Indonesia tanpa sekatan menyebabkan kesulitan kepada MUI untuk mengenal pasti setiap kandungan bahan yang digunakan dalam produk kosmetik. MUI juga tidak mempunyai kuasa untuk menghalang kemasukan produk import memasuki Indonesia. Walau bagaimanapun dalam konteks bidang kuasa LPPOM MUI, LPPOM MUI tegas tidak akan memberikan pengesahan sertifikat halal kepada produk kosmetik yang mengandungi bahan yang tidak halal sebagai sumber ramuannya.<sup>424</sup>

Hal ini menunjukkan bahawa fatwa yang dikeluarkan MUI bersifat umum sebagai pedoman kepada masyarakat Indonesia tetapi ia bersifat khusus kepada pengesahan sertifikat halal Indonesia. MUI menyarankan supaya masyarakat Indonesia menggunakan produk kosmetik yang halal dan suci serta menghindari penggunaan produk kosmetik yang haram dan najis serta *makrūh tahrīm* kerana menggunakan bahan yang tidak jelas kehalalan dan kesuciannya.<sup>425</sup> Untuk penambahbaikan, kajian mencadangkan supaya fatwa MUI diperbaiki agar selaras dengan pengesahan produk halal LPPOM MUI.

Dapat dirumuskan di sini bahawa pengguna wajib memilih produk kosmetik yang halal dan suci dan mempunyai jaminan dari aspek kebersihan, kualiti dan keselamatan.

<sup>422</sup> Hendra Utama (Kepala Bidang Standar, Lembaga Pengkajian Pangan, Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015. Lihat juga, LPPOM MUI, *Indonesia Halal Directory 2014-2015*, 83-84.

<sup>423</sup> *Ibid.*

<sup>424</sup> *Ibid.* Lihat juga, LPPOM MUI, *Indonesia Halal Directory 2014-2015*, 84.

<sup>425</sup> LPPOM MUI, *Indonesia Halal Directory 2014-2015*, 83-84.

Keselarasan fatwa Malaysia dengan standard kosmetik halal dalam isu ini termasuk dalam kategori ‘urf ṣaḥīḥ kerana tidak bercanggah dengan syarak. Oleh sebab itu, produk kosmetik yang berlaku pencampuran dengan bahan yang tidak halal adalah haram digunakan.<sup>426</sup> Kaedah fiqh menyatakan bahawa apabila bercampur bahan yang halal dengan bahan yang haram maka hendaklah dimenangkan bahan yang haram (إذا اجتمع).

الحال والحرام غالب الحرام<sup>427</sup> dan apa-apa (bahan) yang diharamkan penggunaannya maka mengambilnya juga adalah haram (ما حرم استعماله حرم اتخذه).<sup>428</sup>

#### 4.2.3 *Maṣlaḥah*

*Maṣlaḥah* berasal daripada perkataan *ṣalaḥa*, *yaṣluḥu*, *ṣulūḥan* yang bererti baik atau elok. *Maṣlaḥah* juga boleh dertiikan setiap perkara yang mengandungi kebaikan dan boleh dimanfaatkan kepada manusia dan menolak kepada kerosakan (*mafsadah*).<sup>429</sup> Dari segi istilah, *maṣlaḥah* adalah manfaat yang ditujukan Allah SWT kepada manusia demi memelihara lima perkara yang utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.<sup>430</sup> Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa *maṣlaḥah* adalah memelihara tujuan dan matlamat syarak manakala tujuan memelihara matlamat syarak kepada manusia ada lima iaitu memelihara kesucian dan ketinggian agama; memelihara keselamatan diri; memelihara kebaikan dan kecerdasan akal fikiran; memelihara kebaikan keturunan; dan

<sup>426</sup> Anan C. Mohd., Kertas Pertimbangan Muzakarah, 8-9.

<sup>427</sup> Jalāl al-Dīn `Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Naẓāir fī Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Shāfiyyah* (al-Qāhirah: t.tp., t.t.), 110.

<sup>428</sup> *Ibid.*, 163.

<sup>429</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 2: 516. Lihat juga, Ḥusayn Ḥāmid Ḥasān, *Nazariyyah al-Maṣlaḥah fī al-Fiqh al-Islāmī* (al-Qāhirah: Maktabah al-Mutanabbi, 1981), 3-4.

<sup>430</sup> Abū Ishaq al-Shāṭibī Ibrāhīm bin Mūsā, *al-Muwāfaqāt fī 'Ilm Uṣūl al-Shari'ah* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 3. Lihat juga, Fakr al-Dīn Muḥammad bin 'Umar bin Ḥusayn al-Rāzi, *al-Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh* (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 1992), 6: 162. Lihat juga, Ḥusayn, *Nazariyyah al-Maṣlaḥah*, 5. Lihat juga, Quṭb, *Mu'jam Muṣṭalaḥāt*, 431.

memelihara kesucian dan keselamatan harta benda. Justeru, setiap perkara dan tindakan yang mengandungi pemeliharaan dan kawalan terhadap lima perkara penting ini dinamakan *maṣlahah* sementara setiap perkara dan tindakan yang boleh mencabuli lima perkara ini dinamakan *mafsadah* (kerosakan) dan penolakan atau pencegahannya pula dinamakan *maṣlahah*.<sup>431</sup>

Berdasarkan pentakrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa *maṣlahah* adalah setiap perkara yang membawa kebaikan dan menolak keburukan kepada manusia untuk memelihara lima perkara yang utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda walaupun kadangkala ia bertentangan dengan kehendak individu dan masyarakat awam. Ini adalah kerana ada kalanya individu dan masyarakat awam menganggap sesuatu perkara tersebut membawa kebaikan kepada mereka namun pada pandangan syarak perkara tersebut membawa keburukan kepada mereka dan demikian juga sebaliknya.

*Maṣlahah* terbahagi kepada tiga peringkat<sup>432</sup> iaitu memelihara keperluan asasi (*maṣlahah ḥarūriyyah*), memelihara kepentingan manusia dalam keperluan sampingan (*maṣlahah ḥājiyyah*) dan memelihara keselesaan dan keharmonian hidup (*maṣlahah taḥsīniyyah*). Para ulama menetapkan bahawa *maṣlahah ḥarūriyyah* mesti diutamakan daripada *maṣlahah ḥājiyyah* dengan alasan jika *maṣlahah ḥarūriyyah* tidak dilakukan nescaya hidup manusia tidak sempurna di dunia dan akhirat<sup>433</sup> sedangkan membelakangi *maṣlahah ḥājiyyah* tidak menyebabkan kecacatan sistem hidup manusia. Ia cuma mengakibatkan kesusahan dan kesukaran sahaja. Lantaran itu, *maṣlahah ḥarūriyyah*

<sup>431</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Muṣtaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl* (al-Madīnah: Shirkah al-Madīnah al-Munawwarah li al-Tiba’ah wa al-Nashr, 1992), 2: 482. Lihat juga, Mohd. Nor Deris, “Keterikatan Maslahah Sebagai Sumber Hukum Dengan Kepentingan Semasa dan Setempat Di Malaysia,” dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam, 2000), 128.

<sup>432</sup> Al-Ghazālī, *al-Muṣtaṣfā*, 482-485. Lihat juga, al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 3. Lihat juga, Mohd. Nor Deris, “Keterikatan Maslahah,” 133.

<sup>433</sup> Umar Sulaymān `Abd Allāh al-Ashqār, *Nazariyyat fī Uṣūl al-Fiqh* (Jordān: Dār al-Nafā’is, 1999), 225.

diutamakan.<sup>434</sup> Kemudian, *maṣlahah hājiyyah* mestilah diutamakan daripada *maṣlahah taḥṣīniyyah* kerana ketiadaan *maṣlahah hājiyyah* akan membawa kesulitan hidup berlainan dengan ketiadaan *maṣlahah taḥṣīniyyah* yang hanya tidak memberikan kesempurnaan dan keselesaan hidup sahaja.<sup>435</sup>

Dapat disimpulkan di sini bahawa *maṣlahah darūriyyah* adalah peringkat paling utama dalam kedudukan *maṣlahah* diikuti dengan *maṣlahah hājiyyah* dan kemudian diikuti dengan *maṣlahah taḥṣīniyyah*. Ulama juga telah menetapkan wujudnya turutan bagi lima perkara yang diutamakan dalam *maṣlahah darūriyyah* iaitu kepentingan agama diletakkan pada kelas yang pertama daripada kepentingan nyawa, sementara kepentingan nyawa mestilah diutamakan daripada kepentingan akal, kepentingan akal mestilah diutamakan daripada kepentingan keturunan, kepentingan keturunan pula diutamakan daripada kepentingan harta.<sup>436</sup>

*Maṣlahah* merupakan neraca dalam menentukan hukum yang tidak dinaskan oleh syarak dan *maṣlahah* sentiasa berlaku perubahan mengikut keperluan semasa dan setempat. Didapati bahawa metode pengeluaran fatwa di empat negara mengutamakan pandangan daripada Mazhab Syafii namun sekiranya pandangan Mazhab Syafii berlawanan dengan *maṣlahah* awam maka pandangan daripada Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali atau ijtihad *jamā'i* boleh digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa Islam sebagai sebuah agama yang universal berupaya mengadaptasikan realiti masyarakat setempat dengan perubahan yang berlaku bagi menyelesaikan permasalahan semasa dalam kehidupan masyarakat. Misalnya fatwa tentang suntikan vaksin haji bagi mencegah penyakit Meningococcal Meningitis kepada jemaah haji dan umrah. Berikut merupakan

<sup>434</sup> *Ibid.* Lihat juga, Adnān Muḥammad Jum'at, *Raf'u al-Ḥaraj fi Shari'ah al-Islāmiyyah* (Dimashq: Dār al-'Ulūm Insāniyyah, 1993), 3: 15.

<sup>435</sup> Adnān Muḥammad, *Raf'u al-Ḥaraj*, 15.

<sup>436</sup> Mohd. Nor Deris, "Keterikatan Maslahah," 133.

ringkasan kepada perbezaan fatwa penggunaan pelalian vaksin Meningococcal Meningitis antara Malaysia dan Indonesia.

**Jadual 4.3:** Perbezaan Terhadap Penggunaan Pelalian Vaksin Meningococcal Meningitis Antara Malaysia dan Indonesia

|                  | <b>Hukum</b> | <b>Penghujahan</b>   | <b>Penerangan</b>  |
|------------------|--------------|--|--|
| <b>Malaysia</b>  | Harus        | <i>Akhaf al-darūrayn &amp; Maṣlahah darūriyyah</i>         | Tidak selaras dengan MS 2424:2010  |
| <b>Indonesia</b> | Haram        | Proses penghasilan vaksin menggunakan sumber daripada babi | Ada alternatif lain (vaksin halal) maka prinsip darurat tidak relevan lagi digunakan |

Penyakit Meningococcal Meningitis adalah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus dan bakteria Neisseria Meningitis. Jangkitan penyakit ini menyebabkan keradangan pada bahagian selaput otak dan saraf tunjang.<sup>437</sup> Semasa musim haji, kadar pembawa penyakit Meningococcal Meningitis meningkat sehingga ke paras setinggi 80 peratus berikutan daripada beberapa faktor antaranya kehadiran jemaah haji daripada pelbagai negara, keletihan fizikal semasa menunaikan ibadah, suhu persekitaran yang tinggi, kesesakan manusia dan tahap pencemaran udara yang teruk.

Setelah penularan wabak ini semakin meningkat, kerajaan Arab Saudi telah mewajibkan pemberian pelalian vaksin Meningitis jenis Quadrivalent A/C/Y/W135 sebagai syarat pengeluaran visa haji kepada semua negara pada Mei 2001.<sup>438</sup> Pada tahun 2001, Malaysia, Indonesia dan Brunei mengharuskan penggunaan vaksin Meningitis jenis Quadrivalent A/C/Y/W135 kerana *maṣlahah* awam bagi tujuan menyelamatkan nyawa. Akan tetapi status vaksin Meningitis jenis Quadrivalent A/C/Y/W135 diragui apabila MUI

<sup>437</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Suntikan Pelalian Vaksin Meningococcal Meningitis Oleh Orang Islam,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai pada 24 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/suntikan-pelalian-vaksin-meningococcal-meningitis-oleh-orang-islam>. Lihat juga, Abd. Rahman, B. Pharm, *Vaksin Haji Haram* (H. Science Solution: RBC Publishing & Marketing, 2013), 9-10.

<sup>438</sup> *Ibid.*, 9-10. Lihat juga, Tabung Haji, “Maklumat Imunisasi,” laman sesawang *Tabung Haji*, dicapai pada 24 Jun 2015, <http://www.tabunghaji.gov.my/maklumat-imunisasi>.

mengharamkan penggunaannya kerana mengandungi enzim (medium agar *Mueller Hinton Media*) daripada babi.<sup>439</sup>

Seterusnya, pada tahun 2002, Malaysia memutuskan bahawa penggunaan vaksin pelalian Meningococcal Monumen yang mengandungi unsur daripada babi adalah haram manakala penggunaan pelalian Meningococcal Meningitis Mencevax yang diambil daripada sumber lembu adalah harus. Vaksin pelalian Meningococcal Meningitis Mencevax keluaran GlaxoSmithKline (GSK) dipercayai tidak mengandungi bahan daripada sumber haiwan kecuali laktosa daripada susu lembu dan telah pun mendapat perakuan kelulusan daripada Biro Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Keharusan ini adalah berlandaskan kepada kaedah fiqh (أخف الضرورين) yang bermaksud mengambil yang lebih ringan antara dua keburukan.<sup>440</sup>

Seterusnya, pada tahun 2010, Indonesia sekali lagi mengharamkan penggunaan vaksin pelalian Meningococcal Meningitis Mencevax kerana proses penghasilannya menggunakan sumber daripada babi.<sup>441</sup> Fatwa yang dikeluarkan oleh Indonesia disangkal oleh Pengarah Urusan Regulatori GSK, Ellen Wijaya. Beliau menegaskan bahawa vaksin pelalian Meningococcal Meningitis Mencevax keluaran GSK yang terbaru tidak bersentuhan dengan unsur babi dan menggunakan medium penghasilan yang bebas kandungan haiwan kecuali bahan *L-Cystein* yang diambil daripada bulu itik. Di samping itu, proses penghasilan vaksin pelalian Meningococcal Meningitis Mencevax yang baru

---

<sup>439</sup> Mustafa Abdul Rahman, Kertas Kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Hukum Suntikan Pelalian Vaksin ‘Meningococcal Quadrivalent’ Oleh Orang Islam, Kertas JKF Bil. 1/53/2002, 2.

<sup>440</sup> *Ibid.*

<sup>441</sup> Hendra Utama (Kepala Bidang Standar, Lembaga Pengkajian Pangan, Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015. Lihat juga, Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Penggunaan Vaksin Meningitis Bagi Jemaah Haji dan Umrah, Nomor: 06 Tahun 2010, Majelis Ulama Indonesia.

telah melalui proses pencucian berulang kali. Oleh sebab itu, vaksin pelalian Meningococcal Meningitis Mencevax diharuskan penggunaannya di Malaysia.<sup>442</sup>

Pada tahun 2010 juga, Indonesia memfatwakan bahawa vaksin jenama ‘Menveo Meningococcal Group A, C, W135 and Y Conjugate Vaccine’ keluaran Novartis Vaccine and Diagnostics S.r.i. dan vaksin jenama ‘Menveo Meningococcal Vaccine’ keluaran Zhejiang Tianyuan Bio Pharmaceutical Co. Ltd. sebagai vaksin halal. Ini adalah kerana, kedua-dua vaksin ini tidak mengandungi sumber daripada babi dan telah pun melalui proses penyucian berulang kali sekalipun menggunakan bahan najis dalam proses penghasilannya. Dengan keputusan fatwa berkenaan, Indonesia menetapkan hanya vaksin halal sahaja yang boleh digunakan kepada jemaah haji dan umrah di Indonesia. Oleh sebab itu, keharusan menggunakan vaksin yang mengandungi sumber babi disebabkan darurat tidak relevan lagi digunakan.<sup>443</sup>

Merujuk kepada fatwa Indonesia di atas, didapati bahawa keputusan fatwa ini berasaskan kepada penerimaan MUI terhadap konsep *istihālah*.<sup>444</sup> Ini adalah kerana, kedua-dua vaksin ini telah menggunakan bahan najis semasa proses penghasilannya namun begitu ia dapat disucikan setelah melalui proses penyucian yang sejajar dengan hukum syarak. Kaedah fiqh menyatakan bahawa bahan najis apabila berubah keadaannya (menjadi suatu

---

<sup>442</sup> Abd. Rahman, B. Pharm, *Vaksin Haji Haram*, 43.

<sup>443</sup> Hendra Utama (Kepala Bidang Standar, Lembaga Pengkajian Pangan, Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015. Lihat juga, Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Penggunaan Vaksin Meningitis Bagi Jemaah Haji dan Umrah, Nomor: 06 Tahun 2010, Majelis Ulama Indonesia.

<sup>444</sup> *Istihālah* merupakan suatu proses perubahan zat asal kepada zat baru yang boleh berlaku secara semula jadi dan tidak semula jadi (melibatkan campur tangan manusia) dan perubahan baru yang terhasil telah merubah secara keseluruhan zat asal sama ada dari segi nama, warna, rasa dan juga bau. Dalam erti kata yang lain, *istihālah* boleh mengubah benda yang najis atau terkena najis menjadi bersih ataupun mengubah benda yang haram menjadi halal.

bahan lain) maka hukumnya menjadi suci (إن النجاسة إذا إستحالت طهرت)<sup>445</sup> dan perubahan sesuatu hukum adalah bergantung kepada perubahan nama (sesuatu bahan) dan perubahan (bahan tersebut pula) bergantung kepada (yang berlaku) pada sifat (ciri-ciri tersebut) (استحالة الأحكام باستحالة الأسماء وأستحالة الأسماء باستحالة الصفات)<sup>446</sup>.

Seterusnya, pada tahun 2013, Malaysia memutuskan bahawa hukum penggunaan Vaksin Meningitis Menveo diharuskan oleh syarak.<sup>447</sup> Ini adalah kerana, terdapat sumber bahan yang meragukan dalam proses penghasilannya seperti Transisolate Medium (TIM),<sup>448</sup> CLAT Selective Agar,<sup>449</sup> Blood Agar,<sup>450</sup> Meuller Hinton Agar,<sup>451</sup> L-Cytein,<sup>452</sup> microfiltration<sup>453</sup> dan ultrafiltration membrane.<sup>454</sup> Seterusnya, pada tahun 2014, Malaysia

<sup>445</sup> Mahmūd Ismā`īl Muḥammad Mish`al, *Atharu al-Khilāf al-Fiqh fī al-Qawā'id al-Mukhtalaf fīhi wa Madā Tadbiquhā fī al-Furū' al-Mu'āṣarah* (Miṣr: Dār al-Salām, t.t.), 424.

<sup>446</sup> *Ibid.*

<sup>447</sup> Kertas Untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Kedudukan Terkini Proses Penghasilan Vaksin Meningococcal HavaxTM Men ACYW135 Dari Perspektif Syarak, Kertas JKFK Khas Bil. 3/2013. Lihat juga, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo," laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai pada 25 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-vaksin-meningitis-menveo-0>.

<sup>448</sup> Media ini digunakan dalam proses pemindahan *master seed* dan terdapat maklumat daripada *Pubmed central* ia mengandungi sumber gelatin.

<sup>449</sup> Media ini digunakan dalam proses pemindahan *master seed* dan bahan yang terkandung di media ini tidak diketahui dengan jelas.

<sup>450</sup> Media ini digunakan dalam proses pemindahan *master seed* dan mengandungi darah di mana darah ini berfungsi sebagai makanan kepada pertumbuhan *master seed* tersebut.

<sup>451</sup> Media ini digunakan dalam proses percambahan *master seed* di Institute Finlay, Cuba. Media ini juga ada digunakan bagi syarikat GSK Pharmaceutical Sdn Bhd dan Novartis Corporation (M) Sdn Bhd dalam pemprosesan awal *master seed* dan ia mengandungi sumber daripada lembu iaitu *casein peptone* dan *meat extract*. Ia juga diragui kehalalan sumbernya sama ada disembelih ataupun tidak.

<sup>452</sup> Bahan ini terdapat dalam *liquid* media semasa pemprosesan *working seed* di Institute Finlay, Cuba. Bahan ini boleh didapati daripada bulu itik dan cara mendapat bulu itik dalam keadaan hidup atau setelah disembelih mengikut hukum syarak atau setelah mati tanpa disembelih menurut hukum syarak. MJFK memutuskan penggunaan vitamin D3 yang berhasil daripada bulu binatang yang halal dimakan adalah harus sama ada ia diambil semasa hidup atau selepas disembelih menurut hukum syarak.

<sup>453</sup> Penggunaan alat/bahan bantuan pemprosesan iaitu *microfiltration* dan *ultrafiltration membrane* di mana kedua-dua filter yang bersumberkan haiwan ini digunakan semasa proses purifikasi bagi mendapatkan hasil yang lebih baik. Akan tetapi *microfiltration* dan *ultrafiltration membrane* masih lagi belum mendapatkan pengesahan halal daripada mana-mana badan pensijilan halal.

<sup>454</sup> Kertas Untuk Pertimbangan Muzakarah, Kedudukan Terkini Proses Penghasilan Vaksin Meningococcal HavaxTM Men ACYW135, 11-16.

memutuskan bahawa penggunaan Vaksin Meningitis Menomune yang dikeluarkan oleh Sanofi Pasteur adalah diharuskan.<sup>455</sup>

Didapati bahawa keputusan fatwa Malaysia terhadap penggunaan pelalian vaksin Meningitis adalah diharuskan. Malaysia mengambil kira pendekatan *maṣlahah darūriyyah* kerana sehingga kini masih belum ada vaksin meningitis yang dihasilkan seratus peratus halal dan suci daripada peringkat awal hingga peringkat akhir penghasilannya.<sup>456</sup> Vaksin Meningitis dihasilkan daripada bakteria *Neisseria Meningitis* yang diperoleh daripada cecair tulang belakang pesakit (*najis lighayrah*) kemudiannya, ia dibiakkan menggunakan media darah yang diambil daripada kuda dan bebiri untuk dijadikan sumber makanan (*najis mutawassītah*).<sup>457</sup> Oleh sebab itu, Malaysia tidak memberikan pengesahan halal kepada mana-mana vaksin Meningitis kerana ia tidak memenuhi dengan piawaian farmaseutikal halal Malaysia.<sup>458</sup>

Dapat dirumuskan di sini bahawa keputusan fatwa Malaysia bertepatan dengan hukum syarak kerana memelihara keperluan asasi (*maṣlahah darūriyyah*) bagi tujuan menyelamatkan nyawa manusia. Keperluan asasi (*maṣlahah darūriyyah*) adalah peringkat pertama dalam kedudukan *maṣlahah*. Justeru, kepentingan nyawa perlu diutamakan dan sekiranya diabaikan boleh berbahaya dan memudaratkan nyawa manusia. Kajian menunjukkan bahawa sekiranya suntikan vaksin Meningitis tidak diberikan kepada jemaah haji dan umrah akan menyebabkan kesan yang serius kepada manusia seperti kerosakan

<sup>455</sup> Kertas Untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Kajian Semula Hukum Penggunaan Vaksin Meningococcal Menomune Daripada Status Haram Kepada Harus, Kertas JKF Khas Bil. 8/105/2014. Lihat juga, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Kajian Semula Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Monumen,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai pada 25 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/kajian-semula-hukum-penggunaan-vaksin-meningitis-monumen>.

<sup>456</sup> Abd. Rahman, B. Pharm, *Vaksin Haji Haram*, 43.

<sup>457</sup> Kertas Untuk Pertimbangan Muzakarah, Kedudukan Terkini Proses Penghasilan Vaksin Meningococcal HavaxTM Men ACYW135, 14.

<sup>458</sup> Abd. Rahman, B. Pharm, *Vaksin Haji Haram*, 9-10.

otak, hilang pendengaran, kurang upaya pembelajaran dan kematian.<sup>459</sup> Kaedah fiqh menyatakan bahawa mencegah kemudarat lebih diutamakan daripada mencari *maṣlahah*

(درء المفاسد مقدم على جلب المصالح)<sup>460</sup> keperluan yang mendesak diletakkan dalam kedudukan

darurat<sup>461</sup> (الحاجة العامة تقلل منزلة الضرورة) dan setiap kesulitan akan diberikan kemudahan

(المشقة تجلب التيسير).<sup>462</sup>

#### **4.3 Jadual Menunjukkan Sejauh Mana Faktor Perbezaan Fatwa Kepenggunaan Di Empat Negara Mempengaruhi Kepada Perbandingan Penentuan Piawaian Halal Serta Memberikan Implikasi Kepada Pengesahan Halal Indonesia, Singapura dan Brunei Bagi Produk Yang Diimport Ke Malaysia**

Kajian akan merumuskan sejauh mana faktor-faktor perbezaan fatwa kepenggunaan mempengaruhi kepada penentuan piawaian halal di empat negara memandangkan fatwa menjadi rujukan utama kepada setiap negara dalam menentukan kehalalan produk makanan dan barang gunaan. Untuk penjelasan lanjut, disenaraikan faktor-faktor perbezaan fatwa kepenggunaan yang menjadi rujukan utama dalam piawaian halal di empat negara berkenaan:

---

<sup>459</sup> *Ibid.*

<sup>460</sup> Ibrāhīm Muḥammad Maḥmūd al-Ḥarīrī, *al-Madkhal ilā al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kulliyah* (Ammān: Dār 'Ammār li al-Nashr, 1998), 97.

<sup>461</sup> *Ibid.*, 89.

<sup>462</sup> Al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Nazāir*, 76.

**Jadual 4.4: Faktor Perbezaan Fatwa Kepenggunaan Antara Empat Negara**

|                    | <b>Malaysia</b>  | <b>Indonesia</b>   | <b>Brunei</b>   | <b>Singapura</b>   |
|--------------------|--|--|---|--|
| • Kerajaan & Agama | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Raja Berperlembagaan</li> <li>• Islam</li> <li>• Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan jabatan-jabatan mufti di bawah peringkat negeri</li> <li>• Menerima pandangan muktamad daripada Mazhab Syafii</li> <li>• MS2200:2008 di klausua 3.2.2, MS2424: Bahagian 1:2012 di klausua 3.3.2 &amp; MS 1500:2009 di klausua 2.1.2</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Republik</li> <li>• Tiada agama rasmi</li> <li>• Majelis Ulama Indonesia</li> <li>• Menerima pandangan daripada empat mazhab</li> <li>• HAS 23201 di klausua 4.5 (b), Lampiran 1 (2), Lampiran 3 &amp; HAS 23000:1 di klausua K (iv)</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Monarki</li> <li>• Islam</li> <li>• Jabatan Mufti Kerajaan</li> <li>• Terikat secara ketat kepada pandangan Mazhab Syafii</li> <li>• PBD 24:2007 di klausua 2.5 &amp; GD 24:2010 di klausua 2.3</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Republik</li> <li>• Tiada agama rasmi</li> <li>• Majlis Agama Islam Singapura</li> <li>• Menerima pandangan muktamad daripada Mazhab Syafii</li> <li>• MUIS-HC-S002 Di klausua 2.3</li> </ul> |
| • ‘Urf             | <b>Isu penggunaan unsur haiwan yang haram dalam produk kosmetik</b>  |  |   |  |
|                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Haram</li> <li>• Mengandungi bahan yang tidak halal sebagai sumber ramuannya</li> <li>• ‘Urf sahih kerana tidak bercanggah dengan syarak Selaras dengan ketetapan MS 2200: Bahagian 1:2008</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harus</li> <li>• Mengambil kira ‘urf ‘am setempat masyarakat Indonesia yang sukar untuk mengenal pasti sumber bahan yang digunakan</li> <li>• Tidak selaras dengan ketetapan piawaian halal LPPOM MUI</li> </ul>                                | Tiada   | Tiada  |
| • Maṣlaḥah         | <b>Isu penggunaan pelarian vaksin meningococcal meningitis</b>   |  |   |  |
|                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harus</li> <li>• Akhaf al-darūrayn &amp; Maṣlaḥah darūriyyah</li> <li>• Tidak selaras dengan MS 2424:2010</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Haram</li> <li>• Proses penghasilan vaksin menggunakan sumber daripada babi</li> <li>• Ada alternatif lain (vaksin halal) maka prinsip darurat tidak relevan lagi digunakan</li> </ul>  | Tiada   | Tiada  |

Perbezaan dasar pemerintahan, ‘urf dan *maṣlahah* menjadi faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada perbezaan fatwa kepenggunaan di empat negara. Berdasarkan kepada beberapa faktor ini, kajian akan membuat perbandingan terhadap penentuan piawaian halal yang dibangunkan di empat negara tersebut khususnya yang melibatkan makanan, farmaseutikal dan kosmetik. Kajian perbandingan ini seterusnya akan memperoleh beberapa persamaan, perbezaan, kelebihan dan kelemahan. Ia dirumuskan seperti mana dalam Jadual 4.5, Jadual 4.6 dan Jadual 4.7 di bawah:

**Jadual 4.5: Persamaan Piawaian Halal Antara Empat Negara**

|   | Malaysia   | Indonesia                      | Brunei                           | Singapura  | Cadangan   |  |
|---|--|--------------------------------|----------------------------------|--|--|--|
| Definisi makanan halal, kosmetik halal dan farmaseutikal halal yang jelas | <b>Makanan</b>                                   |                                |                                  |  |  |  |
|   | • Dinyatakan di klausa 2.3                       | • Dinyatakan di klausa 4.1     | • Dinyatakan di klausa 2.4       | • Dinyatakan di klausa 4.1                               | Elemen mudarat dijelaskan mengikut perspektif <i>maqāṣid al-shari‘ah</i> |  |
|   | <b>Farmaseutikal</b>                             |                                |                                  |  |  |  |
|   | • Dinyatakan di klausa 3.2                       | Tiada                          | • Dinyatakan di klausa 2.8       | Tiada  |  |  |
| <b>Kosmetik</b>   |  |                                |                                  |  |  |  |
| • Dinyatakan di klausa 3.4  |  | Tiada                          | Tiada                            | Tiada  |  |  |
| Kecekapan prosedur penilaian audit  | MPPHM 2014<br>• Di klausa 9.0                    | HAS 23000:2<br>• Di klausa 4.4 | BCG Halal 2<br>• Di klausa 3.1   | <i>Food Preparation Area Scheme</i><br>• Di klausa 3.1.3 | Penubuhan badan unit khas bagi tujuan audit halal                        |  |
| Ketelitian prosedur pensampelan dan analisis makmal                       | MPPHM 2014<br>• Di klausa 9.3 dan di klausa 10.5 | HAS 23000:2<br>• Di klausa 4.7 | BCG Halal 2<br>• Di klausa 3.2.4 | MUIS-HC-S002<br>• Di klausa 4.3.9 (d)                    | Tiada  |  |

**Jadual 4.6:** Perbezaan Piawaian Halal Antara Empat Negara

|  | Malaysia   | Indonesia  | Brunei  | Singapura   | Cadangan  |
|--|--|--|---|---|---|
| <b>Kriteria Sumber Bahan</b>                   |  | <b>Makanan</b>   |   |   | Tiada   |
|  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di klausा 3.1.1.2<br/>Haiwan akuatik yang hidup dalam najis atau diberikan makanan tidak halal secara sengaja dan berterusan adalah haram dimakan.</li> </ul>   | Tiada  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di klausа 3.1.1.2<br/>Tidak dinyatakan.</li> </ul>   | Tiada   |   |
|  |  | <b>Farmaseutikal</b>   |   |   |   |
|  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di klausа 4.15.2.2 (b)<br/>Haiwan akuatik yang hidup dalam najis atau diberikan makanan tidak halal secara sengaja/ berterusan adalah haram dimakan.</li> </ul> | Tiada  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di klausа 3.1.1.2<br/>Tidak dinyatakan.</li> </ul>   | Tiada   |   |
|  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di klausа 4.15.1<br/>Penggunaan alkohol sintetik adalah dibenarkan.</li> </ul>  | Tiada  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di klausа 3.2.1<br/>Penggunaan alkohol sintetik dalam produk farmaseutikal dibenarkan trhanya kegunaan luaran sahaja.</li> </ul> | Tiada   |   |
| <b>Kadar Alkohol Dalam Makanan dan Minuman</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harus</li> <li>• 0.5% &amp; 1%</li> <li>• Nas syarak &amp; kajian penyelidikan makmal</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harus (Proses pengendalian) 1%</li> <li>• Haram (Produk akhir) 0.0%</li> <li>• Nas syarak &amp; kajian penyelidikan makmal</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Haram</li> <li>• 0.0%</li> <li>• Nas syarak, <i>ihtiyāt &amp; sadd al-dharā'i</i></li> </ul>                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harus</li> <li>• 0.5% &amp; 0.1%</li> <li>• Nas syarak &amp; kajian penyelidikan makmal</li> </ul> | Penetapan kadar alkohol Malaysia boleh dijadikan garis panduan umum |

‘Jadual 4.6, sambungan’

|  | <b>Malaysia</b>  | <b>Indonesia</b>   | <b>Brunei</b>  | <b>Singapura</b>  | <b>Cadangan</b>   |
|--|--|--|--|---|---|
| <b>Penentuan Hukum Konsep <i>Istihālah</i></b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak diterima</li> <li>• Tidak dinyatakan</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Diterima</li> <li>• Dinyatakan dalam piawaian halal HAS 23201 di klausa 4.5 (b) HAS 23000:1 di klausa K (iv) HAS 23201 klausa Lampiran 1 (2) HAS 23201 klausa Lampiran 3</li> <li>• Cuka Wain</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak diterima</li> <li>• Tidak dinyatakan</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak diterima</li> <li>• Tidak dinyatakan</li> </ul>      | Konsep <i>istihālah</i> dijadikan sumber hukum alternatif               |
| <b>Prosedur Sembelihan Haiwan</b>              | <b>Syarat Sah (Penyembelih)</b>  |  |  |   | Meningkatkan kajian penyelidikan halal dalam prosedur sembelihan haiwan |
|  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di klausa 3.5.2.1 (c)<br/>Disyaratkan penyembelih mempunyai tujuan (niat) sembelihan</li> </ul>   | Tidak dinyatakan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di klausa 3.2.5 (b)<br/>Disyaratkan penyembelih mempunyai tujuan (niat) sembelihan</li> </ul> | Tidak dinyatakan  |   |
|  | <b>Prosedur Sembelihan</b>   |  |  |   |   |
|  | Tidak dinyatakan   | Tidak dinyatakan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Di klausa 3.3, Dua pemeriksa hadir semasa penyembelihan halal sebagai saksi</li> </ul>        | Tidak dinyatakan  |   |
|  | <b>Kaedah <i>Stunning</i></b>  |  |  |   |   |
|  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibenarkan (tidak digalakkan)</li> <li>• Lampiran 1 Kaedah <i>stunning</i> (<i>Pneumatic Persercessive Stunning &amp; Water Bath Stunning</i>)</li> <li>• Kaedah <i>stunning</i> (<i>Non-Penetrative Captive Bolt</i>) tidak dibenarkan</li> <li>• Garis panduan parameter kaedah <i>electrical stunning</i> dan <i>mechanical stunning</i> tidak sama</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibenarkan (tidak digalakkan)</li> <li>• Lampiran 1 Kaedah <i>stunning</i> (<i>Pneumatic Persercessive Stunning &amp; Water Bath Stunning</i>)</li> <li>• Kaedah <i>stunning</i> (<i>Non-Penetrative Captive Bolt</i>) dibenarkan</li> <li>• Garis panduan parameter kaedah <i>electrical stunning</i> dan <i>mechanical stunning</i> tidak sama</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak dibenarkan</li> <li>• Di klausa 3.2.5.1 &amp; 3.2.5.2</li> </ul>                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak dibenarkan</li> <li>• Di klausa B.4.1 (h)</li> </ul> |   |

‘Jadual 4.6, sambungan’

|                                 | <b>Malaysia</b>   | <b>Indonesia</b>                 | <b>Brunei</b>  | <b>Singapura</b>   | <b>Cadangan</b> |
|---------------------------------|---|----------------------------------|--|--|-----------------|
|                                 | <b>Sembelihan Mekanikal</b>   |                                  |  |  |                 |
|                                 | • Tidak dibenarkan  | • Dibenarkan<br>• Di klausa 10.3 | • Tidak dibenarkan   | • Dibenarkan<br>• Di klausa B.3.2,<br>B.3.4.1 (e),<br>(f) dan (g) &<br>B.4.2 (a), (c)<br>dan (d) |                 |
| <b>Pengurusan Kualiti Halal</b> | <b>Makanan</b>  |                                  |  |  |                 |
|                                 | • Di klausa 3.4.3 GHP, GMP @ Garis Panduan Amalan Kebersihan Baik, Kementerian Kesihatan Malaysia   | Tidak dinyatakan                 | • Di klausa 5.4 Prinsip Umum Codex tentang Kebersihan Makanan  | • Di klausa 3.6.3 Prinsip Umum Codex tentang Kebersihan Makanan                                  | Tiada           |
|                                 | <b>Farmaseutikal</b>  |                                  |  |  |                 |
|                                 | • Di klausa 2, 4 & 4.4 <i>Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing Practice for Medicinal Products &amp; Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing</i> | Tiada                            | • Di klausa 1 <i>Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing Practice for Medicinal Products &amp; Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing</i> | Tiada  |                 |
|                                 | <b>Kosmetik</b>   |                                  |  |  |                 |
|                                 | • Di klausa 2 <i>Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia, National Pharmaceutical Control Bureau &amp; Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice, National Pharmaceutical Control Bureau</i>                   | Tiada                            | Tiada  | Tiada  |                 |

**Jadual 4.7:** Kelebihan dan Kelemahan Piawaian Halal Antara Empat Negara

|   | <b>Malaysia</b>  | <b>Indonesia</b>  | <b>Brunei</b>  | <b>Singapura</b>                         | <b>Cadangan</b>  |
|---|--|---|--|--|--|
| <b>Standard halal Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai antara yang terbaik di dunia</b>                     | Mempunyai kelebihan dalam membangunkan manual prosedur dan beberapa standard halal yang lain | Menumpukan kepada piawaian makanan halal  | Membangunkan garis panduan umum dalam aspek perubatan selain daripada piawaian makanan halal | Menumpukan kepada piawaian makanan halal | Tiada  |
| <b>Penerapan Sistem Jaminan Halal menjamin status produk halal</b>  | Sistem Jaminan Halal diwajibkan kepada industri multinasional dan sederhana sahaja           | Sistem Jaminan Halal diwajibkan kepada semua peringkat kategori industri              | Tidak dinyatakan dalam PBD 24:2007 dan GD 24:2010  | Tidak dinyatakan dalam MUIS-HC-S001      | Menerapkan Sistem Jaminan Halal dalam sistem pengurusan syarikat |
| <b>Pelaksanaan undang-undang berkaitan halal dapat memastikan berlakunya kepatuhan terhadap terma dan syarat pensijilan</b> | Undang-undang khas berkaitan halal masih belum diwujudkan                                    | Kelulusan Undang-Undang Jaminan Produk Halal di peringkat parlimen Republik Indonesia | Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 & Undang-Undang Akta Daging Halal Penggal 183      | AMLA 1968 di Seksyen 88A & 88C           | Penggubalan akta khas berkaitan halal                            |

Berdasarkan kepada Jadual 4.5, Jadual 4.6 dan Jadual 4.7 di atas jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor perbezaan fatwa telah mempengaruhi kepada perbezaan dalam penentuan piawaian halal yang dibangunkan di empat buah negara ini. Seterusnya, perbezaan yang ketara dalam penentuan piawaian halal turut memberikan implikasi kepada pengesahan halal Indonesia, Brunei dan Singapura kepada produk import yang memasuki pasaran Malaysia. Ia dirumuskan seperti mana dalam Jadual 4.8 di bawah:

**Jadual 4.8:** Implikasi Pengesahan Halal Indonesia, Brunei dan Singapura Bagi Produk Yang Diimport ke Malaysia

|   | <b>Implikasi</b>   | <b>Cadangan</b>  |
|---|--|--|
| <b>Malaysia</b>                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Produk halal Indonesia, Brunei dan Singapura bebas memasuki pasaran Malaysia tanpa sekat</li> <li>• Dari aspek bidang kuasa JAKIM, JAKIM tegas tidak memberikan pengesahan halal jika tidak selaras dengan piawaian halal Malaysia</li> <li>• Dari aspek kepenggunaan, produk makanan dan barang gunaan yang bertentangan dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, haram digunakan</li> </ul> | Setiap produk halal yang dieksport ke Malaysia perlu mendapat pengiktirafan halal daripada JAKIM               |
| <b>Indonesia</b>                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Indonesia tegas tidak akan membenarkan produk halal memasuki pasaran Indonesia kecuali mendapat pengesahan halal semula daripada LPPOM MUI</li> </ul>   | Menilai semula prosedur pensijilan halal Indonesia yang sedia ada terutamanya dalam pemeriksaan audit lapangan |
| <b>Penggiat Industri halal &amp; Pengguna</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesukaran memasarkan produk halal ke peringkat antarabangsa</li> <li>• Menanggung fi pensijilan yang berganda</li> <li>• Kekeliruan pengguna berikutan pengesahan logo halal yang pelbagai</li> </ul>   | Tiada  |

\* Panduan:

Tidak dinyatakan: Tidak dinyatakan dalam mana-mana piawaian halal.

Tiada: Tidak wujud piawaian halal di negara berkenaan atau tiada cadangan yang diutarakan.

#### **4.4 Analisis Perbandingan Terhadap Penentuan Piawaian Halal Antara Empat Negara**

Dalam membangunkan piawaian halal di empat negara iaitu JAKIM di Malaysia, MUI di Indonesia, MUIS di Singapura dan MUIB di Brunei. Keempat-empat badan ini pasti menghadapi kepelbagaiannya kesulitan dalam sistem pentadbiran halal, kekangan perundungan, tarikan komersil dan pelbagai faktor setempat yang mempengaruhi kepada persamaan, perbezaan, kelebihan dan kelemahan di antara piawaian halal dari negara-negara tersebut.

Amalan politik, pentadbiran dan tadbir urus bagi empat negara jelas memiliki perbezaan yang nyata seperti amalan pentadbiran monarki sepenuhnya di Brunei pasti memiliki keunikan tersendiri berbanding negara lain. Hal ini serupa dengan amalan pentadbiran di Malaysia yang mengamalkan pentadbiran agama mengikut negeri-negeri yang diketuai Sultan, Yang Dipertuan Besar dan Dipertua Negeri dan begitu juga Singapura dan Indonesia dengan pentadbiran yang diketuai Presiden dalam menguruskan pentadbiran negara sepenuhnya. Perbezaan ‘urf dan *maṣlahah* setempat pasti memberi kesan signifikan terhadap pembangunan piawaian halal dan mempengaruhi pengeluaran fatwa berkaitan isu-isu halal dari empat negara ini meskipun dalam kaca mata umum ia kelihatan hampir banyak persamaan kerana pengaruh Mazhab Syafii yang meluas di Asia Tenggara.

#### **4.4.1 Persamaan Piawaian Halal Antara Empat Negara**

Daripada analisis piawaian halal antara empat negara yang telah dilakukan, terdapat tiga aspek persamaan yang telah dikenal pasti dalam kajian penyelidikan ini. Iaitu, a) definisi makanan halal, kosmetik halal dan farmaseutikal halal yang jelas; b) kecekapan prosedur penilaian audit; dan c) ketelitian prosedur pensampelan dan analisis makmal.

##### **4.4.1.1 Definisi makanan halal, kosmetik halal dan farmaseutikal halal yang jelas**

Sedia maklum bahawa definisi bagi makanan halal, kosmetik halal dan farmaseutikal halal di empat negara telah dijelaskan secara terperinci dalam bab kedua. Berikutan analisis ini merangkumi tiga piawaian halal yang berbeza maka kajian mengkategorikan mengikut tertib (i), (ii) dan (iii).

(i) Definisi Makanan Halal

Merujuk kepada MS 1500:2009 di klausua 2.3<sup>463</sup> telah menerangkan definisi makanan halal daripada butiran a) hingga f). Syarat a) telah dijelaskan lagi di klausua 3.5.1 tentang sumber bahan dan di klausua 3.5.2 tentang proses penyembelihan haiwan. Syarat b) dijelaskan di klausua 2.4 tentang najis menurut hukum syarak. Syarat d) dijelaskan di klausua 3.3 tentang peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan manakala syarat e) dan f) pula dapat difahami dengan jelas.

Dalam PBD 24:2007 di klausua 2.4<sup>464</sup> menerangkan definisi makanan halal daripada butiran a) hingga f). Syarat a) telah dijelaskan di klausua 3.0 tentang sumber bahan dan di klausua 3.2 tentang prosedur penyembelihan haiwan. Syarat b) dijelaskan di klausua 2.8 tentang najis. Syarat d) dijelaskan di klausua 3.4 tentang pengilangan, pemprosesan, pengendalian, penyimpanan, pengangkutan dan pengedaran produk khususnya di klausua 3.4.2 yang berkaitan peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan. Syarat e) dan f) dijelaskan dengan baik sekali.

Dalam MUIS-HC-S001 di klausua 4.1<sup>465</sup> menerangkan definisi makanan halal daripada butiran a) hingga e). Syarat a) dijelaskan di Lampiran A tentang sumber bahan bagi makanan dan minuman, tumbuh-tumbuhan, dan haiwan. Syarat b) dijelaskan di Lampiran B tentang prosedur sembelihan halal. Syarat c) dijelaskan di Lampiran C tentang kaedah penyucian najis khususnya di klausua C.2 dan C.3 ia berkaitan tentang definisi najis dan jenis-jenis najis. Syarat d) dijelaskan di klausua 4.2 tentang penyimpanan, peragaan dan penyajian produk manakala syarat e) diuraikan dengan baik dan boleh difahami.

---

<sup>463</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009*, 1-2.

<sup>464</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007*, 8-9.

<sup>465</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S001*, 8.

Dalam HAS 23201, definisi makanan halal diterangkan secara umum di klaus 4.1<sup>466</sup> daripada butiran a) hingga j). Syarat a) dan b) dijelaskan di klaus 4.2 tentang persyaratan bahan haiwan. Syarat c) dan d) dijelaskan di klaus 4.4 tentang persyaratan alkohol/etanol dan di klaus 4.5 tentang persyaratan hasil sampingan industri *khamr*. Syarat e), f), g) dan h) boleh difahami dengan jelas. Manakala syarat i) dijelaskan di klaus 5.0 tentang persyaratan dokumen bahan khususnya di klaus 5.1 (b) yang berkaitan persyaratan umum manakala syarat j) dijelaskan di klaus 5.2 tentang persyaratan dokumen bahan berdasarkan jenis bahan khususnya di klaus 5.2.1 yang berkaitan persyaratan bahan yang harus dilengkapi Sertifikat Halal.

(ii) Definisi Farmaseutikal Halal

Merujuk kepada MS 2424:2010 di klaus 3.2<sup>467</sup> menerangkan definisi farmaseutikal halal daripada butiran a) hingga f). Syarat a) dijelaskan lagi di klaus 4.15 tentang bahan-bahan yang digunakan dalam pengeluaran farmaseutikal halal. Syarat b) dijelaskan di klaus 3.5 tentang najis manakala syarat d) pula dijelaskan di klaus 4.9 tentang premis dan peralatan dan di klaus 4.10 tentang kawasan pengeluaran dan penyimpanan. Manakala syarat c), e) dan f) diterangkan dengan jelas dan baik sekali.

Dalam GD 24:2010 di klaus 2.8<sup>468</sup> menerangkan definisi produk ubat-ubatan moden dan tradisional serta suplemen kesihatan daripada butiran a) hingga f). Syarat a) dijelaskan di klaus 3.1 tentang sumber bahan dan di klaus 3.4 tentang penyembelihan haiwan menurut hukum syarak. Syarat b) dijelaskan lagi di klaus 2.15 tentang najis. Syarat d) dijelaskan di klaus 3.5.5 tentang peralatan, perkakas, mesin dan bantuan pemprosesan manakala syarat c) dan f) dijelaskan dengan baik sekali.

---

<sup>466</sup> LPPOM-MUI, *HAS 23201*, 4.

<sup>467</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2010*, 1.

<sup>468</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010*, 8.

### (iii) Definisi Kosmetik Halal

Merujuk kepada MS 2200:2008 di klaus 3.4<sup>469</sup> menerangkan definisi kosmetik dan dandanannya halal daripada butiran a) hingga f). Syarat a), c) dan e) boleh difahami dengan jelas manakala syarat b) dijelaskan di klaus 4.0 tentang keperluan sumber-sumber bahan kosmetik dan dandanannya yang halal. Syarat d) dijelaskan lagi di klaus 4.5 tentang peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan.

Berdasarkan kepadauraian definisi di atas, produk yang dikategorikan sebagai makanan halal, farmaseutikal halal dan kosmetik halal adalah produk yang mematuhi peraturan yang digariskan dalam Islam iaitu bebas daripada komponen yang diharamkan oleh Allah SWT. Ia bukan sahaja melihat kepada sumber bahan yang digunakan tetapi merangkumi aspek-aspek lain seperti pengurusan, pemprosesan, pengendalian, pengedaran, penyajian, penyimpanan, pengangkutan, pembungkusan, pelabelan, pengiklanan, dan semua proses yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, dalam piawaian makanan halal MS 1500:2009 syarat c) telah menyatakan supaya makanan halal hendaklah selamat untuk dimakan, tidak beracun, tidak memabukkan atau tidak memudaratkan kesihatan. Syarat c) dijelaskan di klaus 3.5.3 yang menyatakan makanan atau ramuannya yang diproses hendaklah selamat dimakan, tidak beracun, tidak memabukkan ataupun tidak memudaratkan kesihatan dan di klaus 3.7.1 (d) bahan pembungkus tidak mempunyai kesan toksik ke atas makanan halal. Begitu juga dalam PBD 24:2007 syarat c) menjelaskan makanan halal hendaklah selamat dan tidak memudaratkan. Syarat c) dijelaskan di klaus 3.4.1 (c) menyatakan produk atau ramuan makanan adalah selamat dan tidak memudaratkan dan di klaus 3.7.1 (d) bahan

---

<sup>469</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200: Bahagian 1: 2008*, 2.

pembungkus tidak boleh mengandungi sebarang bahan mentah yang memudaratkan kesihatan manusia.

Dalam MS 2424:2010 syarat a) menerangkan bahawa farmaseutikal halal tidak boleh mengandungi mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak disembelih menurut hukum syarak tetapi perkara ini tidak diperincikan dengan jelas di klausa-klausa yang lain. MS 2424:2010 menjadi lebih sempurna sekiranya mengandungi perincian tentang prosedur sembelihan haiwan sepertimana yang dijelaskan dalam MS 1500:2009. Manakala dalam GD 24:2010 syarat c) menjelaskan bahawa ubat-ubatan moden dan tradisional mahupun suplemen kesihatan hendaklah selamat untuk digunakan. Syarat c) dijelaskan lagi di klausa 3.5.1 (d) bahan ramuan bagi ubat hendaklah selamat dan tidak memudaratkan, di klausa 3.5.3 (d) bahan pembungkusan tidak boleh mengandungi bahan yang berbahaya kepada kesihatan manusia dan di klausa 3.7.2 bahan pelabelan yang digunakan secara bersentuhan ataupun tidak bersentuhan dengan produk hendaklah tidak berbahaya.

Begitu juga dalam MS 2200:2008 syarat f) menjelaskan kosmetik halal hendaklah tidak memudaratkan pengguna atau pemakainya. Syarat f) dijelaskan lagi di klausa 4.4 (d) produk dan ramuannya adalah selamat dan tidak memudaratkan, di klausa 4.6.1 (d) produk kosmetik dan dandan diri halal hendaklah dibungkuskan dan tidak boleh mengandungi bahan mentah yang memudaratkan kesihatan dan di klausa 4.6.3 bahan pelabelan yang digunakan secara bersentuhan terus dengan produk hendaklah tidak berbahaya dan halal.

Dapat dirumuskan di sini bahawa definisi bagi makanan halal, farmaseutikal halal dan kosmetik halal dijelaskan dengan baik sekali di keempat-empat buah negara namun begitu elemen mudarat tidak diperincikan. Hanya Malaysia dan Brunei yang menyertakan elemen mudarat dalam definisi halal bagi makanan, farmaseutikal dan kosmetik bahkan

elemen mudarat dijelaskan lagi dalam klausa-klausa yang lain meskipun huraianya tidak menyeluruh. Untuk penambahbaikan, kajian mencadangkan elemen mudarat dijelaskan mengikut perspektif *maqāṣid al-shari‘ah* dalam penentuan piawaian halal di empat negara berikutan terdapat banyak produk-produk berasaskan makanan dan barang gunaan yang terdedah kepada bahaya dan berisiko kepada kesihatan pengguna. Sekiranya situasi ini berterusan ia boleh membawa kemudaratkan kepada pengguna. Kaedah fiqh menyatakan bahawa tidak boleh memudaratkan diri dan tidak boleh memudaratkan kepada orang lain ( لا ضرر ولا ضرار) kerana setiap perkara yang memudaratkan adalah haram digunakan.<sup>470</sup>

#### 4.4.1.2 Kecekapan prosedur penilaian audit

Prosedur penilaian audit yang dilaksanakan di empat negara adalah hampir sama. Prosedurnya dilaksanakan dengan teliti dan terperinci. Semakan penilaian audit merangkumi dokumentasi dan profil syarikat, bahan mentah/ramuan dan bahan bantuan pemprosesan, peralatan, pembungkusan dan pelabelan, penyimpanan, pemprosesan, pengangkutan, pekerja, sistem sanitasi dan kebersihan premis, pengurusan sisa buangan dan fizikal premis.<sup>471</sup> Ia boleh dirujuk dalam MPPHM 2014 di klausa 9.0,<sup>472</sup> BCG Halal 2 di klausa 3.1,<sup>473</sup> *Food Preparation Area Scheme* di klausa 3.1.3,<sup>474</sup> dan HAS 23000:2 di klausa 4.4.<sup>475</sup>

<sup>470</sup> Al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir*, 84.

<sup>471</sup> Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2014. Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2014. Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015. Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014.

<sup>472</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*, 50.

<sup>473</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *Guideline for Halal Compliance Audit (BCG Halal 2)* (Brunei: The Religious Council Brunei Darussalam, 2007), 6.

Sedia maklum bahawa prosedur penilaian audit merupakan prosedur penting dalam pensijilan halal untuk memastikan tiada unsur keraguan dalam setiap peringkat pemprosesan sekali gus dapat mengelakkan berlakunya penipuan dalam pemberian data sebelum disahkan halal oleh pihak yang bertauliah. Lazimnya, prosedur ini dilaksanakan oleh pegawai yang kompeten dalam bidang hal ehwal Islam dan bidang teknikal bagi memastikan elemen-elemen halal dipatuhi sepenuhnya. Pegawai-pegawai yang dilantik oleh badan pensijilan halal merupakan pegawai yang mempunyai kelayakan pendidikan yang baik dan kemahiran yang tertentu dalam aspek syariah dan teknikal.<sup>476</sup>

Walau bagaimanapun, prosedur penilaian audit di Singapura dan Indonesia lebih aktif dilaksanakan di kedua-dua negara. Singapura telah menyerahkan tugas audit sepenuhnya kepada Warees Halal (Warees Investments Pte Ltd) yang merupakan anak syarikat milik MUIS sejak tahun 2006. Warees Halal terdiri daripada pegawai-pegawai Unit Pensijilan Halal MUIS yang dipinjamkan kepada Warees Halal bagi memudahkan prosedur penilaian audit. Implikasinya menunjukkan bahawa sijil halal dapat diterbitkan dengan cepat (empat belas hari ataupun maksimumnya dua puluh lapan hari).<sup>477</sup> Sementara itu di Indonesia, LPPOM MUI selaku badan bukan kerajaan telah menjalankan tugasan

---

<sup>474</sup> Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), *Food Preparation Area Scheme* (Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura, 2011), 6. Lihat juga, Majlis Ugama Islam Singapura, “Halal Certification Terms & Conditions,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai pada 25 Jun 2015, <http://www.halal.sg/Industry/Certification.html>. Melalui laman web yang dipaparkan, terdapat beberapa skim pensijilan yang ditawarkan oleh MUIS seperti *Eating Establishment Scheme, Endorsement Scheme, Food Preparation Area Scheme, Poultry Abattoir Scheme, Product Scheme, Storage Facility Scheme, Whole Plant Scheme*.

<sup>475</sup> LPPOM MUI, HAS 23000:2, 8.

<sup>476</sup> Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2014. Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2014. Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015. Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014. Lihat juga, Mohamad Nasran Mohamad dan Norhalina Othman, “Audit Pengesahan Halal: Kajian Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,” *Jurnal Penyelidikan Islam* 22 (2009), 32.

<sup>477</sup> Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2014.

audit dengan kecekapan yang sedia ada. Sungguhpun demikian, LPPOM MUI dan Badan Pengawasan Obat-obatan dan Makanan Republik Indonesia (BPOM RI) sentiasa memberikan gerak kerja dan prestasi yang terbaik bagi memastikan sijil halal dapat dikeluarkan dengan cepat kepada pemohon (dalam tempoh kurang dari sebulan ataupun maksimumnya tujuh puluh lima hari).<sup>478</sup>

Sebaliknya di Malaysia dan Brunei, tempoh pengeluaran sijil halal di kedua-dua negara mengambil masa yang panjang antara tiga hingga enam bulan atau kemungkinan memerlukan masa yang lebih panjang bergantung kepada situasi pemohon.<sup>479</sup> Perkara ini menyebabkan kelewatan dalam penerbitan sijil halal kepada pemohon. Kelewatan ini mengehadkan perkembangan industri halal untuk dipasarkan ke pasaran tempatan dan antarabangsa malahan sesetengah pengusaha tempatan mengambil jalan mudah dengan menyalahgunakan logo halal. Sehingga kini, terdapat segelintir pengusaha tempatan yang tidak bertanggungjawab memasang papan iklan yang mempunyai logo halal sehingga mengelirukan pengguna. Tidak terkecuali pengusaha tempatan Islam yang dilaporkan tidak berminat memohon pengesahan sijil halal dengan alasan hanya melakukan perniagaan kecil-kecilan dan menganggap pengusaha tempatan Islam tidak perlu berbuat demikian kerana urusan mendapatkan sijil halal membebankan.<sup>480</sup>

#### **4.4.1.3 Ketelitian prosedur pensampelan dan analisis makmal**

Persoalan halal dan haram dalam produk yang berasaskan makanan dan barang gunaan menjadi isu penting dalam kalangan masyarakat dunia kerana terdedah dengan pelbagai

<sup>478</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015.

<sup>479</sup> Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2014. Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014.

<sup>480</sup> Siti Zubaidah Mat Isa dan Mohamad Hafizi Mohd Said, "Sukarkah Mendapat Sijil Halal?," laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai pada 24 Jun 2014, <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/sukarkah-mendapat-sijil-halal-1.274855>.

produk syubhab khususnya produk import dari negara bukan Islam atau diusahakan oleh negara bukan Islam. Oleh sebab itu, pelaksanaan kaedah pensampelan dan analisis makmal dilaksanakan bagi mengenal pasti dan mengesahkan status kehalalan produk.

Didapati bahawa empat buah negara ini mengaplikasikan metode pensampelan dan analisis makmal dalam penentuan piawaian halal di negara masing-masing. Metode ini di implementasi untuk memastikan sumber bahan yang digunakan adalah benar-benar halal tanpa sebarang keraguan. Ia boleh dirujuk dalam HAS 23000:2 di klausa 4.7,<sup>481</sup> MUIS-HC-S002 di klausa 4.3.9 (d),<sup>482</sup> *Guideline For Halal Compliance Audit* (BCG Halal 2) di klausa 3.2.4,<sup>483</sup> MPPHM 2014 di klausa 9.3<sup>484</sup> dan di klausa 10.5.<sup>485</sup>

Merujuk kepada penentuan piawaian halal di empat negara, produk makanan dan barang gunaan yang berdasarkan kepada tumbuh-tumbuhan adalah halal digunakan kecuali yang memabukkan, beracun dan memudaratkan kesihatan. Namun, bagi produk makanan dan barang gunaan yang berdasarkan sumber haiwan perlu diberikan perhatian kerana sumber haiwan yang digunakan secara komersil banyak yang meragukan. Sumber bahan yang meragukan biasanya terdiri daripada daging, produk daging, lemak, minyak, produk terubah suai genetik, alkohol, makanan tambahan, bahan aditif, penstabil, emulsifier, perisa, pewarna, herba dan sebagainya.<sup>486</sup> Oleh sebab itu, beberapa teknik moden<sup>487</sup> telah

<sup>481</sup> LPPOM MUI, *HAS 23000:2*, 10.

<sup>482</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S002-General Guidelines for the Development and Implementation of a Halal Quality Management System* (Majlis Ugama Islam Singapura: Singapura MUIS Halal Standard, 2007), 10.

<sup>483</sup> MUIB, *BCG Halal 2*, 8.

<sup>484</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*, 51.

<sup>485</sup> *Ibid.*, 57.

<sup>486</sup> Lokman Abd Rahman (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Seksyen Muamalat, Cawangan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 April 2015.

<sup>487</sup> Suhaiim Ab Rahman dan Yaakob Che Man, “Sumber Haiwan dalam Pemprosesan Makanan dan Bioteknologi Moden,” dalam *Halal Haram dalam Kepenggunaan Islam Semasa*, ed. Suhaiim Ab Rahman dan Mohammad Aizat Jamaludin (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011), 140. Lihat juga, Khairul Adzfa Radzun dan Norazlina Ahmad, “Halal Detection Science: Application of ‘MolecularBiotechnoScope’ (MBS) as Tool for Halal Authentication of Consumer Products,” *Jurnal Halal* (2008), 9.

dibangunkan bagi mengesan kehadiran unsur ramuan yang meragukan dalam produk makanan dan barang gunaan seperti penggunaan spektroskopi,<sup>488</sup> kromatografi,<sup>489</sup> kalorimetri<sup>490</sup> dan biologi molekul.<sup>491</sup>

Menurut Dato' Osman Mustaffa, pengambilan sampel produk atau bahan ramuan untuk diuji dalam pensijilan halal Malaysia adalah berdasarkan dua faktor iaitu keraguan dan aduan awam. Kesemua sampel produk yang diambil akan dihantar untuk dianalisis ke Jabatan Kimia Malaysia yang mendapat akreditasi bagi skop pengujian *deoxyribonucleic acid* (DNA).<sup>492</sup> Contohnya, keraguan terhadap produk mentega jenama Pure Creamy Butter Golden Churn Butter. Berikut merupakan ringkasan kepada perbezaan status hukum terhadap produk mentega *Golden Churn* antara Malaysia dan Brunei.

---

<sup>488</sup> Kaedah pertama adalah spektroskopi FTIR. Spektroskopi FTIR merupakan suatu teknik yang digunakan bagi mengukur getaran ikatan pada kumpulan berfungsi molekul. Melalui kaedah ini, sampel minyak daripada makanan seperti kek, biskut dan coklat dianalisis untuk mendapatkan profil spectrum. Perbezaan profil ini akan dijadikan asas untuk membezakan makanan yang tercemar dengan bahan haram seperti lemak babi dan makanan yang tidak tercemar dengan bahan haram.

<sup>489</sup> Kaedah kedua adalah kromatografi. Kromatografi digunakan untuk mengesan bahan haram dalam sesuatu produk makanan dengan menggunakan teknologi 'Hidung Elektronik' (*Electronic Nose*). Melalui kaedah ini, satu gabungan siri susunan pengesan kimia elektronik dan sistem pengenalpastian corak digunakan bagi mengenal pasti bau bahan haram seperti lemak babi yang terdapat dalam sesuatu produk makanan. Dalam konteks ini, profil bau akan dipersembahkan dalam bentuk imej tertentu juga dikenali sebagai VaporPrint di mana ia akan memberi gambaran atau corak bau sesuatu bahan secara kasar. Imej ini akan membolehkan pengendali membezakan antara pelbagai bau dan aroma kepekatan yang berbeza.

<sup>490</sup> Kaedah ketiga adalah kaedah kalorimetri. Kaedah kalorimetri merupakan sejenis teknik termoanalatikal yang digunakan untuk mengesan perubahan ciri fizikal dan kimia bahan melalui pengesanan perubahan haba. Prinsip kaedah ini adalah dengan membandingkan kadar aliran haba kepada sampel sama ada semasa dipanaskan (*endotermik*) atau disejukkan (*eksotermik*) pada kadar yang sama. Perbezaan pada kadar aliran haba dicatatkan pada puncak-puncak termogram di mana luas kawasan di bawah puncak adalah berkadar terus dengan perubahan *entalpi* bahan. Teknik ini telah digunakan secara meluas dalam kajian berkaitan pengesanan makanan. Antaranya ialah pengesan kehadiran lemak babi dan lemak babi terubah suai genetik dalam minyak sayuran serta pengesan penggunaan lemak khinzir dalam produk goreng. Kaedah ini adalah tepat, selamat dan melibatkan penggunaan sampel yang minima.

<sup>491</sup> Kaedah keempat adalah kaedah biologi molekul. Kaedah biologi molekul merupakan suatu teknik yang digunakan bagi mengesan bahan haram dalam produk makanan melalui tindak balas berantai *polimerase* (PCR) dan ELISA. Teknik PCR mampu untuk mengesan DNA walaupun pada kuantiti yang sedikit dengan mengaplikasikan julat sasaran pada acuan DNA. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah PCR mampu mengesan kehadiran unsur-unsur babi dalam sesuatu produk makanan. Kelebihan kaedah ini adalah ia amat sensitif dan mampu mempercepatkan proses penyaringan sampel dengan kehadiran '*analyte*' ataupun antibodi. Perubahan warna pada ekstrak sampel akan menunjukkan kehadiran protein babi dalam sesuatu makanan.

<sup>492</sup> Othman Mustapha, "Kenyataan Media JAKIM Berkenaan Isu Percanggahan Keputusan Terhadap Kewujudan DNA Babi," laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, dicapai pada 24 Jun 2015, [http://www.islam.gov.my/sites/default/files/bahagian/hr/kenyataan\\_media\\_jakim\\_berkenaan\\_isu\\_percanggahan\\_keputusan\\_terhadap\\_kewujudan\\_dna\\_babi.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/bahagian/hr/kenyataan_media_jakim_berkenaan_isu_percanggahan_keputusan_terhadap_kewujudan_dna_babi.pdf).

**Jadual 4.9:** Perbezaan Produk Mentega Golden Churn Antara Malaysia dan Brunei

|                 | <b>Hukum</b> | <b>Penghujahan</b>                | <b>Penerangan</b>   |
|-----------------|--------------|-----------------------------------|---|
| <b>Malaysia</b> | Haram        | Tidak selaras dengan MS 1500:2009 | Dikesan mengandungi <i>deoxyribonucleic acid</i> (DNA) daripada babi  |
| <b>Brunei</b>   | Halal        | Selaras dengan PDB 24:2007        | Tidak bercampur dengan sebarang DNA haiwan selain sumber bahan (susu lembu) yang digunakan dalam penghasilannya |

Sedia maklum bahawa produk mentega *Golden Churn* sering digunakan dalam pembuatan roti dan kek. Pada 28 Julai 2011, Majlis Islam Sarawak menyatakan bahawa masyarakat Sarawak khasnya diminta untuk menghentikan penggunaan mentega berjenama tersebut dengan serta merta kerana satu sampel produk mentega *Golden Churn* di pasaran Sarawak telah dikesan mengandungi DNA babi melalui laporan yang diterima daripada Jabatan Kimia Malaysia bertarikh 19 Julai 2011. Oleh sebab itu, JAKIM dan beberapa agensi kerajaan yang terlibat telah menjalankan beberapa pensampelan dan pengujian makmal dan mendapati bahawa produk mentega *Golden Churn* dikesan mengandungi *deoxyribonucleic acid* (DNA) daripada babi. Walau bagaimanapun, pemeriksaan penilaian audit di Syarikat Ballantyne Food PTY, New Zealand tidak menunjukkan sebarang keraguan terhadap bahan ramuan mahupun prosedur pengendaliannya. Justeru, Malaysia memutuskan bahawa produk mentega *Golden Churn* keluaran Syarikat Ballantyne Food PTY dari New Zealand adalah haram digunakan.<sup>493</sup>

Sementara itu, fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam memutuskan bahawa penggunaan produk mentega *Golden Churn* adalah syubhah iaitu bukan halal ataupun makruh. Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam

---

<sup>493</sup> Kamarul Nizal Idris (Penolong Pengarah, Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan, Bahagian Hab Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 4 Ogos 2014.

menyifatkan produk mentega *Golden Churn* sebagai najis namun sekiranya ada pihak yang tidak bersetuju dengan keputusan ini maka hukum menggunakannya adalah syubhah. Justeru, fatwa Brunei menyarankan supaya tidak menggunakan produk mentega tersebut kerana dikhuatiri mengandungi unsur yang tidak halal.<sup>494</sup>

Seterusnya, pada 12 hingga 16 November 2012, Jawatankuasa Pemeriksa yang terdiri daripada Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Mufti Kerajaan dan Kementerian Kesihatan telah mengadakan lawatan ke Syarikat Ballantyne Food PTY Ltd, New Zealand untuk mengesahkan status kehalalan produk mentega *Golden Churn*. Hasil pemeriksaan mendapati bahawa pemprosesan produk mentega *Golden Churn* di New Zealand bertepatan dengan kehendak syarak, selaras dengan piawaian makanan halal PBD24:2007 serta menepati Akta Kesihatan Awam Penggal 182.<sup>495</sup>

Selain daripada itu, beberapa sampel produk mentega *Golden Churn* dari pusat pemprosesan mentega di New Zealand yang dipasarkan di Brunei telah dihantar ke Makmal Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam. Jabatan ini menganalisis sebanyak 17 sampel yang dikutip di pelbagai tempat di keempat-empat daerah di Brunei termasuk juga sampel yang diambil di Malaysia. Hasil analisis yang diperoleh menunjukkan produk mentega berkenaan tidak bercampur dengan sebarang DNA haiwan selain sumber bahan (susu lembu) yang digunakan dalam penghasilannya dan tidak tercemar daripada apa-apa bahan yang boleh membahayakan dari segi kebersihan dan kesihatan. Oleh yang demikian, MUIB memutuskan bahawa produk mentega *Golden*

<sup>494</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Siri Fatwa (30/2011), 19.

<sup>495</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014.

*Churn* yang dimasukkan ke Brunei tidak diragui kehalalannya di samping mempunyai kualiti dan keselamatan makanan yang tinggi dan terjamin.<sup>496</sup>

Kajian juga mendapati bahawa faktor utama yang menyebabkan berlakunya pencemaran DNA dalam produk mentega *Golden Churn* adalah berpunca daripada kontaminasi silang dalam salah satu rantai penghasilan produk tersebut.<sup>497</sup> Kontaminasi silang merupakan kehadiran bahan atau organisma yang tidak diingini dalam makanan secara langsung atau tidak langsung. Misalnya, pemindahan mikroorganisma seperti *vibrio parahaemolyticus*, *salmonellae enteritis* dan *streptococcus pyogenes* daripada satu makanan kepada makanan lain melalui peralatan atau manusia.<sup>498</sup> Kontaminasi silang juga boleh berlaku dalam pelbagai peringkat pemprosesan seperti pembungkusan, tempat pengambilan sampel, perbezaan pengimport, pekerja, penyimpanan, pengangkutan, tempat pengujian sampel (seperti di makmal, peralatan makmal, sarung tangan, tisu, sarung kepala dan lain-lain), udara dan sebagainya.<sup>499</sup>

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa ketepatan penggunaan teknik moden dalam verifikasi<sup>500</sup> produk makanan dan barang gunaan sudah tidak dapat dinafikan lagi dan penggunaannya dapat membantu pihak berkuasa melaksanakan prosedur pensijilan halal dengan lebih berkesan.<sup>501</sup> Keempat-empat buah negara ini telah mengambil langkah yang terbaik dengan melakukan penelitian dalam prosedur pensampelan dan analisis

<sup>496</sup> Majlis Ugama Islam Brunei, “Kenyataan Media Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam Mengenai Produk *Golden Churn Pure Creamery Butter*,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Brunei*, dicapai pada 24 Jun 2015, [http://www.religious affairs.gov.bn/index.php?ch=bm\\_resc&pg=bm\\_resc\\_arkib&ac=3129](http://www.religious affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_resc&pg=bm_resc_arkib&ac=3129).

<sup>497</sup> Kamarul Nizal Idris (Penolong Pengarah, Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan, Bahagian Hab Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 4 Ogos 2014.

<sup>498</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Teknologi Makanan* (Selangor: Dawama Sdn. Bhd., 2004), 14-15.

<sup>499</sup> Johari Abd. Latiff (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 1 September 2014.

<sup>500</sup> Verifikasi bermaksud pemeriksaan tentang kebenaran laporan. Sila lihat, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, “Verifikasi,” laman sesawang *Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia*, dicapai 30 September 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=verifikasi>.

<sup>501</sup> Shuhaimi Mustafa et al., “Verifikasi Produk Halal Menggunakan Kaedah PCR,” *Jurnal Halal* (2008), 55.

makmal sebagai salah satu keperluan yang wajib dalam prosedur pensijilan halal di setiap negara masing-masing.

Para ulama telah menyusun beberapa kaedah fiqh yang dilihat sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan hukum bagi produk makanan dan barang gunaan yang diproses menggunakan sumber haiwan ataupun melalui kaedah bioteknologi moden. Kaedah pertama adalah hukum asal bagi sesuatu makanan adalah halal kecuali jika ada dalil yang jelas mengharamkannya. (الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على تحريمه). Secara umumnya,

semua produk makanan dan barang gunaan proses yang berada di pasaran adalah halal selagi mana tidak ada dalil yang jelas membuktikannya sebagai haram seperti tidak mengandungi bahan daripada haiwan yang tidak halal, tidak mengandungi bahan daripada haiwan yang tidak disembelih, tidak berlaku percampuran dengan najis, tidak berlaku percampuran dengan sumber daripada manusia, tidak diproses menggunakan peralatan yang dicemari najis, tidak memabukkan, tidak beracun, tidak memudaratkan kesihatan dan selamat digunakan. Namun, sekiranya dibuktikan dengan jelas dan nyata bahawa wujud percampuran dengan bahan yang tidak halal ataupun salah satu daripada perkara yang telah disebutkan di atas maka tidak boleh mengambil atau menggunakan produk tersebut kerana telah disahkan haram oleh pihak berkuasa. Ini adalah kerana setiap bahan yang boleh membawa kepada sesuatu yang haram maka ia juga adalah haram digunakan ( ما حرم )

استعماله حرم اتخاذه<sup>502</sup> atau apabila bertembung antara bahan halal dan bahan haram dalam

---

<sup>502</sup> Al-Suyūṭī (t.t), *al-Ashbāh wa al-Naẓāir*, 163.

إذا اجتمع الحال والحرام غالب ( )  
 SESUATU PERKARA Maka hendaklah diutamakan bahan yang haram (الحرام).<sup>503</sup>

#### **4.4.2 Perbezaan Piawaian Halal Antara Empat Negara**

Daripada analisis piawaian halal antara empat negara yang telah dilakukan, terdapat tiga aspek perbezaan yang telah dikenal pasti dalam kajian penyelidikan ini. Iaitu, a) perbezaan kriteria sumber bahan; b) perbezaan kadar alkohol dalam makanan dan minuman; c) perbezaan penentuan hukum terhadap konsep *istihālah*; d) perbezaan prosedur sembelihan haiwan; dan e) perbezaan pengurusan kualiti halal.

##### **4.4.2.1 Perbezaan kriteria sumber bahan**

Berikut analisis ini merangkumi tiga piawaian halal yang berbeza maka kajian mengkategorikan mengikut tertib (i), (ii) dan (iii).

###### **(i) Kriteria sumber bahan bagi makanan dan minuman**

Penerangan kriteria sumber bahan di Brunei dibincangkan dalam PBD 24:2007 di klausa 3.1., sumber bahan dikategorikan mengikut haiwan darat, haiwan akuatik, tumbuh-tumbuhan, cendawan dan mikroorganisma, mineral semula jadi dan bahan kimia, minuman, makanan terubah suai genetik dan aditif makanan.<sup>504</sup> Begitu juga dalam MS 1500:2009 di klausa 3.5. telah menyatakan dengan jelas bahawa kriteria sumber bahan di Malaysia dikategorikan mengikut haiwan darat, haiwan akuatik, tumbuh-tumbuhan, cendawan dan

---

<sup>503</sup> *Ibid.*, 110.

<sup>504</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007*, 11.

mikroorganisma, mineral semula jadi dan bahan kimia, minuman dan makanan terubah suai genetik.<sup>505</sup>

Manakala penerangan kriteria sumber bahan di Singapura pula dinyatakan dalam MUIS-HC-S001 di Lampiran A, sumber bahan dikategorikan mengikut minuman, tumbuh-tumbuhan, haiwan darat, haiwan akuatik, burung dan amfibia.<sup>506</sup> Begitu juga di Indonesia, pensyaratan bahan makanan halal diterangkan dalam HAS 23201 di klausa 4.0. Di klausa ini, sumber bahan dikategorikan mengikut pensyaratan bahan haiwan, pensyaratan bahan mikroorganisma, pensyaratan alkohol, pensyaratan hasil sampingan industri alkohol dan pensyaratan dokumen bahan. Pensyaratan dokumen bahan pula terbahagi kepada empat bahagian iaitu pensyaratan umum, pensyaratan dokumen bahan berdasarkan jenis bahan, pensyaratan dokumen bahan berdasarkan urutan abjad bahan dan pensyaratan dokumen bahan berdasarkan jenis bahan tambahan (*E number*).<sup>507</sup>

Secara umumnya, penerangan sumber bahan makanan dan minuman di empat negara dijelaskan dengan baik sekali kerana dikategorikan dalam bentuk kumpulan haiwan, tumbuhan, mineral semula jadi dan lain-lain. Kajian menunjukkan bahawa Malaysia dan Brunei menetapkan semua jenis tumbuhan, cendawan, mikroorganisma, mineral semula jadi dan bahan kimia, minuman, makanan terubah suai genetik dan aditif makanan adalah halal kecuali yang beracun, memabukkan dan memudaratkan kesihatan. Di samping itu, Brunei mensyaratkan supaya aditif makanan diambil daripada sumber yang dibenarkan dan diproses menurut syarat-syarat halal tanpa menggunakan bekas yang berasaskan alkohol.<sup>508</sup>

---

<sup>505</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009*, 5.

<sup>506</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S001*, 10-11.

<sup>507</sup> LPPOM-MUI, *HAS 23201*, 4

<sup>508</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007*, 12.

Manakala bagi haiwan darat, semua haiwan darat adalah halal dimakan kecuali yang dinyatakan dalam (a) hingga (g)<sup>509</sup> ataupun a) hingga i).<sup>510</sup>

Kriteria sumber bahan yang dibangunkan antara Malaysia dan Brunei adalah hampir sama namun begitu terdapat perbezaan di kedua-dua negara. Dalam MS 1500:2009 di klausa 3.5.1.1 menyatakan haiwan akuatik yang hidup dalam najis atau diberikan makanan tidak halal secara sengaja dan berterusan adalah haram dimakan. Manakala dalam PBD 24:2007 di klausa 3.1.1.2 pula tidak menyatakan sedemikian.<sup>511</sup> Berikut merupakan ringkasan kepada perbezaan kriteria sumber bahan antara Malaysia dan Brunei.

**Jadual 4.10:** Perbezaan Sumber Bahan Antara Malaysia dan Brunei

| Malaysia  | Brunei                                 |
|---|--|
| Di klausa 3.1.1.2<br>Haiwan akuatik yang hidup dalam najis atau diberikan makanan tidak halal secara sengaja dan berterusan adalah haram dimakan. | Di klausa 3.1.1.2<br>Tidak dinyatakan. |

Berdasarkan kepada Jadual 4.5 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam penentuan piawaian halal antara Malaysia dan Brunei mengenai status hukum haiwan akuatik yang diberikan makanan tidak halal. Ia berpunca daripada keputusan fatwa yang dikeluarkan antara Malaysia dan Brunei. Malaysia memutuskan bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makan najis seperti

<sup>509</sup> *Ibid.*, 11.

<sup>510</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009*, 5.

<sup>511</sup> *Ibid.*, 6.

daging babi, bangkai atau sebagainya.<sup>512</sup> Manakala Brunei pula memutuskan perkara ini dalam tiga penjelasan seperti yang berikut:<sup>513</sup>

Pertama, memakan haiwan *jallālah*. Hukum memakan haiwan *jallālah* adalah makruh apabila daging dan ususnya berbau seperti bau najis. Tetapi sekiranya daging haiwan *jallālah* tidak berubah rasa, warna atau bau seperti najis maka hukum memakannya adalah harus sekalipun haiwan *jallālah* tidak makan kecuali najis sahaja. Begitu juga, sekiranya haiwan *jallālah* yang berbau itu dikurung (di kuarantin) untuk diberi makanan yang suci sehingga hilang bau atau kesan najis kemudiannya disembelih maka tidak makruh memakan daging haiwan *jallālah*. Walau bagaimanapun, kadar had makanan yang diberikan kepada haiwan *jallālah* dan tempoh masa ianya dikurung (di kuarantin) untuk menghilangkan hukum makruh tersebut tidaklah ditentukan kadar dan tempohnya. Ia adalah tertakluk kepada adat kebiasaan yang dijangka bauan kesan najis tersebut akan hilang.

Kedua, memberi makanan haiwan yang boleh dimakan dengan makanan najis. Hukum memberikan makanan haiwan yang boleh dimakan dengan najis hukumnya adalah makruh. Ketiga, menjual haiwan *jallālah*. Hukum menjual haiwan *jallālah* yang sudah mati setelah disembelih sebelum dikurung (di kuarantin) adalah makruh kerana penjualan akan menjadi jalan menuju ke arah berlakunya suatu tujuan yang makruh iaitu memakan daging haiwan *jallālah* yang berubah rasa, warna dan bau seperti najis. Tetapi sekiranya haiwan *jallālah* dijual dalam keadaan hidup di mana ada kesempatan di kuarantin untuk diberikan

---

<sup>512</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Status Kesucian Yang Diberi Makanan Tidak Halal”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 12 Oktober 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/status-kesucian-ikan-yang-diberi-makanan-tidak-halal>. Lihat juga, Kertas Kerja Untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatkuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Kertas JKJ bil. 2/73/2006, 2.

<sup>513</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, “Makan Ikan Yang Diberi Makan Najis”, Siri Fatwa (35/2006).

makanan suci supaya kesan najisnya hilang maka penjualan tersebut adalah diharuskan syarak.

Di Malaysia, status kesucian ikan yang diberikan makanan tidak halal tercetus apabila *Harian Metro* mendedahkan terdapat beberapa pengusaha ikan air tawar terutamanya patin di Perak menggunakan usus dan organ dalaman babi yang direbus sebagai makanan untuk haiwan ternakan. *Berita Harian* melaporkan operasi yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam ke kolam ternakan ikan di Tronoh, Papan dan Batu Gajah apabila mereka mendapati penternak menggunakan rebusan daging babi, sisa ayam dan tahi ayam sebagai bahan makanan utama kepada ikan yang diternak khususnya ikan air tawar jenis patin, tilapia dan keli Afrika. Ikan-ikan tersebut sebelum dijual akan dilepaskan ke dalam sungai di Pahang selama sebulan bertujuan menghilangkan bau hanyir sebelum dipasarkan.<sup>514</sup> *Utusan Malaysia* melaporkan terdapat beberapa pengusaha kolam ikan di sekitar Shah Alam disyaki menjadikan bangkai babi sebagai makanan ikan yang diternak mereka. Sehari sebelum kejadian dilaporkan, tengkorak dan tulang babi telah dikesan di dasar sebuah kolam ternakan ikan di Perak selepas ianya pecah dan kering.<sup>515</sup>

Pada asasnya, para fuqaha membincangkan tentang status kesucian ikan yang diberikan makanan tidak halal dalam bab *jallālah*. *Jallālah* adalah haiwan yang memakan kotoran,<sup>516</sup> haiwan yang tempat tinggalnya bernajis dan memakan tahi,<sup>517</sup> semua haiwan berkaki empat yang memakan najis secara mutlak,<sup>518</sup> haiwan yang memakan kotoran yang

<sup>514</sup> Bernama, “Waspada Beli Ikan Air Tawar Diberi Makan Daging Babī”, laman sesawang *Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*, dicapai 16 Januari 2015, <http://kpdnkk.bernama.com/newsBm.php?id=175968&>.

<sup>515</sup> Fazrina Ayu Raduan, “Ikan Diberi Makan Bangkai Babī”, laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai 16 Januari 2015, [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140710/dn\\_16/Ikan-diberi-makan-bangkai-babi](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140710/dn_16/Ikan-diberi-makan-bangkai-babi).

<sup>516</sup> ‘Ilā’ al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Samarqandī, *Tuhfah al-Fuqahā’* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 3: 65.

<sup>517</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū’ah al-Fiqhiyyah*, 15:260.

<sup>518</sup> Sa’dī Abū Jayb, *al-Qāmūs al-Fiqh Lughatan wa Istilāhan* (Dimash: Dār al-Fikr, 2009), 63.

terdiri daripada unta, lembu, ayam dan seumpamanya,<sup>519</sup> haiwan yang memakan kotoran dalam kuantiti yang banyak dan terdiri daripada unta, lembu, berbiri, ataupun ayam.<sup>520</sup> Oleh itu, haiwan *jallālah* boleh didefinisikan sebagai haiwan yang memakan najis (kotoran seperti tahi dan bangkai haiwan) dengan kerap dan dalam kuantiti yang banyak<sup>521</sup> dan tinggal di tempat bernajis sebagai habitatnya sehingga mempunyai bau yang busuk daripada badannya.<sup>522</sup> Ia merujuk kepada haiwan ternakan seperti unta, lembu, kambing, ayam dan lain-lainnya.<sup>523</sup>

Dalam penternakan haiwan akuatik masa kini, terdapat segelintir penternak ikan air tawar khususnya di Malaysia mengamalkan aktiviti yang tidak bertanggungjawab untuk mengurangkan kos operasi. Salah satu aktiviti tersebut adalah memberikan ikan air tawar tersebut dengan makanan yang tidak halal. Contohnya, organ haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak, lebihan daripada pusat sembelihan babi, bangkai seperti ayam dan babi serta sisa restoran bukan milik orang Islam.<sup>524</sup> Justeru, Malaysia telah membincangkan status kesucian haiwan akuatik yang diberikan makanan tidak halal dan memfokuskan dua komponen yang utama iaitu hukum memakan haiwan *jallālah* dan hukum penternak yang memberikan makanan tidak halal kepada haiwan ternakan.

Pertama, hukum memakan haiwan *jallālah*. Dalam membincangkan perkara ini, Malaysia mengharamkan memakan daging, susu, dan telur bagi haiwan *jallālah*. Ini adalah berdasarkan kepada pandangan daripada Mazhab Syafii yang mengharamkan memakan

<sup>519</sup> Maḥmūd ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Mun’im, *Mu’jam al-Muṣṭalahāt wa alfāz al-Fiqhīyyah*, 1:533.

<sup>520</sup> Zakariyya ‘Alī Yūsuf, *Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhāb* (t.p: t.t.p, t.t.), 7: 26.

<sup>521</sup> Wan Norhana Md. Noordin, “Haiwan *Al-Jallālah*,” dicapai 28 Februari 2014, [http://dbserver.fri.gov.my/portal/portalimages/buku-penerbitan/Kosmik\\_sep2012\\_wan.pdf](http://dbserver.fri.gov.my/portal/portalimages/buku-penerbitan/Kosmik_sep2012_wan.pdf).

<sup>522</sup> Muḥammad al-Qādir Abū Fāris, *Aḥkām al-Dhabāih fī al-Islām* (‘Amman: Dār al-Furqān, 2000), 25.

<sup>523</sup> Zaidah Mohd Nor et al., “Makanan Haiwan dan Konsep *Jallālah* dalam Industri Ternakan Moden,” dalam *Pengurusan produk halal di Malaysia*, ed. Suhaimi Ab. Rahman dan Jafri Abdullah (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011), 9.

<sup>524</sup> Kertas Kerja Untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatakuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Kertas JKF bil. 2/73/2006, 2.

haiwan *jallālah* namun begitu bagi haiwan *jallālah* yang di kuarantin selama beberapa tempoh tertentu akan menyebabkan segala kekotoran atau kenajisan yang berada dalam tubuh haiwan *jallālah* dihilangkan dan hukum memakannya adalah harus. Kedua, hukum penternak memberikan makanan tidak halal kepada haiwan ternakan. Dalam membincangkan perkara ini, Mazhab Syafii mengharuskan penternak memberikan makanan daripada najis atau yang bercampur dengan najis (*mutanajjis*) kepada haiwan ternakan.<sup>525</sup>

Walau bagaimanapun setelah membincangkan dan menimbang hujah-hujah yang dikemukakan dalam isu ini, Malaysia memutuskan bahawa haram memakan haiwan *jallālah* yang diberikan makanan tidak halal secara sengaja atau penternak yang sengaja memberikan makanan tidak halal kepada haiwan ternakan. Tetapi setelah haiwan *jallālah* di kuarantin selama beberapa tempoh tertentu hukum memakannya adalah harus. Keputusan fatwa yang dikeluarkan di Malaysia lebih bertepatan dengan ‘urf dan sensitiviti masyarakat Melayu yang beragama Islam di Malaysia. Kaedah *sadd al-dharā’i* digunakan untuk menutup ruang eksplorasi penternak haiwan akuatik mengambil cara mudah menternak haiwan sedangkan masih terdapat alternatif makanan yang halal dan bersih. Malahan kebanyakan penternak haiwan akuatik terdiri daripada golongan bukan Islam dan tahap pengetahuan mereka terhadap konsep halal masih lagi rendah. Oleh sebab itu, langkah *sadd al-dharā’i* adalah satu pendekatan yang baik sekali gus bagi menjaga `urf dan sensitiviti masyarakat Islam di Malaysia.

Sementara itu Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah mengeluarkan fatwa ini bagi menjawab pertanyaan daripada masyarakat awam mengenai hukum haiwan

---

<sup>525</sup> Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor “Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal”, Bil (10) dlm. Mufti 500-3/2. Lihat juga, Kertas Kerja Untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Kertas JKF bil. 2/73/2006.

*jallālah*.<sup>526</sup> Pertama, hukum memakan haiwan *jallālah* adalah makruh. Ini adalah berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn `Umar RA:

نَهَىٰ رَسُولُ اللّٰهِ - صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ - عَنْ أَكْلِ الْجَلَالَةِ وَأَلْبَانِهَا

Terjemahan: Rasulullah melarang daripada memakan haiwan *jallālah* dan meminum susunya.

Menurut Imam al-Nawāwī dalam *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*, tegahan dalam hadis di atas adalah bersifat makruh apabila daging atau susu haiwan *jallālah* berbau seperti bau najis.<sup>527</sup>

Kedua, hukum penternak memberikan makanan tidak halal kepada haiwan ternakan adalah makruh.<sup>528</sup> Ini adalah berdasarkan kepada pandangan Ibn Hajar dalam *Tuhfah al-Muhtāj* bahawa makruh hukumnya memberikan makanan kepada haiwan yang boleh dimakan dengan benda najis (seperti tahi dan babi).<sup>529</sup>

Ketiga, hukum penjualan haiwan *jallālah*. Haiwan *jallālah* yang disembelih tanpa di kuarantin hukumnya adalah makruh kerana rasa, warna dan bau najis masih kekal di badannya. Ini berdasarkan kepada kaedah *lil wasāil ḥukm al-maqāṣid* yang bermaksud bagi perkara-perkara yang menjadi jalan-jalan (menuju ke arah berlakunya suatu tujuan hukumnya adalah seperti) hukum tujuan-tujuannya. Walau bagaimanapun, sekiranya haiwan *jallālah* dijual dalam keadaan hidup dan boleh di kuarantin untuk diberikan

<sup>526</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Makan Ikan Yang Diberi Makan Najis, Siri Fatwa 35/2006.

<sup>527</sup> Zakariyyā `Alī Yūsuf, *Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*, 26.

<sup>528</sup> Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Ḥajar al-Haytami, *Tuhfah al-Muhtāj bi Sharḥ al-Minhāj* (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-`Ilmiyyah, 2001), 275.

<sup>529</sup> *Ibid.*

makanan yang bersih agar segala kekotoran dapat dihilangkan daripada badannya maka hukum menjual haiwan *jallālah* adalah harus.<sup>530</sup>

Oleh yang demikian, Brunei memutuskan bahawa hukum memakan haiwan akuatik yang diberikan makanan najis adalah makruh sekiranya daging haiwan akuatik berubah rasa, bau atau warna seperti najis. Tetapi sekiranya haiwan *jallālah* tidak berubah rasa, warna atau bau seperti najis atau haiwan *jallālah* di kuarantin selama beberapa tempoh tertentu maka hukum memakannya adalah harus. Keputusan fatwa ini bertepatan dengan realiti dan budaya setempat Negara Brunei Darussalam kerana Brunei tidak membenarkan sebarang penjualan dan pembelian haiwan yang tidak halal (babī) diimport ke dalam negara tersebut di samping tadbir urus halal dikawal secara ketat oleh BKMH dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Oleh sebab itu, kebarangkalian pemberian makanan tidak halal kepada haiwan akuatik tidak akan berlaku di Negara Brunei Darussalam.<sup>531</sup>

Di Singapura, semua jenis minuman, tumbuh-tumbuhan dan haiwan akuatik adalah halal kecuali yang beracun, memabukkan dan memudaratkan kesihatan. Bagi haiwan darat dan burung, kedua-dua kategori ini halal dimakan kecuali yang dijelaskan di klausa A.5.1 (a) hingga (e), A.5.2 (a) hingga (e) serta A.8 (a) hingga (d). Bagi haiwan amfibia, semua haiwan amfibia adalah diharamkan.<sup>532</sup>

Di Indonesia, sumber haiwan yang digunakan hendaklah terdiri daripada haiwan halal dan disembelih menurut hukum syarak.<sup>533</sup> Bagi sumber mikroorganisma, semua mikroorganisma adalah halal kecuali yang dinyatakan dalam klausa 4.3 (a) hingga (e).<sup>534</sup>

---

<sup>530</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Makan Ikan Yang Diberi Makan Najis, Siri Fatwa 35/2006.

<sup>531</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014.

<sup>532</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S001*, 10-11.

<sup>533</sup> LPPOM-MUI, *HAS 23201*, 4.

<sup>534</sup> *Ibid.*, 4-5.

Syarat penggunaan alkohol dan hasil sampingan industri arak juga diterangkan dengan jelas.<sup>535</sup> Demikian juga dengan syarat dokumen bahan dijelaskan dengan baik sekali mengikut turutan abjad bahan dan disertai dengan dokumen bahan tambahan (*E number*) untuk rujukan industri dan pengguna.<sup>536</sup>

(ii) Kriteria sumber bahan bagi farmaseutikal

Penerangan kriteria sumber bahan farmaseutikal dinyatakan dalam MS 2424:2010 di klausa 4.15,<sup>537</sup> sumber bahan dikategorikan mengikut tumbuh-tumbuhan, haiwan darat dan haiwan akuatik, mineral, mikroorganisma, bahan kimia semula jadi dan organisme terubah suai genetik. Manakala dalam GD 24:2010 di klausa 3.0,<sup>538</sup> sumber bahan dikategorikan mengikut haiwan darat dan akuatik, tumbuh-tumbuhan, cendawan dan mikroorganisma, alkohol, produk bioteknologi, produk darah, enzim, lemak, gelatin, heparin, hormon, cecair, protein dan *acid amino, shellec*, vitamin dan mineral.<sup>539</sup>

Penerangan kriteria sumber bahan bagi farmaseutikal halal amat jelas dan diperincikan mengikut kategori bahan masing-masing. Di Malaysia, semua jenis produk tumbuhan, mineral, mikroorganisma, bahan kimia semula jadi dan organisme terubah suai secara genetik adalah halal kecuali yang dilarang oleh pihak yang kompeten. Bagi haiwan darat, semua haiwan darat adalah halal kecuali yang dinyatakan i) hingga x).<sup>540</sup>

Sementara itu di Brunei, semua jenis tumbuhan, cendawan dan mikroorganisma, alkohol, produk bioteknologi, produk darah, enzim, lemak, gelatin, heparin, hormon, cecair, protein dan *acid amino, shellec*, vitamin dan mineral adalah halal kecuali yang beracun,

---

<sup>535</sup> *Ibid.*, 5.

<sup>536</sup> *Ibid.*, 5-6.

<sup>537</sup> Jabatan Piawaian Malaysia, *MS 2424:2010*, 7.

<sup>538</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010*, 12.

<sup>539</sup> *Ibid.*, 12-15.

<sup>540</sup> Jabatan Piawaian Malaysia, *MS 2424:2010*, 7-8.

memabukkan, membahayakan, dan bukan diambil daripada haiwan yang tidak halal/najis menurut hukum syarak. Bagi haiwan darat, semua jenis haiwan darat adalah halal kecuali yang dinyatakan (a) hingga (e).<sup>541</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan kriteria sumber bahan dalam piawaian farmaseutikal halal di antara Malaysia dan Brunei. Dalam MS 2424:2010, di klausa 4.15.2.2 (b) menjelaskan haiwan akuatik yang hidup dalam najis atau diberikan makanan tidak halal secara sengaja/berterusan adalah haram dimakan manakala dalam GD 24:2007 di klausa 3.1.1.2 tidak dinyatakan. Di samping itu, dalam MS 2424:2010 di klausa 4.15.2 menetapkan penggunaan alkohol sintetik adalah dibenarkan.<sup>542</sup> Dalam GD 24:2010 di klausa 3.2.1 menyatakan penggunaan alkohol sintetik adalah dibenarkan namun begitu penggunaannya terbatas kepada produk perubatan moden, perubatan tradisional dan suplemen kesihatan bagi kegunaan luaran sahaja. Ia juga boleh digunakan untuk membersihkan peralatan perubatan bagi kegunaan luaran sahaja.<sup>543</sup> Berikut merupakan ringkasan perbezaan kriteria sumber bahan antara Malaysia dan Brunei.

**Jadual 4.11:** Perbezaan Sumber Bahan Antara Malaysia dan Brunei

| Malaysia   | Brunei   |
|--|--|
| Di klausa 4.15.2.2 (b)<br>Haiwan akuatik yang hidup dalam najis atau diberikan makanan tidak halal secara sengaja/berterusan adalah haram dimakan. | Di klausa 3.1.1.2<br>Tidak dinyatakan.   |
| Di klausa 4.15.1<br>Penggunaan alkohol sintetik adalah dibenarkan.   | Di klausa 3.2.1<br>Penggunaan alkohol sintetik dalam produk farmaseutikal dibenarkan hanya kegunaan luaran sahaja. |

<sup>541</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010*, 12-15.

<sup>542</sup> Jabatan Piawaian Malaysia, *MS 2424:2010*, 7. Lihat juga, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, “Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-Ubatan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 20 Januari 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>.

<sup>543</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010*, 14.

Penggunaan alkohol dalam perubatan menjadi polemik dalam kalangan masyarakat Islam di empat negara. Kajian menunjukkan bahawa Malaysia dan Brunei sepakat dengan tidak membenarkan penggunaan alkohol sebagai bahan pelarut dalam ubat-ubatan sekiranya alkohol tersebut dihasilkan melalui proses pembuatan arak. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah *al-Māidah* ayat ke 90:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَنِ  
فَآجِتَبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

*Al-Māidah* 5: 90

Terjemahan: Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah kotor dan keji daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT telah mengharamkan orang Islam meminum arak kerana memberikan kemudaratian kepada manusia.<sup>544</sup> Diriwayatkan daripada Rasulullah SAW bahawa Baginda menegah berubat dengan bahan haram seperti berikut:<sup>545</sup>

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَجْعَلْ شِفَاءً كُمْ فِيمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak menjadikan penawar (kesembuhan) kamu pada benda-benda yang diharamkan ke atas kamu.

Antara sabda Rasulullah SAW yang khusus dalam menyatakan tentang pengharaman arak sebagai ubat adalah seperti berikut:<sup>546</sup>

<sup>544</sup> Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, 950. Lihat juga, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 6: 286.

<sup>545</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Ashribah, Bab Sharāb al-Halwā' wa al-'Asal , no. Hadith, 5214. Abū `Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," ed. ke-2 (Riyāḍ: Dār al-Salām, 1999), 995.

<sup>546</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Ashribah, Bāb Taḥrīm al-Tadāwī bi al-Khamr, no. Hadith 1984. Abū Ḥussayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naisābūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim," (Lubnān: Dār Ibn Hazm, 2002), 886.

إِنَّهُ لَيْسَ بِدَوَاءٍ وَلَكِنَّهُ دَاءٌ

Terjemahan: Sesungguhnya arak itu bukanlah ubat tetapi merupakan penyakit.

Hadis di atas merupakan dalil yang mengharamkan pengambilan arak dalam ubatan. Ini adalah kerana arak bukanlah ubat yang boleh menyembuhkan penyakit tetapi sekiranya dalam keadaan darurat dan tidak terdapat ubat-ubatan halal yang lain penggunaannya dibenarkan oleh hukum syarak.<sup>547</sup>

Kajian juga menunjukkan bahawa Malaysia dan Brunei membenarkan penggunaan alkohol sebagai bahan pelarut sekiranya alkohol tersebut bukan dihasilkan daripada proses pembuatan arak. Akan tetapi Brunei menyempitkan penggunaannya untuk kegunaan luaran sahaja. Di Malaysia, keharusan menggunakan alkohol sintetik dalam bidang farmaseutikal adalah selaras dalam keputusan fatwa pada tahun 2011. Malaysia memutuskan bahawa ubat-ubatan yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.<sup>548</sup>

Manakala fatwa Brunei pula memutuskan bahawa Mazhab Syafii berpandangan haram hukumnya berubat jika hanya semata-mata dengan zat (*ain*) arak (alkohol). Hukum ini (haram) berlaku selama mana ia tidak dicampurkan dengan bahan lain di samping tidak terdapat ubat-ubatan lain selain ubat-ubatan yang bercampur alkohol. Selain itu, penggunaan alkohol hendaklah berdasarkan ahli perubatan yang dipercayai dan penggunaannya pula hanya sekadar keperluan sahaja. Ubat yang bercampur alkohol adalah

<sup>547</sup> Muhy al-Din al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Imam Muhy al-Din al-Nawawi* (Lubnān: Dār al-Ma’rifah, 2005), 13:152.

<sup>548</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, “Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 20 Januari 2015, <http://www.efatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>.

sama kedudukannya berubat dengan najis kerana darurat.<sup>549</sup> Berdasarkan fatwa Brunei, dapat dirumuskan bahawa Brunei tidak membenarkan penggunaan alkohol sintetik dalam bentuk aslinya namun begitu penggunaannya dibenarkan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut, a) alkohol sintetik bercampur dengan bahan-bahan yang lain; b) tidak terdapat alternatif ubat-ubatan halal selain ubat-ubatan yang bercampur alkohol; c) penggunaan alkohol berdasarkan ahli perubatan yang dipercayai; dan d) penggunaan alkohol sintetik sekadar keperluan sahaja.

Berdasarkan kepada situasi di atas menunjukkan bahawa Malaysia terbuka menggunakan alkohol sintetik bagi produk farmaseutikal berbanding dengan Brunei yang mengetarkan penggunaannya. Didapati piawaian halal Malaysia lebih bersesuaian dengan keperluan semasa kerana ubat-ubatan yang mengandungi alkohol sintetik banyak digunakan dalam bidang perubatan sebagai bahan pelarut, penambah dan preservatif di samping ia boleh dihasilkan dengan pelbagai kaedah yang selaras dengan hukum syarak.<sup>550</sup> Bahkan penggunaannya tidak najis dan harus digunakan.<sup>551</sup>

### (iii) Penerangan kriteria sumber bahan bagi kosmetik

Di Malaysia, dalam MS 2200:2008 di klausa 4.1 menerangkan kriteria sumber bahan bagi kosmetik dan dandan diri yang wajib dipatuhi.<sup>552</sup> Penerangan kriteria sumber bahan dikategorikan mengikut sumber haiwan darat dan air, tumbuh-tumbuhan dan mikroorganisma, tanah dan air, alkohol dan sintetik. Misalnya, di klausa 4.1.4 bahan kosmetik yang mengandungi kandungan alkohol kecuali alkohol yang berasal daripada arak

<sup>549</sup> Ibid.

<sup>550</sup> Amrahi Buang, “Halal Haram dalam Perubatan dan Rawatan Pesakit” (makalah, *Regional Conference on Medical Management from the Islamic Perspective*, Kuala Lumpur, 18-20 September 2000).

<sup>551</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, “Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 20 Januari 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>.

<sup>552</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200: Bahagian 1:2008*, 3.

adalah diharuskan.<sup>553</sup> Di klausula 4.1.5, bahan kosmetik yang dihasilkan secara sintetik adalah halal kecuali yang merbahaya dan/atau bercampur dengan bahan-bahan yang najis.<sup>554</sup>

MS 2200:2008 merupakan garis panduan lengkap bagi kosmetik dan barang penjagaan peribadi yang mendahului daripada negara-negara lain termasuklah Indonesia, Brunei dan Singapura. Penerangan kriteria sumber bahannya adalah jelas dan mudah difahami tetapi sumber bahan yang dibincangkan sangat terhad. Piawaian halal ini menjadi lebih sempurna jika sumber bahan daripada haiwan darat dan air diperincikan lagi serta menambah beberapa kriteria sumber bahan seperti mineral semula jadi, bahan kimia semula jadi, organisma terubah suai secara genetik (GMO) dan lain-lain yang biasanya digunakan dalam bidang industri pembuatan kosmetik.

#### **4.4.2.2 Perbezaan kadar alkohol dalam makanan dan minuman**

Alkohol seringkali digunakan dalam produk berasaskan makanan, kosmetik dan farmaseutikal. Bahkan alkohol sering digunakan sebagai bahan api dalam industri pengangkutan, bahan asas bagi industri bahan kimia dan lain-lain.

Alkohol merupakan cecair yang mudah terbakar dan memabukkan (iaitu terdapat dalam minuman keras dan lain-lain, serta minuman keras yang mengandungi alkohol).<sup>555</sup> Alkohol adalah sebatian organik yang mempunyai kumpulan hidroksil (-OH) sebagai kumpulan berfungsinya. Penamaan sesuatu sebatian alkohol adalah berdasarkan kepada bilangan atom karbon yang membentuknya dan mempunyai akhiran *-ol*.<sup>556</sup> Alkohol juga boleh didefinisikan sebagai satu bahan organik atau hidrokarbon yang mempunyai

<sup>553</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>554</sup> *Ibid.*

<sup>555</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, “Alkohol,” laman sesawang *Dewan Bahasa dan Pustaka*, dicapai 26 Februari 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=alkohol>.

<sup>556</sup> Dzulkifly Mat Hasyim dan Nurul Hayati Abdul Hamid, “Penjenisan Alkohol dan Kesan Penggunaannya dalam Makanan dan Minuman,” dalam *Jurnal Halal* (2008), 21.

kumpulan fungsi –OH. Dalam pengertian yang lain, perkataan bahan hidrokarbon yang mempunyai OH terikat pada atom karbon adalah alkohol.<sup>557</sup> Alkohol terbahagi kepada tiga iaitu<sup>558</sup> (i) alkohol yang terbentuk secara semula jadi;<sup>559</sup> (ii) alkohol yang terbentuk daripada proses penapaian karbohidrat/fermentasi;<sup>560</sup> dan (iii) alkohol yang terbentuk daripada petro-kimia yang lain atau dikenali sebagai alkohol sintetik (tiruan).<sup>561</sup>

Kajian mendapati bahawa Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura membenarkan penggunaan alkohol yang terbentuk secara semula jadi kerana ia bukan najis dan boleh digunakan. Ini menunjukkan bahawa makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semula jadi seperti buah-buahan, kekacang atau bijirin serta perahannya atau alkohol yang terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis dan boleh dimakan ataupun diminum. Namun begitu, hendaklah dipastikan peratusan alkohol adalah tidak memabukkan dan tidak memudaratkan manusia. Contohnya, tapai, rempeyek, budu, tempoyak, kicap dan lain-lain.<sup>562</sup>

Empat buah negara ini sependapat dalam mengharamkan penggunaan alkohol yang terbentuk daripada proses penapaian karbohidrat/fermentasi sama ada yang diperoleh

<sup>557</sup> Bohari Mohd Yatim, “Alkohol sebagai Bahan Kimia dan Kegunaannya dalam Kehidupan”(makalah, dalam Isu-Isu Syariah dan Undang-undang Siri Kumpulan Kertas Kerja, 1988, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia), 37.

<sup>558</sup> Dzulkifly dan Nurul Hayati, “Penjenisan Alkohol,” 25.

<sup>559</sup> Ia terdapat dalam kuantiti yang sangat kecil dalam buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan.

<sup>560</sup> Penapaian karbohidrat/fermentasi adalah alkohol bahan tani yang dihasilkan daripada proses fermentasi semula jadi daripada karbohidrat seperti fermentasi gula dan fermentasi kanji. Fermentasi adalah proses pemecahan gula glukosa kepada alkohol (etanol) dan gas karbon dioksida. Proses ini berlaku tanpa kehadiran oksigen dan terjadi dengan bantuan bakteria dan yis. Fermentasi jenis ini dinamakan sebagai fermentasi beralkohol. Contohnya cuka, tapai, roti, bir dan wain.

<sup>561</sup> Alkohol sintetik di sintesis secara kimia daripada proses hidrasi secara tidak langsung melalui penambahan asid sulfurik dan pemangkinan langsung (*direct catalytic*) hidrasietilina. Kaedah sintetik pula sama ada menggunakan *acetaldehyde* daripada *acetylene* atau menggunakan *ethylene* daripada petroleum, gas alami dan arang.

<sup>562</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Alkohol dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-ubatan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>. Lihat juga, Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Penggunaan Alkohol Dalam Makanan, Siri Fatwa (09/2010). Lihat juga, Office Of The Mufti, “Definisi Alkohol Mengikut Undang-undang,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai 28 Ogos 2015, <http://www.officeofthemufti.sg/FAQ/food-and-drink.html>. Lihat juga, Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Nomor: 11 Tahun 2009, Tentang Hukum Alkohol.

daripada arak atau jenis-jenis minuman lain yang termasuk dalam definisi arak kerana ia najis dan haram.<sup>563</sup> Tiga buah negara (kecuali Brunei) sepakat mengenai penghasilan alkohol yang diperoleh bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh.<sup>564</sup>

Namun begitu, empat buah negara ini tidak sepakat bagi alkohol jenis ketiga. Tiga buah negara (kecuali Brunei) sepakat mengenai alkohol yang terbentuk daripada petro-kimia yang lain (alkohol sintetik) adalah tidak najis dan boleh digunakan memandangkan ia dibentuk dengan tujuan perindustrian dan bukan untuk tujuan diminum.<sup>565</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan tentang penggunaan alkohol yang digunakan sebagai pewarna atau perisa dalam makanan dan minuman di empat buah negara.<sup>566</sup> Pewarna atau perisa adalah bahan tambah yang digunakan dalam makanan dan

---

<sup>563</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Alkohol dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-ubatan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwakebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>. Lihat juga, Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Penggunaan Alkohol Dalam Makanan, Siri Fatwa (09/2010). Lihat juga, Office Of The Mufti, “Definisi Alkohol Mengikut Undang-undang,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai 28 Ogos 2015, <http://www.officeofthemufti.sg/FAQ/food-and-drink.html>. Lihat juga, Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Nomor: 11 Tahun 2009, Tentang Hukum Alkohol.

<sup>564</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Alkohol dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-ubatan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwakebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>. Lihat juga, Office Of The Mufti, “Definisi Alkohol Mengikut Undang-undang,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai 28 Ogos 2015, <http://www.officeofthemufti.sg/FAQ/food-and-drink.html>. Lihat juga, Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Nomor: 11 Tahun 2009, Tentang Hukum Alkohol.

<sup>565</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Alkohol dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-ubatan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwakebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>. Lihat juga, Office Of The Mufti, “Definisi Alkohol Mengikut Undang-undang,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai 28 Ogos 2015, <http://www.officeofthemufti.sg/FAQ/food-and-drink.html>. Lihat juga, Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Nomor: 11 Tahun 2009, Tentang Hukum Alkohol.

<sup>566</sup> Alkohol yang digunakan sebagai pewarna dan perisa dalam makanan dan minuman bukan dihasilkan daripada proses pembuatan arak.

minuman. Ia berfungsi memberi, mengubah dan menambah rasa sesuatu makanan untuk memenuhi cita rasa pengguna. Contohnya, penambahan rasa strawberry pada gula-gula.<sup>567</sup>

Malaysia memutuskan bahawa bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol boleh digunakan dengan kuantiti alkohol dalam produk akhir tidak melebihi 0.5% manakala bagi minuman ringan yang diproses pula kadar alkohol yang dibenarkan adalah di bawah aras 1% v/v.<sup>568</sup> Singapura memutuskan bahawa penggunaan alkohol (asli atau sintetik) sebagai pelarut adalah dibenarkan selagi mana kandungan alkohol tidak melebihi 0.5% dan kuantiti alkohol pada produk akhir tidak boleh melebihi 0.1%.<sup>569</sup> Brunei juga memutuskan bahawa penggunaan alkohol dalam produk makanan dan minuman adalah tidak dibenarkan iaitu 0.0%.<sup>570</sup> Manakala, Indonesia memutuskan bahawa penggunaan alkohol dalam proses penyediaan makanan dan minuman dibenarkan dengan kadar alkohol tidak melebihi daripada 1% dan pada produk akhir kadar alkohol adalah 0.0%.<sup>571</sup> Berikut merupakan ringkasan kepada perbezaan peratusan alkohol dalam makanan dan minuman di empat negara.

---

<sup>567</sup> Abd. Hamid Hadi dan Abdul Hamid Yunus, “Alkohol Menurut Pandangan Islam,” *Jurnal Pusat Penyelidikan Islam Malaysia* 5, 5 (1984), 13-15.

<sup>568</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Alkohol dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-ubatan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>. Lihat juga, Mian N. Riaz, Muhammad M. Chaudry, *Halal Food Production* (Boca Raton, F.L.: CRC Press, 2004), 119-120.

<sup>569</sup> Office of the Mufti, “Natural Ethanol in Halal Food Flavouring,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.officeofthemufti.sg/Fatwa/natural-ethanol-in-halal-food-flavouring.html>.

<sup>570</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Penggunaan Alkohol dalam Makanan, Siri Fatwa (09/2010).

<sup>571</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015. Lihat juga, LPPOM MUI, *HAS 23201*, 5. Dalam HAS 23201 klausa 4.4 (b) menyatakan “Penggunaan alkohol pada proses produksi untuk makanan dan minuman diperbolehkan apabila kadar alkohol pada produksi akhir tidak terdeteksi. Dan kadar alkohol pada produk intermediet/produk antara (produk yang tidak dikomsumsi langsung) yang disertifikasi tidak lebih dari 1%.”

**Jadual 4.12:** Perbezaan Peratusan Alkohol dalam Makanan dan Minuman Antara Empat Negara

|                  | Hukum                                       | Peratus yang dibenarkan | Penghujahan   |
|------------------|---|-------------------------|---|
| <b>Malaysia</b>  | Harus (dibenarkan)                          | 0.5% & 1%               | Nas syarak & kajian penyelidikan makmal             |
| <b>Indonesia</b> | Harus (dibenarkan)<br>(Proses pengendalian) | 1%                      | Nas syarak & kajian penyelidikan makmal             |
|                  | Haram<br>(Produk akhir)                     | 0.0%                    |   |
| <b>Brunei</b>    | Haram                                       | 0.0%                    | Nas syarak, <i>ihtiyāt</i> & <i>sadd al-dharā'i</i> |
| <b>Singapura</b> | Harus (dibenarkan)                          | 0.5% & 0.1%             | Nas syarak & kajian penyelidikan makmal             |

Berdasarkan kepada jadual 4.7, Malaysia memutuskan bahawa bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol boleh digunakan dengan kuantiti alkohol dalam produk akhir tidak melebihi 0.5% manakala bagi minuman ringan yang diproses pula kadar alkohol yang dibenarkan adalah di bawah aras 1% v/v.<sup>572</sup> Keputusan fatwa ini bersandarkan kepada nas syarak dan kajian penyelidikan makmal.<sup>573</sup>

Dalam industri moden pada masa kini, arak diproses menggunakan kaedah penyulingan sama ada menggunakan teknik pengewapan atau vakum untuk menghasilkan alkohol daripada arak. Alkohol yang terhasil boleh digunakan sebagai bahan pelarut dalam makanan, minuman dan barang gunaan yang lain. Walau bagaimanapun, nas syarak mengharamkan penggunaan alkohol yang bersumberkan daripada arak atau minuman yang memabukkan meskipun dalam kuantiti sedikit dan tidak memabukkan kerana ia najis.<sup>574</sup>

<sup>572</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Alkohol dalam Makanan,”. Lihat juga, Mian N. Riaz, Muhammad M. Chaudry, *Halal Food Production* (Boca Raton, F.L.: CRC Press, 2004), 119-120.

<sup>573</sup> Dzulkifly Mat Hashim (Profesor Madya, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2015.

<sup>574</sup> *Ibid.* Ia bersandarkan kepada firman Allah SWT surah al-Māidah ayat ke 90:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا إِنَّمَا أَخْمَرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَرْكَمُ رِجْسٌ مَّنْ عَمَلَ الشَّيْطَانَ فَأَجْتَنَبُوهُ

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Al-Māidah 5: 90

Kajian penyelidikan makmal juga digunakan untuk mendapatkan ketepatan peratusan alkohol yang dibenarkan dalam makanan dan minuman. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah forensik iaitu dengan menggunakan satu alat untuk mengukur kandungan alkohol dalam darah melalui pernafasan. Selain daripada itu, terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi kepada penentuan peratusan alkohol di Malaysia<sup>575</sup> iaitu kepekatan alkohol yang diambil,<sup>576</sup> berat dan jenis badan,<sup>577</sup> kadar pengambilan,<sup>578</sup> jantina,<sup>579</sup> umur,<sup>580</sup> dan makanan.<sup>581</sup>

---

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Ia bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW:

كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

Maksudnya: Setiap yang memabukkan adalah haram.  
Sabda Rasulullah SAW lagi:

كُلُّ مُسْكِرٍ حَمْرٌ وَ كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

Maksudnya: Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan adalah haram.

Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Ashribah, Bāb Bayān an Kull Muskir Khamr, wa an Kull Khamr Ḥarām, no. Hadis 1733. Abū Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naisābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” (Lubnān: Dār Ibn Hazm, 2002), 894-895.

<sup>575</sup> Dzulkifly Mat Hashim (Profesor Madya, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2015.

<sup>576</sup> Kepekatan alkohol yang diambil. Ia bermaksud berapa banyak alkohol yang diambil oleh peminum alkohol. Kepekatan minuman beralkohol memberi kesan kepada puncak kepekatan alkohol disebabkan terdapat perbezaan kadar serapan bagi kepekatan alkohol yang berlainan.

<sup>577</sup> Berat dan jenis badan. Ia bermaksud semakin ringan berat badan semakin mudah seseorang mendapat kesan keracunan pada amaun tertentu. Bagi dua individu dengan komposisi badan yang sama dengan berat yang berbeza, kandungan alkohol dalam darah adalah rendah bagi individu bertubuh besar berbanding individu bertubuh kecil dengan jumlah pengambilan yang sama bagi kedua-dua individu. Walau bagaimanapun, bagi individu dengan berat badan sama, individu berotot akan menerima kesan yang kurang berbanding individu dengan kandungan lemak badan yang kurang tinggi kerana tisu lemak tidak mengandungi banyak air seterusnya penyerapan alkohol berlaku.

<sup>578</sup> Kadar pengambilan. Ia bermaksud kepekatan dalam darah bergantung kepada amaun pengambilan alkohol dan kadar tubuh badan seseorang memetabolismakannya. Sistem tubuh boleh memetabolismakan alkohol pada kadar yang sederhana maka pengambilan alkohol yang lebih tinggi berbanding penguraian menyebabkan kesan pengumpulan dan meningkatkan kandungan alkohol dalam darah.

<sup>579</sup> Jantina. Ia bermaksud kaum wanita mempunyai kandungan lemak yang tinggi dalam badan dan kurang kandungan air. Oleh itu, jika seorang wanita dan lelaki dengan berat badan yang sama mengambil kandungan alkohol yang sama maka wanita akan mempunyai kandungan alkohol yang lebih tinggi dalam darah.

<sup>580</sup> Umur. Ia bermaksud individu yang berumur mempunyai kesan kandungan alkohol dalam darah yang lebih ketara.

<sup>581</sup> Makanan. Ini bermaksud makanan yang diambil bersama-sama minuman beralkohol menyebabkan kelambatan puncak kepekatan alkohol (titik kesan keracunan yang ketara) berlaku. Disebabkan penyerapan alkohol berlaku dengan sangat efisien di usus kecil, pengambilan makanan mampu melambatkan proses penyerapan alkohol ke dalam sistem tubuh.

Di Singapura, Jawatankuasa Fatwa telah menerima soalan daripada Unit Pensijilan Halal, MUIS mengenai penggunaan alkohol asli dalam penghasilan perisa halal. Selepas mengkaji dan mendapat maklum balas mengenai bahan alkohol melalui kajian penyelidikan makmal dengan terperinci, Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa kadar etanol yang terdapat di dalam makanan (yang digunakan sebagai bahan pelarut) adalah kurang daripada 0.5% dan kadar ini adalah di bahagian kadar yang tidak memabukkan. Keizinan untuk menggunakan alkohol ini adalah khusus bagi tujuan perisa dan produk-produk yang menggunakan perisa tersebut. Maka alkohol yang disertakan dalam produk makanan ataupun minuman yang bukan bertujuan untuk perisa adalah tidak dibenarkan.<sup>582</sup>

Manakala di Indonesia, peratusan kadar alkohol sebanyak 1% diperoleh melalui kajian penyelidikan makmal dengan memeram pati buah-buahan seperti kurma, anggur, nenas, nangka dan beberapa pati buah-buahan yang lain dalam tempoh tiga hari. Didapati bahawa pada hari ketiga peratusan maksimal alkohol adalah 1%.<sup>583</sup> Kajian penyelidikan makmal ini bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW:<sup>584</sup>

قَالَ سَمِعْتُ أَبْنَ عَبَّاسَ، يَقُولُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَبَدَّلُ لَهُ أَوْلَ الْلَّيْلِ فَيَشْرُبُهُ إِذَا أَصْبَحَ يَوْمَهُ ذَلِكَ وَاللَّيْلَةُ الَّتِي تَحِيَّهُ وَالْغَدَ وَالْأُخْرَى وَالْغَدَ إِلَى الْعَصْرِ فَإِنْ بَقَى شَيْءٌ سَقَاهُ الْحَادِمُ أَوْ أَمْرَ بِهِ فَصُبَّ.

Terjemahan: Rasulullah SAW (apabila) dibuatkan kepada Baginda minuman perahan anggur di permulaan malam maka baginda meminumnya di waktu pagi, di waktu malam yang akan tiba, di

<sup>582</sup> Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2014. Lihat juga, Office of the Mufti, “Natural Ethanol in Halal Food Flavouring,” laman sesawang *Majlis Ugama Islam Singapura*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.officeofthemufti.sg/Fatwa/natural-ethanol-in-halal-food-flavouring.html>.

<sup>583</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015.

<sup>584</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Ashribah, Bab Ibāḥah al-Nabīdīh al-ladīhī lam yaṣhtadda wa lam yaṣir mushkiran, no. al-Hadis 2004. Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” (al-Qahirah: Dār al-Ḥadīth, 2002), 658-659. Lihat juga, Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Ashribah, Bab Bayān Muddah al-Intibādh, no. al- Hadis, 1275. Salmān bin Fahd al-`Awdah, *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim* (al-Riyāḍ : Maktabah al-Rushd Nāshirūn, 2008), 20.

keesokan dan malam yang seterusnya serta keesokannya lagi sampailah ke waktu Asar. Jika masih berbaki, Baginda memberi minum kepada khadam Baginda (jika belum terdapat ia berubah menjadi arak) atau menumpahkannya (jika ia sudah bertukar menjadi arak).

Daripada hadis di atas menjelaskan bahawa keharusan meminum pati anggur selama mana ia masih manis, tidak berubah dan tidak menggelegak. Perkara ini dipersetujui oleh ijmak ulama tetapi setelah tiga hari berlalu, Baginda tidak lagi meminumnya dan menyuruh khadam Baginda untuk menumpahi dan memusnahkan pati anggur tersebut kerana ia telah berubah dan memabukkan.<sup>585</sup>

Oleh sebab itu, LPPOM MUI memutuskan bahawa penggunaan alkohol dalam proses penyediaan makanan dan minuman dibenarkan dengan kadar alkohol tidak melebihi daripada 1% akan tetapi pada produk akhir kadar alkohol adalah 0.0%. LPPOM MUI juga dengan tegas tidak akan memberikan pengesahan sertifikat halal kepada mana-mana produk berasaskan makanan dan minuman yang mengandungi kadar alkohol dalam pada produk akhir meskipun ia dalam kuantiti yang sedikit.<sup>586</sup>

Sementara itu di Brunei, penggunaan alkohol sintetik dalam produk makanan dan minuman adalah ditegah sekalipun alkohol yang digunakan dalam kuantiti yang sedikit, tidak memabukkan dan tidak mendatangkan kemudaratan zahir. Alkohol sintetik sifatnya bukan najis dan penggunaan secara luaran dibolehkan tetapi kerana ia sama seperti racun

<sup>585</sup> Al-Nawāwī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharh*, 13:174-175.

<sup>586</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015. Lihat juga, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), *Panduan Umum Sistem Jaminan Halal LPPOM MUI* (Indonesia: Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, 2008), 44.

yang boleh memudaratkan maka penggunaannya ditegah, ia berdasarkan kepada prinsip *sadd al-dharā'i*' (menutup pintu-pintu yang membawa keburukan).<sup>587</sup>

Di samping itu, langkah ini diambil supaya berhati-hati terhadap pengambilan makanan dan minuman dalam kehidupan seharian selain mengambil kira pandangan ulama yang mengharamkan penggunaan alkohol secara mutlak walaupun daripada apa jua proses yang dihasilkan. Tegahan ini juga bertujuan untuk menutup ruang eksloitasi penggunaan alkohol dalam bidang industri makanan dan minuman; mengelakkan kekeliruan masyarakat awam terhadap penggunaan alkohol; dan penggunaan alkohol bukanlah suatu keperluan yang mendesak tanpa menggunakannya ia tidak menjaskan keperluan harian manusia mahupun industri pemprosesan makanan dan minuman. Oleh sebab itu, Brunei menegaskan mana-mana produk makanan dan minuman yang dicampurkan atau dimasukkan alkohol sintetik sekalipun dalam kuantiti yang sangat sedikit, tidak memabukkan dan tidak memudaratkan maka produk tersebut diklasifikasikan sebagai makanan dan minuman tidak halal.<sup>588</sup>

Setelah membandingkan penentuan kadar alkohol yang dibenarkan dalam makanan dan minuman di empat negara didapati bahawa keputusan fatwa Malaysia, Indonesia dan Singapura lebih praktikal diaplikasikan dengan keperluan semasa. Ini adalah kerana, kadar alkohol antara 0.5% hingga 1% masih lagi selamat untuk digunakan serta tidak memabukkan. Manakala keputusan fatwa Brunei tidak praktikal dengan keperluan semasa kerana alkohol boleh terjadi secara semula jadi (*natural process*) dalam mana-mana produk makanan dan minuman. Tambahan lagi, alkohol sintetik sifatnya tidak najis, diharuskan

---

<sup>587</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Penggunaan Alkohol dalam Makanan, Siri Fatwa (09/2010).

<sup>588</sup> *Ibid.*

penggunaannya serta boleh dihasilkan dengan pelbagai kaedah yang selaras dengan hukum syarak.<sup>589</sup>

#### **4.4.2.3 Perbezaan penentuan hukum terhadap konsep *istihālah***

Sebagaimana yang dibincangkan dalam bab kedua, Mazhab Syafii dan Mazhab Hanbali tidak menerima pakai konsep *istihālah* sebagai medium perubahan dan menganggapnya tidak suci kecuali dalam beberapa keadaan tertentu sahaja berbanding dengan Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki yang meluaskan pemakaian konsep *istihālah* sebagai medium perubahan sama ada ia berlaku secara semula jadi dan tidak semula jadi.

Dalam perkembangan teknologi moden masa kini, penghasilan dan pemprosesan produk makanan dan barang gunaan tidak dapat lari daripada menggunakan bahan-bahan asas atau aditif yang mungkin diperoleh daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan, mikroorganisma, mineral atau bahan sintetik. Produk yang dihasilkan berdasarkan tumbuhan jarang diragui status kehalalannya kecuali sekiranya tumbuhan yang digunakan boleh membawa kepada kemabukan atau beracun. Manakala produk yang berdasarkan haiwan lebih banyak terdedah kepada keraguan kerana status kehalalannya bergantung kepada cara penyembelihan dan jenis binatang yang disembelih.<sup>590</sup>

Didapati bahawa pandangan Mazhab Syafii dan Mazhab Hanbali kurang sesuai dipraktikkan di empat negara.<sup>591</sup> Ini adalah kerana, Mazhab Syafii dan Mazhab Hanbali menyempit dan membataskan pemakaian konsep *istihālah* kepada beberapa kes terpilih

---

<sup>589</sup> Dzulkifly Mat Hashim (Profesor Madya, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2015.

<sup>590</sup> Anisah Ab. Ghani dan Muhammad Safiri Ismail, "Penentuan Piawaian Alkohol Dalam Makanan Yang Dibenarkan Dari Perspektif Islam," *Jurnal Fiqh*, no. 7 (2010) 278. Lihat juga, Anisah Ab. Ghani, "Istihālah dalam Makanan dan Barangan Kegunaan," (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan Ke-IV, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 28-29 Sep 2005), 133.

<sup>591</sup> Anisah Ab. Ghani dan Muhammad Safiri Ismail, "Kritikan Terhadap Beberapa Fatwa Imam Al-Syafii dan al-Syafi'iyyah yang Diputuskan Melalui Kaedah *al-Istihalah*, *al-Istihlak* dan *Istitabah al-'Arab* Dalam Bidang Kepenggunaan," (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan Ke-IV, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 28-29 Sep 2005), 8.

sahaja antaranya adalah pembuatan cuka yang terhasil secara semula jadi, penyamakan kulit binatang selain anjing dan babi yang asalnya adalah bangkai berubah menjadi suci atau dikenali sebagai *al-dībāgh*<sup>592</sup> dan sesuatu yang berubah menjadi haiwan seperti bangkai berubah menjadi ulat kerana berlaku suatu kehidupan yang baru.<sup>593</sup> Sedangkan terdapat beberapa kes lain yang berlaku proses *istihālah* sama seperti kes-kes di atas. Misalnya adalah perubahan najis kepada tanah akibat daripada pengaruh cuaca, api dan tempoh masa; bahan najis yang terjatuh ke dalam air masin lalu terurai dan berubah menjadi garam; darah dalam badan manusia yang berubah menjadi susu; haiwan halal yang diberikan makanan haram lalu berubah menjadi ternakan yang bersih; baja najis yang diserap tumbuh-tumbuhan sebagai nutrien berubah menjadi buah; darah kijang yang berubah menjadi bauan kasturi dan lain-lainnya.<sup>594</sup> Berdasarkan kepada beberapa contoh yang disebutkan menunjukkan bahawa proses *istihālah* telah berlaku kerana bahan akhir yang terhasil telah menghilangkan sifat najis dan berubah kepada benda yang suci secara keseluruhan maka hukum yang pada asalnya haram telah berubah kepada halal. Perkara ini disokong oleh beberapa ulama terkemuka termasuklah Ibn Nujaym,<sup>595</sup> Ibn Hazm,<sup>596</sup> dan Ibn Taymiyyah.<sup>597</sup>

<sup>592</sup> Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muhtāj bi Sharh al-Minhāj*, 303.

<sup>593</sup> Sepertimana yang dipetik dalam Muḥammad Mish`al, *Athar al-Khilāf al-Fiqh*, 432.

<sup>594</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu`āṣir, 2014), 1:216. Lihat juga, Anisah Ab. Ghani dan Muhammad Safiri Ismail, “Kritikan Terhadap Beberapa Fatwa Imam Al-Syafii dan al-Syafi’iyyah yang Diputuskan Melalui Kaedah *al-Istihālah*, *al-Istihlak* dan *Istitabah al-‘Arab* Dalam Bidang Kepenggunaan,” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan Ke-IV, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 28-29 Sep 2005), 8.

<sup>595</sup> Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm bin Nujaym, *al-Bahr al-Rā’iq* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 8:404. Ibn Nujaym menyatakan bahawa “*Sesuatu perkara yang sifat asalnya najis kemudian berubah menjadi zat yang suci seperti arak yang bertukar menjadi cuka. Para fuqaha tidak berbeza pandangan dalam perkara ini. Demikian juga, bangkai babi yang terjatuh ke dalam garam dan ia berubah menjadi garam. Maka, garam yang terhasil adalah suci. Begitu juga, najis binatang yang dibakar sehingga berubah menjadi abu. Maka, abu yang terhasil juga adalah suci.*”

<sup>596</sup> Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa`id Ibn Hazm al-Andalusi, *al-Muḥalla bi al-Athār* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988), 1: 123. Ibn Hazm turut menegaskan, “*Sesuatu sifat bahan najis yang telah berubah menjadi sifat suci, maka namanya juga akan berubah dan sifat najisnya juga terbatalkan. Oleh itu, bahan baru yang terhasil berbeza dari aspek nama, zat dan ciri-cirinya. Ia bukan lagi menjadi bahan najis yang haram. Bahkan, ia telah berubah menjadi bahan baru yang mempunyai hukum yang berlainan.*

Selain daripada itu, kajian juga tidak menerima pandangan daripada ulama kontemporari yang mengetengahkan pandangan mereka dalam resolusi Nadwah Pengurusan Islam Ke 8 Dalam Ilmu Perubatan di Kuwait berkaitan beberapa produk makanan dan barang gunaan yang dikatakan telah menyamai dengan proses *istihālah*.<sup>598</sup> Pandangan yang diketengahkan dilihat terlalu longgar dan membuka ruang yang besar kepada penggunaan produk yang berunsurkan babi ke atas produk makanan dan barang gunaan. Walau bagaimanapun, pandangan yang dikemukakan berkaitan dengan penggunaan babi dalam bidang perubatan diterima kerana ada pertimbangan *maṣlaḥah darūriyyah* ke atas pesakit.

Kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penentuan hukum terhadap konsep *istihālah* di empat negara. Berikut merupakan ringkasan kepada perbezaan aplikasi konsep *istihālah* di empat buah negara.

---

*Manakala sesuatu sifat bahan suci yang berubah menjadi najis, maka nama juga bertukar menjadi bahan najis seperti jus buah-buahan yang menjadi arak, air minuman yang berubah menjadi air kencing, makanan yang berubah menjadi najis manusia, najis dan air kencing manusia dan haiwan yang digunakan sebagai bahan untuk mengeluarkan buah-buahan yang halal dan beberapa contoh yang berlainan.”*

<sup>597</sup> Abū al-‘Abbās Taqi al-Dīn Aḥmād b. ‘Abd al-Ḥalīm, *al-Fatāwā al-Kubrā li Ibn Taymiyyah* (Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, t.t.) 1: 41-46. Ibn Taymiyyah juga menyatakan: “Riwayat daripada Imām Aḥmād, Imām Mālik, Abū Ḥanīfah serta ulama Zahīrī dan lain-lain menyatakan najis boleh menjadi suci melalui proses *istihālah*. Pandangan ini adalah pandangan yang lebih tepat. Mereka berpandangan, apabila binatang telah berubah menjadi tanah, maka hukumnya berubah menjadi suci. Selain itu, sesuatu yang terjatuh ke dalam tempat garam kemudian berubah menjadi garam maka hukumnya turut berubah.”

<sup>598</sup> Resolusi Nadwah Pengurusan Islam Ke 8 Dalam Ilmu Perubatan yang telah diadakan di Kuwait pada 22 hingga 24 Mei 1995 telah merumuskan seperti berikut: i. gelatin yang terbentuk daripada proses *istihālah* daripada tulang binatang najis, kulit dan uratnya adalah bersih dan halal di makan; ii. sabun yang dibuat melalui proses *istihālah* daripada lemak khinzir ataupun bangkai binatang adalah bersih dan boleh digunakan.; iii. keju yang dihasilkan daripada rennet yang didapati daripada bangkai haiwan yang halal dimakam adalah bersih dan harus dimakan.; iv. alat-alat solek yang mengandungi lemak khinzir tidak boleh digunakan kecuali jika telah pasti berlaku proses *istihālah* dan telah berlaku pertukaran ain dan zatnya;bahan yang mengandungi lemak khinzir sebagai bahan ramuannya dengan tidak berubah zatnya seperti yang terdapat pada sesetengah keju, minyak, mentega, dadih, biskut, cokelat dan asikrim adalah haram dimakan.; vi. Insulin yang diambil daripada khinzir adalah harus digunakan bagi mengubati penyakit kencing manis kerana darurat. Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 9: 660-665. Lihat juga, Anisah Ab. Ghani, “*Istihālah* dalam Makanan dan Barang Kegunaan,” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan Ke-IV, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 28-29 Sep 2005), 133.

**Jadual 4.13:** Perbezaan Penentuan Hukum Konsep *Istihālah* Antara Empat Negara

|                  | Konsep <i>Istihālah</i> | Piawaian Halal   |
|------------------|-------------------------|--|
| <b>Malaysia</b>  | Tidak diterima          | Tidak dinyatakan   |
| <b>Indonesia</b> | Diterima                | HAS 23201 di klausa 4.5 (b)<br>HAS 23000:1 di klausa K (iv)<br>HAS 23201 klausa Lampiran 1 (2)<br>HAS 23201 klausa Lampiran 3<br>Contoh: Cuka Wain |
| <b>Brunei</b>    | Tidak diterima          | Tidak dinyatakan   |
| <b>Singapura</b> | Tidak diterima          | Tidak dinyatakan   |

Berdasarkan kepada Jadual 4.8 menjelaskan bahawa Malaysia, Brunei dan Singapura tidak mengambil kira konsep *istihālah* dalam metodologi pengeluaran fatwa dan piawaian halal di ketiga-tiga buah negara. Ini adalah kerana, Malaysia, Brunei dan Singapura menjadikan Mazhab Syafii sebagai mazhab pegangan. Maka jawatankuasa fatwa cenderung memilih pandangan Mazhab Syafii dan menyempitkan cakupan konsep *istihālah* kepada beberapa produk makanan dan barang gunaan sahaja. Perkara ini dapat dilihat pada keputusan fatwa di Malaysia bahawa gas yang diperoleh daripada tahi babi dengan menggunakan api hukumnya najis manakala gas yang diperoleh daripada tahi babi secara semula jadi (tanpa pembakaran) hukumnya suci.<sup>599</sup> Fatwa yang seterusnya pula mengharamkan sebarang kaedah bioteknologi DNA babi yang digunakan dalam penyediaan makanan, minuman dan barang gunaan kerana bercanggah dengan syarak.<sup>600</sup> Walau bagaimanapun fatwa yang dikeluarkan di Malaysia kelihatan tidak konsisten apabila menghalalkan makanan haiwan ternakan yang diproses daripada bahan-bahan yang bercampur dengan najis seperti darah lembu, daging babi dan lain-lain lagi.<sup>601</sup>

<sup>599</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Gas Daripada Tahi Babī,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 26 Ogos 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/gas-daripada-tahi-babi>.

<sup>600</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Bioteknologi Dalam Makanan & Minuman,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 26 Ogos 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/bioteknologi-dalam-makanan-minuman>.

<sup>601</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Baja Daripada Tahi Babī,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 26 Ogos 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/baja-daripada-tahi-babi>.

Walaupun demikian, Malaysia tetap mengharamkan penghasilan cuka wain yang diproses dan dicampurkan dengan bahan-bahan luar dan cuka wain yang terjadi secara semula jadi boleh digunakan dalam produk yang berdasarkan makanan.<sup>602</sup> Keputusan fatwa ini adalah berdasarkan kepada nas sunnah yang menjelaskan khasiat dan kelebihan cuka kepada tubuh badan manusia.<sup>603</sup> Justeru, Malaysia hanya menerima cuka wain yang berlaku secara semula jadi dan tidak pula menerima penghasilan cuka wain yang terhasil akibat daripada percampuran atau penambahan bahan-bahan luar seperti garam, roti, bawang dan seumpama dengannya.<sup>604</sup> Ini adalah kerana Malaysia masih lagi kukuh berpegang kepada aliran Mazhab Syafii dan tidak menerima konsep *istihālah* sepenuhnya kecuali dalam beberapa kes tertentu yang disepakati dalam Mazhab Syafii.

Manakala di Indonesia, Indonesia menerima konsep *istihālah* sebagai instrumen penentuan hukum dalam metodologi pengeluaran fatwa dan piawaian halal Indonesia. Ini adalah kerana Indonesia tidak sepenuhnya berpegang kepada pandangan Mazhab Syafii dan terbuka menerima pandangan daripada Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali. Maka Indonesia mengharuskan penggunaan cuka wain yang terhasil secara semula

<sup>602</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain)," laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-wine-vinegar-cuka-wain>.

<sup>603</sup> Al-Nawāwī, *Sahīḥ Muslim bi Sharḥ*, 13: 230. Sabda Rasulullah SAW:

يَعْمَلُ الْأَدْمُ – أَوِ الْإِدْمُ – الْحَلْلُ

Terjemahan: Sebaik-baiknya lauk pauk adalah cuka.

Sabda Rasulullah SAW:

يَعْمَلُ الْأَدْمُ الْحَلْلُ يَعْمَلُ الْأَدْمُ الْحَلْلُ

Terjemahan: Sebaik-baik lauk adalah cuka, sebaik-baik lauk adalah cuka.

Hadir pertama adalah hadis riwayat Muslim, Kitab al-Ashribah, Bab Faḍīlah al-Khal wa al-Tauddum Bih, no. al-Hadis, 2051. Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, "Sahīḥ Muslim," (Bayrūt: Lubnān, 2002), 914. Manakala hadis kedua adalah hadis riwayat Muslim, Kitab al-Ashribah, Bab Faḍīlah al-Khal wa al-Tauddum Bih, no. al-Hadis, 2052. Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, "Sahīḥ Muslim," (Bayrūt: Lubnān, 2002), 914.

<sup>604</sup> Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tuhfah al-Muḥṭāj bi Sharḥ al-Minhāj*, 1: 104. Lihat juga, Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Hamzah bin Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyah al Muḥṭāj ilā Sharḥ al-Minhāj* (Bayrūt: Lubnān, 1984), 1:248.

jadi mahupun pemprosesan/percampuran dengan bahan-bahan luar.<sup>605</sup> Fatwa yang telah dikeluarkan MUI selaras dengan piawaian halal Indonesia yang menyatakan bahawa hasil sampingan industri arak (minuman beralkohol) boleh digunakan apabila produk ini diproses secara kimia atau dicampurkan dengan bahan-bahan luar seperti enzim dan mikroorganisma kemudian menghasilkan bahan baru yang boleh digunakan dalam produk berasaskan makanan.<sup>606</sup>

Berasaskan kepada faktor yang sama, Indonesia menghalalkan penghasilan ragi yang diekstrak daripada pemprosesan arak. Indonesia memutuskan bahawa ragi yang dihasilkan daripada pembuatan arak menjadi suci apabila hilang rasa, bau dan warna dan penggunaannya dibenarkan syarak.<sup>607</sup> Ragi sisa pengolahan bir (*brewer yeast*) adalah ragi yang dipisahkan daripada cairan bir dengan cara penyaringan dan sentrifugasi. Ekstrak ragi daripada sisa pengolahan bir hukumnya mutanajis (barang yang terkena najis) dan menjadi suci setelah dilakukan proses *istihālah* secara syarak. Proses *istihālah* secara syarak dilakukan dengan mencuci ekstrak ragi dengan air yang banyak sehingga hilang rasa, bau dan warna bir. Setelah dilakukan proses *istihālah* seperti yang dinyatakan namun masih terdapat salah satu daripada rasa, bau dan warna yang sukar untuk dihilangkan maka MUI memutuskan bahawa penggunaannya suci dan halal. Keputusan fatwa selaras dalam piawaian halal HAS 23201 klausa 4.5 (b),<sup>608</sup> HAS 23000:1 klausa K (iv),<sup>609</sup> HAS 23201 klausa Lampiran 1 (2),<sup>610</sup> dan HAS 23201 klausa Lampiran 3.<sup>611</sup>

---

<sup>605</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015.

<sup>606</sup> LPPOM MUI, *HAS 23201*, 5. Lihat juga, LPPOM MUI, *HAS 23000:1*, 8.

<sup>607</sup> Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Nomor: 4 Tahun 2003, Tentang Standardisasi Fatwa Halal. Lihat juga, Sekretariat Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Fatwa*, 699.

<sup>608</sup> LPPOM MUI, *HAS 23201*, 5. Dalam HAS 23201 klausa 4.5 (b) menyatakan; Hasil samping industri *khamr* (minuman beralkohol) atau turunannya yang berbentuk padat, misalnya *brewer yeast*, boleh digunakan setelah dilakukan melalui proses pencucian yang memenuhi kaedah syara'i (*tathhir syar'an*).

Jelaslah di sini bahawa konsep *istihālah* diambil kira dalam metodologi pengeluaran fatwa dan piawaian halal Indonesia. Meskipun majoriti penduduk di Indonesia yang beragama Islam berpegang kepada Mazhab Syafii namun begitu dalam mengeluarkan fatwa khususnya berkaitan kegunaan pandangan daripada Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki diterima pakai dalam beberapa kes tertentu (terkecuali).<sup>612</sup>

Sebaliknya keputusan fatwa Malaysia yang mengharamkan penggunaan cuka wain disebabkan penambahan atau percampuran dengan bahan-bahan luar adalah kurang tepat dari aspek pengamalannya di Malaysia. Ini adalah kerana semasa menghasilkan cuka wain dalam skala industri, dua genera bakteria asid asetik biasa digunakan iaitu *Acetobacter* dan *Glucunobacter* untuk menukar wain kepada cuka. Wain akan dibenarkan berubah di dalam reaktor yang mengandungi strain bakteria asid asetik. Reaktor ini mempunyai sistem pengudaraan yang membenarkan pengedaran oksigen yang maksimum. Pengedaran oksigen yang maksimum amat diperlukan untuk bakteria mengoksidakan etanol kepada asid asetik.<sup>613</sup> Hal ini menunjukkan bahawa *Acetobacter* ditambah secara sengaja untuk menggalakkan proses pengudaraan bagi mendapatkan penapaian yang lebih pantas dan mengelakkan berlakunya kerosakan pada penghasilan cuka. Perkara ini secara langsung membuktikan berlaku campur tangan manusia dalam pembuatan cuka moden. Tambahan

---

<sup>609</sup> LPPOM MUI, *HAS 23000:1*, 8. Dalam HAS 23000:1 klausa K (iv) menyatakan; Hasil samping industri *khamr* (minuman beralkohol) atau turunannya yang berbentuk padat, misalnya *brewer yeast*, boleh digunakan setelah dilakukan melalui proses pencucian yang memenuhi kaedah syara'i (*tathhir syar'an*).

<sup>610</sup> LPPOM MUI, *HAS 23201*, 70. Dalam HAS 23201 klausa Lampiran 1 (2) menyatakan, Produk/bahan hasil samping industri minuman beralkohol beserta turunannya berstatus haram jika cara memperolehnya hanya melalui pemisahan secara fisik dan produk masih memiliki sifat *khamr*. Akan tetapi jika bahan/produk tersebut direaksi secara kimiawi sehingga menghasilkan senyawa baru, maka senyawa baru yang telah mengalami perubahan kimiawi statusnya menjadi halal.

<sup>611</sup> *Ibid.*, 74. Dalam HAS 23201 klausa Lampiran 3 menyatakan; Produk mikrobial mutanajjis adalah produk yang terkena bahan najis. Agar dapat digunakan, produk mikrobial mutanajjis harus berbentuk padat sehingga dapat dipisahkan antara mikrob adan bahan najisnya, kemudian dilakukan pencucian secara (*thahir syar'an*). Contohnya, ekstrak ragi daripada sisa pengolahan minuman beralkohol.

<sup>612</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015.

<sup>613</sup> Albert Mas et al., "Acetic Acid bacteria and the Production and Quality of Wine Vinegar," *The Scientific World Journal* (2014), 3-4.

pula, campur tangan manusia dan penambahan bahan-bahan luar memberikan kesan dan hasil yang lebih baik kepada penghasilan cuka.<sup>614</sup>

Ulama fiqh<sup>615</sup> telah sependapat bahawa proses *istihālah* yang terjadi daripada arak kepada cuka adalah suci sekiranya perubahan tersebut berlaku dengan sendirinya. Ulama fiqh juga bersepakat (kecuali Hanbali) sekiranya perubahan tersebut berlaku disebabkan berubah tempat dari tempat teduh kepada cahaya matahari atau sebaliknya, tanpa dimasukkan bahan-bahan lain.<sup>616</sup> Arak yang bertukar menjadi cuka disebabkan perubahan tempat dari tempat teduh kepada cahaya matahari ataupun sebaliknya, hakikatnya turut melibatkan campur tangan manusia ke atas penghasilan cuka. Hal ini menunjukkan bahawa Mazhab Syafii menerima campur tangan manusia dalam penghasilan cuka secara tidak langsung. Di samping itu, penghasilan cuka wain moden juga menghasilkan bahan baru yang tidak lagi sama dengan sifatnya yang asal (haram dan memabukkan) dan wain sendiri berasal daripada buah-buahan yang halal dimakan (anggur).<sup>617</sup>

Sedia maklum bahawa cuka wain banyak digunakan dalam proses pembuatan makanan seperti kek dan biskut dengan tujuan supaya makanan yang dihasilkan tahan lebih lama dan mempunyai rasa yang sedap. Meskipun cuka wain telah diharamkan di Malaysia, pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pengusaha adalah sesuatu yang tidak dapat

---

<sup>614</sup> Dzulkifly Mat Hashim (Profesor Madya, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2015.

<sup>615</sup> Pandangan daripada empat mazhab iaitu Mazhab Syafii, Mazhab Hanbali, Mazhab Maliki dan Mazhab Hanafi.

<sup>616</sup> *Ibid.*, Mazhab Hanbali mensyaratkan bahawa pemindahan dan pertukaran tersebut bukan bertujuan untuk menjadikannya cuka. Sekiranya pemindahan tersebut dibuat dengan tujuan untuk menjadikannya sebagai cuka, ia tidak menjadi suci.

<sup>617</sup> Sepertimana yang dipetik daripada pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam Kertas Untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ‘Hukum Cuka Wine’, Kertas JKF Bil. 3/73/2006.

dilakukan kerana cuka wain adalah bahan yang sukar dikesan.<sup>618</sup> Justeru, fatwa Indonesia bertepatan dengan realiti semasa yang berlaku dalam penghasilan cuka moden berbanding dengan Malaysia. Untuk penambahbaikan, kajian menyarankan agar Malaysia mengkaji semula hukum penggunaan cuka wain supaya boleh diadaptasikan dengan realiti semasa di Malaysia dengan mengambil kira aspek realiti semasa dalam pemprosesan cuka moden dan tidak perlu terikat dengan pandangan ulama klasik semata-mata di samping mengadakan kajian penyelidikan saintifik untuk menganalisis perubahan yang berlaku sama ada ia telah berubah kepada sifat dan fizikal yang baru ataupun masih mengekalkan sifat dan fizikal yang asal.

#### **4.4.2.4 Perbezaan prosedur sembelihan haiwan**

Prosedur sembelihan haiwan merupakan sebahagian daripada piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Garis panduan prosedur sembelihan haiwan merangkumi definisi penyembelihan, syarat-syarat sah sembelihan, prosedur sembelihan dan penggunaan kaedah *stunning*.

Ketelitian JAKIM, LPPOM MUI, BKMH dan MUIS dapat dilihat apabila pemeriksaan ke atas rumah sembelihan melibatkan keseluruhan aspek sembelihan termasuk memenuhi syarat-syarat sah sembelihan (syarat penyembelih, syarat haiwan sembelihan, syarat alat sembelihan), prosedur penyembelihan yang dilaksanakan serta menekankan adab sembelihan dalam Islam. Misalnya, semasa menjalankan pemeriksaan audit JAKIM sentiasa memastikan sembelihan haiwan yang dilakukan di dalam dan luar negara adalah benar-benar mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Mazhab Syafii. Sekiranya

---

<sup>618</sup> Utusan Melayu, “Semua Pihak perlu Sedar mengenai Cuka Wain yang Difatwa Haram,” laman sesawang *Utusan Melayu (M) Bhd*, dicapai 30 Jun 2015, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0512&pub=utusan\\_malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_13.htm&arc=hive#ixzz347jJvGlG](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0512&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_13.htm&arc=hive#ixzz347jJvGlG).

premis sembelihan tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan maka JAKIM dengan tegas tidak memberikan pengesahan halal ke atas premis sembelihan tersebut.<sup>619</sup>

Walau bagaimanapun, didapati bahawa terdapat perbezaan prosedur sembelihan haiwan yang dilaksanakan di empat negara ini. Berikut merupakan ringkasan kepada perbezaan prosedur sembelihan haiwan di empat negara tersebut.

**Jadual 4.14:** Perbezaan Prosedur Sembelihan Haiwan Antara Empat Negara

|                                    | Syarat Sah<br>(Penyembelih)   | Prosedur<br>Sembelihan | Kaedah <i>Stunning</i>   | Sembelihan<br>Mekanikal |
|------------------------------------|---|------------------------|--|-------------------------|
| <b>Malaysia<br/>(MS 1500:2009)</b> | Di klaus 3.5.2.1 (c) disyaratkan penyembelih mempunyai tujuan (niat) sembelihan | Tidak dinyatakan       | Dibenarkan (tidak digalakkkan)<br>Lampiran 1<br>Kaedah <i>stunning</i> ( <i>Pneumatic Persercessive Stunning &amp; Water Bath Stunning</i> ) | Tidak dibenarkan        |
|                                    |   |                        | Kaedah <i>stunning</i> ( <i>Non-Penetrative Captive Bolt</i> ) tidak dibenarkan  |                         |
|                                    |   |                        | Garis panduan parameter kaedah <i>electrical stunning</i> dan <i>mechanical stunning</i> adalah tidak sama                                   |                         |

<sup>619</sup> Johari Abd. Latiff (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 1 September 2014.

‘Jadual 4.14, sambungan’

|                                     | <b>Syarat Sah<br/>(Penyembelih)</b>   | <b>Prosedur<br/>Sembelihan</b>   | <b>Kaedah <i>Stunning</i></b>   | <b>Sembelihan<br/>Mekanikal</b>   |
|-------------------------------------|---|--|---|---|
| <b>Indonesia<br/>(HAS 23103)</b>    | Tidak dinyatakan  | Tidak dinyatakan   | Dibenarkan (tidak digalakkkan)<br>Lampiran 1<br>Kaedah <i>stunning</i><br>( <i>Pneumatic</i><br><i>Persercessive</i><br><i>Stunning &amp; Water</i><br><i>Bath Stunning</i> ) | Dibenarkan<br>Di klaus 10.3   |
|                                     |   |  | Kaedah <i>stunning</i><br>( <i>Non-Penetrative</i><br><i>Captive Bolt</i> )<br>dibenarkan   |   |
|                                     |   |  | Garis panduan parameter kaedah <i>electrical stunning</i> dan <i>mechanical stunning</i> adalah tidak sama  |   |
| <b>Brunei<br/>(PBD 24:2007)</b>     | Di klaus 3.2.5 (b) disyaratkan penyembelih mempunyai tujuan (niat) sembelihan | Di klaus 3.3, 2 pemeriksa hadir semasa penyembelihan halal sebagai saksi | Kaedah <i>stunning</i> tidak dibenarkan<br>Di klaus 3.2.5.1 & 3.2.5.2   | Tidak dibenarkan  |
| <b>Singapura<br/>(MUIS-HC-S001)</b> | Tidak dinyatakan  | Tidak dinyatakan   | Kaedah <i>stunning</i> dibenarkan<br>Di klaus B.4.1 (h)   | Dibenarkan<br>Di klaus B.3.2, B.3.4.1 (e), (f) dan (g) & B.4.2 (a), (c) dan (d) |

Berdasarkan kepada Jadual 4.9 menunjukkan bahawa Malaysia dan Brunei mensyaratkan supaya penyembelih mempunyai tujuan sembelihan dan diniatkan kerana Allah SWT semasa melakukan penyembelihan.<sup>620</sup> Manakala Indonesia dan Singapura tidak menyertakan niat sebagai salah satu keperluan dalam prosedur sembelihan haiwan. Piawaian halal Indonesia dan Singapura menjadi lebih sempurna sekiranya turut menyertakan tujuan sembelihan dan diniatkan kerana Allah SWT. Keperluan memasukkan

<sup>620</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009*, 6. Sila rujuk pada klaus 3.5.2.1 (c). Lihat juga, Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007*, 12. Sila rujuk pada klaus 3.2.5 (b).

niat dalam prosedur sembelihan penting kerana perbuatan penyembelih hendaklah dilakukan secara serius dan dalam keadaan sedar supaya penyembelih dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih sempurna.<sup>621</sup>

Sementara itu, Brunei mengenakan syarat yang ketat apabila mensyaratkan dua orang pemeriksa perlu hadir semasa prosedur sembelihan dijalankan. Syarat ini diwajibkan untuk memastikan prosedur sembelihan menurut hukum syarak sepenuhnya.<sup>622</sup> Dua orang pemeriksa bertanggungjawab sebagai saksi dalam prosedur sembelihan haiwan yang merangkumi proses penyediaan, pengendalian, penyimpanan, pembungkusan, pemunggahan, pengangkutan dan sebarang prosedur lain yang melibatkan daging mentah dan menjadi saksi dalam pengilangan, pemprosesan, pengendalian, penyimpanan, pengangkutan dan sebarang bentuk olahan untuk menghasilkan makanan halal diproses yang berdasarkan sumber daging seperti daging burger, daging sosej, daging kisar dan seumpamanya.<sup>623</sup>

Di antara tugas-tugas saksi tersebut adalah seperti berikut; a) memastikan penyembelih seorang Muslim yang sempurna serta mengetahui rukun-rukun dan syarat-syarat sembelihan; b) menyaksikan penyembelihan dan pemprosesannya; c) menyaksikan pembungkusan dan pemprosesannya; d) menyaksikan haiwan yang disembelih dimasukkan ke dalam kotak-kotak yang disediakan, kotak-kotak tersebut akan ditandatangani sebelum dimasukkan ke dalam kontena; e) menyaksikan pemunggahan dan penghantaran kontena-kontena tersebut masuk ke dalam kapal-kapal yang akan membawanya ke Negara Brunei Darussalam; f) dua orang pemeriksa tersebut akan membuat laporan mengenai pemeriksaan

<sup>621</sup> Lokman Ab. Rahman, *Isu Halal Tiada Penghujung* (Melaka: Alambaca Sdn Bhd, 2009), 82.

<sup>622</sup> Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007*, 16. Sila rujuk pada klausa 3.3.

<sup>623</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014. Lihat juga, Pusat Dakwah Islamiah, *Makanan Halal Sumber Pembentukan Skahsiah Mulia* (Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah, 2007), 19.

dan pemprosesan haiwan yang disembelih tersebut kepada Lembaga Pengeluar Permit Daging Halal.<sup>624</sup>

Apabila kapal-kapal tiba di pelabuhan, pegawai BKMH bertanggungjawab untuk membuka kontena-kontena tersebut bagi memastikan daging yang halal tidak bercampur dengan daging yang haram dalam semua peringkat. Hal ini membuktikan bahawa setiap produk makanan bersumberkan daging yang memasuki ke Negara Brunei Darussalam diawasi secara ketat oleh pegawai pemeriksa yang dilantik oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.<sup>625</sup>

Di Singapura pula, penerangan berkaitan prosedur sembelihan secara umumnya mudah difahami namun kelihatan ringkas dan tidak terperinci.<sup>626</sup> Prosedur sembelihan yang digariskan kelihatan ringkas kerana tidak disertakan dengan gambar rajah sembelihan haiwan dan garis panduan parameter kaedah *stunning*. Singapura seharusnya menyediakan garis panduan sembelihan halal yang lengkap kerana ia dapat membantu golongan pengusaha Islam dan pengusaha bukan Islam untuk memahami prosedur sembelihan haiwan dengan cara yang betul. Ini adalah kerana aspek sembelihan haiwan merupakan salah satu faktor yang paling kritikal dalam menghasilkan daging halal dan produk yang berdasarkan daging dalam sesebuah negara.<sup>627</sup>

Prosedur sembelihan haiwan yang digariskan di Indonesia melalui HAS 23103 adalah lebih terkehadapan berbanding dengan tiga negara yang lain. Indonesia mengutamakan kepada penerapan Sistem Jaminan Halal dan prinsip-prinsip Sistem

<sup>624</sup> Pusat Da'wah Islamiah, *Pengalaman Negara Brunei Darussalam Bagi Menjamin Daging Halal Sahaja Beredar Di Negara Ini*, ed. Ke-2 (Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Agama Islam, 2007), 7-8.

<sup>625</sup> Perintah Darurat (Daging Halal) 1998, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Perintah di bawah bab 83 (3)). Perkara ini dijelaskan pada seksyen 5 (3), (2).

<sup>626</sup> Islamic Religious Council of Singapore, *MUIS-HC-S001*, 13-14. Sila rujuk pada klaus B.4.

<sup>627</sup> Lokman, *Isu Halal Tiada Penghujung*, 79.

Jaminan Halal dalam sesebuah premis sembelihan. Penerapan Sistem Jaminan Halal dilaksanakan supaya Tim Manajemen Halal dapat memantau perlaksanaan prosedur sembelihan berteraskan syariah dan menghasilkan produk berdasarkan daging yang bermutu tinggi. Selain daripada itu, prosedur sembelihan diterangkan secara terperinci merangkumi prosedur pra penyembelihan, prosedur penyembelihan secara manual dan mekanikal, pasca penyembelihan dan cara pengurusan bagi haiwan yang tidak memenuhi kriteria sembelihan haiwan halal. Ia diperjelaskan lagi dengan garis panduan umum parameter penggunaan kaedah *stunning* bagi haiwan ruminan dan ayam-itik, gambar rajah sembelihan haiwan berserta alat sembelihan mekanikal yang digunakan.<sup>628</sup>

Dalam industri yang bersifat komersil banyak kaedah dan peralatan moden diperkenalkan dengan matlamat untuk memudahkan proses, mengurangkan kos pengeluaran, menjimatkan masa serta memaksimumkan pengeluaran atau dengan alasan meningkatkan kualiti daging. Peralatan yang digunakan secara meluas dalam industri sembelihan adalah penggunaan kaedah *stunning* dan sembelihan mekanikal. Kaedah *stunning* yang lazimnya digunakan pada hari ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu *mechanical stunning* dan *electrical stunning*.<sup>629</sup> *Mechanical stunning* dibahagikan kepada dua jenis iaitu *Penetrative Captive Bolt*<sup>630</sup> dan *Non-Penetrative Captive Bolt*.<sup>631</sup> Manakala

<sup>628</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI), *Pedoman Pemenuhan Kriteria Sistem Jaminan Halal di Rumah Potong Hewan (HAS 23103)* (Indonesia: LPPOM MUI, 2012).

<sup>629</sup> Jafri Abdullah et al., “Sembelihan Halal Dalam Industri Makanan Halal,” dalam *Pengurusan Produk Halal Di Malaysia*, ed. Suhaimi Ab. Rahman dan Jafri Abdullah (Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2011), 41.

<sup>630</sup> *Penetrative Captive Bolt* menggunakan pistol *captive bolt* yang tajam pada hujungnya yang akan menembusi tengkorak haiwan apabila tembakan dilakukan.

<sup>631</sup> *Non-Penetrative Captive Bolt* adalah peralatan yang hampir sama dengan *Penetrative Captive Bolt* cuma yang membezakannya ialah ia berbentuk cembung penghujung keluli, tidak tajam. Jadi tembakan yang dilakukan tidak menembusi tengkorak haiwan.

*electrical stunning* dibahagikan kepada dua jenis iaitu *Electrical Shock* atau *Electrical Stunning Head Only*<sup>632</sup> dan *Water Bath Stunning*.<sup>633</sup>

Walau bagaimanapun, empat buah negara ini berbeza pandangan tentang penggunaan kaedah *stunning* ke atas haiwan sembelihan. Di Negara Brunei Darussalam, Brunei tidak menerima sebarang bentuk kaedah *stunning* ke atas haiwan ruminan dan unggas kecuali negara-negara yang mewajibkan kaedah *stunning* khususnya bagi haiwan ruminan (yang berkaki empat). Sekiranya negara-negara pengeksport mewajibkan penggunaan kaedah *stunning* untuk haiwan ruminan maka ia dibenarkan dengan syarat; (i) kejutan akan membuatkan haiwan tidak sedar buat sementara waktu; (ii) alat kejutan adalah jenis yang tidak akan menembusi atau mematahkan kepala haiwan; dan (iii) ia mesti tidak menyebabkan kerosakan otak yang kekal atau menyebabkan kematian atau kecacatan fizikal terhadap haiwan tersebut.<sup>634</sup> Manakala semua jenis unggas seperti ayam dan itik tetap disyaratkan tidak menggunakan kaedah *stunning* kerana menganggap ia menyakiti dan menyeksa haiwan bahkan tiada bukti bahawa kaedah ini dilakukan oleh Rasulullah SAW.<sup>635</sup> Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa Brunei tidak menjelaskan jenis *stunning* yang digunakan dan tidak menyediakan garis panduan parameter kaedah *stunning* di negara tersebut, seolah-olah Brunei bersikap longgar dalam perkara ini dengan menerima sebarang penggunaan kaedah *stunning* asalkan tidak menyebabkan kecacatan dan kematian haiwan yang disembelih. Brunei seharusnya menyatakan kaedah *stunning* yang sesuai

---

<sup>632</sup> *Electrical Shock* atau *Electrical Stunning Head Only* dilakukan dengan meletakkan dua penyepit di kedua-dua belah kepala haiwan yang mengalirkan aliran elektrik kepala. Aliran elektrik akan dialirkan dengan kadar yang sesuai dalam tempoh masa yang sesuai mengikut jenis haiwan, saiz dan jantina.

<sup>633</sup> *Water Bath Stunning* menggunakan media air untuk memengangkan haiwan. Haiwan akan dipengangkan akan digantung kaki ke atas pada besi yang akan bergerak ke takungan yang mengandungi elektrik. Kekuatan arus elektrik akan dikawal dengan kadar yang tertentu supaya haiwan tidak mati.

<sup>634</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014. Lihat, Religious Council Brunei Darussalam, *PBD* 24:2007, 16. Sila rujuk pada klausa 3.2.5.1 dan 3.2.5.2.

<sup>635</sup> *Ibid.* Lihat juga, Jafri Abdullah, “Sembelihan Halal,” 41.

digunakan serta menetapkan garis panduan parameter kaedah *stunning* untuk rujukan pihak industri dan pengguna.

Di Singapura, dalam MUIS-HC-S001 di klausula B.4.1 (h) menjelaskan bahawa penggunaan kaedah *stunning* dibenarkan tetapi disyaratkan supaya penyeliaan dijalankan dengan lebih rapi untuk memastikan haiwan sembelihan tidak mengalami kejutan kekal (*permanent shock*), kematian ataupun kecederaan kekal.<sup>636</sup>

Manakala di Indonesia dan Malaysia, kedua-dua buah negara ini mengharuskan penggunaan kaedah *stunning* khususnya jenis *Pneumatic Percussive Stunning* untuk lembu, kambing, kerbau dan biri-biri dan penggunaan *Water Bath Stunning* untuk ayam dan itik. Malaysia dan Indonesia melengkapkan prosedur sembelihan dengan melampirkan garis panduan parameter kaedah *stunning* bagi *Pneumatic Percussive Stunning* dan *Water Bath Stunning*.<sup>637</sup>

Walaupun Malaysia mengharuskan penggunaan *Pneumatic Percussive Stunning* untuk lembu dan kaedah *Water Bath Stunning* untuk rumah sembelihan ayam secara komersil tetapi penggunaannya tidak digalakkan.<sup>638</sup> Penggunaan *electrical stunning* dikawal selia dengan ketat oleh pihak JAKIM/JAIN/MAIN dan pengurusan rumah sembelihan sendiri. Bagi tujuan tersebut, Malaysia mensyaratkan setiap rumah sembelihan

---

<sup>636</sup> Islamic Religious Council of Singapore, *MUIS-HC-S001*, 14.

<sup>637</sup> LPPOM MUI, *HAS 23103*, 15-23. Sila rujuk pada Lampiran 1, Lampiran 2 dan Lampiran 3. Lihat juga, Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009*, 10-14. Sila rujuk pada Lampiran 1.

<sup>638</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Penggunaan *Pneumatic Percussive Stunning* Menurut Pandangan Islam,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 9 September 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penggunaan-pnematic-percussive-stunning-menurut-pandangan-islam>. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada tahun 2006 telah memutuskan bahawa penggunaan *Pneumatic Percussive Stunning* dalam sembelihan lembu dan haiwan halal seumpamanya adalah dibenarkan dengan syarat tengkorak haiwan sembelihan yang dikenakan *stunning* dalam keadaan tidak retak dan matinya adalah kerana sembelihan. Lihat juga, Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009*, 8.

melantik Eksekutif Halal Dalaman dan seorang Muslim dilantik secara khusus untuk mengawal penggunaan kaedah *stunning*.<sup>639</sup>

Demikian juga, Indonesia menggalakkan prosedur penyembelihan dijalankan secara manual tanpa kaedah *stunning*.<sup>640</sup> Namun begitu, kaedah ini dibenarkan untuk memenuhi permintaan pasaran semasa terhadap daging halal. Kaedah *stunning* jenis *Pneumatic Percussive Stunning* dan *Non-Penetrating Captive Bolt* digunakan untuk lembu, kerbau dan seladang manakala jenis *Water Bath Stunning* untuk unggas.<sup>641</sup> Peralatan *stunning* yang digunakan hanya dikhususkan kepada haiwan halal semata-mata. Petugas pemingsanan, Petugas penyembelih, dan Supervisor halal dilantik dalam kalangan beragama Islam yang bertanggungjawab memeriksa dan memastikan haiwan yang disembelih mengikut spesifikasi yang ditetapkan hukum syarak.<sup>642</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara Indonesia dengan Malaysia. Indonesia mengharuskan penggunaan *Non Penetrative Captive Bolt (Mushroom Head Gun)* tetapi di Malaysia penggunaan *Non Penetrative Captive Bolt* tidak dibenarkan sama sekali

---

<sup>639</sup> Johari Abd. Latiff (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 1 September 2014. Lihat juga, Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*, 12-13. Sila rujuk pada klausa 6.1.2.1, 6.1.2.2, 6.1.2.3 dan 6.1.2.4. Lihat juga, Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009*, 3. Lihat juga, Jafri Abdullah, “Sembelihan Halal,” , 41.

<sup>640</sup> Komisi Majelis Ulama Indonesia, Penyembelihan Hewan Secara Mekanis, 18 Oktober 1976. Fatwa MUI yang bersidang telah memutuskan bahawa penyembelihan hewan secara mekanikal pemingsanan merupakan modernisasi berbuat ihsan kepada heiwan yang disembelih sesuai dengan ajaran Nabi dan memenuhi persyaratan ketentuan syarak dan hukumnya sah dan halal. Oleh kerana itu, diharapkan supaya kaum Muslimin tidak meragukannya.

<sup>641</sup> LPPOM MUI, *HAS 23103*, 15-23. Sila rujuk pada Lampiran 1, Lampiran 2 dan Lampiran 3.

<sup>642</sup> Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Piawaian Sertifikasi Penyembelihan Halal, Nomor 12 Tahun 2009. Kaedah *stunning* dibolehkan untuk memudahkan proses penyembelihan haiwan dengan memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. *Stunning* hanya menyebabkan haiwan pengsan sementara, tidak menyebabkan kematian, serta tidak menyebabkan cedera kekal.
- b. Bertujuan untuk memudahkan penyembelihan.
- c. Perlaksanaannya sebagai bentuk ihsan, bukan untuk menyeksa binatang.
- d. Peralatan *stunning* harus mampu menjamin terwujudnya syarat a, b, c, serta tidak digunakan antara haiwan halal dan tidak halal sebagai langkah berjaga-jaga.
- e. Penetapan ketentuan *stunning*, pemilihan jenis, dan terwujudnya syarat a, b, c, dan d.

kerana ia boleh menyebabkan kematian haiwan.<sup>643</sup> Meskipun tembakan yang dilakukan tidak menembusi tengkorak haiwan tetapi ia kemungkinan boleh menyebabkan keretakan dan lekukan pada tengkorak. Kaedah *stunning* yang tujuan asalnya diberikan adalah untuk pelalian boleh berubah menjadi satu proses kematian segera kepada haiwan.<sup>644</sup> Di samping itu, garis panduan parameter *electrical stunning* dan *mechanical stunning* yang digunakan di Malaysia dan Indonesia didapati berbeza kerana aliran arus elektrik (*voltage*) dan pengiraan masa (*duration*) yang tidak sama. Hal ini akan menyebabkan kesulitan dalam penentuan piawaian halal di kedua-dua negara.

Keempat-empat negara ini tidak sepakat dalam penggunaan kaedah *stunning* kerana bimbang haiwan yang disembelih mati disebabkan penggunaan kaedah *stunning* dan bukannya sembelihan yang halal maka haiwan tersebut dihukum sebagai bangkai dan haram dimakan.<sup>645</sup> Masalah utama penggunaan kaedah *stunning*, tiada jaminan bahawa haiwan yang dikenakan kaedah *stunning* akan sedar kembali sebelum sembelihan dilakukan walaupun apa pun jenis kaedah *stunning* yang digunakan.<sup>646</sup> Proses ini boleh menyebabkan kematian haiwan jika tidak dikawal dengan sempurna malah mendatangkan kesan sampingan yang boleh mengurangkan kualiti mutu daging.<sup>647</sup>

Seterusnya, sembelihan mekanikal adalah sembelihan menggunakan mesin khas. Penyembelih hanya bertanggungjawab memetik suis untuk menghidupkan mesin pisau

<sup>643</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Hukum Mengenai *Stunning* Haiwan,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 9 September 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-mengenai-stunning-haiwan>.

<sup>644</sup> Jafri Abdullah, “Sembelihan Halal,” 40.

<sup>645</sup> Jafri Abdullah et al., “Sembelihan Halal,” 42. Lihat juga, Lokman, *Isu Halal*, 87. Lihat juga, Babji, A. S. et al., “Halal and Non-Halal Consideration in the Meat, Poultry and Processed Meat Industry, Conference On Halal Foods: Meeting Market Needs,” (makalah, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia, 13-15 June 1995), 8.

<sup>646</sup> *Ibid.*

<sup>647</sup> Lokman, *Isu Halal Tiada Penghujung*, 84. Lihat juga, Syahadatul Hafizah Abdullah et al., “Menyangkal Salah Faham Terhadap Penyembelihan Cara Islam: Analisis Menurut Sunnah dan Kajian Saintifik,” dalam *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa* (Universiti Malaya: Jabatan al-Quran dan hadis, 2011), 567.

mekanikal. Ayam yang telah digantung dan telah dikenakan kaedah *stunning* akan bergerak melalui pisau tajam yang berpusing dan mengenai lehernya. Semasa mesin dihidupkan, operator (penyembelih) akan membaca *tasmiyyah* dan berniat menyembelih ayam. Mesin tersebut akan berfungsi dan menyembelih beribu-ribu ayam. Kaedah ini biasanya dilakukan bagi rumah sembelihan yang berskala besar.<sup>648</sup>

Kajian mendapati bahawa empat buah negara ini tidak sependapat mengenai sembelihan mekanikal. Di Malaysia, dalam MS 1500:2004 Lampiran B menyatakan garis panduan umum untuk sembelihan mekanikal bagi ayam/itik dengan syarat-syarat tertentu yang seharusnya dipenuhi iaitu, (i) pengendali pisau mekanikal hendaklah seorang Muslim; (ii) penyembelih hendaklah membaca *tasmiyyah* sebelum memetik suis untuk menghidupkan mesin pisau mekanikal dan tidak boleh meninggalkan tempat sembelihan; dan (iii) sekiranya penyembelih perlu meninggalkan tempat sembelihan hendaklah menutup suis pisau mekanikal. Bagi penyambungan semula penyembelihan, penyembelih Muslim lain hendaklah membaca semula *tasmiyyah* sebelum menghidupkan suis pisau mekanikal.<sup>649</sup> Berdasarkan kepada MS 1500:2004 di Lampiran B, sembelihan mekanikal dibenarkan di Malaysia namun begitu sembelihan mekanikal telah dimansuhkan dalam MS 1500:2009 (Semakan Kedua). Ini menunjukkan bahawa sembelihan mekanikal tidak lagi dibenarkan di Malaysia.<sup>650</sup>

Manakala di Brunei, sembelihan mekanikal tidak dibenarkan sama sekali kerana prosedur sembelihan mekanikal tidak mengikut syarak sepenuhnya.<sup>651</sup> Dengan alasan bahawa sembelihan mekanikal dilakukan oleh mesin sahaja dan pada hakikatnya tiada penyembelih maka haiwan sembelihan menjadi bangkai disebabkan pengendali (seorang

<sup>648</sup> Jafri Abdullah et al., “Sembelihan Halal,” 42.

<sup>649</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2004*, 13.

<sup>650</sup> Jafri Abdullah et al., “Sembelihan Halal,” 43

<sup>651</sup> Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007*, 13. Sila rujuk pada klaus 3.2.5 (a).

Muslim) hanya menghidupkan mesin dan tidak menyembelih haiwan tersebut. Dalam erti kata yang lain, Brunei tidak menerima pengendali (seorang Muslim) yang bertanggungjawab menghidupkan suis mesin mekanikal sebagai individu yang menyembelih haiwan kerana yang menyembelih haiwan tersebut adalah mesin.<sup>652</sup>

Manakala di Singapura dan Indonesia, kedua-dua negara membenarkan penyembelihan haiwan menggunakan sembelihan mekanikal. Dalam MUIS-HC-S001 di klausula B.3.2, B.3.4.1 (e), (f) dan (g), B.4.2 (a), (c) dan (d) mensyaratkan bahawa (i) haiwan yang telah diletakkan untuk penyembelihan hendaklah dalam posisi yang betul supaya bilah akan memotong bahagian depan leher dan bukan bahagian tubuh badan yang lain; (ii) haiwan yang hendak disembelih hendaklah bernyawa atau diyakini masih bernyawa sewaktu penyembelihan dilakukan, (iii) penyembelih/orang yang menghidupkan mesin hendaklah seorang Muslim; (iv) jika boleh, haiwan dan/atau penyembelih hendaklah menghala ke arah kiblat; (v) penyembelih/orang yang menghidupkan mesin hendaklah membaca *Basmalah*; (vi) kedalaman pemotongan hendaklah mencukupi untuk memutuskan urat *mari'*, *halkūm* dan *wadajayn* serta tidak memutuskan kepala sepenuhnya; dan memastikan haiwan sembelihan masih lagi hidup sebelum disembelih.<sup>653</sup>

Di Indonesia, sembelihan mekanikal dibenarkan dengan memenuhi syarat-syarat berikut; a) penyembelih membaca *Basmalah* ketika menghidupkan suis mesin mekanikal; b) sembelihan berlaku dengan sempurna dengan memutuskan urat *mari'*, *halkūm* dan *wadajayn*; c) proses penyembelihan dilakukan secara cepat dan tepat pada sasaran serta dilakukan dalam satu kali sembelihan; d) proses penyembelihan dilakukan dari leher bahagian depan dan tidak memutuskan tulang leher; e) sebelum diterapkan dan setiap ada

<sup>652</sup> Jabatan Mufti Kerajaan, Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam Mengenai Penyembelihan Binatang dan Pengendalian 1962-1999 (Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana menteri, 2000), 246-248. Lihat juga, Jafri Abdullah et al., "Sembelihan Halal," 43.

<sup>653</sup> Islamic Religious Council of Singapore, *MUIS-HC-S001*, 13-14. Sila rujuk pada klausula B.4.

perubahan metode penyembelihan hendaklah dilakukan pengesahan metode yang menjamin terwujudnya syarat c, d dan e; f) Petugas pemingsanan hendaklah memastikan peralatan sembelihan mekanikal dalam kondisi baik setiap memulai proses penyembelihan; g) Supervisor halal hendaklah melakukan pengesahan secara berkala untuk memastikan pelaksanaan penyembelihan sesuai dengan metode yang telah dipersetujui pada syarat f); h) hendaklah dibuat rancangan penyelenggaraan untuk peralatan penyembelihan mekanikal dengan membuat rujukan penyelenggaraan dari kilang pembuat peralatan penyembelihan mekanikal; i) penyelenggaraan peralatan penyembelihan mekanikal hendaklah dilaksanakan sesuai dengan jadual yang telah ditetapkan dalam rancangan penyelenggaraan; j) haiwan sembelihan disarankan supaya lehernya mengadap ke kiblat; k) Supervisor halal hendaklah memastikan saluran urat, leher/kepala/badan tidak terpotong, serta darah mengalir deras ketika disembelih; l) rakaman proses penyembelihan termasuk sembelihan yang tidak sesuai dengan persyaratan halal harus disimpan dan terpelihara.<sup>654</sup>

Berdasarkan kepada penerangan di atas, menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara di empat negara tentang sembelihan mekanikal. Sembelihan mekanikal digunakan menyembelih haiwan (ayam/itik) dalam industri berskala besar untuk mengurangkan kos buruh yang tinggi.<sup>655</sup> Namun Malaysia dan Brunei tidak menerima penyembelihan haiwan dilakukan melalui sembelihan mekanikal walaupun Malaysia adalah pengeksport produk berdasarkan ayam berbeza dengan Singapura dan Indonesia yang menerima sembelihan mekanikal tetapi hendaklah menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam piawaian halal negara masing-masing.

---

<sup>654</sup> LPPOM MUI, HAS 23103, 10. Sila rujuk pada klausa 10.3, Penyembelihan Mekanis.

<sup>655</sup> Jafri Abdullah et al., "Sembelihan Halal," 44.

#### **4.4.2.5 Perbezaan pengurusan kualiti halal**

Dalam realiti perkembangan industri halal, piawaian halal biasanya diaplikasikan bersama-sama dengan kaedah kualiti lazim yang lain seperti Amalan Perkilangan Baik (*Good Manufacturing Practices*, GMP), Amalan Kebersihan Baik (*Good Hygiene Practices*, GHP) dan Amalan Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (*Hazard Analysis Critical Control Point*, HACCP) dan lain-lainnya.<sup>656</sup> Jadual 4.12. merupakan ringkasan kepada perbezaan penetapan pengurusan kualiti halal di empat negara. Perincian seperti berikut:

**Jadual 4.15:** Perbezaan Pengurusan Kualiti Halal Antara Empat Negara

|                      | <b>Malaysia</b>  | <b>Indonesia</b> | <b>Brunei</b>   | <b>Singapura</b>   |
|----------------------|--|------------------|---|--|
| <b>Makanan</b>       | Di klausa 3.4.3<br>GHP, GMP @ Garis Panduan Amalan Kebersihan Baik, Kementerian Kesihatan Malaysia   | Tidak dinyatakan | Di klausa 5.4<br>Prinsip Umum Codex tentang Kebersihan Makanan ( <i>Codex General Principles On Food Hygiene</i> )  | Di klausa 3.6.3<br>Prinsip Umum Codex tentang Kebersihan Makanan ( <i>Codex General Principles On Food Hygiene</i> ) |
| <b>Farmaseutikal</b> | Di klausa 2, 4 & 4.4<br><i>Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing Practice for Medicinal Products &amp; Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing</i> | Tiada            | Di klausa 1<br><i>Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing Practice for Medicinal Products &amp; Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing</i> | Tiada  |

<sup>656</sup> Norazilawati Md Dahlal, *Pengurusan Kualiti Makanan Halal* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 38.

‘Jadual 4.15, sambungan’

|                 | <b>Malaysia</b>  | <b>Indonesia</b> | <b>Brunei</b> | <b>Singapura</b> |
|-----------------|--|------------------|---------------|------------------|
| <b>Kosmetik</b> | Di klausa 2<br><i>Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia, National Pharmaceutical Control Bureau &amp; Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice, National Pharmaceutical Control Bureau</i> | Tiada            | Tiada         | Tiada            |

Berdasarkan kepada Jadual 4.10 menunjukkan bahawa perbezaan pengurusan kualiti halal di empat buah negara. Dalam MS 1500:2009 di klausa 3.4.3 menjelaskan produk makanan dan barang gunaan yang diproses, dibungkus dan diedarkan mestilah dalam keadaan benar-benar bersih dalam premis yang berlesen sejajar dengan GHP, GMP ataupun seperti yang ditetapkan oleh Garis Panduan Amalan Kebersihan Baik dari Kementerian Kesihatan Malaysia serta undang-undang dan peraturan berkaitan kesihatan awam yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa bertauliah di Malaysia.<sup>657</sup> Manakala dalam PBD 24:2007 di klausa 3.6.3<sup>658</sup> dan MUIS-HC-S001 di klausa 5.4<sup>659</sup> pula menyatakan bahawa makanan halal hendaklah di sedia, diproses, dibungkus, diangkut dan disimpan menurut peraturan-peraturan kebersihan dan sanitasi sejajar dengan Prinsip Umum Codex tentang Kebersihan Makanan (*Codex General Principles on Food Hygiene*) dan mana-mana standard *Codex* yang berkenaan.

Manakala dalam standard farmaseutikal halal pula, MS 2424:2010 di klausa 2 menjelaskan bahawa rujukan normatif untuk piawaian halal adalah *Pharmaceutical*

<sup>657</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009*, 5. Sila lihat klausa 3.4.3.

<sup>658</sup> Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007*, 19.

<sup>659</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S001*, 8.

*Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing Practice for Medicinal Products* dan *Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S): Guide to Good Manufacturing*. Perkara ini dijelaskan lagi pada klausula 4 dan 4.4.<sup>660</sup> Dalam GD 24:2010 di klausula 1 menunjukkan bahawa piawaian halal merujuk kepada peraturan-peraturan kebersihan dan keselamatan yang sama seperti di Malaysia. Kedua-dua jenis peraturan kebersihan dan keselamatan ini merupakan pelengkap dan dijadikan rujukan kepada piawaian farmaseutikal halal.<sup>661</sup>

Sementara itu, standard kosmetik halal MS 2200:2008 menjadikan MS 1500:2009, *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia*, National Pharmaceutical Control Bureau dan *Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice*, National Pharmaceutical Control Bureau sebagai asas rujukan normatif yang perlu dipatuhi dalam penyediaan bahan kosmetik dan dandan diri.<sup>662</sup>

Prosedur kebersihan, sanitasi dan keselamatan merupakan syarat yang penting dan perlu dipatuhi dalam penyediaan bahan halal bagi produk makanan, perubatan dan kosmetik. Ia merangkumi aspek kebersihan diri, pakaian, peralatan, premis, pengendalian pemprosesan dan pengeluaran produk halal. Kajian mendapati bahawa Malaysia menyatakan secara jelas jenis pengurusan kualiti lazim yang digunakan dalam standard halal Malaysia. Malaysia juga terkehodapan apabila telah menggabungkan piawaian halal dengan piawaian kualiti lazim seperti GMP, GHP, HACCP dan beberapa piawaian yang lain untuk memantapkan lagi pengurusan pembangunan industri makanan, farmaseutikal dan kosmetik. Penggabungan piawaian halal dan piawaian kualiti lazim mampu mengeluarkan produk halal yang berkualiti. Manakala piawaian halal yang dibangunkan di

<sup>660</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2010*, 1 dan 4.

<sup>661</sup> Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010*, 7.

<sup>662</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200:Bahagian 1: 2008*, 1 dan 4.

Indonesia, Brunei dan Singapura tidak menyatakan secara jelas jenis pengurusan kualiti lazim yang digunakan di setiap negara namun begitu ketiga-tiga negara tetap mengutamakan aspek keselamatan dan kebersihan semasa pemprosesan produk halal sejajar dengan peraturan dan perundangan di dalam negara masing-masing.

Walaupun kaedah pengurusan kualiti lazim seperti GMP, GHP dan HACCP dan lain-lain pada asasnya tidak menyalahi hukum syarak dan melengkapkan keperluan piawaian halal namun ia masih belum boleh diklasifikasikan sebagai kaedah pengurusan kualiti berteraskan Islam sepenuhnya. Didapati pengurusan kualiti lazim berbentuk konvensional kerana aplikasi pengurusan kualiti lazim hanya memastikan keselamatan dan kualiti makanan proses. Justeru, piawaian kualiti Islam seperti Amalan Pengilangan Islam (*Islamic Manufacturing Practice*, IMP) boleh diaplikasikan bersama-sama dengan pengurusan kualiti lazim yang lain untuk memastikan pengurusan kualiti produk halal lebih selamat dan berintegriti. Walau bagaimanapun, piawaian kualiti Islam seperti IMP masih tidak mendapat pengiktirafan oleh pihak kerajaan dan aplikasinya dalam industri halal tidak begitu menggalakkan serta tidak mendapat perhatian untuk dibangunkan dengan maju biarpun konsep dan pengaplikasian halal yang digunakan adalah secara menyeluruh.<sup>663</sup> Sokongan dan pengiktirafan daripada pihak kerajaan terhadap piawaian kualiti Islam seperti IMP amat digalakkan supaya boleh diaplikasikan dalam piawaian halal. Piawaian IMP telah pun dipromosikan dan diterima di peringkat antarabangsa oleh Rektor Universiti al-Azhar, Mesir, Majlis Ulama Indonesia (MUI), Brunei dan beberapa negara di Asia Barat.<sup>664</sup>

---

<sup>663</sup> Norazilawati, *Pengurusan Kualiti*, 13 dan 30.

<sup>664</sup> Halal Manufacturing Practise, “Apa Keistimewaan IMP,” [http://halalmanufacturing.com/?page\\_id=71](http://halalmanufacturing.com/?page_id=71).

#### **4.4.3 Kelebihan dan Kelemahan Piawaian Halal Antara Empat Negara**

Daripada analisis piawaian halal antara empat negara yang telah dilakukan, terdapat tiga aspek kelebihan dan kelemahan yang telah dikenal pasti dalam kajian penyelidikan ini. Iaitu, a) standard halal Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa antara yang terbaik di dunia; b) penerapan sistem jaminan halal menjamin status produk halal; dan c) pelaksanaan undang-undang berkaitan halal dapat memastikan berlakunya kepatuhan terhadap terma dan syarat pensijilan.

##### **4.4.3.1 Standard halal Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai antara yang terbaik di dunia**

Di Malaysia, JAKIM telah membangunkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014<sup>665</sup> dan Jabatan Standard Malaysia membangunkan MS 1500:2009,<sup>666</sup> MS 2200: Part 1: 2008,<sup>667</sup> MS 1900:2005,<sup>668</sup> MS 2300: 2009,<sup>669</sup> MS 2400,<sup>670</sup> MS 2393: 2010 (P),<sup>671</sup> MS 2424: 2012<sup>672</sup> dan MS 2200-2: 2012.<sup>673</sup> Manakala, Indonesia pula membangunkan piawaian halal melalui HAS 23000,<sup>674</sup> HAS 23103,<sup>675</sup> dan HAS 23201.<sup>676</sup> Brunei juga membangunkan piawaian halal melalui PBD 24: 2007<sup>677</sup> dan GD 24:2010.<sup>678</sup> Sementara

---

<sup>665</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*.

<sup>666</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500:2009*.

<sup>667</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200: Bahagian 1:2008*.

<sup>668</sup> Jabatan Standard Malaysia, *Quality Management Systems - Requirements from Islamic Perspectives (MS 1900:2005)* (Cyberjaya : Jabatan Standard Malaysia, 2005).

<sup>669</sup> Jabatan Standard Malaysia, *Value-based management system – Requirements from an Islamic perspective (MS 2300: 2009)* (Cyberjaya : Jabatan Standard Malaysia, 2009).

<sup>670</sup> Jabatan Standard Malaysia, *Series on Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline (MS 2400:2010)* (Cyberjaya : Jabatan Standard Malaysia, 2010).

<sup>671</sup> Jabatan Standard Malaysia, *Prinsip Islam dan Halal-Definisi dan Penjelasan Istilah (MS 2393: 2010)* (Cyberjaya : Jabatan Standard Malaysia, 2010).

<sup>672</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2010*.

<sup>673</sup> Jabatan Standard Malaysia, *Barangan Gunaan Islam-Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan-Garis Panduan Umum (MS 2200-2: 2012)* (Cyberjaya : Jabatan Standard Malaysia, 2012).

<sup>674</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), *HAS 23000-Pensyarat Sertifikasi Halal* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2008).

<sup>675</sup> LPPOM-MUI, *HAS 23103*.

<sup>676</sup> LPPOM-MUI, *HAS 23201*.

<sup>677</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007*.

<sup>678</sup> The Religious Council Brunei Darussalam, *GD 24:2010*.

itu, Singapura membangunkan piawaian halal melalui MUIS-HC-S001<sup>679</sup> dan MUIS-HC-S002.<sup>680</sup>

Sedia maklum bahawa Malaysia berjaya memperkenalkan dan mengetengahkan standard halal Malaysia ke peringkat global. Standard halal Malaysia turut mendapat kepercayaan daripada *Organization of Islamic Cooperation* (OIC) dalam menerajui standard halal di antara negara-negara Islam yang diiktiraf dunia. Ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai kelebihan daripada Indonesia, Brunei dan Singapura dalam membangunkan manual prosedur dan beberapa standard halal yang lain bagi membantu penggiat industri halal mematuhi garis panduan halal secara menyeluruh. Standard halal Malaysia merupakan salah satu daripada inisiatif kerajaan dalam merealisasikan Malaysia sebagai pusat halal dunia.<sup>681</sup> Di samping itu, Brunei turut membangunkan garis panduan umum dalam aspek perubatan selain daripada piawaian makanan halal. Manakala Indonesia dan Singapura menumpukan kepada piawaian makanan halal kerana makanan merupakan keperluan utama dalam kehidupan manusia. Malahan, agama Islam sangat menitikberatkan persoalan makanan dan minuman yang halal untuk kesejahteraan rohani dan tumbesaran fisiologi manusia.

Dapat dirumuskan bahawa pembangunan piawaian halal di setiap negara dilakukan secara bertahap dan berperingkat kerana membangunkan industri halal ke persada antarabangsa adalah perkara yang sukar. Kesungguhan Malaysia membangunkan industri halal ke peringkat antarabangsa dan dikenali sebagai pusat hab halal dunia adalah sesuatu yang wajar dicontohi oleh negara-negara lain namun begitu usaha berterusan daripada

---

<sup>679</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S001*.

<sup>680</sup> Singapura MUIS Halal Standard, *MUIS-HC-S002*.

<sup>681</sup> Portal Halal Rasmi Malaysia, “Piawaian Malaysia,” laman sesawang *Portal Halal Rasmi Malaysia*, dicapai 30 Jun 2015, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/garis-panduan/standard-malaysia>.

Indonesia, Brunei dan Singapura wajar diberikan pujian kerana berjaya mengetengahkan produk halal di pasaran antarabangsa.

#### **4.4.3.2 Penerapan Sistem Jaminan Halal menjamin status produk halal**

Sistem Jaminan Halal adalah satu sistem yang dikawal oleh pihak-pihak yang terlibat dalam pengesahan halal terhadap pengeluaran barang halal. Sistem ini bertujuan untuk memastikan kepatuhan terhadap prosedur dan berteraskan kepada peraturan-peraturan berkaitan dalam proses pengeluaran produk halal. Sistem ini dalam bentuk dokumen yang bertulis atau manual dan berasingan daripada manual sistem jaminan kualiti yang dimiliki oleh syarikat seperti *International Standard Organisation* (ISO) ataupun HACCP. Antara sistem pengurusan kualiti yang diguna pakai dan diintegrasikan bersama dengan pengurusan jaminan halal bagi penghasilan barang gunaan dan makanan yang halal adalah GMP, GHP, Quality Control (QC), *Standard Operating Procedure* (SOP), HACCP, *Total Quality Management* (TQM), standard sistem kualiti ISO 9000 dan ISO 22000.<sup>682</sup>

Di Indonesia, Sistem Jaminan Halal diwajibkan kepada semua peringkat kategori industri sama ada multinasional, sederhana, kecil mahupun mikro. Sekiranya penggiat industri halal tidak mematuhi garis panduan Sistem Jaminan Halal yang ditetapkan LPPOM MUI, maka sertifikat halal tidak akan diterbitkan. Persyaratan sertifikasi halal bagi kriteria Sistem Jaminan Halal dinyatakan secara terperinci dalam HAS 23000 di bahagian pertama (HAS 23000:1).<sup>683</sup> LPPOM MUI juga tegas tidak membenarkan mana-mana produk halal diimport ke Indonesia kecuali setelah mendapat akreditasi halal daripada LPPOM MUI.<sup>684</sup>

---

<sup>682</sup> Lokman bin Abd Rahman (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Seksyen Muamalat, Cawangan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 April 2015.

<sup>683</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), *HAS 23000-Persyaratan Sertifikasi Halal* (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2008).

<sup>684</sup> Lokman Abd Rahman (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Seksyen Muamalat, Cawangan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22

Tambahan pula, LPPOM MUI turut melakukan pengawalan dan pemantauan halal melalui Inspeksi Mendadak (Sidak) sama ada secara berkala ataupun aduan awam.<sup>685</sup>

Manakala di Singapura, piawaian halal MUIS-HC-S001 tidak menyatakan dengan jelas tanggungjawab pihak pengurusan untuk melantik eksekutif halal ataupun jawatankuasa halal dalam namun begitu keperluan untuk menubuhkan jawatankuasa halal dalam dijelaskan dalam MUIS-HC-S002 sebagai rujukan teknikal dan pelengkap kepada MUIS-HC-S001. Seperti yang dijelaskan dalam bab ketiga, terdapat sepuluh prinsip utama yang perlu dilaksanakan oleh pihak syarikat bagi memastikan keberkesanan sistem pengurusan kualiti makanan halal. Keberkesanan sistem ini bergantung kepada komitmen yang diberikan di antara pihak pengurusan syarikat dan ahli jawatankuasa Halal Team. Sistem pengurusan kualiti makanan halal merangkumi pelbagai bidang antaranya konsep halal, sains makanan dan teknologi, jaminan kualiti, logistik, R&D dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Ahli jawatankuasa Halal Team juga dilantik dalam kalangan pekerja yang beragama Islam, mempunyai latar belakang pendidikan syariah dan berpengetahuan dalam bidang teknikal. Pihak pengurusan memastikan ahli jawatankuasa Halal Team diberikan latihan halal supaya mereka memahami peranan dan tanggungjawab sebagai penasihat halal. Manakala bagi kategori industri kecil dan mikro, ahli jawatankuasa Halal Team terdiri daripada dua orang pekerja Islam iaitu pemilik syarikat dan seorang pekerja.<sup>686</sup>

Di Malaysia pula, dalam MS 1500:2009 di klausa 3.1 telah mensyaratkan kepada pihak pengurusan untuk melantik pegawai Eksekutif Halal yang beragama Islam atau

---

April 2015. Johari Abd. Latiff (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 1 September 2014.

<sup>685</sup> Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM-MUI), HAS 23000:2-Pensyarat Sertifikasi Halal : Kebijakan dan Prosedur (Indonesia: Majelis Ulama Indonesia, 2008), 17.

<sup>686</sup> Dewi Hartaty Bte Suratty (Penolong Pengurus, Unit Pensijilan Halal, Majlis Ugama Islam Singapura), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2014. Lihat juga, Singapura MUIS Halal Standard, MUIS-HC-S002, 8.

mewujudkan sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada orang Islam yang bertanggungjawab memastikan keberkesanan perlaksanaan sistem kawalan halal dalaman. Pihak pengurusan perlu memastikan pegawai Eksekutif Halal yang dilantik diberikan latihan mengenai prinsip-prinsip halal dan aplikasinya dan memastikan sumber-sumber (tenaga kerja manusia, kemudahan, dan infrastruktur) yang mencukupi disediakan bagi melaksanakan sistem ini.<sup>687</sup> Walau bagaimanapun, MS 1500:2009 perlu merujuk kepada MPPHM 2014 bagi tujuan penyelarasan. MPPHM 2014 telah mewajibkan kepada pihak pengurusan syarikat bagi kategori industri multinasional dan sederhana untuk menubuhkan Jawatankuasa Halal Dalaman, melantik Eksekutif Halal, melantik minima dua orang pekerja Muslim dan mewujudkan Sistem Jaminan Halal dengan merujuk kepada HAS 2011. Manakala bagi kategori industri kecil, pihak syarikat hendaklah melantik seorang penyelia Muslim dan melantik minima seorang pekerja Muslim. Bagi kategori industri mikro, pihak syarikat hendaklah melantik minima seorang pekerja Muslim.<sup>688</sup>

Dalam MS 2424:2010, di klausa 4.2 menyatakan bahawa pihak pengurusan hendaklah memastikan bahawa Sistem Jaminan Halal dibangunkan secara komprehensif dan dilaksanakan secara betul dengan menggabungkan pelaksanaan halal, Amalan Pengilangan yang Baik (GMP) dan kawalan mutu. Sistem ini hendaklah didokumentasikan sepenuhnya dan keberkesanannya dipantau. Pengurusan kanan hendaklah bertanggungjawab memastikan penglibatan dan komitmen diperoleh daripada personel dalam pelbagai jabatan, pada semua peringkat syarikat, pembekal dan pengedar.<sup>689</sup> Namun begitu, MS 2424:2010 perlu merujuk MPPHM 2014 untuk tujuan penyelarasan. MPPHM 2014 telah mewajibkan kepada pihak pengurusan syarikat bagi kategori industri

---

<sup>687</sup> Jabatan Piawaian Malaysia, *MS 1500:2009*, 3.

<sup>688</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*, 26-28.

<sup>689</sup> Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2010*, 4.

multinasional dan sederhana menubuhkan Jawatankuasa Halal Dalaman (merujuk kepada HAS 2011), melantik Eksekutif Halal, melantik minima dua orang pekerja Muslim dan mewujudkan Sistem Jaminan Halal dengan merujuk kepada HAS 2011. Manakala bagi industri kecil hendaklah melantik seorang penyelia Muslim dan melantik minima seorang pekerja Muslim. Bagi kategori industri mikro pula hendaklah melantik minima seorang pekerja Muslim.<sup>690</sup>

Sebaliknya dalam MS 2200: Bahagian 1: 2008 tidak menyatakan secara jelas keperluan pihak syarikat untuk melantik Eksekutif Halal ataupun mewujudkan Sistem Jaminan Halal dalam sistem pengurusan syarikat tetapi ia dijelaskan dalam MPPHM 2014. Bagi kategori industri multinasional dan sederhana, pihak syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Halal Dalaman, melantik Eksekutif Halal, melantik minima dua orang pekerja Muslim dan mewujudkan Sistem Jaminan Halal dengan merujuk kepada HAS 2011. Manakala bagi kategori industri kecil, pihak syarikat hendaklah melantik seorang penyelia Muslim melantik minima seorang pekerja Muslim. Bagi kategori industri mikro pula, pihak syarikat hendaklah melantik minima seorang pekerja Muslim yang berjawatan tetap dan bertugas sepanjang masa di bahagian pengendalian.<sup>691</sup>

Di Brunei pula, PBD24:2007 dan GD24:2010 tidak menyatakan keperluan pihak syarikat untuk melantik Eksekutif Halal ataupun mewujudkan Sistem Jaminan Halal dalam sistem pengurusan syarikat. Namun secara praktikalnya, pihak syarikat wajib melantik dua orang Penyelia Makanan Halal untuk berada di bahagian pemprosesan bagi memastikan pematuhan terhadap syarat dan terma pensijilan halal. Penyelia Makanan Halal akan diuji secara lisan dan bertulis daripada pegawai BKMH dan Pegawai Teknikal semasa pemeriksaan audit dijalankan untuk memastikan Penyelia Makanan Halal benar-benar

<sup>690</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*, 38-39.

<sup>691</sup> *Ibid.*, 36-37.

memahami tugasannya dalam aspek syariah dan teknikal. Penyelia Makanan Halal wajib lulus di kedua-dua ujian untuk mendapatkan sijil pentaulianan daripada Setiausaha MUIB.<sup>692</sup>

Berdasarkan kepada penerangan di atas, menunjukkan bahawa Indonesia berjaya menerapkan Sistem Jaminan Halal kepada semua kategori industri halal dan perkara ini memberikan kelebihan kepada Indonesia. Ini adalah kerana pelaksanaan Sistem Jaminan Halal dapat memelihara imej syarikat dan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk halal yang dihasilkan. Singapura juga mempunyai kelebihan yang tersendiri apabila telah melaksanakan MUIS-HC-S002 untuk mengawal selia syarikat yang dimiliki oleh pengusaha Islam dan pengusaha bukan Islam khasnya. Penubuhan ahli jawatankuasa Halal Team akan mengambil alih kewajipan ini secara sepenuh masa sebagai panel syariah untuk memastikan setiap peringkat pengeluaran produk tidak terdedah kepada unsur-unsur keraguan dan membahayakan.<sup>693</sup>

Sedia maklum bahawa pada tahun 2013, JAKIM telah mewajibkan semua permohonan baru pensijilan halal Malaysia dalam kategori industri multinasional dan sederhana untuk melaksanakan Sistem Jaminan Halal sebelum membuat permohonan pengesahan halal. Walau bagaimanapun, Sistem Jaminan Halal tidak dapat dilaksanakan kepada kategori industri kecil dan mikro kerana kekangan daripada beberapa sudut iaitu (i) tidak ada satu sistem pengurusan operasi halal yang tersusun; (ii) kesukaran menempatkan

---

<sup>692</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014. Lihat juga, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, “Prosedur Memohon Sijil Halal,” laman sesawang *Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*, dicapai pada 3 September 2014, [http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm\\_about\\_div&pg=bm\\_div\\_syariah&ac=1623](http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_about_div&pg=bm_div_syariah&ac=1623).

<sup>693</sup> Lokman Abd Rahman (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Seksyen Muamalat, Cawangan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 April 2015. Lihat juga, Ainol Amiriz Ismail, “Eksekutif Halal Sangat Perlu Industri Makanan, Minuman Di Malaysia,” laman sesawang *Utusan Online*, dicapai pada 24 Jun 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/eksekutif-halal-sangat-perlu-1.21687>.

sistem dokumentasi dan kawalan dokumentasi dengan teratur; dan (iii) kekurangan kemampuan dari segi kewangan dan prasarana.<sup>694</sup> Selain daripada itu, kajian mendapati bahawa keperluan yang ditetapkan JAKIM terhadap pihak syarikat bagi kategori industri kecil dan mikro kelihatan longgar kerana adalah mustahil dua orang pekerja Muslim atau seorang pekerja Muslim bertugas sepanjang masa di bahagian pengendalian/ pemprosesan makanan. Ini adalah kerana kemungkinan berlakunya situasi-situasi yang tidak dapat dielakkan (pekerja Muslim) untuk berada sepanjang masa di bahagian pemprosesan berlangsung. Wujud kemungkinan pekerja Muslim tidak dapat menghadirkan diri kerana sakit ataupun urusan peribadi yang lain. Perkara-perkara ini boleh membawa kepada masalah dalam pematuhan pensijilan halal Malaysia. Manakala bagi piawaian halal Brunei, piawaian ini sepatutnya menyertakan keperluan pihak syarikat untuk melantik dua orang Penyelia Makanan Halal dan menyatakan latihan halal yang sewajarnya diikuti bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan jaminan halal dalam sesebuah syarikat.

#### **4.4.3.3 Pelaksanaan undang-undang berkaitan halal dapat memastikan berlakunya kepatuhan terhadap terma dan syarat pensijilan**

Di Brunei, Undang-Undang Akta Daging Halal Penggal 183 dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 telah diwartakan dalam kerajaan. Melalui peruntukan ini, kerajaan tegas mewajibkan semua premis dan restoran di Brunei mendapatkan sijil halal. Manakala mana-mana pengusaha yang enggan memohon sijil halal khususnya peniaga bukan Islam premis tersebut akan diberikan sijil ‘Bukan Makanan Orang Islam’.<sup>695</sup> Dalam memastikan kehalalan makanan di setiap premis makanan seperti restoran, gerai dan seumpamanya,

<sup>694</sup> Sazelin Arif et al., “Kebolehsamaan Sistem Jaminan Halal Di Kalangan Pengusaha Restoran Di Malaysia: Isu dan Cabaran” (makalah, Paper Proceeding Of The 5<sup>th</sup> Islamic Economics System Conference (IECONS 2013), Fakulti Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur, 1-5 September 2013), 1058.

<sup>695</sup> Dayana Alias (Pegawai Permakanan, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014.

Jabatan Bandaran Negara Brunei Darussalam melalui Bahagian Pelesenan telah membuat garis panduan khusus bagi menetapkan sesebuah kedai dilabel dengan ‘Bukan Makanan Orang Islam’ seperti berikut: a) sekiranya pengurus, tukang masak dan pelayan kedai tersebut bukan beragama Islam, maka kedai tersebut akan dilabel sebagai bukan makanan untuk orang Islam; b) sekiranya pengurus kedai tersebut beragama Islam tetapi tukang masak dan pelayan bukan beragama Islam, maka kedai tersebut akan dilabel sebagai bukan makanan untuk orang Islam; dan, c) sekiranya pengurus kedai tersebut bukan beragama Islam tetapi tukang masak dan pelayan beragama Islam, maka kedai tersebut akan dilabel sebagai bukan makanan untuk orang Islam. Dapat disimpulkan di sini, pemilik, pengurus, tukang masak dan pelayan di setiap premis makanan yang dimiliki orang Islam hendaklah terdiri daripada kalangan orang Islam. Ia bertujuan bagi memberikan keyakinan yang maksima kepada pelanggan yang beragama Islam di samping menjaga kesucian serta kehalalan makanan yang disediakan daripada tercemar.<sup>696</sup>

Begitu juga di Singapura, MUIS merupakan badan tunggal yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil halal dan perkara-perkara yang berkaitan halal. Dalam AMLA 1968 di Seksyen 88A menetapkan MUIS mempunyai kuasa untuk mengawal selia pemegang sijil halal supaya mematuhi syarat dan terma pensijilan; mengkompaun dan mendakwa mana-mana premis yang melakukan kesalahan; dan mengenakan hukuman jika disabitkan kesalahan di mahkamah. Seksyen 88C juga membenarkan MUIS membuat peruntukan undang-undang berkaitan halal.<sup>697</sup>

Di Indonesia, peruntukan undang-undang khas berkaitan halal atau dikenali Undang-Undang Jaminan Produk Halal (UU JPH) sudah mendapat kelulusan di peringkat

<sup>696</sup> Pusat Da’wah Islamiah, *Makanan Halal Sumber Pembentukan Syaksiah Mulia*, 22-23.

<sup>697</sup> Administration Of Muslim Law Act, (Chapter 3), (Act 27 Of 1966).

parlimen Republik Indonesia namun masih lagi belum dilaksanakan sepenuhnya kerana memerlukan kelulusan daripada Peraturan Pemerintah (PP) dan Peraturan Menteri Agama (Permenag). UU JPH diharapkan dapat melindungi hak-hak pengguna dalam menjamin kehalalan produk makanan, ubat-ubatan, kosmetik serta produk barang gunaan yang berada di dalam pasaran Indonesia.<sup>698</sup>

Sebaliknya di Malaysia, undang-undang khas berkaitan halal masih lagi belum diwujudkan. Masalah utama yang menghalang penggubalan akta ini adalah persoalan yang berkaitan dengan perlembagaan di mana perkara halal adalah berkaitan dengan agama Islam maka ia terletak di bawah bidang kuasa negeri. Oleh yang demikian, penggubalan sesuatu undang-undang di peringkat persekutuan seperti akta berkaitan halal akan menyentuh sesuatu di bawah bidang kuasa negeri dan menimbulkan isu perlembagaan.<sup>699</sup> Oleh sebab itu, penguatkuasaan halal terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) manakala pihak JAKIM melakukan tugas yang berkaitan halal sahaja.<sup>700</sup> Proses pendakwaan akan dilakukan oleh KPDKKK ataupun lain-lain agensi penguatkuasaan yang terlibat berdasarkan input daripada pihak JAKIM. Pihak JAKIM akan dipanggil sebagai saksi dalam proses perbicaraan di mahkamah dan keputusan mahkamah dihebahkan oleh JAKIM untuk makluman awam.<sup>701</sup>

Berdasarkan kepada penerangan di atas, menunjukkan bahawa pelaksanaan undang-undang khas berkaitan halal dapat memastikan berlakunya kepatuhan terhadap terma dan syarat pensijilan serta memberikan kelebihan kepada badan pensijilan halal untuk mentadbir dan mengawal selia perkara yang berkaitan dengan halal dalam sesebuah negara.

<sup>698</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015.

<sup>699</sup> Zulzaidi Mahmood dan Ahmad Hidayat Buang, “Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal Di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 20, 3 (2012), 281.

<sup>700</sup> Nadia Zammil Md Nasir (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 Mei 2014.

<sup>701</sup> Bahagian Hab Halal, *MPPHM 2014*, 40.

Brunei mempunyai kelebihan kerana berjaya menggubal undang-undang berkaitan halal manakala Singapura pula mempunyai satu garis panduan piawaian halal yang lengkap dan disokong oleh peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Sementara itu, Indonesia telah berjaya mendapatkan kelulusan undang-undang khas berkaitan halal (UU JPH) di peringkat parlimen dan kini menunggu kelulusan daripada pihak berwajib untuk dilaksanakan sepenuhnya. Pelaksanaan UU JPH mampu melindungi hak-hak pengguna Islam sekali gus menjamin kehalalan produk yang berasaskan makanan dan barang gunaan. Manakala, Malaysia mempunyai kelemahan dalam aspek pemantauan dan penguatkuasaan halal kerana KPDNKK mempunyai kuasa untuk menyita, mengkompaun dan mendakwa mana-mana premis atau rumah sembelihan manakala pegawai JAKIM hanya memainkan peranan sebagai pemantau, pengesah kesalahan dan saksi bagi kes-kes yang berkaitan halal sahaja. Justeru, penggubalan undang-undang khas berkaitan halal sewajarnya digubal oleh kerajaan bagi memberikan kuasa penuh kepada JAKIM selaku badan tunggal yang mengawal selia perkara yang berkaitan halal di Malaysia dan tidak perlu bergantung kepada mana-mana agensi kerajaan yang lain.

#### **4.5 Implikasi Pengesahan Halal Indonesia, Singapura dan Brunei Bagi Produk Yang Diimport Ke Malaysia**

Berdasarkan kepada subtopik yang telah dibincangkan di atas, jelas membuktikan bahawa terdapat beberapa persamaan, perbezaan, kelebihan dan kelemahan terhadap penentuan piawaian halal di empat buah negara ini. Perbezaan dalam penentuan piawaian halal di empat negara sudah pastinya memberikan implikasi kepada pengesahan halal Indonesia, Singapura dan Brunei bagi produk yang diimport ke Malaysia.

Di Malaysia, produk halal Indonesia, Singapura dan Brunei dibenarkan memasuki pasaran Malaysia tanpa sebarang sekatan berikutan JAKIM tiada kuasa menghalang kemasukan produk import memasuki Malaysia kerana ia memerlukan kerjasama di antara kementerian-kementerian yang terlibat dalam menguatkuaskan undang-undang berkaitan import dan eksport. Walau bagaimanapun dalam konteks bidang kuasa JAKIM, JAKIM tegas tidak akan memberikan pengesahan halal kepada produk halal Indonesia, Singapura dan Brunei sekiranya sumber bahan yang digunakan tidak selaras dengan piawaian halal Malaysia.<sup>702</sup>

Dari aspek penggunaan pula, mana-mana produk makanan atau barang gunaan yang bertentangan dengan garis panduan yang diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia seperti Garis Panduan Mengenai Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan Makanan Halal; Garis Panduan Penggunaan Tulang, Tanduk, Gigi dan Kuku Untuk Dijadikan Barang Gunaan dan Perhiasan; Garis Panduan Penggunaan Kulit dan Bulu Untuk Dijadikan Pakaian atau Barang; dan Garis Panduan Sertu Orang Islam Menurut Pandangan Islam maka produk tersebut haram digunakan.<sup>703</sup>

Kajian mendapati bahawa banyak produk halal Indonesia yang berada dalam pasaran Malaysia berbanding dengan produk halal yang mendapat pengesahan halal semula daripada pihak JAKIM. Misalnya, Indo Creamer, Kapal Api Java Latte, Indo Café Coffemix 3-in-1, Golden Churn Butter, Biskut Oreo, Chesdale, Anchor, Cocomas, Santan Kelapa, Kara, Harmuni, Rits Krekers Crackers, Good Time, Haan Instant Cake Miz, Biskitop Wafer Sticks dan Shapes Grilled BBQ. Ini merupakan produk makanan yang

<sup>702</sup> Johari Abd. Latiff (Penolong Pengarah, Bahagian Hab Halal, Cawangan Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 1 September 2014.

<sup>703</sup> *Ibid.*

mendapat pengesahan halal Indonesia dan berada dalam pasaran Malaysia. Manakala produk makanan yang mendapat pengesahan halal Indonesia berserta JAKIM adalah Indo Mie Instant Noodles, Mie Sedaap Instant, L.A.Coffee dan TAM TAM-Crab Flavoured Snack. Justeru, bagi memperluaskan pengiktirafan pensijilan halal oleh badan-badan Islam yang diiktiraf, logo halal yang digunakan ke atas setiap produk yang dieksport perlu mendapatkan akreditasi halal daripada JAKIM bagi tujuan memenuhi permintaan pengguna beragama Islam Malaysia (mungkin juga bukan beragama Islam) ke atas status halal produk yang diimport.

Walau bagaimanapun, Indonesia dengan tegas tidak akan membenarkan mana-mana produk halal memasuki pasaran Indonesia bagi tujuan eksport kecuali mendapat pengesahan halal semula daripada LPPOM MUI. Ini adalah kerana, LPPOM MUI telah menandatangani perjanjian *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan Badan Pengawasan Obat dan Makanan Republik Indonesia (BPOM RI) dalam rangka mengawal perdagangan halal di Indonesia melalui label dan pengawasan produk berlabel halal. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya penyalahgunaan logo halal dalam kalangan industri dan pengguna.<sup>704</sup>

Dengan mengambil kira faktor kos yang tinggi seperti masa dan jarak perjalanan jauh serta kemungkinan terdapat kesan ke atas harga barang halal yang diimport lanjutan daripada kos pemeriksaan audit lapangan yang perlu ditanggung oleh pihak industri. Kajian dengan ini mengesyorkan agar Indonesia mengkaji semula prosedur pensijilan halal yang sedia ada terutamanya dalam isu pemeriksaan audit lapangan bagi produk-produk halal yang diimport. Indonesia boleh memberi pertimbangan untuk melonggarkan pemeriksaan

---

<sup>704</sup> Hendra Utama (Ketua Standar Halal, Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia, Kota Bogor, Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 11 Mei 2015.

audit lapangan iaitu dengan memberi akreditasi secara menyeluruh ke atas pensijilan halal yang telah dikeluarkan oleh mana-mana badan Islam yang diiktiraf bagi sesuatu produk dan barang halal yang diimport. Kelonggaran ini dilihat akan memberi galakan kepada syarikat luar negara untuk tidak terikat hanya kepada pensijilan halal bagi setiap negara yang dieksport melainkan terdapat isu-isu keraguan halal yang memerlukan pemeriksaan audit lapangan.

Di samping itu, kajian turut mendapati bahawa terdapat sesetengah negara yang menambah syarat tambahan dalam memenuhi piawaian halal di negara tersebut. Misalnya Brunei telah menambah syarat pemeriksaan sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa wajib hadir semasa prosedur sembelihan haiwan<sup>705</sup> bagi memastikan prosedur sembelihan dilaksanakan menurut hukum syarak sepenuhnya. Penambahan syarat-syarat tertentu dalam penentuan piawaian halal adalah dibenarkan kerana satu garis panduan penentuan piawaian halal telah dibuat dan disepakati dalam negara-negara yang menganggotai MABIMS pada tahun 1994 tanpa menandatangani sebarang MoU di antara negara-negara berkenaan. Oleh yang demikian, mana-mana negara boleh menambah apa-apa takrif dan syarat mengikut keperluan negara masing-masing.<sup>706</sup>

Namun tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan dalam penentuan piawaian halal di empat negara ini memberikan implikasi kepada penggiat industri halal dan pengguna. Pertama, kesukaran kepada penggiat industri halal negara untuk memasarkan produk halal

---

<sup>705</sup> Dalam PBD 24:2007 di klausa 3.3, disyaratkan supaya dua pemeriksa hadir semasa prosedur-prosedur di bawah dijalankan iaitu penyembelihan haiwan; semasa penyediaan, pengendalian, penyimpanan, pembungkusan, proses mengangkat, pengangkutan dan sebarang proses lain yang melibatkan daging; dan pengilangan, pemprosesan, pengendalian, penyimpanan, pembungkusan, pengangkutan dan sebarang bentuk olahan untuk menghasilkan dan mengendalikan makanan halal yang diproses. The Religious Council Brunei Darussalam, *PBD 24:2007*, 14.

<sup>706</sup> Dayang Zurina Salwa (Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Majlis Ugama Islam Brunei, Negara Brunei Darussalam), dalam temu bual dengan penulis, 10 November 2014.

ke peringkat antarabangsa sekali gus mengurangkan jualan pendapatan tahunan. Kedua, penggiat industri halal perlu menanggung bayaran fi pensijilan halal yang berganda bagi mendapatkan akreditasi halal semula daripada mana-mana badan pensijilan halal. Situasi ini menyukarkan penggiat industri halal khususnya industri kecil dan mikro berikutan kekangan modal yang terhad.<sup>707</sup> Ketiga, kekeliruan dalam kalangan pengguna berikutnya terdapat pelbagai pengesahan logo halal daripada badan Islam yang diiktiraf dalam sesebuah negara. Justeru, usaha untuk membangunkan piawaian halal yang bertaraf universal penting untuk memenuhi permintaan global yang tinggi setiap tahun bukan hanya di negara-negara Islam bahkan negara-negara bukan Islam.<sup>708</sup>

#### **4.6 Penutup**

Fatwa merupakan penjelasan dan penerangan daripada ahli fiqh berkaitan hukum syarak untuk memberikan jawapan kepada permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Fatwa menjadi rujukan utama dalam penentuan piawaian halal di empat buah negara (Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura) dan fatwa boleh berubah seiring dengan perubahan semasa dan setempat. Faktor-faktor yang mempengaruhi kepada perbezaan fatwa di empat negara adalah berpuncak daripada perbezaan dasar kerajaan dan agama, ‘urf dan *maṣlahah*. Ketiga-tiga faktor ini turut mempengaruhi kepada perbezaan dalam penentuan piawaian halal di empat buah negara.

Walau bagaimanapun, perbezaan dalam penentuan piawaian halal di empat negara mampu memberikan satu solusi rujukan utama untuk membangunkan piawaian halal

---

<sup>707</sup> Lokman Abd Rahman (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Seksyen Muamalat, Cawangan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 22 April 2015.

<sup>708</sup> *Ibid.* Lihat juga, Zulzaidi dan Ahmad, “Isu dan Cabaran,” 281. Lihat juga, Kosmo, “Perlu ada Piawaian Halal Seragam-PM,” laman sesawang Kosmo, dicapai 30 Jun 2015, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0624&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne\\_08.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0624&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_08.htm).

universal. Standard halal Malaysia boleh dijadikan asas panduan dalam membangunkan piawaian halal universal. Ini adalah kerana piawaian halal Malaysia telah diterima diperingkat antarabangsa dan mendapat kepercayaan daripada negara-negara OIC sebagai peneraju piawaian halal di antara negara-negara Islam yang diiktiraf dunia. Bahkan, banyak negara Islam meyakini bahawa Malaysia mampu mewujudkan piawaian halal universal dan menjadi sebuah hab halal dunia kerana pengalamannya selama lebih 40 tahun dalam pembangunan pensijilan halal.<sup>709</sup>

Meskipun standard halal Malaysia masih belum mampu digunakan secara bersama dengan negara-negara yang lain kerana aliran mazhab yang berbeza namun standard halal Malaysia memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa dengan meluaskan perbincangannya kepada pandangan empat mazhab agar ia dapat diterima umum oleh negara-negara lain. Malaysia boleh mengadakan kerjasama dengan negara-negara yang menganggotai ASEAN untuk menetapkan satu piawaian halal yang seragam.<sup>710</sup> Cabaran menyelaraskan piawaian halal diperingkat MABIMS sudah cukup sukar apatah lagi cabaran-cabaran yang terpaksa diharungi Malaysia untuk mewujudkan piawaian halal universal namun begitu perkara ini tidak mustahil untuk direalisasikan pada masa hadapan.

---

<sup>709</sup> Mahanum Ab Aziz dan Zuraidah Mohamed, "Malaysia Pusat Rujukan Halal," laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 10 April 2014, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Malaysiapusatrujukanhalal/Article/>.

<sup>710</sup> Muhd. Nizam Abd. Hamid, "Malaysia, Thailand Kerjasama Piawaian Halal," laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 30 Jun 2015, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130822/dn\\_54/Malaysia-Thailand-perlu-kerjasama-piawaian-halal---TPM](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130822/dn_54/Malaysia-Thailand-perlu-kerjasama-piawaian-halal---TPM).

## BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

### 5.1 Pendahuluan

Tesis ini membandingkan penentuan piawaian halal antara Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Kajian dibuat rentetan daripada isu perbezaan dalam penentuan produk halal terhadap beberapa isu halal yang timbul terutamanya melibatkan produk makanan, minuman, kosmetik dan perubatan. Perbezaan penentuan produk halal telah menyebabkan keputusan fatwa yang dikeluarkan tidak selaras dan menimbulkan kefahaman yang pelbagai dalam isu berkaitan halal sehingga mewujudkan kecelaruan dalam kalangan pihak industri dan pengguna. Bahkan dalam industri pengeksportan produk halal, didapati berlaku ketidakseragaman dalam piawaian halal yang dipraktikkan dan jelas memberikan implikasi kepada produk-produk import yang di bawa masuk ke dalam sesebuah negara.

Dalam bab kedua, konsep makanan, farmaseutikal dan kosmetik menurut perspektif hukum Islam dibincangkan secara menyeluruh berdasarkan kepada piawaian halal yang diterbitkan oleh Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Manakala dalam bab ketiga, perbincangan juga dibuat secara mendalam tentang latar belakang badan pensijilan halal, prosedur pengeluaran sijil halal dan piawaian halal yang diterbitkan di empat negara berkenaan. Dalam bab keempat pula, dibincangkan faktor-faktor perbezaan fatwa kepenggunaan terhadap beberapa isu halal terpilih dan dalam bab yang sama juga perbandingan dijalankan terhadap piawaian halal yang diterbitkan bagi mengenal pasti titik persamaan, perbezaan, kelebihan dan kelemahan setiap negara.

Oleh sebab itu, bab ini merumuskan keseluruhan bab dan mengemukakan cadangan penambahbaikan dalam piawaian halal supaya boleh diaplikasikan secara bersama di antara negara-negara yang dikaji.

## **5.2 Dapatan Kajian**

Hasil daripada kajian yang dijalankan, dapatan kajian dirumuskan seperti berikut:

**a) Objektif 1: Menjelaskan piawaian halal berkaitan makanan, farmaseutikal dan kosmetik antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei**

- i. Islam merupakan agama yang syumul dan mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Pensyariatan hukum Islam khususnya bagi takrifan halal, haram dan syubhah adalah bertujuan menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat, serta menolak setiap perkara yang menyebabkan kemudaratannya kepada manusia. Halal mempunyai pengertian yang cukup luas. Halal boleh didefinisikan sebagai setiap perkara yang dibenarkan oleh Allah SWT untuk menggunakan dan diambil manfaat daripadanya, manakala haram adalah sesuatu perkara yang ditegah oleh Allah SWT maka wajib menjauhi daripada perkara yang diharamkan oleh Allah SWT dalam semua aktiviti kehidupan manusia. Syubhah pula merupakan produk yang diragui kehalalannya disebabkan hukum yang tidak jelas sama ada halal ataupun haram. Dalam situasi ini, Islam menggalakkan untuk menghindari dan menjauhi daripada mengambil produk yang syubhah kerana dikhuatiri akan mengambil sesuatu perkara yang diharamkan oleh Allah SWT.
- ii. Piawaian makanan halal telah diterbitkan di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura melalui MS 1500:2009 Makanan Halal- Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Garis Panduan Am Ruang Simpanan (semakan kedua), HAS 23201-Pensyaratan Bahan Pangan, PBD 24:2007-Standard Makanan Halal Brunei Darussalam, dan MUIS-HC-5001 Garis Panduan Umum Pengendalian dan Pemprosesan Makanan Halal. Manakala, piawaian farmaseutikal halal hanya diterbitkan di Malaysia dan

Brunei) melalui MS 2424:2012: Farmaseutikal Halal- Garis Panduan Umum dan GD 24: 2010-Garis Panduan bagi Pengendalian Produk Perubatan Halal, Perubatan Tradisional dan Suplemen Kesihatan Brunei Darussalam. Sementara itu, piawaian kosmetik halal hanya diterbitkan di Malaysia melalui MS 2200:2008 Barang Gunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandanan Diri-Garis Panduan Umum.

- iii. Berdasarkan kepada takrifan bagi makanan halal, farmaseutikal halal dan kosmetik halal di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura, ia tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Terdapat dua aspek yang diberikan perhatian, iaitu sumber bahan dan teknikal. Sumber bahan yang digunakan mestilah bersumberkan daripada sumber yang benar-benar halal dan suci, manakala dari sudut teknikal pula setiap pemprosesan produk yang melibatkan proses penyediaan, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan, pengangkutan dan pengedaran kepada pengguna wajib diasingkan daripada produk barang yang tidak menepati piawaian halal. Ia bertujuan bagi mengelakkan berlakunya pencemaran ataupun kontaminasi silang terhadap produk yang sudah pun mendapat pengesahan halal oleh pihak berkuasa.
- iv. Kajian merumuskan bahawa takrifan halal bagi produk makanan mahupun barang gunaan perlu menepati beberapa elemen berikut; a) tidak mengandungi produk haiwan yang tidak halal; b) tidak mengandungi produk haiwan yang tidak disembelih menurut hukum syarak; c) tidak mengandungi bahan najis menurut hukum syarak; d) tidak mengandungi bahagian tubuh badan manusia dan derivatifnya; e) tidak mengandungi bahan yang terubah suai baka yang disahkan najis menurut hukum syarak; f) peralatan pemprosesan dan lokasi pengendalian produk halal dipisahkan secara fizikal daripada produk yang tidak halal; dan g)

selamat, tidak beracun, tidak memabukkan dan tidak berbahaya untuk digunakan kepada kesihatan.

- v. Terdapat sebelas prinsip umum penentuan halal dan haram dalam Islam sepertimana yang digariskan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī serta beberapa teori fiqh berkaitan halal. Ia dapat membantu para ulama semasa mentarjihkan hukum bagi menyelesaikan persoalan semasa khususnya yang berkaitan isu halal yang sering kali diwar-warkan dalam media sosial. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab pengeluar dan pengguna untuk memahami dan meyakini bahawa pengesahan halal bukan sahaja sekadar menjamin status kehalalan produk malah ia bertepatan dengan garis panduan al-Quran dan sunnah.

**b) Objektif 2: Mengenal pasti piawaian halal yang dibangunkan antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei**

- i. Badan pensijilan halal negara memainkan peranan penting dalam memastikan produk halal sampai ke tangan pengguna adalah halal, suci dan berkualiti tinggi di samping memenuhi cita rasa antarabangsa. Malaysia merupakan antara negara yang memainkan peranan penting sebagai pusat pensijilan halal di pentadbiran kerajaan yang diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku badan rasmi pensijilan halal di Malaysia telah memberikan pengesahan halal sejak tahun 1974 dan pada tahun 2011 yang lalu, JAKIM/ Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) adalah badan pensijilan halal yang berkuasa penuh dalam mengawal selia berhubung dengan makanan, barang ataupun perkhidmatan halal di negara ini. JAKIM memainkan peranan utamanya dengan memastikan semua produk yang

diberikan sijil halal atau yang menggunakan perbahasan halal adalah suci dan halal mengikut lunas-lunas syarak; mengkaji, mengesah, dan mengawal selia semua produk makanan dan barang gunaan Islam supaya terjamin suci dan halal dengan cekap dan berkesan. Malah, terikat dengan beberapa akta perundangan yang dikuatkuaskan berkaitan halal di Malaysia. MYeHalal adalah satu sistem penyeragaman yang menggunakan satu prosedur, satu standard, satu sistem, satu sijil dan satu logo. Melalui sistem ini, terdapat tujuh skim permohonan sijil halal yang telah diperkenalkan iaitu skim produk makanan/ minuman/ makanan tambahan, skim premis makanan, skim barang gunaan, skim rumah sembelih, skim kosmetik dan dandanan diri, skim farmaseutikal, dan skim logistik. Prosedur pensijilan halal Malaysia melibatkan enam peringkat yang utama iaitu bermula dengan permohonan, bayaran fi pensijilan, pengauditan, Mesyuarat Panel Pengesahan Halal, penerbitan sijil halal, dan diakhiri dengan pemantauan dan penguatkuasaan halal. Selain daripada itu, Malaysia telah berjaya menerbitkan tujuh piawaian halal yang diperakui di peringkat dunia, antaranya adalah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (MPPHM 2014), MS 1500: 2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum (Semakan Kedua), MS 2424:2012: Farmaseutikal Halal- Garis Panduan Umum, MS 2200:2008 Barang Gunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandanan Diri-Garis Panduan Umum, MS 2400-1:2010 *Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline-Part 1: Management System Requirements for Transformation of Goods and/or Cargo Chain Services*, MS 2400-2:2010 *Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline-Part 2: Management System Requirements for Warehousing and Related Activities*, dan MS 2400-1:2010 *Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline-Part 3:Management System Requirements for Retailing*.

- ii. Di Indonesia, Majelis Ulama Indonesia (MUI) telah menubuhkan Lembaga Pengkajian Pangan, Obat-obatan dan Kosmetika Majelis Ulama Indonesia (LPPOM MUI) pada 6 Januari 1989. LPPOM MUI mempunyai visi utamanya untuk menjadi badan pensijilan halal yang dipercayai di Indonesia dan di peringkat dunia. Peranan utama LPPOM MUI adalah, menetap dan mengembangkan standard halal dan standard audit halal; melakukan pensijilan terhadap produk makanan, ubat-ubatan dan kosmetik; memberikan kesedaran halal dalam kalangan masyarakat Islam; dan menyediakan maklumat-maklumat berkaitan produk halal secara menyeluruh. Bahkan seperti Malaysia, LPPOM MUI juga terikat dengan akta perundangan yang dikuatkuasakan berkaitan halal di Indonesia. Sertifikat halal adalah fatwa tertulis MUI yang menyatakan kehalalan suatu produk sesuai dengan syariat Islam dan ia juga merupakan syarat untuk mendapatkan kebenaran pencantuman label halal pada pembungkusan produk daripada Badan POM. LPPOM MUI telah memperkenalkan beberapa kategori dalam skim pensijilan halal Indonesia antaranya adalah makanan dan minuman, kosmetik, ubat-ubatan, dan rumah potong haiwan. Prosedur pensijilan halal Indonesia melibatkan beberapa peringkat iaitu bermula dengan penerapan Sistem Jaminan Halal (SJH), permohonan, pembayaran sertifikasi, pemeriksaan kecukupan dokumen dan pelaksanaan audit, evaluasi pasca audit (Rapat Audit dan Rapat Komisi Fatwa), penerbitan sertifikat halal, dan inspeksi mendadak (Sidak). Indonesia juga telah berjaya menerbitkan tiga piawaian halal sebagai garis panduan lengkap dalam memenuhi keperluan pensijilan halal di Indonesia, antaranya adalah HAS 23000-Pensyaratan Sertifikasi Halal (HAS 23000:1 Pensyaratan Sertifikasi Kriteria Sistem Jaminan Halal dan HAS 23000:2 Pensyaratan Sertifikasi Halal: Kebijakan dan Prosedur), HAS 23103-Pedoman

Pemenuhan Kriteria Sistem Jaminan Halal di Rumah Potong Haiwan dan HAS  
23201-Pensyarat Bahan Pangan Halal.

- iii. Di Brunei pula, Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) telah ditubuhkan pada 15 Julai 1997. BKMH mempunyai beberapa misi yang utama iaitu melaksanakan penguatkuasaan Undang-undang Akta Daging Halal Penggal 183 dan aturan-aturannya serta Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 & kehendak-kehendaknya; memastikan perlaksanaan undang-undang berkenaan dijalankan selaras dengan hukum syarak; dan memastikan tiada penyelewengan atau penipuan terhadap penggunaan sijil halal dan label halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). BKMH juga dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan menangani segala pemakanan halal di Brunei termasuk restoran, kedai makan, kilang produk makanan, tempat perniagaan dan seumpamanya yang berhasrat untuk menggunakan tanda halal Brunei. Malah, BKMH adalah sebuah organisasi berwibawa yang mengawal selia makanan halal di Brunei Darussalam dan sekali gus berfungsi untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang makanan halal di Brunei. Dalam prosedur pensijilan halal Brunei, BKMH menawarkan dua jenis permohonan iaitu permohonan sijil halal dan permohonan permit halal. Permohonan sijil halal biasanya dikhususkan kepada restoran (termasuk gerai, kantin dan seumpamanya), dan kilang (sama kilang berskala kecil, sederhana ataupun multinasional), manakala bagi permohonan permit halal pula ia dikhaskan kepada pemohon yang memohon label halal ke atas produk makanan. Prosedur pensijilan halal mempunyai beberapa peringkat iaitu bermula daripada permohonan, pengauditan, mesyuarat jawatankuasa, bayaran fi pensijilan, pengeluaran sijil halal, dan diakhiri dengan pemantauan dan penguatkuasaan halal. Sehingga kini, Brunei

hanya menerbitkan dua piawaian halal sebagai garis panduan lengkap dalam memenuhi keperluan pensijilan halal di Brunei iaitu PBD 24: 2007-Standard Makanan Halal Brunei Darussalam dan GD 24: 2010-Garis Panduan bagi Pengendalian Produk Perubatan Halal, Perubatan Tradisional dan Suplemen Kesihatan Brunei Darussalam.

- iv. Di Singapura, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah ditubuhkan pada tahun 1968 apabila *Administration Of Muslim Law Act* (AMLA) 1968 dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, MUIS telah menyediakan perkhidmatan halal secara rasminya pada tahun 1978. MUIS memainkan peranan yang penting dalam mengeluarkan sijil halal kepada industri dan menguatkuasakan undang-undang pensijilan halal di Singapura. Peraturan dan perundangan yang berkaitan dengan pensijilan halal dijelaskan dalam AMLA 1968 pada seksyen 88A, dan 88C. MUIS menawarkan tujuh skim pensijilan halal antaranya adalah Skim Makanan (*Eating Establishment Scheme*), Skim Mengendors (*Endorsement Scheme*), Skim Penyediaan Makanan (*Food Preparation Area Scheme*), Skim Rumah Sembelihan Ayam (*Poultry Abattoir Scheme*), Skim Produk (*Product Scheme*), Skim Perkhidmatan Penyimpanan (*Storage Facility Scheme*), dan *Whole Plant Scheme*. Prosedur pensijilan halal Singapura melibatkan beberapa peringkat iaitu bermula dengan permohonan, bayaran fi pensijilan, pengauditan, ahli panel kelulusan MUIS, penerbitan sijil halal, dan diakhiri pemantauan dan penguatkuasaan halal. Singapura telah menerbitkan dua piawaian halal bagi rujukan pihak industri dan juga pengguna, iaitu MUIS-HC-5001-Garis Panduan Umum Pengendalian dan Pemprosesan Makanan Halal (*General Guidelines for the Handling and Processing of Halal Food*) serta MUIS-HC-5002-Garis Panduan Umum Pembangunan dan

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Halal (*General Guidelines for the Development and Implementation of a Halal Quality Management System*).

**c) Objektif 3: Menilai faktor-faktor perbezaan fatwa kepenggunaan terhadap beberapa isu halal yang terpilih antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei**

i. Fatwa adalah penjelasan dan penerangan daripada ahli fiqh berkaitan hukum syarak bagi memberikan jawapan kepada permasalahan dan pertanyaan yang timbul dalam masyarakat berdasarkan kepada perundangan Islam. Fatwa menjadi rujukan utama dalam pembangunan piawaian halal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Apabila timbul isu-isu baru yang memerlukan kepada penjelasan hukum maka pandangan jawatankuasa fatwa dirujuk untuk memastikan keputusan yang dikeluarkan benar-benar tepat, komprehensif dan berwibawa. Di Brunei, jawatankuasa fatwa terlibat secara langsung dalam membangunkan piawaian halal sebagai Ahli Jawatankuasa Teknikal. Manakala Rapat Komisi Fatwa turut terlibat secara langsung dalam memberikan pengesahan halal dan piawaian halal di Indonesia. Berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi kepada perbezaan fatwa kepenggunaan terhadap beberapa isu halal yang terpilih:

- Faktor pertama: Kerajaan dan Agama

Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan raja berpelembagaan iaitu dengan mengamalkan demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Perdana Menteri dan meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara. Manakala, Brunei memiliki elemen monarki dalam pemerintahannya dan pentadbiran monarki bersifat menyeluruh yang diketuai oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negera Brunei Darussalam. Sementara itu, Singapura dan Indonesia merupakan sebuah negara Republik yang mana Presiden berfungsi sebagai ketua negara dan dibantu oleh menteri-menteri kabinet yang lain.

Malaysia dan Brunei menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi namun kedua-dua negara ini masih menjamin kebebasan beragama dan rakyat bebas mengamalkan adat resam serta upacara keagamaan masing-masing sebagaimana yang dipraktikkan di Indonesia dan Singapura. Kesan sejarah memberi pengaruh yang besar ke atas setiap sistem perundangan dan kehakiman di mana kedudukan syariat undang-undang Islam telah banyak berubah dari sudut kedudukan pentadbiran dan kehakiman meskipun negara-negara ini telah merdeka dan berdaulat khususnya perkara yang berkaitan dengan Mufti dan bidang kuasanya.

Dalam prosedur pengeluaran fatwa dan piawaian halal di empat negara, Brunei masih lagi terikat secara ketat dengan pengamalan Mazhab Syafii khususnya berkaitan penentuan hukum produk halal. Manakala Malaysia dan Singapura pula berpegang kukuh kepada pengamalan Mazhab Syafii namun begitu terbuka menerima pandangan daripada tiga mazhab yang lain. Indonesia pula mengutamakan sumber primer, sumber sekunder dan pandangan daripada empat mazhab dirujuk dengan memilih pandangan yang paling kuat dalilnya serta membawa kepada kemaslahatan masyarakat awam. Keanggotaan MUI yang pelbagai mewakili sebahagian aliran fahaman konservatif dan aliran fahaman modenisme menyebabkan tidak mustahil berlakunya pertembungan pandangan dalam kalangan para fuqaha dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan syariah.

- Faktor kedua: ‘Urf

‘Urf merupakan sesuatu perkara yang diketahui dan menjadi kebiasaan dalam kalangan manusia sama ada ia melibatkan perkataan, perbuatan dan pengakuan serta diamalkan secara konsisten dan teratur. Sedia maklum bahawa empat buah negara ini mempunyai masyarakat yang berbilang kaum (*multi racial*) di mana masyarakatnya terdiri daripada beberapa kumpulan etnik atau suku bangsa yang berbeza-beza yang menunjukkan bahawa setiap negara mempunyai latar belakang ‘urf dan adat setempat yang berbeza.

Islam sebagai sebuah agama yang universal, memperakukan mana-mana ‘urf dan adat setempat yang sesuai dan selari dengan hukum Islam dan menolak mana-mana ‘urf dan adat setempat yang jelas bertentangan dengan peraturan agama, kemudian ‘urf dan adat setempat tersebut akan dipinda dan diperbaiki supaya selaras dengan matlamat Islam. Misalnya ‘urf yang diamalkan di Malaysia berbeza daripada amalan atau cara hidup masyarakat di Indonesia yang mana ‘urf di Malaysia menolak sebarang pencampuran bahan yang tidak halal dalam produk kosmetik namun begitu ‘urf di Indonesia membenarkan penggunaan produk kosmetik yang bercampur dengan bahan yang tidak halal (selain babi dan bahan terubah suai genetik yang melibatkan penggunaan gen manusia) bagi kegunaan luaran kerana kesukaran bagi masyarakat Indonesia untuk mengenal pasti sumber bahan yang digunakan dalam sediaan kosmetik.

- Faktor ketiga: *Maṣlahah*

*Maṣlahah* adalah setiap perkara yang membawa kebaikan dan menolak keburukan kepada manusia untuk memelihara lima perkara iaitu agama, nyawa, akal,

keturunan dan harta benda meskipun bertentangan dengan kehendak individu dan masyarakat awam. Sedua maklum bahawa *maṣlaḥah* merupakan neraca dalam menentukan hukum yang tidak dinaskan oleh syarak dan *maṣlaḥah* sentiasa berlaku perubahan mengikut keperluan semasa dan setempat pada setiap negara.

Dalam prosedur pengeluaran fatwa di empat negara, pandangan Mazhab Syafii diutamakan namun sekiranya didapati pandangan ini berlawanan dengan *maṣlaḥah* awam maka pandangan daripada tiga mazhab yang lain serta ijтиhad *jamā’i* boleh digunakan. Misalnya Malaysia mengharuskan penggunaan vaksin Meningitis jenama *Mencevax* kepada jemaah haji dan umrah bagi mencegah penyakit Meningococcal Meningitis kerana *maṣlaḥah darūriyyah* bagi tujuan menyelamatkan nyawa. Sementara itu, Indonesia pula mengharamkan penggunaan vaksin Meningitis jenama *Mencevax* kerana mendapati proses penghasilan vaksin tersebut menggunakan sumber daripada babi malah terdapat vaksin halal yang boleh digunakan kepada jemaah haji dan umrah di Indonesia. Oleh sebab itu, keharusan menggunakan vaksin yang mengandungi sumber babi disebabkan darurat tidak relevan lagi digunakan.

**d) Objektif 4: Membandingkan piawaian halal yang dibangunkan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei**

- i. Persamaan yang dikenal pasti dalam kajian ini, adalah;
  - Definisi makanan halal, kosmetik halal dan farmaseutikal halal yang jelas

Definisi bagi makanan halal, kosmetik halal dan farmaseutikal halal di empat negara dijelaskan dengan baik dan terperinci. Dapat difahami bahawa makanan dan

barang gunaan yang telah diperakui halal adalah produk yang mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan Islam iaitu bebas daripada komponen yang diharamkan oleh Allah SWT. Bahkan ia bukan sahaja melihat kepada bahan ramuan yang terkandung di dalamnya tetapi merangkumi semua aspek lain termasuklah pengurusan, pemprosesan, pengendalian, pengedaran, penyajian, penyimpanan, pengangkutan, pembungkusan, pelabelan, pengiklanan, dan semua proses yang berkaitan. Namun begitu elemen mudarat tidak diperincikan, hanya Malaysia dan Brunei yang menyertakan elemen mudarat dalam definisi halal bagi makanan, farmaseutikal dan kosmetik bahkan elemen mudarat dijelaskan lagi dalam klausula yang lain meskipun huraiannya tidak menyeluruh. Elemen mudarat hendaklah dijelaskan mengikut perspektif *maqāṣid al-shari‘ah* dalam penentuan piawaian halal di empat negara.

- Kecekapan prosedur penilaian audit

Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura melaksanakan prosedur penilaian audit dengan begitu teliti dan terperinci bahkan kaedah pelaksanaannya hampir sama. Namun begitu, Singapura melakukan prosedur penilaian audit dengan lebih aktif di mana Singapura telah menyerahkan tugas audit kepada Warees Halal (Warees Investments Pte Ltd) sejak tahun 2006 dan kaedah ini mempercepatkan penerbitan sijil halal. Demikian juga di Indonesia, meskipun LPPOM MUI merupakan badan bukan kerajaan dan menjalankan tugas audit dengan kecekapan yang sedia ada namun gerak kerja yang cekap mampu menerbitkan sijil halal dengan kadar yang cepat. Berbeza dengan Malaysia dan Brunei yang mempunyai kelewatan dalam menerbitkan sijil halal kepada pemohon.

- Ketelitian dalam prosedur pensampelan dan analisis makmal

Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura mengaplikasikan metode pensampelan dan analisis makmal bagi mengesahkan produk yang diragui status halalnya. Sampel bahan atau ramuan yang dicurigai mengandungi bahan haram akan diambil untuk pengujian makmal dan keputusan boleh dikeluarkan dalam tempoh yang singkat dan tepat. Beberapa teknik moden telah dibangunkan oleh para saintis yang menggunakan peralatan canggih bagi mengesan kehadiran unsur-unsur ramuan daripada sumber haiwan yang haram dalam makanan dan barang gunaan seperti spektroskopi, kromatografi, kalorimetri dan biologi molekul. Misalnya dapatan analisis makmal Malaysia memutuskan bahawa penggunaan produk mentega jenama *Pure Creamy Butter Golden Churn Butter* sebagai haram kerana telah disahkan mengandungi DNA babi yang berpunca daripada berlakunya kontaminasi silang dalam salah satu rantaian penghasilan produk tersebut. Akan tetapi, dapatan analisis makmal Brunei pula mengesahkan produk mentega ini tidak berlaku pencampuran dengan sebarang DNA haiwan selain sumber bahan (susu lembu) yang digunakan dalam penghasilannya dan tidak tercemar daripada apa-apa bahan yang boleh membahayakan dari segi kebersihan dan kesihatan. Oleh sebab itu, Brunei memutuskan bahawa produk mentega *Golden Churn* tidak diragui kehalalannya.

- ii. Perbezaan yang dikenal pasti dalam kajian ini, adalah;

- Perbezaan kriteria sumber bahan

Penerangan sumber bahan bagi makanan, farmaseutikal dan kosmetik yang halal dijelaskan dengan baik sekali di empat negara kerana dikategorikan dalam bentuk

kumpulan haiwan, tumbuhan, mineral semula jadi dan bahan kimia, minuman dan lain-lainnya. Namun begitu, Malaysia dan Brunei mempunyai banyak persamaan dalam perkara ini tetapi berbeza dalam beberapa klausanya tertentu khususnya tentang status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal serta penggunaan alkohol dalam bidang perubatan. Manakala, penerangan sumber bahan bagi kosmetik halal masih lagi terhad dan memerlukan penambahbaikan.

- Perbezaan dalam penetapan kadar alkohol dalam makanan dan minuman

Alkohol merupakan cecair yang mudah terbakar dan memabukkan. Alkohol terbahagi kepada tiga kumpulan, alkohol yang terbentuk secara semula jadi dan terdapat dalam kuantiti yang sangat kecil dalam buah-buahan serta tumbuh-tumbuhan, alkohol yang dibentuk daripada proses penapaian karbohidrat/fermentasi dan alkohol yang dibentuk daripada petro-kimia yang lain (alkohol sintetik). Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura membenarkan penggunaan alkohol yang terbentuk secara semula jadi kerana ia bukan najis dan boleh digunakan tetapi mengharamkan penggunaan alkohol yang dibentuk daripada proses penapaian karbohidrat/fermentasi sama ada yang diperoleh daripada arak atau jenis-jenis minuman lain yang termasuk dalam definisi arak kerana ia najis. Adapun Malaysia, Indonesia dan Brunei bersepakat bahawa penghasilan alkohol yang diperoleh bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh. Manakala, alkohol sintetik yang biasanya digunakan dalam produk yang tujuannya bukan untuk dimakan dan dibuat daripada petro-kimia perindustrian adalah tidak najis dan boleh digunakan. Walau bagaimanapun, empat buah negara ini berbeza pendapat tentang penggunaan alkohol sebagai perisa dalam makanan dan minuman.

Hasil kajian mendapati bahawa ia berpunca daripada perbezaan dalam metodologi yang diambil kira mengikut kesesuaian negara masing-masing. Malaysia, Indonesia dan Singapura mengambil kira pendekatan nas syarak dan kajian penyelidikan makmal manakala Brunei pula mengambil kira pendekatan nas syarak, *ihtiyāt* dan *sadd al-dharā'i*.

- Perbezaan penentuan hukum terhadap konsep *istihālah*

*Istihālah* merupakan suatu proses perubahan zat asal kepada zat baru yang boleh berlaku secara semula jadi dan tidak semula jadi (melibatkan campur tangan manusia) dan perubahan baru yang terhasil telah merubah secara keseluruhan zat asal sama ada dari segi nama, warna, rasa dan juga bau. Kajian mendapati bahawa Malaysia, Brunei dan Singapura tidak mengambil kira konsep *istihālah* dalam pengeluaran metodologi fatwa dan piawaian halal. Ini adalah kerana ketiga-tiga negara ini berpegang kukuh kepada Mazhab Syafii sedangkan mazhab ini membataskan konsep *istihālah* kepada beberapa produk tertentu sahaja. Berbeza dengan Indonesia yang bersikap lebih terbuka dan menerima konsep *istihālah* dalam pengeluaran metodologi fatwa dan piawaian halal negara kerana keterbukaan Indonesia menerima pandangan mazhab empat. Misalnya Malaysia hanya membenarkan penggunaan cuka wain yang berlaku secara semula jadi dan ia berbeza dengan Indonesia yang membenarkan penggunaan cuka wain yang terhasil secara semula jadi dan tidak semula jadi iaitu yang melibatkan campur tangan manusia serta campuran/penambahan dengan bahan-bahan luar dalam penghasilan cuka.

- Perbezaan prosedur sembelihan haiwan

Prosedur sembelihan haiwan halal yang digariskan dalam penentuan piawaian halal di empat negara ini adalah bertepatan dengan ajaran Islam dan mengikut pengamalan Mazhab Syafii. Walau bagaimanapun, didapati bahawa terdapat perbezaan dalam prosedur sembelihan haiwan yang dilaksanakan di empat negara terutamanya dalam syarat sah (penyembelih), prosedur sembelihan, kaedah penggunaan *stunning* dan sembelihan mekanikal. Misalnya Malaysia dan Brunei mensyaratkan supaya penyembelih mempunyai tujuan sembelihan dan diniatkan kerana Allah SWT ketika melakukan penyembelihan namun perkara ini tidak dinyatakan dalam piawaian halal di Indonesia dan Singapura. Di samping itu, Brunei mengetatkan syarat dengan mewajibkan kehadiran dua orang saksi dalam prosedur sembelihan sedang tiga buah negara yang lain tidak menyertakan syarat demikian. Dalam kaedah *stunning*, Brunei tidak membenarkan penggunaan *stunning* ke atas haiwan ruminan dan unggas manakala tiga buah negara lain mengharuskan penggunaan *stunning* ke atas haiwan ruminan dan unggas meskipun penggunaannya tidak digalakkan. Manakala dalam sembelihan mekanikal, Brunei dan Malaysia tidak membenarkan penggunaan sembelihan mekanikal ke atas haiwan ruminan dan unggas sebaliknya Indonesia dan Singapura membenarkannya dengan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

- Perbezaan penetapan pengurusan kualiti halal

Prosedur kebersihan, sanitasi dan keselamatan produk halal merupakan syarat yang penting dan perlu dipatuhi dalam penyediaan bahan halal bagi produk makanan, perubatan, dan kosmetik. Ia merangkumi aspek pakaian, peralatan, dan premis serta

pengendalian pemprosesan dan pengeluaran produk halal. Kajian mendapat bahawa Malaysia menyatakan secara jelas jenis pengurusan kualiti lazim yang digunakan dalam standard halal Malaysia. Malaysia terkehadapan apabila menggabungkan piawaian halal dengan piawaian lazim seperti Amalan Perkilangan Baik (*Good Manufacturing Practices*, GMP), Amalan Kebersihan Baik (*Good Hygiene Practices*, GHP), dan Amalan Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (*Hazard Analysis Critical Control Point*, HACCP) dan beberapa piawaian yang lain dalam memantapkan lagi pengurusan pembangunan industri halal. Sebaliknya piawaian halal yang dibangunkan di Indonesia, Brunei dan Singapura tidak dinyatakan secara jelas jenis pengurusan kualiti lazim yang digunakan di negara masing-masing namun begitu Indonesia, Brunei dan Singapura masih tetap mengutamakan aspek keselamatan dan kebersihan semasa pemprosesan produk halal sejajar dengan peraturan dan perundangan negara masing-masing.

- iii. Kelebihan dan kelemahan yang dikenal pasti dalam kajian ini, adalah;
  - Standard halal Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai antara yang terbaik di dunia

Dalam membangunkan industri halal, Malaysia merupakan negara pertama yang memperkenalkan piawaian halal di persada antarabangsa. Standard halal Malaysia telah diterima dan diguna pakai di peringkat antarabangsa dan mendapat kepercayaan daripada *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) sebagai peneraju piawaian halal antara negara-negara Islam yang diiktiraf dunia. Malaysia mendahului daripada tiga buah negara lain dalam menghasilkan MPPHM 2014 yang diterbitkan di bawah JAKIM dan standard halal yang lain diterbitkan di bawah

Jabatan Standard Malaysia bagi membantu pihak industri mematuhi garis panduan halal secara menyeluruh. Manakala Indonesia, Brunei dan Singapura pula menumpukan kepada piawaian makanan halal berikutan makanan merupakan keperluan asasi bagi kehidupan manusia.

- Penerapan Sistem Jaminan Halal menjamin status produk halal

